LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA

AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI KERAJAAN
NEGERI SARAWAK
TAHUN 2007



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	iii
INTI SARI LAPORAN	vi
BAHAGIAN I : AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS KEMENTERIAN/ JABATAN/AGENSI	
Pendahuluan	1
Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak Pengurusan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer	1
Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi Sarawak Pengurusan Dewan Suarah Sarawak	52
Jabatan Kerja Raya Projek Membina Dan Menyiapkan Jalan Dari Mulukun Ke Nanga Gaat Fasa 1, Bahagian Kapit	103
Jabatan Pertanian Sarawak Program Pembangunan Perikanan Darat Dan Akuakultur	140
Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak Program Akuakultur Air Payau	180
Majlis Perbandaraan Sibu Program Pengindahan Dan Landskap Bandar Sibu	225
Majlis Bandaraya Miri Pengurusan Penyenggaraan Jalan Majlis	271
Jabatan Kerja Raya Projek Pembinaan Jalan Baru Pantai Triso/Melebu/Pusa	299

PERKARA **MUKA SURAT**

BAHAGIAN II : PERKARA AM

Pendahuluan 310

Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006 310

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Dan Kajian Khas Kementerian/Jabatan/Agensi 323

Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri 323

PENUTUP 325

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Akaun Awam serta aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak mengarahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sarawak. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan Pengauditan Prestasi untuk menentukan sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif yang telah ditetapkan.

2. Laporan saya mengenai aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2007 adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 7 buah Jabatan/Agensi Negeri iaitu:

a) Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak.
b) Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi Sarawak.
c) Jabatan Kerja Raya.
d) Jabatan Pertanian Sarawak.
e) Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak.
f) Majlis Perbandaran Sibu.
g) Majlis Bandaraya Miri.

Program/aktiviti yang diaudit adalah berkaitan dengan Pengurusan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer, Pengurusan Dewan Suarah, Projek Membina Dan Menyiapkan Jalan Mulukun Ke Nanga Gaat Fasa 1, Bahagian Kapit, Program Pembangunan Perikanan Darat Dan Akuakultur, Program Akuakultur Air Payau, Program Pengindahan Dan Landskap Bandar Sibu dan Pengurusan Penyenggaraan Jalan Majlis Bandaraya Miri. Pengauditan terhadap aktiviti Kerajaan Negeri adalah untuk memastikan semua polisi, program dan projek yang telah dirancang dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, spesifikasi kontrak/syarat perjanjian dipatuhi, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Pada umumnya, Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri telah merancang aktiviti dengan baik seperti menyediakan garis panduan, menetapkan matlamat pelaksanaan aktiviti, mengenal pasti keperluan kewangan dan modal insan serta menetapkan norma kerja. Bagaimanapun, secara keseluruhannya aktiviti yang dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sarawak pada tahun 2007 tidak menunjukkan kemajuan yang ketara. Kelemahan yang saya laporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Aktiviti Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2006 khususnya kelemahan dalam pelaksanaan dan pemantauan masih berlaku. Di

peringkat pelaksanaan kelemahan yang ditemui seperti perjanjian kontrak tidak mengambil kira kepentingan Kerajaan menyebabkan *cost over run* dan Jabatan Kerajaan terpaksa menanggung beban kewangan, pembinaan projek tidak berkualiti disebabkan kontraktor tidak mengikut spesifikasi, peralatan tidak digunakan secara optimum, proses kerja dan tatacara perolehan tidak dipatuhi. Perkara ini telah menyebabkan berlakunya pembaziran wang awam, menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam dan sekiranya tidak ditangani matlamat Pelan Integriti Nasional sukar dicapai.

3. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan mereka. Laporan ini juga mengandungi kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan saya bagi tahun 2006 untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembetulan telah diambil oleh pihak Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri berkenaan terhadap isu yang telah dibangkitkan.

4. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap Laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti. Usaha ini penting bagi menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi negeri yang mampu membantu pembangunan dan keselesaan hidup rakyat. Secara tidak langsung ianya akan menyumbang ke arah mewujudkan sebuah Negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

5. Pada pandangan saya, prestasi pelaksanaan aktiviti Kerajaan Negeri dan agensinya boleh dipertingkatkan lagi sekiranya semua pihak yang terlibat menghayati dan mengamalkan 5 perkara utama yang diringkaskan sebagai **DAMAI** iaitu:

a) ***D****UE DILIGENCE* – Kakitangan Awam perlu menjalankan tugas dengan penuh ketelitian yang profesional (*due diligence)* untuk mewujudkan sistem penyampaian yang cemerlang.

b) ***A****CHIEVEMENT* – Memastikan semua polisi dan program yang telah dirancang dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tidak berlaku peningkatan kos, spesifikasi kontrak/syarat-syarat perjanjian dipatuhi dan mencapai matlamatnya.

c) ***M****ONITORING* – Pemantauan yang rapi hendaklah dibuat bagi memastikan semua program atau aktiviti yang dirancang berjaya dilaksanakan, diurus secara akauntabiliti dan berintegriti. Segala kelemahan yang ditemui hendaklah diambil tindakan. Projek yang telah siap dibina hendaklah digunakan untuk mengelakkan berlakunya pembaziran dan memberi impak positif kepada golongan sasaran.

d) ***A****TTITUDE* - Setiap pegawai/kakitangan perlu mempunyai pandangan holistik dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh komitmen yang tinggi. Nilai-nilai positif hendaklah diamalkan dan tidak ada sikap sambil lewa dalam melaksanakan tugas.

e) ***I****NTEREST* - Setiap pegawai/kakitangan perlu melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan minat dan dedikasi supaya projek yang dilaksanakan ada usaha penambahbaikan dan berinovasi.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sarawak yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia.

Putrajaya
26 Jun 2008

INTI SARI LAPORAN

BAHAGIAN I – AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

1. Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak – Pengurusan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer

Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching telah dipilih untuk perintis kepada projek sistem pengkomputeran pengurusan tanah negeri Sarawak yang dikenali sebagai ***Land And Survey Information System*** (**LASIS)** bagi mengurus pentadbiran tanah di seluruh negeri Sarawak. Setakat 31 Disember 2007, Jabatan Tanah Dan Survei Negeri Sarawak telah membelanjakan sejumlah RM43.26 juta bagi membangun dan menyelenggarakan keseluruhan sistem tersebut di seluruh negeri. Pengauditan yang dijalankan mendapati perkara berikut:

- Sehingga akhir tahun 2007, semua pejabat Tanah Bahagian telah dibekalkan dengan sistem tersebut.
- Bagi tempoh 2005 hingga 2007, sebanyak 42,759 daripada 86,653 hak milik tanah telah didaftarkan manakala sebanyak 183,206 daripada 255,633 surat cara hak milik tanah juga telah dikeluarkan di pejabat Tanah Bahagian Kuching, Sibu, Miri dan Limbang.
- Semakan secara rambang terhadap 400 geran tanah dan surat cara yang dikeluarkan bagi tempoh tersebut mendapati pendaftaran dan pengeluaran hak milik tanah dan surat cara telah dibuat dengan betul dan bersamaan dengan keluasan tanah dalam daftar asal, nama dan kad pengenalan yang tertera pada geran adalah pemilik geran tanah tersebut.
- Proses pendaftaran tersebut mematuhi dan menepati tempoh pendaftaran yang ditetapkan.
- Penyimpanan dokumen surat cara di Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching tidak memuaskan kerana ianya tidak disusun dan disimpan dengan sempurna.
- Dari aspek kawalan pengurusan dan organisasi didapati Fail Meja tidak disediakan dengan kemas kini bagi pegawai di Pusat Komputer di Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Miri dan Limbang.
- Kawalan fizikal dan persekitaran kurang memuaskan.
- Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Limbang tiada *off-site storage* untuk menyimpan pita *backup* harian tersebut.
- *Uninterrupted Power Supply* dan peralatan ICT yang usang dan rosak masih belum dilupuskan.

Pihak Audit telah mengesyorkan supaya kemudahan rangkaian di pejabat Bahagian dinaiktarafkan untuk melicinkan lagi proses pendaftaran hak milik tanah. Pemantauan berterusan juga perlu dilaksanakan bagi memastikan matlamat Jabatan tercapai.

2. Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi Sarawak – Pengurusan Dewan Suarah

Dewan Suarah berfungsi sebagai tempat untuk semua aktiviti dilaksanakan dalam satu bangunan bagi menggalakkan interaksi dan perpaduan di kalangan masyarakat Sarawak. Antara kemudahan yang disediakan di Dewan Suarah adalah seperti dewan serba guna, dewan pameran, muzium mini, perpustakaan, kompleks atau stadium sukan, auditorium, gimnasium, asrama, bilik mesyuarat dan bilik orang kenamaan. Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, perbelanjaan mengurus untuk 12 Dewan Suarah berjumlah RM40.97 juta berbanding dengan jumlah peruntukan yang diterima sejumlah RM30.26 juta. Baki sejumlah RM10.71 juta dibiayai melalui dana simpanan Dewan Suarah. Bagi tempoh yang sama kutipan hasil adalah berjumlah RM14.09 juta. Secara keseluruhannya pengurusan Dewan Suarah harus diberikan perhatian yang sewajarnya seperti kelemahan ketara dalam pematuhan kepada peraturan kewangan, penyelenggaraan rekod, pengurusan aset dan kemudahan serta keselamatan Dewan Suarah. Peruntukan yang mencukupi perlu disalurkan untuk membolehkan pengurusan Dewan Suarah mampu menyedia dan menyenggarakan kemudahan dengan sempurna. Pihak Kementerian disyorkan supaya penyenggaraan kemudahan yang disediakan perlu berterusan bagi memastikan ianya sentiasa dalam keadaan baik dan selamat digunakan.

3. Jabatan Kerja Raya – Projek Membina Dan Menyiapkan Jalan Dari Mulukun Ke Nanga Gaat Fasa 1, Bahagian Kapit

Pembinaan Projek Membina Dan Menyiapkan Jalan Dari Mulukun Ke Nanga Gaat Fasa 1 di Bahagian Kapit adalah selaras dengan hasrat Kerajaan menyediakan kemudahan prasarana yang lebih baik kepada rakyat khususnya di kawasan pendalaman. Pembinaan Projek ini adalah bertujuan bagi menambahkan alternatif serta melengkapi dan menaik taraf sistem perhubungan pengangkutan sungai yang selama ini sebagai jalan perhubungan utama, sekali gus dapat membangunkan serta meningkatkan ekonomi penduduk setempat. Projek ini melibatkan pembinaan jalan *asphaltic concrete* baru sepanjang 17.62 kilometer dan enam jambatan konkrit. Pelaksanaan Projek adalah secara rundingan terus dengan harga kontrak bernilai RM109.77 juta dan tempoh pelaksanaan adalah selama 36 bulan. Projek diurus oleh Jurutera Perunding yang dilantik dan mula dilaksanakan pada bulan Oktober 2004 dan siap sepenuhnya pada bulan Disember 2007. Pada keseluruhannya pelaksanaan Projek adalah baik. Bagaimanapun kualiti pembinaan cerun adalah tidak memuaskan disebabkan sifat semula jadi kawasan batu jenis *weathered rock* yang sukar mengekalkan kestabilannya. Selain itu, penggunaan batu kuari

sebagai lapisan *sub-base* jalan telah digantikan dengan batu sungai secara 100% dan tidak dipecahkan seperti yang ditetapkan dalam spesifikasi kontrak.

4. Jabatan Pertanian Sarawak – Program Pembangunan Perikanan Darat Dan Akuakultur

Jabatan telah melaksanakan Program Pembangunan Perikanan Darat Dan Akuakultur yang bertujuan untuk membangun dan mempromosikan pengeluaran akuakualtur secara komersial, mengkaji serta mengurus sumber perikanan di sungai, tasik, kolam dan takungan secara berkekalan agar pengeluaran ikan meningkat serta mewujudkan peluang pekerjaan dan menjana pendapatan yang stabil kepada penternak. Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM20.41 juta atau 92.1% berbanding peruntukan berjumlah RM22.17 juta yang diluluskan. Secara keseluruhannya Jabatan telah melaksanakan program pembangunan perikanan darat dan akuakultur dengan baik. Bagaimanapun dari segi pelaksanaannya masih ada beberapa kelemahan diperhatikan seperti berikut:

- Pemilihan peserta dan pengagihan bantuan tidak mengikut prosedur yang ditetapkan.
- Stesen perikanan tidak diselenggarakan dengan sempurna seperti kolam dipenuhi semak, kerosakan pada kolam tidak dibaiki, stesen tidak disediakan pengawal keselamatan dan kemudahan tangki tidak digunakan kerana masalah bekalan air bersih.
- Tiada penyelidikan dibuat terhadap makanan ikan walaupun harga makanan ikan semakin meningkat.

Pihak Audit mengesyorkan Jabatan memastikan peraturan pemilihan peserta dan penyaluran bantuan dipatuhi dan penyenggaraan serta kawalan keselamatan di stesen perikanan dipertingkatkan.

5. Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak – Program Akuakultur Air Payau

Program Akuakultur Air Payau diperkenalkan dalam RMK8 menggantikan Program Penternakan Udang Harimau yang tidak dapat dilaksanakan. Peruntukan sejumlah RM10.22 juta daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah telah diterima oleh Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak (Lembaga) bagi melaksanakan program ini di Sematan, Pulau Bruit dan Awat-Awat. Sehingga akhir tahun 2007, sejumlah RM1.64 juta atau 54.7% telah dibelanjakan. Pengauditan yang dijalankan mendapati perkara berikut:

- Hanya 2 dari 6 komponen program telah dilaksanakan iaitu Program Ternakan Ikan Dalam Sangkar dan Pembangunan Sumber Manusia. Program Ternakan Ikan Dalam Sangkar yang sepatutnya dilaksanakan di dua lokasi hanya dilaksanakan sepenuhnya di Sematan manakala infrastruktur sedang dibangunkan di Awat-Awat.
- Benih ternakan diserahkan lewat dan pada masa tidak sesuai (musim tengkujuh).

- Makanan ternakan dibekalkan tidak mengikut spesifikasi iaitu terlalu besar dan tidak sesuai untuk benih ikan.
- Daripada 123 peserta yang dirancang terlibat dalam Program ini, hanya 14 peserta sahaja telah melibatkan diri sepenuhnya.
- Mekanisme pemantauan tidak memuaskan kerana tidak dijalankan dengan teratur dan cekap.

Bagi mempertingkatkan tahap pengurusan dan berterusan Program adalah disyorkan penyelidikan dan pembangunan berterusan dilaksanakan sebelum kerja pembinaan infrastruktur dan pembekalan ternakan dijalankan. Mekanisme pemantauan harus dikaji semula dan program serupa bagi fasa seterusnya diserah kepada agensi yang mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam industri akuakultur.

6. Majlis Perbandaran Sibu – Program Pengindahan Dan Landskap Bandar Sibu

Majlis Perbandaran Sibu adalah bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan berkualiti kepada masyarakat Sibu termasuk pengurusan kemudahan awam antaranya penyediaan taman bagi pengindahan bandar serta tapak semaian. Pada tahun 2005 hingga 2007, Majlis telah membelanjakan sejumlah RM11.33 juta atau 99.56% daripada peruntukan berjumlah RM11.38 juta. Secara keseluruhannya program pengindahan dan landskap bandar yang dilaksanakan oleh Majlis telah mencapai matlamatnya untuk mengindahkan bandar dengan menanam pelbagai pokok dan melaksanakan kerja penyenggaraan terhadap landskap yang telah dibangunkan bagi menceriakan persekitaran bandar. Dari segi pelaksanaan program, beberapa kelemahan telah diperhatikan seperti sasaran penanaman pokok tidak dicapai dengan sewajarnya, sebahagian kawasan landskap yang tidak disenggarakan dengan sempurna, kekosongan jawatan belum diisi, kakitangan yang terlibat dengan kerja landskap tidak diberikan latihan atau kursus yang sesuai, penyelenggaraan rekod yang tidak sempurna, prestasi kerja kontraktor tidak dipantau dengan sewajarnya dan aduan awam lewat diselesaikan. Adalah disyorkan Majlis mempertingkatkan peringkat perancangannya seperti menyediakan butiran terperinci untuk menyokong anggaran yang dimohon, merancang bahan serta peralatan yang perlu dibeli dan menyediakan rancangan kursus kakitangan. Pemantauan terhadap program ini juga perlu dipertingkatkan.

7. Majlis Bandaraya Miri - Pengurusan Penyenggaraan Jalan Majlis

Majlis Bandaraya Miri bertanggungjawab menjaga dan menyenggara jalan-jalan yang berada di kawasan pentadbirannya supaya jalan berada dalam keadaan baik dan selamat kepada pengguna. Kerja-kerja penyenggaraan dibahagi kepada 3 kategori iaitu penyenggaraan pencegahan, pemulihan dan kecemasan. Majlis mengguna dua kaedah untuk melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan iaitu dilaksanakan oleh Majlis sendiri atau menswastakannya. Bagi tempoh tahun 2005 hingga tahun 2007, Majlis telah membelanjakan sejumlah RM31.04 juta atau 95.27% daripada sejumlah RM32.58 juta

yang diluluskan. Pada keseluruhannya kerja-kerja penyenggaraan di bawah kawasan pentadbiran Majlis adalah memuaskan. Penyenggaraan pencegahan seperti kerja-kerja memotong rumput boleh dikenal pasti kerana telah dirancang oleh Majlis dan membahagikan kawasan penyenggaraan kepada zon. Namun begitu, penyenggaraan pemulihan seperti menampal dan membaiki kerosakan jalan, mengecat garisan jalan dan menurap semula jalan tidak dapat ditentukan bilangannya kerana tiada rekod disediakan. Bagi mempertingkatkan pengurusan penyenggaraan, Majlis disyorkan menyediakan jadual program penyenggaraan berkala/pemulihan dan pemantauan dipertingkatkan bagi memastikan penyenggaraan dilaksanakan mengikut jadual dan spesifikasi yang ditetapkan.

8. Projek Pembinaan Jalan Baru Pantai Triso/Melebu/Pusa

Projek pembinaan Jalan Baru Pantai Triso/Melebu/Pusa telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) untuk memberi kemudahan kepada penduduk di kawasan persisiran pantai dan peluang membuka tanah pertanian. Projek ini dilaksanakan di Bahagian Betong, Sarawak dan melibatkan kerja pembinaan jalan baru dari Pantai Triso ke Melebu dan Pusa sepanjang 51 kilometer. Projek ini dilaksanakan melalui satu kontrak kerja yang dikeluarkan kepada Syarikat *PPES Works (Sarawak) Sdn. Bhd.* dengan kos keseluruhan berjumlah RM127.50 juta. Projek ini dibiayai daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan yang disalurkan melalui Kementerian Kerja Raya. Tempoh kontrak bagi kesemua pakej itu adalah antara bulan Disember 2000 hingga Disember 2003. Projek diurus oleh empat perunding yang dilantik manakala Jabatan Kerja Raya Sarawak pula berfungsi sebagai penyelaras projek. Projek ini telah dirancang dengan memuaskan tetapi pelaksanaannya tidak berjalan dengan lancar. Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan Sarawak telah mengarahkan Jabatan membuat kajian kemungkinan bagi mengganti tanjakan feri dan membuat reka bentuk ponton terapung di sebelah utara tebing Batang Saribas. Namun demikian, pembinaan ponton terapung tidak diteruskan kerana arus sungai yang deras dan keadaan tanah yang kurang sesuai serta anggaran kos pembinaan melebihi peruntukan. Oleh itu Kerajaan terpaksa menanggung kos tambahan sejumlah RM531,964 untuk menyediakan reka bentuk ponton terapung tersebut. Di samping itu, lanjutan masa untuk tempoh 498 hari juga telah diluluskan untuk pertukaran reka betuk dari tanjakan feri kepada ponton terapung tersebut. Selain itu, Jambatan Sg. Palasan yang siap dibina pada Januari 2003 dengan kos sejumlah RM3.83 juta telah runtuh dan tender baru telah dipelawa. Kontrak baru bernilai RM4.23 juta telah ditawarkan kepada kontraktor lain. Bagaimanapun kemajuan fizikal pembinaan jambatan tersebut tidak memuaskan dan *Notice Of Default* telah dikeluarkan pada 2 Mei 2008. Secara keseluruhan tanpa mengambil kira pembinaan Jambatan Sg. Palasan, projek ini disiapkan pada 13 Mac 2006 iaitu lewat disiapkan selama 2 tahun 2 bulan dengan kos sejumlah RM121.88 juta. Jabatan hendaklah menjalankan kajian kemungkinan yang komprehensif agar tidak berlaku perubahan signifikan dari segi reka bentuk yang memberi implikasi tempoh pelaksanaan dan kos.

BAHAGIAN I

AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

1. PENDAHULUAN

Selain daripada menjalankan pengauditan kewangan, Jabatan Audit Negara juga dikehendaki di bawah Seksyen 6 Akta Audit 1957 menjalankan pengauditan terhadap program atau aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri untuk menentukan sama ada ianya telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat, berkesan serta mencapai objektifnya. Bagi memenuhi kehendak Akta tersebut, pada tahun 2007 sebanyak 7 kajian telah dijalankan terhadap program dan aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri. Kajian tersebut meliputi Pengurusan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer, Pengurusan Dewan Suarah, Projek Membina Dan Menyiapkan Jalan Mulukun Ke Nanga Gaat Fasa 1 Bahagian Kapit, Program Pembangunan Perikanan Darat Dan Akuakultur, Program Akuakultur Air Payau, Program Pengindahan Dan Landskap Bandar Sibu dan Pengurusan Penyenggaraan Jalan Majlis Bandaraya Miri. Pemerhatian Audit hasil daripada pengauditan tersebut telah dimaklumkan kepada Kementerian/Jabatan berkenaan dan hanya isu yang penting dilaporkan di **Bahagian** ini.

JABATAN TANAH DAN SURVEI SARAWAK

PENGURUSAN SISTEM PENDAFTARAN TANAH BERKOMPUTER

2. LATAR BELAKANG

2.1 Jabatan Tanah Dan Survei (Jabatan) ditubuhkan pada tahun 1918. Ibu Pejabat Jabatan Tanah Dan Survei terletak di bangunan Menara PELITA, Petra Jaya dan bertanggungjawab terhadap 11 Pejabat Bahagian di seluruh Sarawak iaitu di Kuching, Sri Aman, Sibu, Miri, Limbang, Sarikei, Kapit, Samarahan, Bintulu, Mukah dan Betong. Visi Jabatan adalah sebagai agen pemudah pembangunan, manakala misinya ialah pengurusan tanah yang memanfaatkan negeri sejajar dengan konsep politik pembangunan. Antara objektif Jabatan ialah mentadbir tanah supaya dapat digunakan secara cekap dan berkesan menurut undang-undang yang sedia ada serta mengurus pengambilan balik tanah. Sarawak memiliki seluas 12.45 juta hektar tanah yang terdiri daripada 2.48 juta hektar (20%) merupakan Tanah Zon Campuran (*mixed Zone Land*), Tanah Kawasan Bumiputera *(Native Area Land)* adalah 0.92 juta (7%) dan Tanah Kawasan Pedalaman *(Interior Area Land)* adalah 9.04 juta (73%).

2.2 Jabatan telah membangunkan satu sistem pendaftaran tanah berkomputer pada awal tahun 1980an iaitu ***Land And Survey Information System*** yang juga dikenali sebagai **LASIS** bagi mengurus pentadbiran tanah di seluruh negeri Sarawak. Sistem tersebut dibangunkan dengan 5 komponen rangkaian sistem utamanya iaitu Sistem Pendaftaran Hak Milik Tanah, Sistem Hasil, Sistem Komputasi Survei, Sistem Pemetaan Kadastral dan Sistem Global. Objektif pengkomputeran sistem pendaftaran tanah di Jabatan adalah untuk meningkatkan sistem penyampaian pendaftaran hak milik tanah, memastikan keutuhan data pemilikan tanah, memantau status permohonan tanah dan hak milik, kebolehpercayaan pangkalan data dan memantau aliran kerja kakitangan.

2.3 Setakat 31 Disember 2007 sejumlah RM43.26 juta telah dibelanjakan bagi membangun dan menyelenggara keseluruhan sistem tersebut di seluruh negeri Sarawak.

3. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan sistem pendaftaran tanah berkomputer oleh Jabatan Tanah Dan Survei telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

4. SKOP PENGAUDITAN

4.1 Skop pengauditan adalah meliputi tempoh tahun 2005 hingga 2007. Jika perlu pengauditan juga meliputi tahun sebelumnya. Kajian ini telah dijalankan di Ibu Pejabat Jabatan Tanah Dan Survei, pejabat Jabatan Tanah dan Survei Bahagian Kuching, Sibu, Miri dan Limbang serta Kementerian Perancangan Dan Pengurusan Sumber Sarawak.

5. KAEDAH PENGAUDITAN

5.1 Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat dan data berasaskan rekod dan dokumen berhubung dengan pelaksanaan sistem pendaftaran tanah berkomputer yang melibatkan pengauditan sistem, keselamatan sistem, kawalan persekitaran dan kawalan aplikasi. Semakan juga telah dibuat terhadap fail bajet, fail hak milik, doket kes, dokumen hak milik berkomputer, fail perolehan dan pembangunan tambahan sistem, minit mesyuarat dan dokumen lain yang berkaitan. Lawatan ke Ibu Pejabat Jabatan Tanah Dan Survei, pejabat Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian di Kuching, Sibu, Miri dan Limbang telah dijalankan. Analisis juga telah dibuat menggunakan perisian *Audit Command Language* bagi memastikan integriti data dari segi ketepatan, kesahihan dan kesempurnaannya. Temu bual dengan pegawai di peringkat Kementerian Perancangan Dan Pengurusan Sumber dan Jabatan bagi mendapatkan keterangan dan maklumat yang lebih jelas juga telah diadakan.

6. PENEMUAN AUDIT

6.1 PERANCANGAN

Perancangan yang teliti dan tersusun di dalam pengurusan sistem pendaftaran tanah berkomputer adalah penting bagi memastikan polisi tanah dilaksanakan dengan lancar. Polisi Jabatan adalah bagi memastikan bahawa tanah ditadbir dan diberi milik supaya mendatangkan manfaat yang sepenuhnya bagi menjana ekonomi bukan sahaja kepada Negeri bahkan kepada semua lapisan masyarakat setelah mengambil kira pembangunan yang teratur dan keperluan tanah bagi rakyat selaras dengan konsep politik pembangunan. Aspek perancangan yang dinilai meliputi perkara seperti berikut:

6.1.1 Dasar Kerajaan Negeri

Dasar Sains dan Teknologi telah dititikberatkan oleh Kerajaan dalam usaha membangunkan keupayaan sumber sains dan teknologi ke arah mempertingkatkan sistem penyampaian yang berkesan seiring dengan arus perdana yang dinamik. Menurut Wawasan 2020, hasrat mencapai taraf negara maju hanya boleh dicapai dengan mengatasi 9 cabaran strategik yang telah ditentukan. Kemajuan keupayaan sains dan teknologi adalah cabaran yang ke-6 antara 9 cabaran yang disenaraikan. Malaysia mesti mempunyai keupayaan untuk memaju dan menyelaraskan sumber sains dan teknologi yang ada dalam negara supaya mencapai hasrat menjadikan Malaysia sebuah masyarakat yang berasaskan sains dan teknologi yang progresif iaitu satu masyarakat yang berdaya cipta dan berpandangan jauh, sebuah masyarakat yang bukan sahaja dapat memanfaatkan teknologi masa kini tetapi turut menjadi penyumbang kepada kemajuan peradaban sains dan teknologi pada masa hadapan.

Pada tahun 1984, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sarawak telah memutuskan untuk melaksanakan sistem pengkomputeran di semua pejabat Jabatan Tanah Dan Survei di Sarawak. Objektif utama sistem pengkomputeran adalah untuk meningkatkan produktiviti dalam pentadbiran tanah dan menyediakan asas pembangunan bagi Sistem Maklumat Tanah Sarawak untuk perancangan dan pembangunan Negeri Sarawak.

6.1.2 Undang-undang Dan Peraturan

Antara undang-undang yang digunakan untuk pengurusan dan pentadbiran tanah adalah *Sarawak Land Code (Cap.81)* yang digubal pada tahun 1957 dan berkuat kuasa pada 1 Januari 1958. Undang-undang lain yang digunakan adalah *Land (Control of Subdivision) Ordinance (Cap.82), Land Settlement Ordinance 1933, Strata Title Ordinance 1995, Native Customary Laws Ordinance (Cap.51), Native Customs (Declaration) Ordinance 1996, Land Classification Ordinance 1948* dan *The Land (Premia, Rents and Fees) Rules.*

Manakala peraturan yang diguna pakai berkaitan pentadbiran tanah adalah pekeliling yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Jabatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Setiausaha Kewangan Negeri, *State Planning Authority* dan Setiausaha Tetap Kementerian Perancangan Dan Pengurusan Sumber. Selaras dengan penggunaan sistem berkomputer, Jabatan juga telah mengeluarkan garis panduan iaitu *Land Registry Office Manual* dan Proses Kerja Dan Carta Aliran Kerja berkaitan dengan pendaftaran tanah.

6.1.3 Sasaran Sistem Pengkomputeran

Jabatan telah merangka ***Land And Survey Information System*** yang juga dikenali sebagai **LASIS** pada tahun 1980an. Matlamat pelaksanaan LASIS pada ketika itu ialah bagi mengurus pentadbiran tanah secara berkomputer di Sarawak ke semua pejabat Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian sebelum atau pada tahun 2000. LASIS dibangunkan dengan 5 komponen rangkaian sistem utamanya iaitu Sistem Pendaftaran Hak Milik Tanah, Sistem Hasil, Sistem Komputasi Survei, Sistem Pemetaan Kadastral dan Sistem Global seperti berikut:

a) Sistem Pendaftaran Hak Milik Tanah

Sistem Pendaftaran Hak Milik Tanah direka untuk menyimpan maklumat berkaitan dengan permohonan tanah, hak milik tanah dan suratcara. Ia juga memantau permohonan tanah, pengeluaran hak milik dan memasukkan hak milik baru bagi permohonan yang berjaya. Objektif sistem ini ialah:

- Memudahkan pemantauan status permohonan tanah dan hak milik.
- Membolehkan kemasukan hak milik baru dan mengemas kini hak milik yang sedia ada dan suratcara.
- Menyediakan pangkalan data yang tepat di mana pengemaskinian dan capaian maklumat boleh dibuat dengan berkesan.
- Memantau kemajuan kerja pegawai.
- Meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja di Cawangan Tanah dan Seksyen Pendaftaran Tanah.

Sistem ini mempunyai 6 modul iaitu Penerimaan Permohonan, Sistem Penyediaan Hak Milik, Pendaftaran Suratcara, Sistem Pertanyaan Daftar Tanah, Pertanyaan/Laporan dan Laporan Statistik.

b) Sistem Hasil

Sistem Hasil direka untuk menyimpan semua proses kutipan hasil dan laporan di Seksyen Hasil. Objektif sistem ini ialah:

- Menyediakan kemudahan bersepadu untuk kutipan hasil.
- Meningkatkan keberkesanan kutipan dan kawalan.
- Menyediakan pangkalan data yang tepat di mana pengemaskinian dan capaian maklumat dibuat dengan berkesan.

- Menyediakan laporan pengurusan, kawalan, operasi dan statistik yang diperlukan oleh Jabatan.
- Meningkatkan produktiviti kakitangan Jabatan.

Sistem Hasil terdiri daripada 10 modul iaitu Kemasukan Transaksi, Pertanyaan, Laporan, Proses Harian, Penyelenggaraan, '*Take Up Process'*, '*On-Line Listing*', Proses Lain, Sistem Kontijensi dan '*Sys-Admin'*.

c) Sistem Komputasi Survei

Sistem Komputasi Survei direka untuk mengkomputer prosesan kerja survei dan menentukan piawai untuk prosedur prosesan. Sistem ini berupaya menjana lukisan survei dan laporan. Objektif sistem ini ialah:

- Memudahkan cabutan terhadap nilai titik dan garisan.
- Memudahkan automasi proses komputasi kerja survei.
- Memudahkan pengeluaran laporan komputasi dan pelan survei.
- Membolehkan pertanyaan terhadap "Master Survey Database"(MSDB).
- Pelan survei dan *lease diagram* akan difailkan secara elektronik untuk digunakan dalam pengeluaran hak milik tanah.

d) Sistem Pemetaan Kadastral

Sistem Pemetaan Kadastral direka untuk memudahkan operasi dan penyelenggaraan terhadap data peta secara digital dan menggabungkan data teks untuk semua hak milik tanah. Objektif sistem ini ialah :

- Memudahkan operasi dan penyelenggaraan terhadap pangkalan data peta.
- Meningkatkan produktiviti kakitangan Jabatan.
- Mewujudkan geodata untuk sistem LASIS.

e) Sistem Global

Sistem Global adalah Sistem Maklumat Eksekutif untuk pertanyaan maklumat antara sistem aplikasi dan mempamerkan maklumat berbentuk grafik atau teks. Sistem ini akan memudahkan pihak pengurusan membuat keputusan dengan cepat dan lebih baik dalam pentadbiran dan pembangunan tanah. Objektif sistem ini ialah:

- Mengemas kini Kod Rujukan yang digunakan oleh sistem lain.
- Memudahkan pertanyaan maklumat berbentuk teks dan grafik.

6.1.4 Piagam Pelanggan

Jabatan telah menetapkan piagam pelanggan bagi Cawangan Tanah di peringkat Ibu Pejabat seperti berikut:

- Semua permohonan tanah akan diproses dan dikemukakan kepada Kementerian Perancangan Dan Pengurusan Sumber untuk pertimbangan dalam tempoh 2 bulan dari tarikh penerimaan daripada pejabat Bahagian.

- Permohonan untuk melanjutkan tempoh hak milik tanah akan diproses dan diberi kelulusan atau sebaliknya dalam tempoh 1 bulan dari tarikh penerimaan daripada pejabat Bahagian.
- Permohonan untuk pengubahsuaian hak milik tanah tanpa pemecahan sempadan tanah diproses dan diberi kelulusan dalam tempoh 1 bulan dari tarikh penerimaan daripada pejabat Bahagian.
- Kelulusan untuk pengeluaran *'subdivisional titles'* selepas pemecahan sempadan tanah akan diberi dalam tempoh 1 bulan.

Manakala piagam pelanggan bagi Cawangan Tanah di peringkat pejabat Bahagian telah ditetapkan seperti berikut:

- Semua permohonan tanah dan permohonan bagi melanjutkan tempoh surat hak milik tanah akan diberi jawapan dalam tempoh 1 minggu dari tarikh ianya diterima. Permohonan tersebut akan diproses dan dikemukakan kepada Ibu Pejabat untuk pertimbangan dalam tempoh 2 bulan.
- Permohonan untuk melanjutkan tempoh hak milik akan diproses dan dikemukakan kepada Ibu Pejabat dalam tempoh 1 bulan.
- Tempoh dan syarat bagi tujuan pemilikan tanah akan dikemukakan kepada Ibu Pejabat untuk pertimbangan dalam tempoh 2 bulan setelah menerima kelulusan daripada Ibu Pejabat.
- Surat hak milik akan dikeluarkan dalam tempoh 3 hingga 6 minggu selepas menerima pembayaran tertakluk kepada saiz tanah dan projek yang terlibat.
- Pendaftaran pindah milik tanah, gadaian dan suratcara lain akan diselesaikan dalam tempoh 10 hari.

6.1.5 Kaedah Pelaksanaan Projek Pengkomputeran

Mengikut perancangan Jabatan, LASIS akan dilakukan dalam 4 fasa iaitu:

a) Fasa I – membangunkan sistem aplikasi utama yang terdiri daripada 5 sistem maklumat tanah iaitu Sistem Pendaftaran Hak Milik Tanah (*Title Registration System*), Sistem Pengesanan Pemecahan (*Mutation Tracking System*), Sistem Hasil (*Revenue System*), Sistem Pemetaan Kadastral (*Cadastral Mapping System*) dan Sistem Komputasi Survei (*Survey Computation System*). Pelaksanaan pada fasa ini akan melibatkan kerja berikut:

- Pembekalan dan pemasangan perkakasan termasuk pemasangan perisian sistem operasi oleh pihak pembekal.
- Merekabentuk dan menyediakan program sistem aplikasi.
- Merekabentuk dan menyediakan sistem menghubungkait sistem aplikasi.
- Memindah semua data hak milik manual dan kadastral kepada media elektronik.
- Mewujudkan rujukan dan fail data kod.

- Memberi latihan penggunaan dan pengendalian sistem kepada pengguna sistem.

b) Fasa II – membangunkan sistem aplikasi lain seperti Sistem Pendaftaran Tanah Dan Penyelesaian Tanah (*Land Administration And Adjudication System),* Sistem Maklumat Penilaian (*Valuation Information System)*, Sistem Maklumat Perancangan (*Planning Information Sistem)* dan Sistem Maklumat Fotoudara (*Aerial Photograph Information System).*

c) Fasa III – kemudahan komputer dipanjangkan kepada semua pejabat Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian.

d) Fasa IV – pembangunan *computer-aided geographical mapping*.

Bagi memastikan projek pengkomputeran berjalan dengan lancar, Jabatan telah menubuhkan Cawangan Sistem Maklumat pada bulan April 1991 yang bertanggungjawab untuk menyediakan prosedur operasi komputer, menyelenggara sistem aplikasi dan membeli pakej baru untuk perkakasan dan perisian. Cawangan Sistem Maklumat diketuai oleh Pengurus Sistem Maklumat. Cawangan ini menyedia sokongan teknikal dan bertanggungjawab merancang dan melaksana LASIS di setiap pejabat Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian. Manakala Pusat Komputer yang ditubuh di setiap pejabat Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian bertanggungjawab memastikan perjalanan/operasi sistem komputer berjalan dengan lancar.

6.1.6 Kawalan Pendaftaran Tanah Berkomputer

Pendaftaran tanah di Sarawak berasaskan kepada **Sistem Torrens**. Sistem ini pertama kali diperkenal di Australia pada tahun 1864 berteraskan kepada pendaftaran bagi semua hal berkaitan dengan urusan tanah. Tanpa pendaftaran, sesuatu urusan itu tidak diiktiraf oleh undang-undang. Pemberimilikan tanah oleh Kerajaan hanya diakui sah setelah suatu hak milik baginya didaftarkan dan tanpa hak milik, tanah itu masih kekal sebagai tanah Kerajaan. Begitu juga dengan urusniaga tanah contohnya pindahmilik, gadaian dan pajakan perlu didaftarkan di Pejabat Tanah. Selagi tidak didaftarkan, sesuatu urusniaga tanah dianggap belum berlaku walaupun ada perjanjian bertulis mengenainya di antara pihak yang berkepentingan. Di bawah Sistem Torrens, hak tuan tanah adalah diberi perlindungan sepenuhnya. Seksyen 132 *Sarawak Land Code (Cap.81)* menghendaki urusan mengenai tanah/perkara berkaitan tanah didaftarkan. Pendaftaran tanah merupakan satu sistem merekod urusniaga tanah atau perkara berkaitan tanah di pejabat awam dan terbuka kepada awam untuk membuat carian. Pendaftaran ini akan memudahkan penyiasatan hak milik, memudahkan urusan tanah yang tertakluk kepada amanah/sekuriti, urusan tukar hak milik dan bertindak sebagai waranti hak milik kepada seseorang.

Sistem Pendaftaran Hak Milik Tanah secara berkomputer dibangunkan berpandu kepada *Sarawak Land Code (Cap.81).* Objektif Sistem Pendaftaran Hak Milik Tanah Versi I ialah menyelenggara hak milik tanah secara elektronik, pertanyaan,

menyediakan laporan statistik mengenai hak milik tanah dan carian hak milik oleh orang awam. Manakala Sistem Pendaftaran Hak Milik Tanah Versi II dibangunkan bagi meluaskan lagi skop pendaftaran tanah selari dengan teknologi baru, mengatasi kelemahan yang wujud, integrasi dengan sistem lain LASIS dan meningkatkan perkhidmatan kepada orang awam.

6.1.7 Kadar Premium Dan Cukai Tanah

a) Kadar Premium Tanah

Premium tanah merupakan premium yang harus dibayar bagi kes pemberimilikan tanah Kerajaan, permohonan untuk memperbaharui tempoh surat hak milik tanah, permohonan untuk menukar syarat hak milik tanah serta permohonan pecah tanah dan menukar syarat hak milik tanah. Bagaimanapun, menurut Seksyen 18(1) *Sarawak Land Code (Cap.81)* menyatakan sekiranya Penguasa Tanah Dan Survei Bahagian berpuashati kawasan *unalienated State Land* telah diduduki dengan hak adat, beliau boleh mengeluarkan geran tanah tanpa dikenakan premium dan caj lain.

Kadar premium yang dikenakan bergantung pada lokasi tanah, katogeri tanah dan tujuan permohonan seperti yang dinyatakan melalui Pekeliling Pentadbiran Tanah No. 3 Tahun 2003 dan 2 Tahun 2007. Kadar premium yang dikenakan juga adalah berasaskan peratusan terhadap harga pasaran tanah semasa seperti di **Jadual 1** hingga **Jadual 3.**

Jadual 1
Kadar Premium Untuk Pemberimilikan Dan Penukaran Syarat Kegunaan Tanah Bagi Permohonan Pada Dan Selepas 26 Februari 2003
Bandar Besar (Kuching, Batu Kitang, Padawan, Samarahan, Serian, Sarikei, Sibu, Bintulu dan Miri)

Kategori Tanah	Kegunaan Tanah					
	Komersial %	Industri %	Pejabat/Institusi %	Rekreasi %	Kediaman %	Pertanian %
Tanah Bandar	100	100	55	53	100	30
Tanah Pinggir Bandar	100	100	45	42	100	30
Tanah Desa	100	100	25	25	100	RM200/p.a

Sumber : Pekeliling Pentadbiran Tanah Bilangan 3 Tahun 2003

Jadual 2
Kadar Premium Untuk Pemberimilikan Dan Penukaran Syarat Kegunaan Tanah Bagi Permohonan Pada Dan Selepas 26 Februari 2003
Bandar Kecil (Selain Kuching, Sibu, Miri, Sarikei dan Bintulu)

Kategori Tanah	Kegunaan Tanah					
	Komersial %	Industri %	Pejabat/Institusi %	Rekreasi %	Kediaman %	Pertanian %
Tanah Bandar	51	51	45	43	40	25
Tanah Pinggir Bandar	35	35	35	32	30	25
Tanah Desa	25	25	25	25	25	RM200/p.a.

Sumber : Pekeliling Pentadbiran Tanah Bilangan 3 Tahun 2003

Jadual 3
Kadar Premium Perlanjutan Tempoh Surat Hak Milik Tanah

Kategori Tanah	Kegunaan Tanah					
	Komersial %	Industri %	Pejabat/ Institusi %	Rekreasi %	Kediaman (*) %	Pertanian (**)
Tanah Bandar	40	40	40	25	25	25% daripada harga pasaran tetapi tidak melebihi RM10,000 seekar
Tanah Pinggir Bandar	35	35	35	25	25	25% daripada harga pasaran tetapi tidak melebihi RM5,000 seekar
Tanah Desa	25	25	25	25	25	RM200 seekar

Sumber : Pekeliling Pentadbiran Tanah Bilangan 2 Tahun 2007

Nota : * Untuk tanah kediaman, amaun premium yang akan dikenakan bagi permohonan yang melibatkan pemilik tanah yang berpendapatan rendah atau di bawah paras kemiskinan akan ditetapkan oleh Menteri yang bertanggungjawab berdasarkan bagi setiap kes.

** Untuk tanah pertanian yang telah dibangunkan atau diusahakan sepenuhnya kadar yang dikenakan adalah 25% dari nilai pasaran tetapi tidak melebihi RM10,000 seekar bagi Tanah Bandar dan RM5,000 seekar Tanah Pinggir Bandar.

Pembayaran premium perlu dilakukan sebelum surat hak milik dikeluarkan untuk *single premium*. Jika diluluskan untuk pembayaran secara ansuran, ia dibayar secara bayaran pertama sebelum surat hak milik dikeluarkan, ansuran seterusnya akan dibayar sebelum atau pada tarikh ulang tahun tanah terbabit. Penalti dikenakan sebanyak 50% daripada jumlah yang ditetapkan sekiranya terdapat kelewatan pembayaran.

b) Kadar Cukai Tanah

Kuasa untuk mengutip cukai tanah diperuntukkan di bawah Seksyen 13 (1)(b) *Sarawak Land Code (Cap.81)* yang mana menyatakan :

'Subject to the direction of the Minister under section 3(1A), the Director may alienate State Land, other than Native Customary Land – in consideration of the payment of an annual rent.'

Seksyen 30 *Sarawak Land Code (Cap.81)* menyatakan Pengarah Jabatan Tanah Dan Survei dengan persetujuan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri boleh dari semasa ke semasa menyemak kembali kadar cukai tanah. Beliau boleh menaik atau menurunkan kadar cukai tanah dan membuat kadar yang berbeza untuk pelbagai jenis kelas/ gred tanah. Cadangan semakan kadar cukai tanah akan diwartakan atau memberi notis tidak kurang 6 bulan kepada tuan punya tanah sebelum 1hb Januari. Notis berkenaan hendaklah menjelaskan kadar cukai tanah yang dicadangkan. Cukai tanah tahunan yang dikenakan adalah berpandukan kepada Jadual Cukai Tanah Maksimum yang telah ditetapkan seperti di **Jadual 4** dan **Jadual 5**.

Jadual 4
Jadual Cukai Tanah Maksimum
(Bagi Tanah Bandar Dan Pinggir Bandar – sen setiap meter persegi)

Tujuan	Gred Utama (sen/m^2)	Gred 1 (sen/m^2)	Gred II (sen/m^2)	Gred III (sen/m^2)	Gred IV (sen/m^2)
Perniagaan	108	81	54	27	14
Industri	27	27	20	14	7
Pejabat/Institusi	21	18	15	11	5
Rekreasi	14	12	10	7	3
Kediaman	11	9	8	5	2.5
Pertanian	7	6	5	3	2

Sumber: Jabatan Tanah Dan Survei

Jadual 5
Jadual Cukai Tanah Maksimum
(Bagi Tanah Desa – sen setiap meter persegi)

Tujuan	Kadar Cukai (sen/m^2)
Perniagaan	11
Industri	5
Pejabat	4
Kediaman	3
Rekreasi	3
Lain-lain	1
Pertanian	RM2.50 setiap hektar

Sumber: Jabatan Tanah Dan Survei

Seksyen 24 *Sarawak Land Code (Cap.81)* menyatakan bahawa pembayaran cukai tanah berhubung dengan *lease land* hendaklah dibayar pada ulang tahun tarikh pendaftarannya atau pada tarikh yang tercatat pada buku cukai tanah. Sekiranya tiada pembayaran diterima pada tarikh berkenaan, surcaj bersamaan 50% daripada cukai tanah yang sepatutnya dibayar akan dikenakan.

6.1.8 Penyelenggaraan Dokumen

Seksyen 119 *Sarawak Land Code (Cap.81)* menyatakan urusan mengenai tanah hanya sah apabila ia didaftarkan. Daftar yang akan diselenggarakan oleh Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian ialah Daftar Tanah (*The Land Register*) seperti yang

diperuntukkan dalam Seksyen 112(1) *Sarawak Land Code (Cap.81)*. Daftar ini mempunyai 4 bahagian iaitu :

a) Bahagian I – *Grant Register*

Daftar Geran adalah selaras dengan Peraturan 4 (a) *The Land (Registration Of Titles) Rules.* Ianya bertujuan untuk mendaftar geran yang dikeluarkan di bawah Seksyen 20 dan Seksyen 18 *Sarawak Land Code (Cap.81)* berkenaan penggantian Tanah Hak Adat Bumiputera untuk tujuan pertanian dan kediaman.

b) Bahagian II – *Lease Register*

Lease Register adalah selaras dengan Peraturan 4 (b) *The Land (Registration Of Titles) Rules.* Ianya bertujuan untuk mendaftar *lease* yang dikeluarkan di bawah Seksyen 20 atau Seksyen 28(3) *Sarawak Land Code (Cap.81).* Ianya merujuk kepada *payable title* dan tertakluk kepada bayaran premium, fi pengukuran dan cukai tahunan. Tempoh *lease* 60 tahun atau baki tempoh *lease* bagi gantian *Provisional Lease.*

c) Bahagian III – *Provisional Lease Register*

Provisional Lease Register adalah selaras dengan Peraturan 4 (c) *The Land (Registration Of Titles) Rules.* Ianya bertujuan untuk mendaftar *provisional lease* yang dikeluarkan di bawah Seksyen 28 *Sarawak Land Code (Cap.81)* dan tempoh *lease* adalah 60 tahun.

d) Bahagian IV – *Other Than Grant, Lease And Provisional Lease Register*

Daftar ini merujuk kepada daftar selain daripada *Grant Register, Lease Register And Provisional Lease Register* selaras dengan Peraturan 4 (d) *The Land (Registration Of Titles) Rules.* Ianya dikeluarkan di bawah Seksyen 92(3) dan Seksyen 117 *Sarawak Land Code (Cap.81)* dan berkaitan dengan Tanah Kerajaan Negeri, Tanah Rezab dan Tanah Rezab Bumiputera.

Selain itu, Cawangan Tanah di pejabat Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian juga akan menyelenggara daftar dan rekod lain seperti *Register of Lost of Titles*, *Record of New Title Issue, Despatch Book from Registry to Land, Despatch Book from Registry to Valuation, Despatch Book from Registry Section to Correspondence* dan *Despatch Book from Registry to Settlement.* Manakala Seksyen Pendaftaran Tanah menyelenggara *Presentation Book, Personel Index, Index Book for Land Register, Index Of Power Of Attorney* dan *Register Of Rejected Instruments.* Dokumen lain yang diselenggara adalah suratcara yang disediakan oleh peguam, Borang 'L' *(Submission Of Instrument), Standard Checklist, Submission Book* dan *Rejection Book.*

6.1.9 Keperluan Kewangan

Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, Jabatan memohon peruntukan kewangan berjumlah RM232.85 juta bagi perbelanjaan mengurus dan menganggarkan kutipan hasil sejumlah RM699.87 juta seperti di **Jadual 6.**

Jadual 6
Anggaran Perbelanjaan Mengurus Dan Anggaran Hasil
Bagi Tempoh Tahun 2005 Hingga 2007

Tahun	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
Perbelanjaan Mengurus	75.57	80.88	76.40	232.85
Anggaran Hasil	222.71	217.79	259.37	699.87

Sumber: Jabatan Tanah Dan Survei

6.1.10 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

Jabatan telah merancang keperluan guna tenaga berdasarkan struktur pengurusan dan program latihan kakitangan seperti berikut:

a) Keperluan Guna Tenaga

Ibu Pejabat Jabatan Tanah dan Survei diketuai oleh seorang Pengarah Tanah Dan Survei Gred VU6. Beliau dibantu oleh 2 orang Timbalan Pengarah Gred J54 dan 496 pegawai berjawatan tetap. Struktur organisasi Ibu Pejabat mengandungi 9 cawangan iaitu Cawangan Tanah, Cawangan Penilaian, Cawangan Penguatkuasa, Cawangan Survei, Cawangan Sistem Maklumat, Cawangan Perhubungan Awam, Cawangan Perancangan, Cawangan Pembangunan Sumber Manusia dan Cawangan Pentadbiran. Jabatan juga mempunyai 11 pejabat Bahagian di seluruh Sarawak yang diketuai oleh Penguasa Tanah Dan Survei Bahagian. Jumlah pegawai dan kakitangan berjawatan tetap di peringkat Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian ialah seramai 2,674 orang.

b) Latihan

Cawangan Pembangunan Sumber Manusia akan meminta setiap cawangan di Ibu Pejabat dan pejabat Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian mencalonkan pegawai/kakitangan masing-masing untuk mengikuti kursus dan latihan. Cawangan Pembangunan Sumber Manusia kemudiannya akan menimbang dan meluluskan permohonan untuk menghadiri kursus yang dianjurkan oleh Jabatan atau pihak luar. Jabatan merancang pelbagai latihan, taklimat dan seminar yang berkaitan sepanjang tempoh tahun 2005 hingga 2007. Antara kursus yang dicadangkan ialah *Land Administration Workshop On Revenue, Enforcement Workshop, Valuation Course, Planning Course, Engineering Course, AUTOCARD Training, Land Officer Workshop, Data Conversion, Investigation And Prosecution* dan Pengurusan dan Pentadbiran.

6.1.11 Publisiti

Publisiti memainkan peranan penting untuk memastikan maklumat mengenai perkhidmatan yang diberi oleh Jabatan dapat sampai kepada kumpulan sasar yang ditetapkan. Jabatan merancang menyebarluaskan publisiti perkhidmatan yang disediakan melalui penganjuran Hari Bersama Pelanggan, iklan dan artikel di surat khabar, kain rentang atau banting serta bekerjasama dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan dan pihak swasta.

6.1.12 Kaedah Pemantauan

Pemantauan terhadap sistem perkomputeran LASIS dan pengurusan sistem pendaftaran tanah berkomputer akan dibuat oleh pihak Ibu Pejabat menerusi Jawatankuasa Pemandu Pengkomputeran Jabatan (*Departmental Computerisation Steering Committee)*. Jawatankuasa Pemandu Pengkomputeran Jabatan ini dipengerusikan oleh Pengarah Tanah Dan Survei dan dibantu oleh Timbalan Pengarah, Penolong Pengarah, Ketua Pegawai Maklumat dan Pengurus Sistem Maklumat. Selain itu, pemantauan akan dibuat melalui Mesyuarat Pegawai Kanan Jabatan yang akan diadakan secara bulanan dan dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Tanah Dan Survei dengan dihadiri oleh pegawai kanan Jabatan dan semua Penguasa Tanah Dan Survei Bahagian. Manakala di peringkat Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian, mesyuarat bulanan atau suku tahun antara Penguasa Tanah Dan Survei Bahagian dengan Ketua Cawangan/Seksyen akan diadakan bagi membincangkan urusan pentadbiran dan tugas harian.

Pada pandangan Audit, Jabatan telah merancang projek pengkomputeran dengan baik kerana telah mengambil kira arus perkembangan teknologi maklumat, undang-undang dan peraturan berkaitan tanah serta keperluan guna tenaga Jabatan.

6.2 PELAKSANAAN

Jabatan berusaha untuk menambah baik pengurusan sistem pendaftaran tanah berkomputer bagi meningkatkan sistem penyampaian pendaftaran hak milik tanah, memastikan keutuhan data pemilikan tanah, memantau status permohonan tanah dan hak milik, kebolehpercayaan pangkalan data dan memantau aliran kerja kakitangan. Bagi mencapai matlamat tersebut, Jabatan telah melaksanakan perancangan seperti berikut:

6.2.1 Dasar Kerajaan Negeri

Teras pembangunan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) ialah memanfaatkan sains, teknologi dan inovasi sebagai pemacu utama dalam mempertingkatkan keupayaan negara untuk memperoleh dan menggunakan pengetahuan serta menggalakkan inovasi. Kemajuan, penyebaran dan penggunaan pengetahuan dan teknologi akan dipertingkatkan bagi menambah nilai kepada kepelbagaian aktiviti ekonomi negara. Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Pengkomputeran Negeri pada tahun 1986. Pada tahun 1988, Jabatan

telah menerima arahan supaya membangunkan Sistem Maklumat Tanah Sarawak dan berikutan daripada itu pada bulan Ogos 1988, pelancaran LASIS Fasa 1 telah dilaksanakan di Bahagian Kuching oleh Ketua Menteri dan petikan ucapan beliau adalah seperti berikut:

'...Adalah menjadi harapan saya supaya Jawatankuasa Pengkomputeran Negeri, Jabatan Tanah Dan Survei dan MAMPU akan meneruskan usaha seperti ini di Jabatan lain dengan tujuan menjadikan sistem ini satu sistem maklumat yang lebih besar dan menyeluruh yang dikenali dengan Sistem Maklumat Tanah Sarawak (Sarawak Land Information System). Sistem Maklumat Tanah Sarawak adalah penting dalam mempertingkatkan usaha perancangan dan pelaksanaan rancangan pembangunan di negeri ini....'

Petikan UcapanYAB Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib Mahmud
Sempena Perasmian LASIS Fasa 1, Tahun 1988

Usaha Kerajaan Negeri untuk membangunkan sistem pengkomputeran di Jabatan Tanah Dan Survei bertujuan mempertingkatkan perancangan dan pelaksanaan rancangan pembangunan negeri. Selain itu, ianya adalah sejajar dengan objektif RMK9 dan Prinsip Islam Hadhari untuk menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

Pada pendapat Audit, Jabatan telah melaksanakan pembangunan Sistem Maklumat Tanah selaras dengan kehendak dan polisi Kerajaan Negeri.

6.2.2 Undang-undang Dan Peraturan

Semakan Audit terhadap rekod Jabatan mendapati Ibu Pejabat ada mengedarkan undang-undang seperti *Sarawak Land Code (Cap.81), Land (Control of Subdivision) Ordinance (Cap.82), Land Settlement Ordinance 1933, Strata Title Ordinance 1995, Native Customary Laws Ordinance (Cap.51), Native Customs (Declaration) Ordinance 1996, Land Classification Ordinance 1948* dan *The Land (Premia, Rents and Fees) Rules* kepada Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian. Ibu Pejabat juga ada mengedarkan peraturan seperti pekeliling yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Jabatan Tanah Dan Survei dan pekeliling yang dikeluarkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Setiausaha Kewangan Negeri, *State Planning Authority* dan Setiausaha Tetap Kementerian Perancangan Dan Pengurusan Sumber. Sehingga tahun 2007, Ibu Pejabat Jabatan Tanah Dan Survei telah mengeluar dan mengedarkan sebanyak 124 Pekeliling Pentadbiran Tanah, 37 Pekeliling Perancangan, 18 Pekeliling Penilaian, 30 Pekeliling Survei, 1 Pekeliling Sistem Maklumat, 19 Pekeliling Penguatkuasa, 5 Pekeliling Unit Perhubungan Awam dan 23 Pekeliling Pentadbiran Dan Kewangan kepada pejabat Bahagian termasuk *Land Registry Office Manuals* dan Proses Kerja Dan Carta Aliran Kerja.

Lawatan dan pemeriksaan Audit ke Jabatan Tanah Dan Survei di Bahagian Kuching, Sibu, Miri dan Limbang mendapati Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian berkenaan

ada menyimpan undang-undang, pekeliling dan garis panduan di bilik perpustakaan untuk rujukan kakitangan.

Pada pendapat Audit, undang-undang dan peraturan yang disediakan adalah mencukupi dan telah diedarkan kepada semua Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian untuk rujukan.

6.2.3 Sasaran Sistem Pengkomputeran

Dalam tempoh RMK-9, perkembangan persekitaran digital global dijangka memberikan kesan besar kepada usaha membangunkan Ekonomi Malaysia sebagai sebuah negara berasaskan pengetahuan yang berdaya saing. Memandangkan teknologi maklumat dan komunikasi merupakan suatu penentu utama dalam proses pembangunan bagi meningkatkan ekonomi, usaha akan dipergiat untuk mengarusperdanakan akses kepada perkhidmatan dan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi secara meluas serta menggalakkan penerimaan dan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi yang lebih menyeluruh dalam semua aspek kehidupan seharian.

Sasaran sistem pengurusan tanah secara berkomputer adalah bagi memastikan pengurusan pentadbiran tanah berkomputer dapat dijalankan di seluruh negeri Sarawak. Merujuk kepada Laporan Tahunan Jabatan, LASIS telah dilancarkan pada bulan Ogos 1988 oleh YAB Ketua Menteri di Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching. Manakala pelancaran LASIS di pejabat Bahagian Tanah Dan Survei lain adalah seperti di **Jadual 7.**

Jadual 7
Pelancaran LASIS Di Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian

Bil.	Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian	Tarikh Pelancaran
1.	Miri	Ogos 1996
2.	Sibu	Januari 1998
3.	Sarikei	September 1999
4.	Sri Aman	Januari 2000
5.	Bintulu	Mac 2000
6.	Kapit	Julai 2000
7.	Samarahan	Ogos 2000
8.	Limbang	Oktober 2000
9.	Mukah	Mac 2002
10.	Betong	Mac 2002

Sumber : Laporan Tahunan Jabatan Tanah Dan Survei

Pelaksanaan LASIS ini termasuklah Sistem Pendaftaran Hak Milik Tanah (*Title Registration System*). Semakan Audit terhadap rekod Jabatan juga mendapati *Title Registration System Enhancement Phase I* (*new functions and improvement to the existing functions*) telah siap dilakukan pada tahun 2002 dan *Title Registration System Enhancement Phase II* telah siap dilaksanakan pada tahun 2004. *Title Registration System Enhancement Phase I* melibatkan 23 penambaikan mengenai permohonan tanah, hak milik, laporan statistik dan pertanyaan am lain. Manakala *Title Registration System Enhancement Phase II* melibatkan 17 penambaikan mengenai suratcara.

Semakan Audit seterusnya terhadap rekod pendaftaran hak milik tanah mendapati proses permohonan tanah dan permohonan bagi melanjutkan tempoh hak milik tanah telah diberi jawapan penerimaan dalam tempoh 1 minggu dari tarikh penerimaan daripada pemohon dan permohonan tersebut telah diproses dan dikemukakan kepada Ibu Pejabat untuk pertimbangan dalam tempoh 2 bulan. Permohonan untuk melanjutkan tempoh hak milik telah diproses dan dikemukakan kepada Ibu Pejabat dalam tempoh 1 bulan. Selain itu, didapati tempoh dan syarat bagi tujuan pemilikan tanah telah dikemukakan kepada Ibu Pejabat untuk pertimbangan dalam tempoh 2 bulan setelah menerima kelulusan daripada Ibu Pejabat. Surat hak milik juga telah dikeluarkan dalam tempoh 3 hingga 6 minggu selepas menerima pembayaran dan pendaftaran pindahmilik tanah, gadaian dan suratcara lain telah diselesaikan dalam tempoh 10 hari.

Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, sebanyak 86,653 hak milik dan 255,633 suratcara telah didaftarkan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 8** dan **Jadual 9**.

Jadual 8
Jumlah Pendaftaran Hak Milik Tanah Bagi Tempoh Tahun 2005 – 2007

Pejabat Bahagian	Jumlah Hak Milik Yang Didaftarkan			Jumlah Besar
	2005	2006	2007	
Kuching	7,297	7,403	6,984	21,684
Sri Aman	252	124	119	495
Sibu	2,581	2,496	1,883	6,960
Miri	3,244	3,881	4,681	11,806
Limbang	692	827	790	2,309
Sarikei	1,558	862	721	3,141
Kapit	53	337	385	775
Samarahan	6,706	4,483	7,355	18,544
Bintulu	1,004	1,003	1,464	3,471
Mukah	3,933	3,242	3,241	10,416
Betong	3,017	2,495	1,540	7,052
Jumlah	**30,337**	**27,153**	**29,163**	**86,653**

Sumber: Jabatan Tanah Dan Survei

Jadual 9
Jumlah Pendaftaran Suratcara Bagi Tempoh Tahun 2005 -2007

Pejabat Bahagian	Jumlah Surat cara Yang Didaftarkan			Jumlah Besar
	2005	2006	2007	
Kuching	29,500	30,033	29,294	88,827
Sri Aman	1,390	1,660	1,670	4,720
Sibu	14,825	14,147	14,867	43,839
Miri	13,768	13,496	15,062	42,326
Limbang	2,679	2,838	2,697	8,214
Sarikei	3,719	3,717	3,858	11,294
Kapit	524	599	607	1,730
Samarahan	5,629	6,338	6,442	18,409
Bintulu	6,389	5,967	6,579	18,935
Mukah	3,498	2,992	3,464	9,954
Betong	2,807	2,078	2,500	7,385
Jumlah	**84,728**	**83,865**	**87,040**	**255,633**

Sumber: Jabatan Tanah Dan Survei

Pada pendapat Audit, Jabatan telah mencapai sasaran pelaksanaan LASIS di semua pejabat Bahagian bagi membolehkan penduduk setempat mendapat perkhidmatan dan maklumat dengan betul dan cepat.

6.2.4 Kaedah Pelaksanaan Projek Pengkomputeran

Jabatan telah mengambil inisiatif untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan dalam menyokong daya saing negara dan memenuhi keperluan pelanggan serta pihak yang berkepentingan. Usaha untuk meningkatkan sistem penyampaian Kerajaan oleh Jabatan meliputi pentadbiran tanah, pengurusan kualiti, pengukuran prestasi, penambahbaikan perkhidmatan kaunter, pengurusan aduan awam serta pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi.

a) Pemindahan Data

Pada tahun 1995, LASIS *Data Conversion Preparatory Work* telah diagih kepada semua Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian bagi memastikan pemindahan data daripada rekod manual kepada bentuk digital dijalankan mengikut jadual. Tujuan utama *preparatory work* adalah untuk memudahkan Jabatan menjalankan verifikasi dan mengenal pasti data hak milik, hasil, survei dan peta sebelum tarikh sebenar pemindahan data dijalankan. Ini bagi memastikan *paper-based data* adalah tepat sebelum diberi kepada kontraktor untuk tujuan pemindahan data. Cawangan Sistem Maklumat diberi tanggungjawab untuk memantau melalui mesyuarat dan perbincangan. Merujuk kepada Laporan Tahunan Jabatan, kerja penyediaan pemindahan data telah selesai dijalankan pada tahun 1997 oleh semua Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian.

Pemindahan data oleh kontraktor di Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian lain telah diserah kepada Tetuan Raya Panmar Sdn. Bhd. kecuali Bahagian Kuching kepada Professional Computer System Sdn. Bhd. dan Landsoft Sdn. Bhd. Pemindahan

data di semua Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian telah siap dilakukan dalam tempoh tahun 1997 hingga 2000 iaitu Bahagian Kuching dan Sibu pada tahun 1996 hingga 1997, Bahagian Miri pada tahun 1996 hingga 1997, Bahagian Sri Aman dan Sarikei pada tahun 1998 hingga 1999, Bahagian Bintulu pada tahun 1999, Bahagian Limbang, Kapit dan Samarahan pada tahun 1999 hingga 2000. Manakala bagi Bahagian Mukah dan Betong pada tahun 2002. Tempoh masa yang ditetapkan iaitu antara 14 hingga 20 bulan telah dipatuhi oleh pihak kontraktor.

Memandangkan pembangunan LASIS adalah berterusan dan melibatkan pemindahan data, Jabatan telah mengeluarkan standard seperti *Data Conversion Standards*, *Departmental Spatial Data Infrastructure*, *System Testing Standards* dan *Security Standards* pada tahun 2003 untuk kegunaan Jabatan dan *Sarawak Information System* (SAINS). Kandungan *Data Conversion Standards* antara lain ialah pengurusan projek, metodologi, *data standards, data rationalisations, data quality, security and legal framework* dan latihan. Pematuhan kepada panduan berkenaan telah menjamin data yang berkualiti, tepat, konsisten dan boleh dipercayai bagi membolehkan pengurusan tanah diurus dengan berkesan.

b) Pelaksanaan Projek Pengkomputeran

Semakan Audit mendapati Jabatan telah melaksanakan rancangan pengkomputeran mengikut fasa yang dijadualkan dengan mengambil kira perubahan teknologi semasa. Pembangunan LASIS Fasa I hingga Fasa IV telah siap dilaksanakan dalam tempoh tahun 1988 hingga 2002.

Pada pendapat Audit, Jabatan telah melaksanakan projek pengkomputeran mengikut jadual yang ditetapkan. Infrastruktur dan persekitaran yang diperlukan bagi pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi telah disediakan untuk membolehkan Jabatan bergerak pantas menuju era maklumat.

6.2.5 Kawalan Pendaftaran Tanah Berkomputer

Bagi melancarkan sistem pentadbiran tanah Sarawak, *Sarawak Land Code (Cap.81)* telah diwujudkan pada tahun 1957. Mengikut undang-undang tersebut, tanah terbahagi kepada 5 jenis iaitu Tanah Zon Campuran *(Mixed Zone Land)*, Tanah Kawasan Bumiputera (*Native Area Land)*, Tanah Adat Bumiputera *(Native Customary Land)*, Tanah Rezab *(Reserved Land)* dan Tanah Kawasan Pedalaman (*Interior Area Land)*. Tanah Zon Campuran boleh diduduki oleh semua warganegara Malaysia atau orang asing yang dibenarkan melalui peruntukan di bawah Seksyen 13B, 13C, 13E(2) dan 13E(2c) *Sarawak Land Code (Cap.81)*. Tanah Kawasan Bumiputera hanya boleh dimiliki oleh Bumiputera Sarawak atau seseorang atau badan yang telah diperakui sebagai Bumiputera menurut Seksyen 9(1d) *Sarawak Land Code (Cap.81)* dan Seksyen 20 Ordinan Mahkamah Bumiputera 1992 dan bagi syarikat pula mesti mendapat kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Tanah Adat Bumiputera merupakan tanah yang diduduki melalui sistem Adat Bumiputera yang

pada dasarnya merupakan Tanah Kerajaan sehinggalah surat hak milik mengikut Seksyen 18 *Sarawak Land Code (Cap.81)* dikeluarkan. Tanah Rezab terdiri daripada tebing sungai atau jalanraya, taman negara, rezab hutan, rezab hutan terkawal atau hutan gunasama bumiputera, rezab Kerajaan serta rezab gunasama bumiputera. Tanah Kawasan Pedalaman adalah tanah yang belum diukur dan terletak di kawasan pedalaman.

Pemberian hak milik tanah oleh Kerajaan adalah tertakluk kepada syarat tertentu dan mesti dipatuhi. Syarat khusus pemberian hak milik tanah Kerajaan termasuk pertanian, kediaman, industri, pejabat/institusi, rekreasi, perniagaan dan sebagainya. Mana-mana tanah yang tidak dikeluarkan dengan surat hak milik termasuk tanah yang tertakluk kepada tuntutan hak adat bumiputera adalah tanah Kerajaan. Berdasarkan Seksyen 12 *Sarawak Land Code (Cap.81)*, semua pemilikan dan kawalan terhadap tanah Kerajaan adalah terletak pada bidang kuasa mutlak Kerajaan Negeri. Tiada sesiapapun boleh memperoleh apa-apa hak atau surat hak milik terhadap mana-mana tanah Kerajaan kecuali hak atau surat hak milik telah dikeluarkan selaras dengan Seksyen 44 *Sarawak Land Code (Cap.81).* Kerajaan hanya akan mengiktiraf sesuatu hak atau tuntutan terhadap tanah Kerajaan jika ia diwujudkan sejajar dengan undang-undang bertulis Kerajaan Negeri yang relevan termasuk undang-undang dan Perintah Rajah yang berkuat kuasa sebelum 1 Januari 1958. Fungsi utama pendaftaran tanah ialah untuk memudahkan urusan berkaitan tanah, memastikan kesahihan hak terhadap tanah dan menjamin keselamatan hak milik melalui sistem pendaftaran tanah.

a) Dokumen Hak Milik


Seksyen 2 *Sarawak Land Code (Cap.81)* mendefinasikan Dokumen Hak Milik sebagai geran, *lease* atau tanah Kerajaan, *occupation ticket* atau bukti lain dokumen hak milik tetapi tidak termasuk lesen, permit atau kaveat. Apabila geran/hak milik telah disediakan oleh Cawangan Tanah melalui LASIS dan ditandatangani oleh Penguasa Tanah Dan Survei Bahagian, geran/hak milik tersebut akan dikunci masuk ke dalam sistem untuk tujuan pendaftaran. Setelah dikunci masuk, Seksyen Hak Milik, Cawangan Tanah akan menyerahkan dokumen kepada Pendaftar/Penolong Pendaftar untuk tujuan pendaftaran. Dokumen yang diperlukan adalah geran/hak milik dan laporan verifikasi, Form L&S 3, kerja survei dan kertas survei, *Formal Offer and Acceptance of Terms and Conditions of Alienation of Land (L&S 80*), *Memorandum of Surrender and Alienation/Re-alianetion of Land*, *Certificate under Section 13A Sarawak Land Code (Cap.81)*, kad lejar cukai tanah dan buku cukai tanah. Geran/hak milik dan dokumen berkaitan akan diserahkan kepada Seksyen Pendaftaran Tanah. Geran/hak milik untuk diperakui penerimaannya dan kemudiannya diserahkan kepada Pendaftar/Penolong Pendaftar untuk disemak dan diperiksa perkara berikut sebelum didaftarkan:

- Kelulusan daripada Pengarah Tanah Dan Survei telah diperolehi.

- Sama ada *Memorandum of Surrender and Alienation/Re-alienation of Land* ditandatangani oleh pihak yang terlibat.
- Sama ada borang L&S 80 dan *Certificate under Section 13A Sarawak Land Code (Cap.81)* juga telah diperolehi oleh pihak terlibat.
- Sama ada semua bayaran seperti premium, cukai tanah tahunan, fi survei dan tunggakan cukai tanah, semua *plan survey* dilampirkan.
- Sekiranya melibatkan pengambilan balik tanah hendaklah diperiksa sama ada pampasan telah dibayar, memeriksa melalui ORIS dan Laporan Verifikasi.
- Sama ada geran/hak milik dengan Folio Pendaftar Tanah telah disediakan dengan betul dan berpadanan dengan syarat yang diluluskan.
- Memastikan semua tuntutan telah diambil kira.
- Geran/hak milik dan Folio Pendaftar Tanah telah ditandatangani oleh Pengarah Tanah Dan Survei.

Apabila maklumat berkenaan didapati teratur, Pendaftar/Penolong Pendaftar akan mendaftar suratcara dan dokumen berkaitan dengan geran/hak milik tersebut. Pengesahan pembatalan geran/hak milik lama akan ditandatangani dan semua dokumen berkaitan geran/hak milik lama disimpan dalam fail. Pendaftar/Penolong Pendaftar akan membuat pendaftaran geran selepas ditandatangani, menfailkan Folio Pendaftaran Tanah dan membatalkan folio lama atau suratcara, mengembalikan geran/hak milik, buku cukai tanah, dokumen berkaitan dan kerja survei kepada Seksyen Geran/Hak Milik di Cawangan Tanah. Seksyen Geran/Hak Milik di Cawangan Tanah akan mengesahkan penerimaan geran/hak milik, buku cukai tanah, dokumen berkaitan dan kerja survei. Dokumen berkaitan dan kerja survei akan difailkan dan geran/hak milik tersebut akan direkodkan ke Buku Penghantaran Geran/Hak Milik. Seksyen Geran/Hak Milik akan mengeluarkan notis kepada pemilik berdaftar untuk mengambil geran/hak milik dan buku cukai tanah. Pemilik berdaftar akan memperakui penerimaan dengan menandatangani buku penghantaran. Seksyen Geran/Hak Milik akan mengemaskinikan rekod pendaftaran dan pembatalan geran/hak milik. Carta Aliran Kerja bagi pendaftaran tanah adalah seperti di **Carta 1**.

Carta 1
Carta Aliran Kerja Bagi Pendaftaran Tanah



Sumber : Rekod Jabatan Tanah Dan Survei

Semakan Audit terhadap Laporan Hak Milik Yang Telah Didaftarkan bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 di Bahagian Kuching, Sibu, Miri dan Limbang mendapati sebanyak 42,759 geran hak milik tanah telah didaftarkan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 21,684 geran adalah bagi kawasan Bahagian Kuching, 6,960 geran bagi kawasan Bahagian Sibu, 11,806 geran bagi kawasan Bahagian Miri dan 2,309 geran bagi kawasan Bahagian Limbang. Semakan Audit terhadap 200 geran daripada 42,759 geran hak milik tanah di Bahagian Kuching, Sibu, Miri dan Limbang mendapati proses pendaftaran hak milik tanah di Seksyen Pendaftaran Tanah telah dijalankan dengan tepat, betul dan bersamaan dengan keluasan tanah, nama dan kad pengenalan pemilik geran tanah tersebut. Proses pendaftaran tersebut mematuhi dan menepati tempoh pendaftaran yang telah ditetapkan.


Bagaimanapun semakan rambang di Cawangan Tanah di Bahagian Limbang terhadap 5 geran tanah (pengambilan balik tanah bagi tujuan awam) yang didaftarkan mendapati proses pendaftaran tersebut mengambil masa antara sebulan hingga 8 tahun. Proses ini diambil kira dari tarikh permohonan diterima oleh Cawangan Tanah termasuk tarikh permohonan diluluskan oleh *State Planning Authority* sehingga tarikh notis meminta surat hak milik tanah dikeluarkan mengikut Seksyen 54 *Sarawak Land Code (Cap.81)*.

Semakan Audit seterusnya terhadap 200 sampel dokumen hak milik dengan dokumen asal di bilik kebal mendapati keluasan tanah yang diberi milik sama dengan keluasan dalam daftar asal, nama yang tertera pada geran/hak milik tanah tersebut, geran/hak milik telah ditandatangani oleh Pendaftar/Penolong Pendaftar, geran/hak milik telah diberi nombor siri pendaftaran dan geran telah difailkan mengikut kawasan.

b) Suratcara (*Instrument*)

Suratcara seperti yang didefinisikan di bawah Seksyen 2 *Sarawak Land Code (Cap.81)* adalah dokumen yang dicetak atau ditulis mengenai tukar hak milik atau lain-lain urusan berhubung dengan tanah. Antara urusan tersebut adalah pindahmilik, gadaian, pulangan gadaian, sewa-menyewa (*sublease*), transmisi hak milik, kaveat dan urusan surat hak milik tanah yang hilang. Carta Aliran Kerja pendaftaran suratcara adalah seperti di **Carta 2**.

Carta 2
Carta Aliran Kerja Bagi Pendaftaran Instrumen



Sumber : Rekod Jabatan Tanah Dan Survei

Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, sebanyak 183,206 suratcara telah didaftarkan di Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching, Sibu, Miri dan Limbang. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 88,827 suratcara adalah bagi kawasan Bahagian Kuching, 43,839 suratcara bagi kawasan Bahagian Sibu, 42,326 suratcara bagi kawasan Bahagian Miri dan 8,214 suratcara bagi kawasan Bahagian Limbang. Semakan Audit terhadap 200 suratcara dengan surat hak milik di Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching, Sibu, Miri dan Limbang mendapati proses pendaftaran suratcara di Seksyen Pendaftaran Tanah telah dijalankan dengan tepat. Proses pendaftaran suratcara tersebut telah diselesaikan dalam tempoh 10 hari.

c) Pelantikan Pendaftar/Penolong Pendaftar

Semakan Audit terhadap pelantikan Pendaftar/Penolong Pendaftar di Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching, Sibu, Miri dan Limbang mendapati pelantikan tersebut telah dibuat dengan betul. Adalah didapati kesemua Pendaftar/Penolong Pendaftar telah dilantik selaras dengan Seksyen 3 *Sarawak Land Code (Cap.81)* dan diwartakan melalui Warta Kerajaan Sarawak. Jabatan juga telah mengarahkan Penguasa Tanah Dan Survei Bahagian untuk mengemukakan nama *backup* Pendaftar/Penolong Pendaftar ke Ibu Pejabat semasa mesyuarat Pegawai Kanan tahun 2006. Ianya bertujuan menyediakan pengganti sekiranya Pendaftar sedia ada akan bersara, bertukar tempat kerja atau memudahkan perancangan latihan diberi lebih awal kepada pengganti.

d) Pengurusan Kertas Keselamatan

Kertas keselamatan telah digunakan untuk mencetak dokumen hak milik. Lawatan Audit ke Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching, Sibu, Miri dan Limbang mendapati kertas keselamatan disimpan di bilik kebal dan penggunaan kertas diuruskan dengan cermat dan teratur.

e) Bilik Kebal

Lawatan Audit ke Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching, Sibu, Miri dan Limbang mendapati bilik kebal mempunyai kawalan akses dan kebakaran. Adalah diperhatikan hanya pegawai yang dibenarkan oleh Penguasa Tanah Dan Survei Bahagian boleh memasuki bilik kebal. Jabatan juga telah mempamerkan notis 'Dilarang Masuk' di hadapan pintu bilik kebal. Secara amnya, keadaan bilik kebal di Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian berkenaan adalah memuaskan dari aspek kawalan keselamatan dan susun atur geran/ hak milik tanah seperti di **Foto 1** hingga **Foto 4**.

Foto 1
Pintu Bilik Kebal Mempunyai Notis 'Dilarang Masuk'



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 30 Ogos 2007
Lokasi : Bilik Kebal, Jabatan Tanah Dan Survei, Bahagian Kuching

Foto 2
Susunan Geran/Hak Milik Tanah Yang Teratur



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 30 Ogos 2007
Lokasi : Bilik Kebal, Jabatan Tanah Dan Survei, Bahagian Kuching

Foto 3
Susunan Geran/Hak Milik Tanah Yang Teratur



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 05 September 2007
Lokasi : Bilik Kebal, Jabatan Tanah Dan Survei, Bahagian Miri

Foto 4
Susunan Geran/Hak Milik Tanah Yang Teratur



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 12 September 2007
Lokasi : Bilik Kebal, Jabatan Tanah Dan Survei, Bahagian Limbang

Bagaimanapun, penyimpanan dokumen suratcara di Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching tidak memuaskan kerana bilik kebal agak sempit dan ruang yang terhad. Oleh itu, suratcara disimpan di bilik biasa yang berasingan seperti di **Foto 5** dan **Foto 6** dan tidak disusun dengan sempurna atau tidak disimpan dalam '*folder*' yang bersesuaian.

Foto 5 **Foto 6**

Suratcara Tidak Disusun Dengan Sempurna



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 30 Ogos 2007
Lokasi : Jabatan Tanah Dan Survei, Bahagian Kuching



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 30 Ogos 2007
Lokasi : Jabatan Tanah Dan Survei, Bahagian Kuching

f) Maklum Balas Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer

Pihak Audit telah mengedarkan 195 borang soal selidik kepada pihak pengurusan, kakitangan Jabatan dan orang awam bagi mendapatkan maklumbalas mereka mengenai sistem pendaftaran tanah berkomputer. Sebanyak 91 responden yang terdiri daripada 12 atau 13.2% responden daripada kumpulan pengurusan, 37 responden atau 40.7% daripada kumpulan sokongan dan 42 responden atau 46.1% daripada orang awam telah mengembalikan borang soal selidik kepada pihak Audit.

Analisis Audit terhadap 91 responden tersebut mendapati kesemua kakitangan Jabatan sama ada peringkat pengurusan atau sokongan memberi maklum balas bahawa sistem pengkomputeran telah mempermudah dan mempercepatkan proses pendaftaran tanah. Bagaimanapun, mereka mencadangkan supaya keupayaan pemprosesan sistem pendaftaran tanah berkomputer perlu dipertingkatkan kerana mereka menghadapi masalah komputer *hang* semasa menjalankan tugas harian. Selain itu, gangguan bekalan elektrik telah menjejaskan perjalanan sistem pendaftaran tanah berkomputer. Manakala maklumbalas daripada orang awam menyatakan bahawa sistem pengkomputeran pendaftaran tanah telah mempercepatkan pendaftaran geran/hak milik mereka.

Pada pendapat Audit, kawalan pendaftaran tanah berkomputer adalah baik kerana Jabatan telah menyediakan garis panduan dan proses kerja bagi pendaftaran tanah berkomputer. Manakala geran/hak milik telah disimpan dan disusun dengan teratur dalam bilik kebal.

6.2.6 Kawalan Komputer

a) Kawalan Am

Tujuan kawalan ini adalah untuk memastikan bahawa sistem yang dibangunkan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan serta segala kepentingan Kerajaan sentiasa diambil kira.

i) Kawalan Pengurusan Dan Organisasi

Kawalan pengurusan dan organisasi bertujuan untuk memastikan bahawa sistem berkomputer beroperasi dengan berkesan melalui pembahagian fungsi dan tugas, pemberian kuasa, pelaksanaan peraturan, mempunyai program latihan serta dokumentasi yang mencukupi dan kemas kini. Pemeriksaan Audit mendapati penemuan seperti berikut:

- Carta organisasi ada disediakan bagi menunjukkan kedudukan Pusat Komputer dan kaitan dengan cawangan/seksyen lain.
- Satu sistem penyeliaan, pengawasan dan pengasingan tugas diperhatikan wujud. Setiap pengguna telah diberi ID Pengguna untuk mengakses sistem mengikut peringkat tugasan masing-masing. ID Pengguna juga dikawal mengikut peranan seperti penyelia, *rectification officer, posting officer* dan peranan lain yang diluluskan. Tempoh aktif kata laluan adalah sebulan dan wajib ditukar setiap bulan untuk mengelakkannya daripada luput secara automatik. Adalah didapati semua pembetulan kepada maklumat di pangkalan data hanya boleh dilakukan oleh pegawai di Pusat Komputer.
- Fail Meja ada disediakan bagi pegawai dan dilengkapkan dengan deskripsi kerja termasuk senarai tugas tetapi tidak kemas kini di Pusat Komputer di Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Miri dan Limbang. Senarai arahan asas untuk mengurus perihal *data and system backup* dan perkara lain yang berkaitan dengan operasi sistem ada dimasukkan dalam Fail Meja untuk pegawai di Pusat Komputer Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Limbang tetapi tidak terdapat dalam Fail Meja pegawai di Pusat Komputer Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Miri. Bagaimanapun Fail Meja pegawai yang berkenaan telah dikemaskinikan setelah ditegur Pihak Audit.
- Penggunaan sumber Pusat Komputer adalah selaras dengan objektif Jabatan/Organisasi. Pengguna dapat menggunakan sistem untuk mendaftar hak milik, mengutip hasil dan lain-lain.

Pada pendapat Audit, kawalan pengurusan dan organisasi adalah memuaskan.

ii) Kawalan Fizikal Dan Persekitaran

Kawalan fizikal dan persekitaran bertujuan untuk memastikan bahawa perkakasan dan perisian komputer sentiasa terkawal daripada kerosakan, penyalahgunaan dan sebagainya demi menjaga keutuhan prosesan data. Selain itu, ianya bertujuan untuk memastikan langkah yang bersesuaian telah diambil untuk memastikan akses fizikal terhadap peralatan komputer dan bilik server adalah dihadkan kepada individu yang dibenarkan sahaja.

Kawalan fizikal komputer adalah tanggungjawab pegawai di cawangan/seksyen masing-masing. Hanya peralatan server dan suis rangkaian sahaja di bawah kawalan Pusat Komputer. Bilik server di Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Miri dan Limbang ditempatkan di tingkat 5 dan 8 bangunan masing-masing. Akses ke bilik server adalah terkawal dan akses fizikal hanya dapat dibuat melalui bilik Pusat Komputer. Ia juga jauh daripada pancaran cahaya matahari dan dilengkapi dengan sistem penyaman udara dan pemadam api. Bilik server di Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Miri diperhatikan dalam keadaan yang teratur, kemas dan bersih seperti di **Foto 7**.

Foto 7
Bilik Server Yang Kemas Di Bilik Pusat Komputer



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 06 September 2007
Lokasi : Jabatan Tanah Dan Survei, Bahagian Miri

Bagaimanapun, siling di bilik server didapati rosak disebabkan berlakunya kebocoran seperti di **Foto 8.**

Foto 8
Siling Yang Rosak Kesan Kebocoran



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 06 September 2007
Lokasi : Jabatan Tanah Dan Survei, Bahagian Miri

Perkara tersebut telahpun dimaklumkan kepada pihak pengurusan sejak bulan Oktober Tahun 2001, namun masalah masih belum diselesaikan pada masa lawatan Audit.

Pemeriksaan Audit di Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Limbang mendapati bilik server tidak kemas dan tidak teratur seperti di **Foto 9**.

Foto 9
Peralatan Komputer Diletakkan Di Lantai Bilik Server




Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 10 September 2007
Lokasi : Jabatan Tanah Dan Survei, Bahagian Limbang

Bilik server juga dijadikan sebagai stor untuk menyimpan peralatan komputer dan peralatan yang telah rosak seperti di **Foto 10** dan **Foto 11**.

Foto 10 **Foto 11**

Bilik Server Dijadikan Sebagai Stor



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 10 September 2007
Lokasi : Jabatan Tanah Dan Survei, Bahagian Limbang

Persekitaran yang lembab menyebabkan lantai rosak dan menjadi tempat semut bersarang seperti di **Foto 12**.

Foto 12
Lantai Yang Rosak Di Bilik Server



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 10 September 2007
Lokasi : Jabatan Tanah Dan Survei, Bahagian Limbang

Kebocoran juga berlaku di bilik server menyebabkan silingnya rosak seperti di **Foto 13**. Kebocoran ini telah dilaporkan kepada pihak pengurusan dalam

Mesyuarat Ketua Cawangan/Seksyen pada bulan Januari 2007 dan pada masa lawatan Audit masalah ini masih belum diambil tindakan.

Foto 13
Siling Yang Rosak Di Bilik Server



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 10 September 2007
Lokasi : Jabatan Tanah Dan Survei, Bahagian Limbang

Pemeriksaan Audit juga mendapati peralatan server disimpan di bilik rangkaian (*network room*) bersama dengan rak rangkaian untuk Jabatan Tanah Dan Survei dan Jabatan Kerja Raya. Pihak Audit difahamkan server ini adalah untuk *virus scan.* Adalah diperhatikan server dan monitornya hanya diletak di atas meja dan kerusi dan tiada rak yang sesuai disediakan untuk menempatkannya. Walaupun selalu berkunci, keadaan bilik ini tidak teratur seperti di **Foto 14** dan **Foto 15**.

Foto 14



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 10 September 2007
Lokasi : Jabatan Tanah Dan Survei, Bahagian Limbang

Foto 15

Keadaan Bilik Server Yang Kotor Dan Tidak Teratur




Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 10 September 2007
Lokasi : Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Limbang

Suis rangkaian di Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Limbang juga dalam keadaan yang tidak teratur dan tidak kemas berbanding dengan suis rangkaian Jabatan Kerja Raya Limbang seperti di **Foto 16** dan **Foto 17**. Kedua-dua suis tersebut ditempatkan dalam bilik yang sama dan diurus oleh vendor yang sama.

Foto 16

Suis Rangkaian Yang Tidak Kemas



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 10 September 2007
Lokasi : Bilik Rangkaian Jabatan Tanah Dan Survei, Bahagian Limbang

Foto 17

Suis Rangkaian Yang Kemas



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 10 September 2007
Lokasi : Bilik Rangkaian Jabatan Kerja Raya, Bahagian Limbang

Adalah diperhatikan juga di Seksyen Pendaftaran Tanah, suis rangkaian diletakkan di bawah meja seperti di **Foto 18.**

Foto 18
Suis Rangkaian Diletakkan Di Bawah Meja



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 10 September 2007
Lokasi : Cawangan Tanah, Jabatan Tanah Dan Survei, Bahagian Limbang

Pada pendapat Audit, kawalan fizikal dan persekitaran di Pusat Komputer Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Miri dan Limbang adalah tidak memuaskan. Bagaimanapun tindakan pembaikan telah dibuat selepas teguran Pihak Audit.

iii) Kawalan Operasi, *Backup* Dan Dokumentasi

Kawalan ini bertujuan untuk mencegah penyalahgunaan demi menjaga keutuhan dan integriti data. Selain itu, ianya bertujuan memastikan pejabat masih mempunyai data dan maklumat apabila berlaku bencana.

Temu bual Audit dengan pegawai di Pusat Komputer mendapati *backup* harian, mingguan dan bulanan terhadap data dan sistem dibuat mengikut jadual dengan menggunakan pita magnetik *Digital Data Storage* (DDS) dan DLT 4000. *Backup* harian dibuat secara automatik oleh sistem. *Backup* bulanan perlu dihantar kepada Ibu Pejabat Jabatan Tanah Dan Survei, manakala *backup* harian dan mingguan disimpan di Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian masing-masing. Di Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Miri, satu salinan pita *backup* harian juga disimpan di Pejabat Residen Miri. Bagaimanapun di Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Limbang tiada *off-site storage* untuk menyimpan pita *backup* harian tersebut. Semua pita *backup* disimpan di Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Limbang. **Pada pendapat Audit, Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Limbang perlu mengkaji semula tempat atau pejabat yang bersesuaian untuk menyimpan pita *backup* bagi memastikan sistem dapat dibaik pulih secepat mungkin sekiranya perkara yang tidak diingini berlaku.**

Pemeriksaan Audit juga mendapati semua server di Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Miri dan Limbang dipasang dengan *Uninterrupted Power Supply* (UPS). Pihak Audit tidak dapat memastikan UPS ini dapat berfungsi dengan baik atau sebaliknya jika berlaku gangguan elektrik sebab tiada rekod diselenggara untuk menunjukkan bahawa ujian telah dijalankan terhadap UPS di Bahagian berkenaan.

UPS juga merupakan satu peralatan yang penting khasnya bagi komputer yang digunakan untuk memasukkan data secara dalam talian dan juga bagi komputer yang digunakan di kaunter untuk menjalankan urusan dengan orang awam. Pemeriksaan Audit mendapati terdapat UPS yang rosak di bilik Penolong Pegawai Pendaftar dan Penolong Pegawai Tanah Jabatan Tanah Dan Survei di Limbang. Adalah diperhatikan UPS yang rosak masih belum diambil tindakan sewajarnya seperti di **Foto 19** dan **Foto 20.**

Foto 19
UPS Yang Rosak Di Seksyen Pendaftaran Tanah Limbang



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 12 September 2007
Lokasi : Jabatan Tanah Dan Survei, Bahagian Limbang

Foto 20
UPS Yang Rosak Di Cawangan Tanah Limbang



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 12 September 2007
Lokasi : Jabatan Tanah Dan Survei, Bahagian Limbang

Semakan Audit mendapati capaian kepada program dan fail data dikawal dengan penggunaan Pengenalan Pengguna (ID) dan kata laluan. Setiap pengguna telah diberi satu ID pengguna yang hanya boleh diwujudkan oleh pegawai Pusat Komputer. Semua ID Pengguna diberi mengikut fungsi dan peringkat tanggungjawab seperti penyelia, *rectifier, posting* dan pendaftar bagi sistem yang berkenaan. Pertukaran kata laluan adalah diwajibkan oleh sistem dan akan luput tempoh aktifnya secara automatik selepas satu bulan. Apabila *log-in* dibuat, nama dan peranan pengguna serta tarikh luput kata laluan akan terpapar di skrin utama. Untuk memastikan kawalan capaian ini wujud, pihak Audit menjalankan ujian di Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Miri dengan

meminta beberapa pegawai *log-in* untuk memastikan mereka hanya dapat mencapai perisian yang berkaitan dengan tugasan mereka sahaja. Ujian juga dijalankan dengan menggunakan ID pengguna Juruaudit untuk mengakses *Cash Transaction Maintenance Modul*. Walaupun diberi akses peringkat penyelia, ID pengguna Juruaudit ini ditolak oleh sistem sebab tiada kebenaran untuk mengurus transaksi tunai.

Semakan rambang terhadap *User Account Maintenance Form* mendapati Pengenalan Pengguna bagi pegawai yang bercuti, bertukar seksyen, bertukar dan pencen akan ditukar, dinyahaktif atau dibatal. Sebarang perubahan akan diambil kira dalam satu fail log yang dijana oleh sistem secara automatik dan satu laporan akan dikeluarkan apabila diperlukan. Semua pergerakan pegawai perlu dimaklumkan kepada Pusat Komputer oleh cawangan/seksyen masing-masing dan permohonan untuk menukar status pengenalan pengguna perlu mendapat kelulusan Penguasa Tanah Dan Survei Bahagian.

Pada pendapat Audit, kawalan operasi, *backup* dan dokumentasi adalah baik.

iv) Kawalan Perolehan

Perolehan perkakasan dan perisian ICT bagi Jabatan Tanah Dan Survei diurus oleh Unit ICT Kerajaan Negeri Sarawak dan Ibu Pejabat Jabatan Tanah Dan Survei. Perolehan dibuat sama ada melalui peruntukan Jabatan atau peruntukan ICT Kerajaan Negeri Sarawak. Selain itu, perkakasan juga dibuat secara sewaan (*leased*).

Semakan Audit mendapati walaupun Daftar Harta Modal diselenggara oleh Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Miri tetapi tidak kemas kini manakala daftar tersebut tidak diselenggara oleh Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Limbang. Bagaimanapun diperhatikan di Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Miri, satu pangkalan data untuk merekod peralatan komputer telah dibuat oleh pegawai Pusat Komputer. Manakala di Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Limbang, Pusat Komputer telah menyediakan satu senarai peralatan komputer dalam bentuk *soft copy.*

Lawatan Audit ke stor Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Miri dan stor di Tanjong Lobang mendapati banyak peralatan ICT yang telah rosak dan usang masih disimpan seperti di **Foto 21** dan **Foto 22**.

Foto 21 **Foto 22**

Peralatan Komputer Yang Rosak



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 07 September 2007
Lokasi : Stor Jabatan Tanah Dan Survei, Bahagian Miri



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 07 September 2007
Lokasi : Stor Tanjung Lobang, Jabatan Tanah Dan Survei, Bahagian Miri

Pemeriksaan Audit di Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Limbang juga mendapati banyak peralatan ICT yang usang atau rosak disimpan dalam stor dan juga di bilik server seperti di **Foto 23** dan **Foto 24**.

Foto 23 **Foto 24**

Peralatan Komputer Usang Atau Rosak



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 10 September 2007
Lokasi : Stor Jabatan Tanah Dan Survei, Bahagian Limbang



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 10 September 2007
Lokasi : Stor Jabatan Tanah Dan Survei, Bahagian Limbang

Tindakan pelupusan perlu diambil dengan segera terhadap peralatan komputer yang telah usang dan rosak. Pihak Audit mencadangkan supaya barang yang disimpan dalam bilik server di Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Limbang dipindah atau dilupuskan.

Adalah diperhatikan di Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Miri dan Limbang masih menggunakan peralatan komputer berusia melebihi 5 tahun seperti Acer Power 4100 di bahagian kaunter seperti di **Jadual 10**.

Jadual 10
Contoh Komputer Yang Lebih Daripada 5 Tahun Di Kaunter

Bil.	Jenis Model	Lokasi	Unit	Tarikh Diterima
1	Acer Power 4100	Kaunter Hasil, Miri	2	Tiada Maklumat
2	Acer Power 4100	Kaunter Pendaftaran Tanah, Limbang	1	April 2000
3	Acer Power 4100	Kaunter Hasil, Limbang	3*	April 2000

Sumber : Rekod Inventori dan Pemeriksaan Fizikal

Nota : ** Satu unit telah rosak*

Temu bual dengan pegawai di seksyen berkenaan di Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Miri dan Limbang mendapati rungutan yang sama iaitu komputer ini berfungsi dengan terlalu perlahan dan sering *hang*. Keadaan ini mengakibatkan masalah apabila berurusan dengan orang awam. Memandangkan kaunter merupakan barisan hadapan yang berfungsi sebagai penghubung antara orang awam dengan Jabatan, adalah disyorkan supaya Jabatan mengkaji semula peralatan komputer yang sedia ada di kaunter.

Pada pendapat Audit, kawalan perolehan peralatan adalah memuaskan kerana perolehan mematuhi prosedur kewangan yang ditetapkan. Bagaimanapun daftar harta modal perlu diselenggara dengan kemas kini dan komputer berusia melebihi 5 tahun berfungsi perlahan dan sering hang.

b) Kawalan Aplikasi

Kawalan ini adalah untuk memastikan wujudnya tatacara keselamatan dalam input, pemprosesan dan output supaya data yang lengkap, tepat dan diluluskan sahaja diinput, diproses dan output adalah tepat, dilindungi dan diagihkan kepada penerima yang dibenarkan sahaja.

i) Kawalan Input

Kawalan input bertujuan untuk memastikan segala data yang diinput adalah tepat, lengkap dan yang diluluskan sahaja. Semakan Audit di kedua-dua pejabat Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian mendapati data input yang diterima oleh Seksyen Pendaftaran Tanah adalah daripada firma guaman dan cawangan/seksyen di Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian berkenaan. Dokumen yang diterima akan disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab dan diluluskan oleh Penolong Pegawai Pendaftar sebelum diinput ke sistem. Selepas input ke sistem dibuat, satu nombor akan diperuntukkan bagi setiap suratcara secara automatik oleh sistem. Satu laporan iaitu *Data Verification Report* akan dikeluarkan bagi setiap kes untuk disemak. Laporan ini hanya dapat dikeluarkan selepas peruntukan nombor suratcara. Selepas semakan

dibuat terhadap *Data Verification Report* oleh pegawai yang berkenaan dan tiada kesilapan dikesan data dihubungkan kepada Penolong Pegawai Pendaftar untuk semakan semula dan kemudian buat *posting* ke pangkalan data. Hanya Penolong Pegawai Pendaftar diberi kuasa untuk membuat *posting* dan kes akan dikira selesai selepas proses *posting* ini.

Tugas utama di Seksyen Hasil adalah untuk mengutip hasil seperti cukai tanah, premium dan lain-lain. Pemerhatian Audit di kaunter hasil kedua-dua pejabat Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian mendapati input bagi kutipan cukai tanah adalah dibuat dengan menggunakan *bar code reader* untuk membaca *bar code* yang telah dilekatkan pada buku cukai tanah. *Title Registration Number (TRN)* dan dokumen dari seksyen berkenaan juga digunakan untuk mengutip hasil. Pemeriksaan Audit mendapati pejabat Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Limbang hanya mempunyai satu *bar code reader* yang berfungsi. *Bar code reader* ini juga perlu dikongsi dengan Cawangan Tanah. Satu lagi *bar code reader* didapati rosak dan belum dibaiki pada masa lawatan Audit. Jabatan hendaklah memastikan *bar code reader* yang mencukupi untuk melicinkan proses kutipan hasil dan pentadbiran tanah.

Pada pendapat Audit, kawalan input adalah memuaskan kerana data input disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab sebelum diproses. Penggunaan *bar code reader* untuk mengesan rekod hak milik dari pangkalan data adalah amat berkesan dan cepat.

ii) Kawalan Prosesan

Kawalan prosesan bertujuan untuk memastikan segala data adalah lengkap, tepat dan diluluskan semasa pemprosesan. Semakan Audit di Seksyen Pendaftaran Tanah mendapati selepas input dokumen kes oleh pegawai bertanggungjawab, satu laporan iaitu *Data Verification Report* akan dikeluarkan bagi setiap kes untuk disemak sebelum diserahkan kepada Penolong Pegawai Pendaftar untuk tujuan *posting*. Sistem LASIS dapat mengeluarkan laporan untuk menunjukkan suratcara yang masih dalam proses pendaftaran. Ibu Pejabat Jabatan Tanah Dan Survei juga dapat mengeluarkan laporan mengenai bilangan suratcara dan hak milik yang telah disediakan untuk didaftar dan bilangan yang masih belum selesai diproses.

Semakan Audit di Seksyen Hasil juga mendapati beberapa laporan dikeluarkan untuk memastikan ketepatan pemprosesan data. Laporan seperti *Daily Cash Transaction Report, Whole Day Operator Collection Report* dan lain-lain untuk tujuan semakan dan pengesahan oleh pegawai penyelia. Bagi kutipan yang dibuat oleh bahagian lain, satu senarai akan dihantar melalui e-mel ke Pusat Komputer di bahagian yang berkenaan untuk semakan oleh Seksyen Hasil sebelum data tersebut di *upload* kepada sistem. Satu fail log akan diwujudkan

secara automatik untuk menunjukkan setiap rekod telah dikemaskini dengan jayanya atau sebaliknya. Untuk kutipan hasil yang dibuat di luar sistem seperti di Pejabat Daerah, Borang T13B, Resit T69 dan T79 digunakan. Dokumen ini dihantar kepada Seksyen Hasil Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian masing-masing untuk *posting* ke sistem oleh seorang Pegawai Posting. Laporan *Posting Of Land Rent And Premium* akan dikeluarkan dan disemak oleh seorang Pegawai *Rectifier* yang diberi kuasa untuk memastikan semua *posting* adalah tepat, lengkap dan pembetulan dibuat sebelum dikemas kini kepada pangkalan data.

Semakan Audit di Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Miri dan Limbang mendapati selepas data dikemas kini kepada pangkalan data, semua pembetulan kepada data seperti pembetulan ejaan nama, tarikh dan kadar bayaran hanya dapat diuruskan oleh Pusat Komputer yang diketuai oleh seorang pegawai daripada pihak vendor dengan menggunakan Borang *User Fault Report Form*. Semua masalah akan dilaporkan oleh pengguna apabila kesilapan dikenal pasti dengan mengisi borang tersebut dan dihantar melalui Ketua Seksyen kepada Pusat Komputer untuk tindakan pembetulan. Pemeriksaan Audit terhadap borang tersebut mendapati ada kes di mana laporan dibuat tanpa melalui Ketua Seksyen.

Semakan Audit di Seksyen Hasil, Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Miri mendapati berlaku kes di mana 9 nombor resit tidak ditunjukkan dalam urutan senarai resit bagi *Daily Cash Transaction Report* pada 31 Mei 2007. Semakan Audit di Seksyen Hasil, Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Limbang juga mendapati 3 nombor Jurnal Baucar tidak ditunjukkan dalam urutan senarai Baucar Jurnal bagi laporan *Journalised Transactions From Deposit (State)* dari 01/01/2006 hingga 31/12/2006 dan 4 nombor lagi bagi laporan yang sama dari 01/01/2007 hingga 13/07/2007. Nombor resit dan Baucar Jurnal tersebut adalah seperti di **Jadual 11.** Pada masa lawatan Audit, maklumat mengenai punca dan sebab berlakunya perkara ini masih belum dikenal pasti.

Jadual 11
Nombor Resit Dan Nombor Baucar Jurnal
Yang Tidak Ditunjukkan Dalam Laporan

Bahagian	Tarikh Laporan	Jenis Laporan	Nombor Resit Dan Nombor Baucar Jurnal
Miri	11.06.2007	*Daily Cash Transaction Report (31.05.2007)*	40148 hingga 40150 40170 hingga 40172 40176 hingga 40178
Limbang	04.01.2007	*Journalised Transactions From Deposit (State) (01-31.12.2006)*	3605043/2006/05/01031 3605043/2006/05/01032 3605043/2006/05/01033
	18.07.2007	*Journalised Transactions From Deposit (State) (01-13.07.2007)*	3605043/2007/05/01005 3605043/2007/05/01006 3605043/2007/05/01007 3605043/2007/05/01009

Sumber : Laporan Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Miri dan Limbang

Pada pendapat Audit, kawalan prosesan adalah salah satu aspek yang penting untuk menjamin kesahihan dan ketepatan data. Oleh yang demikian, sekiranya terdapat nombor resit atau baucar yang tidak ditunjukkan dalam laporan, pihak pengurusan harus meneliti perkara tersebut. Satu laporan berasingan perlu dijanakan dalam sistem untuk menyenaraikan nombor yang tidak mengikut urutan dan seterusnya penyiasatan dijalankan untuk menentukan kewajarannya.

iii) Kawalan Output

Tujuan kawalan output adalah untuk memastikan maklumat yang dihasilkan daripada pemprosesan data adalah terjamin, tepat dan kemas kini.

Semakan Audit di Seksyen Hasil, Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Miri mendapati laporan seperti *Daily Cash Transaction Report dan Summary Of Daily Cash Transaction Report* - senarai semua transaksi pada hari tersebut dan ringkasan penjenisan hasil*, Whole Day Operator Collection Report* - ringkasan kutipan harian mengikut pegawai pemungut dan hasil Negeri atau Persekutuan dan *Log Of Reversal* – senarai semua *reversal* mengenai kutipan hasil, dikeluarkan pada setiap hari untuk disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab. Pemeriksaan Audit di Seksyen Hasil, Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Limbang juga mendapati satu daftar serahan kutipan harian diselenggarakan untuk tujuan serahan kutipan oleh kasyer kepada pegawai penyelia. Untuk memastikan hanya pegawai yang tertentu sahaja dapat akses kepada output, hanya pegawai yang diberi peranan penyelia dapat mencetak laporan dari sistem.

Pada pendapat Audit, kawalan output adalah memuaskan.

6.2.7 Kadar Premium Dan Cukai Tanah

a) Kadar Premium Dan Cukai Tanah Yang Dikenakan

Semakan Audit mendapati Jabatan telah mengeluarkan Surat Pekeliling Pentadbiran Tanah No. 4/1993 mengenai kadar untuk diguna dalam urusan pengiraan premium tanah bagi kes pemberimilikan tanah Kerajaan, permohonan untuk memperbaharui tempoh surat hak milik tanah, permohonan untuk menukar syarat hak milik tanah serta permohonan pecah tanah dan penukaran syarat hak milik tanah tersebut. Kadar premium tersebut telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Memorandum yang dikeluarkan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Tanah Dan Perhutanan (Kementerian Perancangan Dan Pengurusan Sumber) rujukan MNR/C/06-2/1 bertarikh 10.04.1972 menyatakan cukai tanah tahunan adalah dinilai berdasarkan *Table Of Maximum Rents* yang dicadangkan untuk digunapakai semasa semakan 1974. Bagaimanapun Jadual berkenaan telah dipinda lagi pada

1.1.1994. Daripada Jadual tersebut tanah dikelaskan kepada *Town And Suburban Land* dan *Country Land*. *Town And Suburban Land* kemudian dikelaskan pula kepada 5 gred iaitu *special and grade i-iv* dan digunakan untuk tujuan berbeza seperti perniagaan, industri, pejabat/institusi, rekreasi, kediaman dan pertanian. Semakin tinggi gred tanah semakin tinggi kadar cukai tanah. Begitu juga semakin tinggi penggunaan tanah semakin tinggi cukai tanahnya. Contoh tanah di Kuching (*special*) yang sama saiz dan penggunaannya di Sibu (Gred 1) perlu membayar kadar cukai tanah yang tinggi. Semakan rambang Audit terhadap 200 geran daripada 30,479 geran hak milik tanah di Bahagian Kuching, Sibu, Miri dan Limbang mendapati kadar premium dan cukai tanah yang dikenakan kepada pemilik tanah adalah mengikut kadar yang ditetapkan oleh Kerajaan.

b) Tunggakan Hasil

Semakan Audit seterusnya mendapati jumlah tunggakan hasil setakat 31 Disember 2007 adalah sejumlah RM34.18 juta di mana 60.8% atau RM20.79 juta adalah tunggakan premium tanah dan 36.2% atau RM12.37 juta adalah tunggakan cukai tanah. Adalah didapati Jabatan telah mengambil pendekatan bagi mengurangkan tunggakan hasil dengan menumpukan perhatian kepada penghutang yang mempunyai jumlah tunggakan besar, mengeluarkan notis tunggakan, dialog semasa Hari Bersama Pelanggan, membayar secara ansuran dan mengadakan Minggu Pembayaran Tunggakan Cukai. Selain itu, Jabatan juga telah mengedarkan risalah dan menggunakan media seperti suratkhabar, radio dan laman web untuk memaklumkan pemilik tanah membayar cukai tanah mereka yang tertunggak.

Jabatan telah menghantar Notis Tuntutan kepada pemilik tanah yang masih belum menjelaskan premium atau cukai tanah. Jabatan juga telah memperkenalkan Sistem Bayaran Cukai Dan Premium Tanah Secara *Online* pada bulan April 2007. Lawatan Audit ke pejabat Bahagian Kuching, Sibu, Miri dan Limbang mendapati poster/banting ada dipamerkan di ruang legar dan risalah mengenai Sistem Bayaran Cukai dan Premium Tanah Secara *Online* ada diedarkan kepada orang ramai yang berurusan dengan Jabatan.

Pada pendapat Audit, kadar premium dan cukai tanah yang dikenakan kepada pemilik tanah adalah mengikut kadar yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

6.2.8 Pelanggaran Syarat Hak Milik Tanah

Pemberimilikan tanah Kerajaan tertakluk kepada syarat dan terma yang ditetapkan. Selain itu, Jabatan juga boleh mengenakan syarat terhad seperti 'Tidak Boleh Berurusan', 'Tidak Boleh Pindahmilik' atau 'Tidak Boleh Pajak Kecil' yang bertujuan memastikan pemilik tanah mengusahakan tanah sepertimana tujuan pemberimilikan tanah dan mengelak pelupusan/penjualan tanah untuk memperolehi keuntungan segera. Pelanggaran Syarat Surat Hak Milik Tanah merupakan kesalahan di bawah

Seksyen 33 *Sarawak Land Code (Cap.81)*. Kesalahan ini boleh dikenakan penalti sehingga RM10,000 dan denda tambahan sejumlah RM500 setiap hari sehingga pelanggaran diremedikan. Jika gagal meremedi dan membayar penalti dalam tempoh yang ditetapkan tanah boleh ditamatkan (ditarik balik) hak milik (*forfeited with re-entry*) oleh Kerajaan.

Semakan Audit ke Cawangan Penguatkuasa Ibu Pejabat Jabatan mendapati bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 sebanyak 85 kes pelanggaran syarat hak milik telah dicatatkan iaitu melibatkan 2 Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian iaitu 40 kes di Bahagian Kuching dan 45 di Bahagian Sibu. Daripada jumlah tersebut, Bahagian Kuching mencatatkan 2 kes telah diselesaikan, 36 kes dalam pemerhatian dan 2 kes dirujuk kepada Agensi lain untuk diambil tindakan. Manakala Bahagian Sibu mencatatkan 1 kes telah diselesaikan, 43 kes dalam pemerhatian dan 1 kes dirujuk kepada Agensi lain.

Lawatan Audit ke Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Miri mendapati Cawangan Penguatkuasa dibahagi kepada 2 seksyen iaitu Seksyen Pentadbiran dan Seksyen Fizikal. Seksyen Pentadbiran bertanggungjawab terhadap kutipan dan pelesenan tanah, pasir dan kelikir manakala Seksyen Fizikal bertanggungjawab terhadap setinggan serta Pelanggaran Syarat Surat Hak Milik Tanah (*Breach Of Title Condition - BTC*). Jadual bulanan ada disediakan bagi kedua seksyen untuk membuat rondaan dan pemantauan. Laporan rondaan dan pemantauan hendaklah disediakan dan diserahkan kepada Ketua Zon untuk tindakan dan arahan selanjutnya. Pada tahun 1998 hingga pertengahan 2007, sebanyak 94 kes BTC telah didaftarkan di mana 27 kes telah diberi Notis Amaran manakala 67 kes belum diberi Notis Amaran dan masih dalam siasatan seperti di **Jadual 12**.

Jadual 12
Kes Pelanggaran Syarat Surat Hak Milik Masih Dalam Siasatan

Tahun	Bilangan Kes	Sudah Diberi Notis Amaran	Belum Diberi Notis Amaran
1998	14	1	13
1999	4	1	3
2000	2	2	-
2001	13	1	12
2002	13	6	7
2003	11	3	8
2004	11	7	4
2005	5	4	1
2006	19	2	17
2007	2	-	2
Jumlah	**94**	**27**	**67**

Sumber : Rekod Jabatan Tanah Dan Survei

Selain itu, tindakan telah diambil terhadap 11 kes dengan memberi surat amaran kerana pelanggaran syarat surat hak milik tanah. Antara kes tersebut, 5 kes telah dirujuk kepada Pengarah Tanah Dan Survei manakala 6 kes dirujuk kepada Penguasa

Tanah Dan Survei Bahagian Miri untuk nasihat dan arahan lanjut. Pada tarikh lawatan Audit, tiada maklumbalas diterima oleh Bahagian Penguatkuasa untuk tindakan susulan. Kes adalah seperti di **Jadual 13**.

Jadual 13
Pelanggaran Syarat Surat Hak Milik Tanah
Kes Dirujuk Kepada Pengarah Tanah Dan Survei, Kuching

No.	Ruj. Fail	Nama Pemilik	Tanah	*Title Condition*	*Nature Of Breach*	Kedudukan Sekarang
1.	143/1992(7)	Tan Teck Beng	*Lot 803 MCLD*	Kediaman	*Auto repair workshop & Welding*	Bangunan masih kekal dan beroperasi.
2.	45/1993	Dai Lieng Machinery Sdn Bhd	*Lot 458 Blok 8 MCLD*	Kediaman	*Sawmill & Storage Of Timber Product*	Bangunan masih kekal dan beroperasi.
3.	116/1998	Lai Chun Siong & 2 orang	*Lot 333 Blok 10 MCLD*	Kediaman	*Auto repair workshop & Welding*	Bangunan masih kekal. Pemilik telah bayar penalti RM10,000.
4.	121/1998	Sim Kui Liang & 3 Orang	*Lot 875 MCLD*	Pertanian	*Auto repair workshop & Welding*	Bangunan hampir roboh dan tidak beroperasi.
5.	123/1998	Ling Lee Suing & 2 orang	*Lot 314 Blok 8 MCLD*	Pertanian	*Sawmill & Storage Of Timber Product*	Bangunan masih kekal tetapi tidak beroperasi. Pemilik telah bayar penalti RM10,000.
Kes Dirujuk Kepada Penguasa Tanah Dan Survei, Bahagian Miri						
6.	143/1992(9)	Chua Chong Ching & Chua Cheng Hock	*Lot 1289 Blok 8 MCLD*	Kediaman	*Auto repair workshop & Welding*	Bangunan masih kekal tetapi tidak beroperasi
7.	21/1995	Foo Lan Tien & 6 Orang	*Lot 908*	Pertanian	*Sawmill & Storage Of Timber Product*	Bangunan masih kekal tetapi tidak beroperasi
8.	22/1995	Foo Lan Tien & 6 Orang	*Lot 907*	Pertanian	*Sawmill & Storage Of Timber Product*	Bangunan masih kekal dan beroperasi.
9.	23/1998	Su Song Hua	*Lot 3117 Lambir LD*	Pertanian	*Sawmill*	Bangunan masih kekal tetapi tidak beroperasi
10.	115/1998	Li Ming Supermarket Sdn. Bhd.	*Lot 87 Blok 10 MCLD*	Pertanian	*Commercial (Mini Supermarket)*	Bangunan masih kekal dan beroperasi.
11.	13/2003	Thien Tze Loy Enterprise Sdn. Bhd.	*Lot 288 Blok 20 Niah LD*	Pertanian	*Food Court*	Bangunan masih kekal tetapi tidak beroperasi. Pemilik telah bayar penalti RM10,000.

Sumber : Rekod Jabatan Tanah Dan Survei

Semakan Audit di Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Limbang mendapati satu kes pelanggaran syarat hak milik tanah Lot 1679 *Limbang Town District* yang terletak di Batu 1, Jalan Kubong, Limbang dengan keluasan 3,453 meter persegi. Tanah tersebut dimiliki oleh Teo Eng Liong (WN KP 360315-13-5081). Menurut syarat surat hak milik tanah tersebut, tanah berkenaan hanya untuk kegunaan stesen mengisi minyak petrol, penyenggaraan, tempat penyimpanan, pengagihan minyak dan pelincir. Pada 25 Februari 1999, beliau telah melanggar syarat surat hak milik tanahnya seperti berikut:

i) perluasan kepada stesen minyak yang sedia secara tidak sah.
ii) membuka *supermarket* di stesen minyak yang sedia ada.

iii) membina bangunan dua tingkat secara tidak sah serta menjalankan aktiviti perniagaan.

Surat Amaran pelanggaran syarat surat hak milik tanah telah diberi kepada pemilik tanah pada 23 Jun 1999. Pemilik telah membayar denda sejumlah RM10,000 melalui resit no. 5499 bertarikh 10.04.2003. Oleh kerana pemilik tidak mengambil tindakan untuk meremedi iaitu merobohkan bangunan yang tidak diluluskan dalam pelan, satu lagi surat amaran terhadap pelanggaran syarat surat hak milik tanah telah diberi kepadanya pada 24 Februari 2003. Menurut laporan Penguasa Tanah Dan Survei Bahagian Limbang yang disediakan untuk Pengarah Tanah Dan Survei pada 17.04.2007, denda berterusan sejumlah RM643,500 setakat 30.11.2002 belum dijelaskan. Pada tarikh lawatan Audit, tiada tindakan susulan diambil dan bangunan dua tingkat masih kekal serta aktiviti perniagaan dijalankan seperti biasa.

Pada pendapat Audit, usaha Jabatan untuk memastikan syarat hak milik dipatuhi oleh pemilik tanah adalah memuaskan memandangkan keluasan tanah di Sarawak dan kekangan kakitangan di Cawangan Penguatkuasa.

6.2.9 Penyelenggaraan Dokumen

Semakan Audit ke Cawangan Tanah dan Seksyen Pendaftaran Tanah mendapati Daftar Tanah (*The Land Register*) seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 112(1) *Sarawak Land Code (Cap.81)* telah diselenggara dengan baik dan mengikut peraturan yang ditetapkan. Adalah didapati *Grant Register* menyimpan dokumen hak milik seperti *Grant of State Land* (999 tahun), *Grant of Crown Land* (999 tahun), *Grant of State Land (perpetuity)* dan *Grant of Crown Land (perpetuity)*. Daftar *Lease* menyimpan dokumen hak milik seperti *Lease of State Land* (99/60 tahun) dan *Lease of Crown Land*, Daftar *Provisional Lease* menyimpan dokumen hak milik seperti *Provisional Lease of State Land* dan *Provisonal Lease of Crown Land*. Manakala Daftar selain daripada daftar di atas menyimpan dokumen hak milik seperti *Certified Document of Title*.

Daftar dan rekod lain juga diselenggara dengan teratur seperti *Register of Lost of Titles*, *Record of New Title Issue, Despatch Book from Registry to Land, Despatch Book from Registry to Valuation, Despatch Book from Registry Section to correspondence* dan *Despatch Book from Registry to Settlement.* Manakala Seksyen Pendaftaran Tanah ada menyelenggara *Presentation Book, Personel Index, Index Book For Land Register, Index Of Power Of Attorney dan Register Of Rejected Instruments.* Dokumen lain yang diselenggara adalah suratcara yang disediakan oleh peguam, Borang 'L' *(Submission Of Instrument), Standard Checklist, Submission Book, Rejection Book.* Lawatan Audit mendapati Daftar Tanah, dokumen hak milik dan suratcara disimpan dengan tersusun di bilik kebal Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching, Sibu, Miri dan Limbang.

Pada pendapat Audit, penyelenggaraan rekod dan dokumen hak milik adalah baik kerana ianya disimpan di bilik kebal. Jabatan telah mengadakan kawalan seperti kawalan akses dan keselamatan daripada kebakaran.

6.2.10 Prestasi Kewangan

a) Perbelanjaan Mengurus Dan Kutipan Hasil

Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM218.20 juta atau 93.7% daripada sejumlah RM232.85 juta peruntukan perbelanjaan mengurus yang diluluskan. Bagi tempoh yang sama, sejumlah RM745.57 juta hasil dikutip oleh Jabatan berbanding anggaran sejumlah RM699.87 juta. Jumlah kutipan pada tahun 2005 ialah RM219.39 juta, tahun 2006 sejumlah RM263.26 juta dan tahun 2007 sejumlah RM262.92 juta.

Analisis Audit mendapati pada tahun 2005, kutipan premium mewakili 72.3% (RM158.54 juta) dan kutipan cukai tanah mewakili 13.7% (RM29.95 juta) daripada jumlah keseluruhan kutipan hasil Jabatan pada tahun tersebut. Pada tahun 2006, kutipan premium berjumlah RM203.01 juta atau 77.1% dan kutipan cukai tanah sejumlah RM30.15 juta atau 11.4%. Manakala pada tahun 2007, kutipan premium berjumlah RM170.40 juta atau 64.8% dan kutipan cukai tanah berjumlah RM37.21 juta atau 14.2% daripada keseluruhan hasil Jabatan pada tahun tersebut.

b) Perbelanjaan Projek Pengkomputeran LASIS

Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2007, sejumlah RM43.26 juta telah dibelanjakan bagi membangun dan menyelenggara projek pengkomputeran LASIS. Menurut maklumat yang diberikan oleh Pengurus Sistem Maklumat, kos keseluruhan pelaksanaan LASIS Versi I bagi tempoh tahun 1988 hingga 1999 ialah sejumlah RM6.73 juta. Manakala kos pelaksanaan LASIS Versi II bagi tempoh tahun 1994 hingga 2002 ialah sejumlah RM29.89 juta. Merujuk kepada minit Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pengkomputeran Jabatan Bilangan 1 Tahun 2007, sejumlah RM6.64 juta telah dibayar pada tahun 2006 seperti di **Jadual 14**.

Jadual 14
Perbelanjaan Projek Pengkomputeran LASIS Bagi Tahun 2006

Nama Projek	Jumlah Waran (RM)	Pembayaran (RM)	Baki Waran (RM)
LASIS Phase II			
- APIS	480,000.00	475,404.50	4,595.50
- LAAS	680,948.25	680,948.25	0
- VIS	266,991.00	266,991.00	0
- PLIS	901,391.50	901,391.50	0
- HQ/Sibu Infrast.	464,614.50	464,614.50	0
- Kuching Infrast.	987,960.80	987,960.80	0
Jumlah Kecil	**3,781,906.05**	**3,777,310.55**	**4,595.50**
LASIS Phase I			
- SCS Maint.	190,000.00	190,000.00	0
- CMS Maint.	146,970.00	146,970.00	0
- TRS Maint.	136,650.00	136,650.00	0
- RVS Maint.	136,650.00	136,650.00	0
- TRS Enhance	56,106.00	56,106.00	0
- RVS Enhance	56,665.00	33,999.00	22,666.00
Jumlah Kecil	**723,041.00**	**700,375.00**	**22,666.00**
Attachment & SLA			
- Attachment Staff	896,670.00	850,015.92	46,654.08
- SLA	1,309,094.24	1,309,094.24	0
Jumlah Kecil	**2,205,764.24**	**2,159,110.16**	**46,654.08**
Jumlah Besar	**6,710,711.29**	**6,636,795.71**	**73,915.58**

Sumber : Rekod Jabatan Tanah Dan Survei

Perbelanjaan projek pengkomputeran LASIS meliputi kos perkhidmatan pengurusan, rangkaian infrastruktur, server dan perkakasan, perisian sistem/pakej, pembangunan sistem aplikasi, pemindahan data dan latihan.

Pada pendapat Audit, perbelanjaan mengurus dan membangunkan prasarana teknologi maklumat adalah mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan.


6.2.11 Guna Tenaga Dan Latihan

Semakan Audit terhadap keperluan guna tenaga dan latihan Jabatan Tanah Dan Survei bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 mendapati:

a) Guna Tenaga

Keperluan guna tenaga yang mencukupi adalah salah satu faktor yang mempengaruhi keberkesanan melaksanakan tugas dan tanggungjawab harian. Ibu Pejabat Jabatan Tanah dan Survei diketuai oleh seorang Pengarah Tanah Dan Survei Gred VU6. Pada tahun 2007, sebanyak 3,173 jawatan telah diluluskan dan hanya 2,366 jawatan telah diisi dan baki 807 pelbagai jawatan belum diisi. Carta organisasi Ibu Pejabat dan Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian seperti di **Carta 3.**

Carta 3
Carta Organisasi Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak



Sumber : Rekod Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak

b) Latihan

Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 seramai 1,760 kakitangan pelbagai gred jawatan menghadiri pelbagai jenis kursus dan bengkel yang dianjurkan oleh Jabatan iaitu seramai 727 kakitangan pada tahun 2005, seramai 490 kakitangan pada tahun 2006 dan seramai 543 kakitangan pada tahun 2007. Antara kursus yang dihadiri seperti *Land Administration Workshop On Revenue, Enforcement Workshop, Valuation Course, Planning Course, Engineering Course, AUTOCARD Training, Land Officer Workshop, Data Conversion, Investigation And Prosecution* dan Pengurusan dan Pentadbiran.

Pada pendapat Audit, Jabatan telah memberi tumpuan kepada pembangunan sumber manusia dengan baik. Latihan yang diadakan menjurus kepada tugas dan tanggungjawab individu setiap cawangan dan mendedahkan mereka kepada penggunaan komputer seiiring dengan kepesatan pembangunan teknologi.

6.2.12 Publisiti

Semakan Audit di Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching, Sibu, Miri dan Limbang mendapati Jabatan ada menganjurkan Program Hari Bersama Pelanggan. Objektif mengadakan Hari Bersama Pelanggan ialah untuk menjelaskan polisi Kerajaan dan Jabatan mengenai pentadbiran tanah, menjawab pertanyaan awam mengenai hal tanah dan mewujudkan hubungan rapat antara Jabatan dan orang awam. **Jadual 15** adalah statistik Hari Bersama Pelanggan.

Jadual 15
Statistik Hari Bersama Pelanggan Bagi Tempoh Tahun 2005 Hingga 2007

Bil	Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian	2005 (hari)	2006 (hari)	2007 (hari)
1	Kuching	18	27	26
2	Sri Aman	26	28	19
3	Sibu	5	17	11
4	Miri	13	22	14
5	Limbang	12	21	39
6	Sarikei	7	7	15
7	Kapit	3	2	6
8	Samarahan	32	16	19
9	Bintulu	17	23	16
10	Mukah	53	22	27
11	Betong	30	27	31
	Jumlah	**216**	**212**	**223**

Sumber : Rekod Jabatan Tanah Dan Survei

Antara aktiviti yang diadakan ialah taklimat permohonan tanah Kerajaan, isu penahanan kerja ukur keliling sempadan, isu tuntutan *Native Communal Reserve*, isu pembayaran pampasan bagi tanah yang diambil Kerajaan bagi tujuan penambaikan jalan, taklimat perkhidmatan kaunter, polisi semasa pentadbiran tanah, taklimat mengenai polisi perladangan berskala besar dan pembangunan tanah hak adat bumiputera, isu pendudukan haram, isu tunggakan cukai tanah, kaunter pameran berkenaan fungsi setiap cawangan, taklimat mengenai isu dan pentadbiran tanah, taklimat kepada media mengenai penyambungan tempoh hak milik tanah yang tamat tempoh 2005 hingga 2009. Kumpulan sasaran utama ialah pemilik tanah, penduduk kawasan, para setinggan, para penghutang, pengusaha industri dan wakil media. Jabatan juga ada menyiarkan maklumat dari semasa ke semasa di surat khabar tempatan berkenaan polisi Jabatan dan bekerjasama dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan dan pihak swasta terutamanya semasa program Hari Bersama Pelanggan diadakan. Pada pendapat Audit, publisiti yang dijalankan oleh Jabatan adalah baik.

Pada pendapat Audit, sistem pendaftaran tanah berkomputer telah dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Jabatan telah melaksanakan penambahbaikan program (*enhancement*) dengan menambah fungsi baru dan memperbaiki kelemahan yang wujud pada sistem. Jabatan juga telah melaksanakan pelbagai program dan langkah bagi memastikan jentera pentadbiran Kerajaan yang cekap dan berkesan untuk pertumbuhan ekonomi dan pembangunan yang berterusan. Usaha ini meliputi inisiatif dalam bidang seperti memperkemas sistem dan prosedur kerja, teknologi maklumat dan komunikasi, akauntabiliti dan keutuhan pengurusan serta pengurusan sumber manusia.

6.3 PEMANTAUAN

Pemantauan dan penyeliaan yang berterusan terhadap pengurusan sistem pendaftaran tanah berkomputer adalah penting bagi memastikan matlamat Jabatan tercapai. Pemeriksaan Audit terhadap mekanisme pemantauan mendapati perkara berikut:

a) Peringkat Ibu Pejabat

Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, Jawatankuasa Pemandu Pengkomputeran Jabatan telah bermesyuarat sebanyak 3 kali iaitu sekali setiap tahun. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati mesyuarat tersebut telah diadakan sebanyak 6 kali pada tahun 2003 dan 17 kali pada tahun 2004. Antara perkara yang dibincangkan adalah mengenai kemajuan perkembangan sistem komputer, perubahan dan naik taraf LASIS, spesifikasi komputer, pemindahan data, masalah yang dihadapi, peruntukan kewangan, perkakasan dan peralatan komputer.

Bagi tempoh yang sama, mesyuarat Pegawai Kanan Jabatan di peringkat Ibu Pejabat (*Senior Management Meeting*) telah diadakan sebanyak 6 kali iaitu 2 kali pada tahun 2005, 3 kali pada tahun 2006 dan sekali pada tahun 2007. Antara perkara yang dibincangkan adalah mengenai sistem penyampaian, peruntukan kewangan, kemajuan projek pembangunan, *Land Acquisition Progress Indicators*, kutipan hasil, perkembangan sistem komputer di peringkat Bahagian dan isu semasa yang dibangkitkan oleh Penguasa Tanah Dan Survei Bahagian. Pemantauan juga dibuat melalui Laporan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan yang dikemukakan oleh setiap Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian ke Ibu Pejabat. Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, adalah didapati kesemua pejabat Bahagian ada mengemukakan laporan berkenaan. Semakan Audit mendapati antara lain perkara yang dilaporkan ialah penambahbaikan kepada sistem dan prosedur kerja contohnya menghapuskan proses kerja yang tidak diperlukan agar menjadi ringkas dan boleh dilaksanakan serentak, integrasi dan koordinasi antara cawangan terlibat dan penggunaan *autocard* dalam kerja hitungan. Adalah didapati Jabatan telah mengambil tindakan pro aktif terhadap cadangan yang dikemukakan oleh pejabat Bahagian dengan mengadakan taklimat proses kerja, *brainstorming* dan latihan menggunakan *autocard* pada bulan November 2006.

b) Peringkat Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian

Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, Jawatankuasa Pengurusan Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching dan Sibu telah bermesyuarat setiap suku tahun. Jawatankuasa Pengurusan Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Miri telah bermesyuarat sebanyak 16 kali pada tahun 2005, 17 kali pada tahun 2006 dan 10 kali pada tahun 2007. Manakala Jawatankuasa Pengurusan Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Limbang telah bermesyuarat sebanyak 4 kali pada tahun 2005, 5 kali pada tahun 2006 dan 4 kali pada tahun 2007. Perkara yang dibincangkan adalah mengenai pengurusan dan pentadbiran pejabat, kemajuan kerja dan isu berbangkit, hala tuju dan tanggungjawab Jabatan, sistem dan prosedur kerja serta aduan awam.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pelaksanaan pengurusan sistem pendaftaran tanah berkomputer adalah baik.

7. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya perancangan, pelaksanaan dan pemantauan pengurusan sistem pendaftaran tanah berkomputer oleh Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak adalah baik dari aspek meningkatkan sistem penyampaian pendaftaran hak milik tanah, memantau status permohonan tanah dan hak milik, menyelenggara hak milik tanah secara elektronik, memantau aliran kerja kakitangan serta menjana ekonomi negeri selaras dengan polisi Kerajaan Negeri.

Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan sistem pendaftaran tanah berkomputer, adalah disyorkan supaya rangkaian kemudahan di pejabat Bahagian seperti peralatan dan perkakasan komputer yang telah lama diganti serta server/pangkalan data dinaik taraf supaya dapat melancarkan lagi proses pendaftaran hak milik tanah serta meningkat tahap sistem penyampaian awam. Pemantauan berterusan perlu dijalankan oleh Jabatan mengenai pelaksanaan pengurusan sistem pendaftaran tanah berkomputer agar ianya selamat dan boleh dipercayai. Selain itu, Jabatan juga perlu meningkatkan usaha untuk menambah baik pentadbiran di peringkat pejabat Bahagian, menyediakan pelbagai saluran hubungan antara agensi Kerajaan dengan pelanggan, memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi dengan berkesan dan menggalakkan pengurusan sumber manusia berasaskan kompetensi.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN SOSIAL DAN URBANISASI SARAWAK

PENGURUSAN DEWAN SUARAH SARAWAK

8. LATAR BELAKANG

8.1 Dewan Suarah merupakan infrastruktur sosial di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi (Kementerian). SUARAH berasal daripada 2 perkataan iaitu SUA dan ARAH. Perkataan ini telah diilhamkan oleh Ketua Menteri YAB Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud. Negeri Sarawak mempunyai 12 Dewan Suarah yang terletak di Kuching, Sri Aman, Sibu, Miri, Limbang, Sarikei, Kapit, Bintulu, Kota Samarahan, Mukah, Bau dan Marudi dengan keseluruhan kos pembinaan berjumlah RM81.84 juta. Pembinaan Dewan Suarah bermula seawal tahun 1985 iaitu di Sibu dan Dewan Suarah yang terakhir dibina ialah Dewan Suarah Kota Samarahan iaitu pada tahun 1993. Reka bentuk Dewan Suarah melambangkan senibina tempatan dan adat resam penduduk setempat. Fungsi Dewan Suarah adalah untuk menempatkan semua aktiviti dalam satu bangunan bagi menggalak interaksi dan perpaduan di kalangan masyarakat Sarawak yang berbilang kaum dan agama. Aktiviti yang dijalankan termasuk kegiatan kebudayaan, kesenian, sukan, rekreasi, sosial dan aktiviti bercorak ilmiah. Antara kemudahan yang disediakan di Dewan Suarah adalah seperti dewan serbaguna, dewan pameran, mini muzium, perpustakaan, kompleks atau stadium sukan, auditorium, gimnasium, asrama, bilik mesyuarat dan bilik orang kenamaan.

8.2 Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, perbelanjaan mengurus 12 Dewan Suarah ialah sejumlah RM40.97 juta berbanding peruntukan yang diluluskan berjumlah RM30.26 juta di mana lebihan perbelanjaan berjumlah RM10.71 juta dibiayai melalui dana simpanan Dewan Suarah. Bagi tempoh yang sama, kutipan hasil adalah berjumlah RM14.09 juta.

9. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan Dewan Suarah oleh Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

10. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi tempoh tahun 2005 hingga 2007 dan di mana perlu skop akan diperluaskan meliputi tahun sebelumnya. Pemeriksaan Audit dijalankan di Ibu Pejabat Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi, Dewan Suarah di Bahagian Kuching, Limbang, Sarikei dan Kapit.

11. KAEDAH PENGAUDITAN

Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji serta menganalisis data dan maklumat berasaskan rekod kewangan, laporan dan dokumen berkaitan. Lawatan Audit

juga dijalankan ke Dewan Suarah di Bahagian Kuching, Limbang, Sarikei dan Kapit untuk meninjau kemudahan yang disediakan serta penyenggaraan yang dijalankan. Temu bual dengan pegawai yang terlibat juga dibuat bagi mendapatkan keterangan dan maklumat yang lebih jelas. Soal selidik juga telah diedarkan kepada pengguna dan pengunjung Dewan Suarah.

12. PENEMUAN AUDIT

12.1 PERANCANGAN

Perancangan yang teliti, menyeluruh dan komitmen yang tinggi amat penting bagi menentukan kejayaan pelaksanaan pengurusan Dewan Suarah. Sehubungan itu, perancangan yang dibuat meliputi perkara berikut:

12.1.1 Dasar Kerajaan Negeri

Bagi memenuhi keperluan rakyat, Kerajaan Negeri akan menyediakan Dewan Suarah untuk membolehkan rakyat berinteraksi dan menjalinkan perhubungan antara mereka di samping mewujudkan suasana persefahaman yang mesra dan harmoni. Ini akan memberi satu landasan yang kukuh untuk menyatu-padukan pelbagai kumpulan etnik serta dapat memupuk maruah bangsa dan negara. Selain itu, ianya akan membantu Kerajaan Negeri mencapai pembangunan negeri, perpaduan dan kestabilan yang berterusan serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri melalui industri pelancongan.

12.1.2 Undang-undang Dan Peraturan

Undang-undang dan peraturan yang digunakan untuk pengurusan dan pentadbiran Dewan Suarah ialah Akta Prosedur Kewangan 1957, *The Financial Procedure (Contingencies And Trust Fund) Ordinance 1963 – The Sarawak Dewan Suarah Fund Direction 1994,* Perintah Am dan Arahan Perbendaharaan. Pekeliling yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Setiausaha Kewangan Negeri dan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi juga diguna pakai.

12.1.3 Kemudahan Di Dewan Suarah

Dewan Suarah yang dibina akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan untuk kegiatan kebudayaan, kesenian, sukan, rekreasi dan aktiviti bercorak ilmiah serta sosial. Penggunaan kemudahan di Dewan Suarah akan dikenakan bayaran di mana kadar yang dikenakan adalah berdasarkan lokasi, kategori pengguna dan jenis kemudahan atau perkhidmatan yang ditawarkan. Kadar bayaran yang diluluskan oleh Lembaga Pengurusan telah disemak semula pada tahun 1998 dan diguna hingga sekarang. Antara jenis kemudahan yang disediakan dan kadar bayaran penggunaan kemudahan di 4 Dewan Suarah adalah seperti di **Jadual 16.**

Jadual 16
Jenis Kemudahan Yang Disediakan Dan Kadar Bayaran Yang Dikenakan

Dewan Suarah	Jenis Kemudahan	Kapasiti/ Bilangan	Tempoh/Sesi	Kerajaan (RM)	Swasta (RM)	Individu (RM)
Kuching	Dewan Serbaguna	1000 orang	1 hari/ 1 malam	800	800	800
	Bilik Mesyuarat	30 orang	1 sesi	200	200	200
	Ruang Legar		1 sesi	200	200	200
	Planetarium -Dewasa -Budak -Berkumpulan Dewasa -Berkumpulan Budak	170 tempat duduk	 1 sesi 1 sesi			 2 0.50 150 50
Limbang	Dewan Besar	1000 orang	1 hari	150	150	150
	Penghawa Dingin		1 jam	80	80	80
	Bilik Mesyuarat	50 orang	1 hari	40	40	40
	Bilik Seminar	50 orang	1 hari	80	80	80
	Gelanggang Badminton	4 buah	2 jam	10	10	10
	Gelanggang Bola Tampar		2 jam	40	40	40
	Meja Ping Pong		2 jam/ 1 meja	4	4	4
	Asrama (Bilik Berhawa Dingin)	4 unit/ 8 orang	1malam	30	30	30
	Asrama (Bilik Kipas)	17 unit/ 98 orang	1 malam	15	15	15
	Kompleks Sukan		1 hari	150	150	150
	Padang		1 sesi	40	40	40
	Kolam Renang -Dewasa -Kanak-kanak		 1 sesi 1 sesi			 1 0.50
Sarikei	Dewan Serbaguna -Siang -Malam	1000 orang	 1 hari 1 malam	 200 120 (sekolah) 300	 200 300	 200 300
	Bilik Mesyuarat	50 orang	1 sesi	Percuma	Percuma	Percuma
	Ruang Legar/Galeri		1 hari	60	60	60
	Padang/ Perkarangan	1 unit	1 hari	Percuma	100 60 (Persatuan)	Percuma
	Gelanggang Badminton	3 buah	1 sesi/2 jam	8	8	8
	Kolam Renang - Dewasa - Kanak-kanak - Loker		 1 sesi/seorang 1 sesi/seorang 1 unit			 1 0.50 0.30
Kapit	Bilik Mesyuarat	60 orang	1 sesi	150	150	150
	Bilik Tetamu Terhormat	10 orang	Percuma			
	Kawasan Kraftangan	200 orang	1 hari	80	80	80
	Dewan Penghawa Dingin	1000 orang 26 unit	1 hari 1 jam	200 70	200. 70	200 70
	Exhibition Concourse/ Foyer		1 hari	50	50	50
	Perkarangan Dewan	20 orang	1 bulan	15	15	15

Sumber:Rekod Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi Serta Dewan Suarah

12.1.4 Sasaran Penggunaan Kemudahan

Penggunaan kemudahan Dewan Suarah dirancang selaras dengan tujuan penubuhannya iaitu sebagai tempat untuk mengadakan pelbagai acara atau aktiviti sosial. Bagaimanapun, sasaran bilangan pengguna kemudahan di Dewan Suarah tidak ditetapkan sama ada oleh Kementerian atau pihak pengurusan Dewan Suarah.

12.1.5 Kaedah Pelaksanaan

a) Pengurusan Dewan Suarah

Dewan Suarah diurus oleh Kementerian dan dibantu oleh Lembaga Pengurusan Dewan Suarah. Lembaga Pengurusan Dewan Suarah dilantik oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan bertanggungjawab kepada Kementerian dalam pengurusan dan pemantauan Dewan Suarah. Lembaga ini bertanggungjawab dalam urusan pelantikan Pengurus Dewan Suarah. Manakala pelantikan kakitangan Dewan Suarah diuruskan oleh Kementerian.

b) Pengendalian Akaun Amanah Dewan Suarah

Pada awal penubuhannya, Dewan Suarah beroperasi sebagai badan mengakaun sendiri. Pada tahun 1994, Pihak Berkuasa Kewangan Negeri melalui Seksyen 4(3) *The Financial Procedure (Contingencies And Trust Fund) Ordinance 1963* mengwujudkan Arahan Amanah iaitu *The Sarawak Dewan Suarah Fund Direction 1994,* untuk pengurusan Akaun Amanah Dewan Suarah. Di bawah Arahan Amanah ini, dana Dewan Suarah akan diurus dan dikawal oleh Kementerian mulai tahun 1994. Pengendalian dan penyelenggaraan akaun ini dipertanggungjawabkan kepada Akauntan Negeri. Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi telah mengeluarkan Surat Pekeliling pada akhir bulan Disember 1995 bertujuan untuk melaksanakan Arahan Amanah tersebut berkuatkuasa pada awal bulan Januari 1996. Mulai dari tarikh tersebut, semua Pengurus Dewan Suarah dikehendaki menutup Akaun Semasa dan Akaun Tetap di bank masing-masing dan mengkreditkan baki wang simpanan ke akaun Kerajaan Negeri kerana semua terimaan dan pembayaran akan dibuat melalui Pejabat Perbendaharaan Negeri.

Mengikut Perkara 10 *The Sarawak Dewan Suarah Fund Direction 1994*, Setiausaha Tetap Kementerian atau wakilnya dikehendaki menyerah Penyata Tahunan Terimaan Dan Bayaran Akaun Amanah Dewan Suarah Sarawak kepada Jabatan Audit Negara untuk semakan dan pengesahan Audit iaitu tidak lewat dari 30 Jun tahun berikutnya.

c) Kaedah Perolehan

Perolehan sama ada bekalan, kerja dan perkhidmatan oleh Dewan Suarah akan dibuat melalui tender, sebut harga dan pembelian terus selaras dengan prosedur perolehan Kerajaan yang sedang berkuatkuasa. Sehubungan itu, Kementerian telah mengeluarkan garis panduan mengenai prosedur pengendalian perolehan

bekalan, kerja dan perkhidmatan untuk dipatuhi dalam pengurusan perolehan. Mengikut prosedur tersebut, perolehan sama ada bekalan, kerja dan perkhidmatan secara tender akan diuruskan oleh pihak Kementerian. Sebut harga akan dipelawa oleh pihak Dewan Suarah tetapi pemilihan kontraktor akan ditentukan oleh Jawatankuasa Sebut Harga di Kementerian. Manakala pembelian terus akan dibuat oleh pihak Dewan Suarah.

12.1.6 Penyenggaraan Dewan Suarah

Penyenggaraan Dewan Suarah dipertanggungjawabkan kepada Bahagian Perancangan Dan Pembangunan Prasarana Sosial di Kementerian. Penyenggaraan meliputi kerja pembaikan dan pengubahsuaian bangunan Dewan Suarah dan penyenggaraan Pejabat Pusat Khidmat Sukarelawan, planetarium, lif, mekanikal dan elektrikal, landskap, penghawa dingin, asrama, kompleks sukan dan kolam renang. Pihak Pengurusan Dewan Suarah bertanggungjawab untuk mengurus dan menyenggara kemudahan Dewan Suarah supaya ianya sentiasa dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan. Memandangkan peruntukan terhad, Kementerian akan menyalurkan peruntukan untuk kerja penyenggaraan secara berperingkat dengan memberi keutamaan kepada kerja kritikal yang boleh membahayakan pengguna. Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, Kementerian telah menyalurkan sejumlah RM4.19 juta kepada Dewan Suarah Kuching, Limbang, Sarikei dan Kapit untuk program penyenggaraan seperti di **Jadual 17**.

Jadual 17
Peruntukan Penyenggaraan Dewan Suarah
Bagi Tempoh Tahun 2005 Hingga 2007

Dewan Suarah	Jenis Penyenggaraan	Peruntukan/ Tahun			Jumlah Peruntukan (RM)
		2005 (RM)	2006 (RM)	2007 (RM)	
Kuching	Landskap	160,000	50,000	22,000	232,000
	Dewan Suarah	348,846	242,925	131,500	723,271
	Pusat Khidmat Sukarelawan	33,905	Tiada	Tiada	33,905
	Penghawa Dingin	65,000	50,000	Tiada	115,000
	Planetarium	40,000	22,000	81,000	143,000
	Lif	103,272	643,358	120,000	866,630
	Mekanikal & Elektrikal	141,250	154,800	117,500	413,550
	Khas	45,560	-	5,000	50,560
Limbang	Landskap	30,000	10,000	6,000	46,000
	Dewan Suarah	100,000	15,000	19,925	134,925
	Penghawa Dingin	5,000	5,000	17,240	27,240
	Mekanikal & Elektrikal	3,000	3,000	10,000	16,000
	Khas	55,000	96,000	10,000	161,000
	Asrama	55,000	34,950	20,000	109,950
	Kompleks Sukan	70,000	60,000	24,000	154,000
	Kolam Renang	69,000	30,000	32,314	131,314
Sarikei	Landskap	17,000	9,500	10,000	36,500
	Dewan Suarah	72,041	48,950	15,000	135,991
	Penghawa Dingin	5,000	3,000	10,000	18,000
	Mekanikal & Elektrikal	7,000	5,000	10,000	22,000
	Khas	40,000	Tiada	10,000	50,000
	Kolam Renang	60,000	25,000	29,000	114,000
Kapit	Landskap	17,700	17,700	10,000	45,400
	Dewan Suarah	101,861	49,721	20,000	171,582
	Mini Muzium	5,000	2,500	15,000	22,500
	Penghawa Dingin	13,955	14,000	10,000	37,955
	Mekanikal & Elektrikal	14,492	8,000	10,000	32,492
	Khas	135,300	Tiada	10,000	145,300
Jumlah Keseluruhan		**1,814,182**	**1,600,404**	**775,479**	**4,190,065**

Sumber: Rekod Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi Dan Penyata Perbelanjaan Dewan Suarah

Kerja penyenggaraan Dewan Suarah akan dikendalikan melalui 3 kaedah iaitu menyerah sepenuhnya kepada pihak Jabatan Kerja Raya, melalui sebut harga dan dilaksanakan sendiri. Bagi kerja yang dibuat melalui sebut harga, Pengurus Dewan Suarah akan mendapat anggaran kos daripada Jabatan Kerja Raya. Pemilihan kontraktor akan diputuskan oleh Jawatankuasa Sebut harga di Kementerian. Manakala bagi kerja yang dilaksanakan sendiri oleh Dewan Suarah adalah seperti penyenggaraan kolam renang, kompleks sukan dan asrama. Kerja penyenggaraan yang dikontrakkan dan dilakukan sendiri bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 18.**

Jadual 18
Kerja Penyenggaraan Yang Dikontrak Dan Dilakukan Sendiri
Bagi Tempoh Tahun 2005 Hingga 2007

Jenis Penyenggaraan	Dewan Suarah			
	Kuching	Limbang	Sarikei	Kapit
Landskap	2005 & 2006 Dikontrakkan Secara Bulanan 2007 Diselenggara Sendiri	Dilakukan Oleh Kakitangan Dewan Suarah	Dikontrakkan Secara Bulanan	Dilakukan Oleh Kakitangan Dewan Suarah
Struktur Dewan Suarah	Mengikut Keperluan	Mengikut Keperluan	Mengikut Keperluan	Mengikut Keperluan
Penjagaan Penghawa Dingin	Dikontrakkan Secara Bulanan	Dikontrakkan Secara Bulanan	Mengikut Keperluan	Dikontrakkan Secara Bulanan
Mekanikal Dan Elektrikal	Dikontrakkan Secara Bulanan	Mengikut Keperluan	Mengikut Keperluan	Mengikut Keperluan
Khas	Mengikut Keperluan	Mengikut Keperluan	Mengikut Keperluan	Mengikut Keperluan
Asrama	Tiada kemudahan	Dilakukan Oleh Kakitangan Dewan Suarah	Tiada kemudahan	Tiada Kemudahan
Kompleks Sukan	Tiada kemudahan	Dilakukan Oleh Kakitangan Dewan Suarah	Tiada kemudahan	Tiada Kemudahan
Kolam Renang	Tiada kemudahan	Dilakukan Oleh Kakitangan Dewan Suarah	Dilakukan Oleh Kakitangan Dewan Suarah	Tiada Kemudahan

Sumber: Senarai Kerja Penyenggaraan Yang Dikontrakkan Dan Dilakukan Sendiri Oleh Dewan Suarah

12.1.7 Keperluan Kewangan

Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, Dewan Suarah di Kuching, Limbang, Sarikei dan Kapit telah memohon peruntukan sejumlah RM28.57 juta daripada Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi untuk pengurusan Dewan Suarah seperti di **Jadual 19**.

Jadual 19
Anggaran Peruntukan Mengurus Dewan Suarah
Bagi Tahun 2005 Hingga 2007

Dewan Suarah	Tahun			Jumlah (RM Juta)
	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	
Kuching	2.33	2.98	3.34	**8.65**
Sarikei	1.11	3.64	3.66	**8.41**
Kapit	1.11	1.48	1.27	**3.86**
Limbang	2.33	2.36	2.96	**7.65**
Jumlah Besar	**6.88**	**10.46**	**11.23**	**28.57**

Sumber: Anggaran Perbelanjaan Tahunan Dewan Suarah

12.1.8 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

Struktur organisasi yang mantap perlu dibentuk untuk melancarkan jentera pentadbiran Dewan Suarah. Kementerian mencadangkan agar 3 Bahagian ditubuhkan di bawah struktur organisasi pengurusan Dewan Suarah iaitu Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan, Bahagian Operasi Dan Pengurusan Aktiviti serta Bahagian Pemasaran.

a) Guna Tenaga

Struktur organisasi Dewan Suarah diketuai oleh seorang Pengurus dan dibantu oleh kakitangan yang berjawatan sementara dan kontrak. Pengurus Dewan Suarah akan bertanggungjawab terus kepada Setiausaha Tetap Kementerian untuk pengurusan harian Dewan Suarah, kompleks sukan, stadium tertutup/ terbuka dan kolam renang.

b) Latihan Kakitangan

Kursus dan latihan untuk kakitangan diselaraskan oleh Bahagian Sumber Manusia Dan Perhubungan Awam Kementerian yang diketuai oleh seorang Pegawai Tadbir Gred N41. Bahagian ini akan mencalonkan kakitangan Dewan Suarah untuk mengikuti kursus dan latihan yang dianjurkan oleh Kementerian, Jabatan Ketua Menteri melalui *Centre For Modern Management* atau Agensi lain. Antara kursus yang ditawarkan ialah pengurusan aset, fail meja dan keselamatan.

12.1.9 Strategi Promosi

Bahagian Pemasaran diberi tanggungjawab untuk memasarkan perkhidmatan yang disediakan oleh Dewan Suarah melalui poster, risalah, laman web dan media massa bagi memastikan Dewan tersebut digunakan secara maksimum seterusnya dapat menjana sumber pendapatan. Kementerian bercadang untuk meningkatkan kaedah penyampaian perkhidmatan Dewan Suarah dari aspek pengendalian kerja penyenggaraan, perkhidmatan/layanan telefon, mutu perkhidmatan kaunter, penyediaan alat siaraya, kaedah serta proses penempahan, penampilan staf, kebersihan, pengurusan inventori dan pengurusan pejabat. Ini disebabkan wujudnya persaingan daripada pihak hotel, restoran atau *resort* yang mungkin memberi tawaran dan perkhidmatan yang lebih kompetitif.

12.1.10 Kaedah Pemantauan

Kementerian merancang untuk memantau pengurusan Dewan Suarah melalui kaedah berikut:

a) Peringkat Kementerian

Seksyen Perancangan Dan Pembangunan Prasarana Sosial Kementerian akan dipertanggungjawabkan bagi memastikan pengurusan Dewan Suarah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Seksyen ini diketuai oleh Pegawai Tadbir Gred N48. Manakala Pegawai Penyelaras yang akan dipertanggungjawabkan untuk memantau dan menyelia kerja penyenggaraan Dewan Suarah adalah Pegawai Tadbir Gred N41. Kementerian juga akan membuat lawatan ke Dewan Suarah dan mengadakan mesyuarat bersama Pengurus Dewan Suarah bagi mengkaji keperluan dan masalah dalam pengurusan Dewan Suarah.

b) Peringkat Dewan Suarah

Mesyuarat dengan kakitangan akan diadakan sekurang-kurangnya sekali sebulan untuk membincang masalah urusan pentadbiran dan kewangan. Pengurus Dewan Suarah juga akan mengadakan perbincangan dari semasa ke semasa dengan Residen Bahagian, Jurutera Bahagian, Jabatan Kerja Raya dan agensi Kerajaan berkenaan dalam pengurusan Dewan Suarah.

c) Peringkat Lembaga Pengurusan

Lembaga Pengurusan akan bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun bagi membincang perkara berkaitan pengurusan dan pentadbiran Dewan Suarah.

Pada pandangan Audit, perancangan pengurusan Dewan Suarah adalah memuaskan.

12.2 PELAKSANAAN

Kementerian berusaha untuk menambah baik pengurusan Dewan Suarah bagi memastikan kemudahan yang ada digunakan sepenuhnya untuk menjalankan aktiviti yang boleh menyatukan masyarakat Sarawak yang berbilang kaum dan agama. Bagi mencapai matlamat tersebut, Kementerian telah melaksanakan perancangan seperti berikut:

12.2.1 Dasar Kerajaan Negeri

Semakan Audit terhadap pengurusan Dewan Suarah mendapati Dewan Suarah di Sarawak telah menetapkan visi, misi dan strategi pengurusannya selaras dengan dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri iaitu memupuk kesefahaman, integrasi dan toleransi ke arah pembangunan bangsa Malaysia melalui musyawarah. Dewan Suarah telah menjadi tempat menyatu padukan penduduk pelbagai kaum melalui aktiviti yang diadakan seperti kebudayaan, kesenian, pendidikan, program komuniti dan sukan. Dengan sokongan padu daripada Kementerian, Dewan Suarah dapat menyediakan kemudahan kepada masyarakat, memampankan khazanah sosio-budaya dan menjadi pemangkin kemajuan sukan.

Pada pendapat Audit, aktiviti yang dijalankan di Dewan Suarah memenuhi objektif pembinaannya.

12.2.2 Undang-undang Dan Peraturan

Semakan Audit terhadap fail mendapati Kementerian ada mengedarkan Arahan Amanah iaitu *The Sarawak Dewan Suarah Fund Direction 1994* kepada semua Pengurus Dewan Suarah untuk dipatuhi. Bagi melaksanakan Arahan Amanah ini, Setiausaha Tetap Kementerian telah mengedarkan Surat Pekeliling pada akhir bulan Disember 1995 sebagai panduan dalam pengendalian akaun ini. Setiausaha Tetap Kementerian juga telah menyediakan prosedur untuk pengendalian perolehan bekalan, kerja dan perkhidmatan serta syarat untuk menempah kemudahan Dewan Suarah. Sehubungan itu, peraturan yang dikeluarkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri

mengenai penyenggaraan dan pengubahsuaian pejabat/bangunan Kerajaan dan mengenai pengurusan perolehan telah diedarkan. Lawatan Audit mendapati Dewan Suarah Kuching, Sarikei, Kapit dan Limbang ada menyimpan undang-undang dan peraturan berkenaan.

Pada pendapat Audit, undang-undang dan peraturan yang disediakan adalah mencukupi.

12.2.3 Kemudahan Di Dewan Suarah

Lawatan Audit mendapati Dewan Suarah dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti dewan serbaguna, dewan pameran, mini muzium, perpustakaan, kompleks atau stadium sukan, auditorium, gimnasium, asrama, bilik mesyuarat dan bilik orang kenamaan. Penggunaan kemudahan adalah tertakluk kepada kadar bayaran yang diluluskan oleh Lembaga Pengurusan.

a) Kemudahan Disediakan

Dewan Suarah Kuching, Sarikei dan Limbang telah siap dibina secara rasmii pada tahun 1988. Dewan Suarah Kapit pula telah siap dibina pada tahun 1989. Agensi pelaksana bagi pembinaan Dewan Suarah Kuching dan Kapit ialah Jabatan Kerja Raya. Manakala Dewan Suarah Sarikei dan Limbang ialah Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah Sarawak. Pembinaan Dewan Suarah telah dilengkapi dengan kemudahan untuk kegiatan kebudayaan, kesenian, sukan, rekreasi, perhimpunan politik dan aktiviti bercorak ilmiah serta sosial. Kemudahan yang disediakan sejak tahun 1988 ini dinaik taraf secara berperingkat memandangkan peruntukan terhad. Keutamaan diberi kepada kebersihan seperti menaik taraf tandas di Dewan Suarah dan penggantian peralatan dan kelengkapan. Lawatan Audit terhadap penyediaan kemudahan oleh Dewan Suarah Kuching, Limbang, Sarikei dan Kapit mendapati:

i) Dewan Suarah Kuching

- **Dewan Serbaguna**

  Dewan Serbaguna terletak di Aras 1, Blok Dewan Serbaguna. Dewan ini mampu menampung pengguna seramai 1,000 orang untuk bermesyuarat, pertemuan, seminar, majlis perkahwinan, persembahan muzik, sandiwara, pertunjukan kebudayaan, majlis perayaan dan pameran. Dewan ini dilengkapi dengan penghawa dingin, meja dan kerusi bankuet, alat siaraya dan lampu pentas. Dewan Serbaguna ini didapati tidak dilengkapi dengan perkhidmatan lif. Keadaan ini menyebabkan para pengguna Dewan yang terdiri daripada pengguna yang telah berusia, orang kurang upaya atau mengalami masalah kesihatan untuk ke Dewan Serbaguna. Bagaimanapun, kos pemasangan lif ini yang dianggar bernilai RM310,000 telah disenaraikan oleh pihak Dewan Suarah dalam kerja penambahbaikan untuk RMK9.

- **Dapur Kering Di Dewan Serbaguna**

  Dewan Suarah Kuching telah menyediakan sebuah dapur kering di Blok Dewan Serbaguna. Dapur ini digunakan untuk menyaji makanan sebelum dihidangkan ke Dewan Serbaguna. Pihak Audit dimaklumkan kerja penyambungan ruang tambahan pada Blok Dewan Serbaguna untuk dapur ini telah dimohon oleh pihak Kementerian. Kerja penyambungan bernilai RM1 juta tersebut telah dikendalikan oleh pihak Jabatan Kerja Raya pada tahun 1992. Bagaimanapun, mulai tahun 1994 dapur tersebut telah mengalami kebocoran pada sambungan atap berkemungkinan kerana kerja penyambungan tidak dilakukan dengan sempurna. Akibatnya, dapur tersebut dan sebuah lif *dumb waiter* yang disediakan untuk mengangkat makanan siap atau bahan kering ke dapur tidak dapat digunakan. Lawatan Audit mendapati dapur kering tersebut telah digunakan untuk menyimpan peralatan restoran yang masih boleh digunakan. **Foto 25** menunjukkan siling dapur yang rosak disebabkan berlaku kebocoran. Manakala **Foto 26** menunjukkan perabot restoran yang disimpan di dapur tersebut.

Foto 25
Siling Dapur Kering Yang Bocor



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 25.07.2007
Lokasi : Dapur Kering di Blok Dewan Serbaguna, Dewan Suarah Kuching

Foto 26
Dapur Kering Digunakan Untuk Menyimpan Peralatan Restoran



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 25.07.2007
Lokas i: Dapur Kering di Blok Dewan Serbaguna, Dewan Suarah Kuching

- **Planetarium**

  Planetarium Sultan Iskandar merupakan planetarium yang pertama di Malaysia dan telah dibuka dengan rasminya pada awal bulan Januari 1989. Ruang teater planetarium ini mempunyai kapasiti tempat duduk sebanyak 170 dan dilengkapi dengan sistem projektor *Planetarium Carl Zeiss 1015M*.

  Lawatan Audit mendapati Balai Seni di Blok Planetarium tersebut yang digunakan untuk pameran Astronomi tidak dapat digunakan lagi kerana telah diserahkan kepada Institut Sukan Negara (Pusat Satelit) dan Majlis Sukan Negeri Sarawak oleh Kementerian. Perpindahan Majlis Sukan Negeri Sarawak ke Dewan Suarah pada awal bulan September 2006 atas arahan Kerajaan Negeri telah memberi kesan kepada penggunaan kemudahan di Dewan Suarah. Majlis Sukan Negeri Sarawak telah mengambil semua bahagian galeri seni. Galeri seni tersebut tidak digunakan sepenuhnya sejak tahun 1994 hingga 2006. Ini menyebabkan banyak aktiviti harian seperti bengkel separuh hari dan aktiviti tahunan seperti *Astroinvention*, *Astroquiz* tidak akan dapat diadakan kerana Dewan Suarah tidak mempunyai ruang yang mencukupi untuk mengadakan aktiviti astronomi berskala besar. Program Astronomi telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pengunjung. Rekod tertinggi ialah 2,200 orang pada bulan September 2006 dan pada masa yang sama dapat mempublisitikan Dewan Suarah Kuching, Planetarium Sultan

Iskandar khasnya sebagai ikon perkembangan astronomi dan sains angkasa di Sarawak.

Mengikut laporan pemeriksaan yang dijalankan oleh pihak Dewan Suarah, berlaku kerosakan pada panel sokongan kubah Blok Planetarium dan kebocoran pada saluran air hujan yang perlu dibaiki. Pihak Jabatan Kerja Raya telah diminta untuk menganggarkan kos pembaikan. Lawatan Audit juga mendapati Planetarium ini tidak mempunyai kemudahan dan peralatan yang sesuai seperti teleskop, projektor definisi tinggi dan bahan pendidikan fizik. Pihak Audit dimaklumkan bahawa projektor *Planetarium Carl Zeiss 1015M* telah usang tetapi masih berfungsi dan komponen seperti *display card* telah rosak serta satelit projektor tidak berfungsi.

- **Restoran *City Tower***

  Restoran *City Tower* termasuk kafetaria, kiosk dan *lounge* terletak di Aras 2 Blok Menara, Dewan Suarah Kuching telah disediakan untuk para pengunjung menjamu selera sambil menikmati pemandangan sekitar Bandaraya Kuching. Pada bulan November 2006, Kementerian telah menandatangani perjanjian kontrak dengan syarikat *Tower-View Enterprise* untuk mengusaha restoran termasuk kafeteria, kiosk dan *lounge* untuk tempoh 4 tahun dengan kadar sewa sejumlah RM3,800 sebulan dan caj telefon, air dan elektrik yang digunakan berdasarkan bacaan meter di restoran tersebut termasuk kos operasi sistem penghawa dingin sejumlah RM2,000 sebulan. Semakan Audit mendapati sewaan, bil elektrik dan air dari bulan November 2006 hingga Disember 2007 berjumlah RM68,450 masih belum dijelaskan oleh pengusaha tersebut setakat bulan Januari 2008.


  Mengikut syarat 12 perjanjian kontrak, *Tower-View Enterprise* adalah bertanggungjawab untuk membiayai kos modal bagi mengubahsuaikan restoran. Semua kerja pengubahsuaian oleh *Tower-View Enterprise* terhadap restoran tersebut hendaklah tertakluk kepada peraturan dan undang-undang berkaitan dengan penggunaan, penyenggaraan dan pengubahsuaian bangunan. Sebelum kerja pengubahsuaian dilakukan pelan susunatur terperinci, pelan dan spesifikasi mekanikal dan elektrikal serta jadual kerja dan program hendaklah dihantar kepada Kementerian untuk kelulusan. Semakan Audit mendapati syarat tersebut tidak dipatuhi oleh *Tower-View Enterprise*. Adalah didapati pelan susunatur terperinci, pelan dan spesifikasi mekanikal dan elektrikal serta program kerja tidak dikemukakan kepada Kementerian untuk kelulusan. *Tower-View Enterprise* telah melantik kontraktor sendiri untuk mengubahsuai kawasan lobi lif dan tandas di Aras 2. Lawatan Audit pada bulan Ogos 2007 mendapati kerja pengubahsuaian terhadap restoran belum disiapkan

sejak bulan November 2006. Akibatnya, restoran masih belum dapat beroperasi sepenuhnya. Alasan yang diberi oleh pengusaha terhadap kelewatan menyiapkan kerja tersebut adalah kerana sistem penghawa dingin di Aras 2 menara tersebut tidak berfungsi dengan baik dan menunggu pihak Jabatan Kerja Raya untuk memperbaikinya. Bagaimanapun, mengikut pihak Jabatan Kerja Raya, sistem penghawa dingin tidak rosak hanya perlu ditambah kuasa dan kerja pengubahsuaian masih boleh diteruskan.

ii) Dewan Suarah Limbang

Lawatan Audit ke Dewan Suarah Limbang mendapati asrama telah disediakan untuk menempatkan pengguna semasa acara sukaneka atau sukan sekolah. Pemeriksaan fizikal mendapati peralatan dan kelengkapan asrama seperti kipas dinding, meja solek, almari pakaian dan katil bertingkat telah rosak dan perlu digantikan. Manakala tiang katil telah reput dan tidak selamat untuk digunakan. Pihak Audit dimaklumkan penggantian peralatan dan kelengkapan tersebut dilakukan secara berperingkat kerana tiada peruntukan. Lawatan Audit ke kolam renang mendapati keadaan kemudahan yang disediakan adalah memuaskan. Dewan Suarah Limbang ada menyediakan bilik seminar tetapi tidak dilengkapi dengan peralatan seperti projektor kerana peruntukan tidak mencukupi. Selain itu, dewan serbaguna telah disediakan untuk mengadakan majlis perkahwinan, pementasan, pameran dan taklimat. Dinding dewan ini dibuat secara berlipat mengguna kayu jati. Setelah pemasangan sistem penghawa dingin, penggunaan dinding jenis ini menjadi tidak sesuai lagi kerana udara sejuk mudah keluar melalui celah dinding tersebut. Dinding kayu yang berat dan kekerapan penggunaan menyebabkan engsel cepat rosak. **Foto 27** menunjukkan dinding kayu dewan serbaguna yang dibuat secara berlipat.

Foto 27
Dinding Kayu Dewan Serbaguna



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 16 Ogos 2007
Lokasi : Dewan Serbaguna, Dewan Suarah Limbang

iii) Dewan Suarah Sarikei

Lawatan Audit ke Dewan Suarah Sarikei mendapati kemudahan loker telah disediakan untuk pengguna kolam renang. Bagaimanapun, adalah didapati sebanyak 75 daripada 155 loker di bilik persalinan lelaki di kolam renang telah rosak dan tidak dapat digunakan. Kerja pembaikan tidak dapat dilakukan kerana tidak ada peruntukan diterima. Manakala lawatan Audit ke dewan serbaguna mendapati aspek kebersihan adalah memuaskan.

iv) Dewan Suarah Kapit

Lawatan Audit ke Dewan Suarah Kapit mendapati kemudahan yang disediakan seperti dewan serbaguna, bilik mesyuarat, bilik tetamu, kawasan kraftangan dan mini muzium adalah memuaskan. Adalah didapati pantri pejabat telah ditukar menjadi gimnasium dan kantin ditukar menjadi kelas jahitan anjuran Jabatan Ketua Menteri bagi membolehkan ruang berkenaan diguna dengan sebaiknya.

Pada pendapat Audit, kemudahan yang disediakan adalah mencukupi. Bagaimanapun, Dewan Suarah hendaklah mengambil tindakan untuk menyenggarakan kemudahan yang disediakan secara berterusan bagi memastikan ia sentiasa boleh digunakan.

b) Peraturan Mengguna Kemudahan

Penggunaan kemudahan di Dewan Suarah adalah tertakluk kepada syarat penggunaan yang dikeluarkan oleh Kementerian pada akhir bulan Januari 2004

dan ianya boleh dipinda mengikut kesesuaian Dewan Suarah berkenaan. Antara syarat yang ditetapkan adalah pembayaran sewa dijelaskan sebelum penggunaan, deposit dipungut untuk penggunaan dewan dan tanggungjawab pengguna terhadap kebersihan, kekemasan, kerosakan serta kehilangan. Bagaimanapun, pengurusan Dewan Suarah berhak membatal atau menarik balik kelulusan penggunaan sekiranya Dewan Suarah telah ditempah untuk upacara rasmi Kerajaan. Semakan Audit mendapati semua Dewan Suarah kecuali Dewan Suarah Sarikei telah membuat penambahan dan pindaan seperti kadar bayaran yang dikenakan, syarat penggunaan utiliti dan had masa penggunaan. Penambahan dan pindaan syarat tersebut adalah berpandukan syarat yang ditetapkan oleh Kementerian.

i) Prosedur Menempah Kemudahan

Mengikut amalan sekarang pengguna boleh membuat tempahan melalui telefon, menulis surat kepada pihak Dewan Suarah atau secara *on-line*. Bagi tempahan yang diluluskan, pengguna diberitahu secara bertulis serta dinyatakan jumlah bayaran yang perlu jelaskan sebelum tarikh penggunaan kemudahan. Semakan Audit mendapati keempat-empat Dewan Suarah ini tidak mematuhi sepenuhnya prosedur yang ditetapkan. Pihak Dewan Suarah tidak memastikan semua sewa dibayar sebelum tarikh penggunaan kemudahan yang disediakan. Ini menyebabkan berlaku tunggakan hasil sejumlah RM45,290 bagi tempoh tahun 2001 hingga 2007. Semakan Audit seterusnya mendapati Dewan Suarah tidak mengutip sebarang deposit daripada pengguna kecuali Dewan Suarah Kuching yang mengutip deposit untuk kebersihan sejumlah RM200 dan deposit tempahan sejumlah RM50 bagi sekali penggunaan mulai bulan Januari 2007.

Menurut syarat ke 13 Syarat-syarat Menggunakan Dewan Suarah Kuching, Sekiranya pengguna gagal membersih atau menyimpan peralatan pada keesokkan harinya, wang deposit tersebut tidak boleh dibayar balik dan akan digunakan untuk membayar upah kerja pembersihan dan menyimpan peralatan. Semakan Audit terhadap daftar deposit yang diselenggarakan, Dewan Suarah Kuching telah mengutip sejumlah RM14,700 untuk deposit kebersihan dan tempahan bagi tempoh bulan Januari hingga Disember 2007. Pihak Dewan Suarah telah mengeluarkan resit persendirian untuk mengakui terima deposit tersebut. Terimaan disimpan oleh Pembantu Tadbir Gred N17 dan tidak dibankkan. Terimaan tersebut juga tidak direkodkan dalam buku tunai. Adalah didapati sebanyak 8 deposit kebersihan dan 13 deposit tempahan berjumlah RM2,150 tidak dipulangkan kerana kerja pembersihan tidak dilaksanakan. Wang tersebut tidak dikredit ke Akaun Amanah Dewan Suarah dan pada tarikh pengauditan wang masih dalam simpanan Pembantu Tadbir Gred N17.

ii) Penyelenggaraan Daftar Tempahan Kemudahan

Dewan Suarah Kuching, Limbang, Sarikei dan Kapit telah menyelenggara Daftar Tempahan untuk merekod tempahan dan bayaran sewa tetapi format daftar tidak seragam dan berbeza antara Dewan Suarah. Ini kerana Kementerian tidak menyediakan bentuk atau format yang standard untuk menyelenggara daftar tersebut. Ini menyukarkan semakan dilakukan bagi memastikan semua bayaran penggunaan telah dijelaskan.

Pada pendapat Audit, peraturan penggunaan kemudahan adalah baik kecuali prosedur menempah kemudahan tidak dipatuhi dan format Daftar Tempahan Kemudahan tidak disediakan.

12.2.4 Penggunaan Kemudahan Di Dewan Suarah

Sasaran bilangan pengguna Dewan Suarah tidak ditetapkan oleh Kementerian. Berdasarkan rekod penggunaan kemudahan yang diselenggarakan, kekerapan penggunaan kemudahan bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 untuk Dewan Suarah berkenaan adalah seperti di **Jadual 20.**

Jadual 20
Bilangan Kekerapan Penggunaan Kemudahan Dewan Suarah
Pada Tahun 2005 hingga 2007

Kemudahan Dewan Suarah	Bilangan Penggunaan/Tempahan Bagi Tahun 2005 - 2007			
	Dewan Suarah Kuching	Dewan Suarah Limbang	Dewan Suarah Sarikei	Dewan Suarah Kapit
Dewan Serbaguna	397	212	300	140
Bilik Mesyuarat	96	12	0	145
Ruang Legar	21	T/B	66	28
Planetarium	14,256 orang	T/B	T/B	T/B
Kolam Renang	T/B	45,957 orang	77,682 orang	T/B
Padang	T/B	344	18	T/B
Gelanggang Badminton	T/B	88	0	T/B
Gelanggang Bola Jaring	T/B	T/B	T/B	7
Gelanggang Bola Tampar	T/B	218	T/B	T/B
Meja Ping Pong	T/B	55	T/B	T/B
Asrama	T/B	313	T/B	T/B
Bilik Seminar	T/B	36	T/B	T/B

Sumber: Rekod Penggunaan Kemudahan Dewan Suarah Kuching, Limbang, Sarikei Dan Kapit Tahun 2005 -2007

Catatan:T/B-Tidak Berkenaan Kerana Kemudahan Tidak Disediakan.

Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, kemudahan Dewan Suarah di Kuching, Limbang, Sarikei dan Kapit telah digunakan dengan sewajarnya. Dewan Suarah Kuching mencatatkan kekerapan penggunaan dewan serbaguna yang tertinggi iaitu 397 kali, penggunaan padang yang tertinggi oleh Dewan Suarah Limbang iaitu 344 kali, penggunaan ruang legar tertinggi oleh Dewan Suarah Sarikei iaitu 66 kali dan juga mencatat bilangan pengunjung kolam renang tertinggi iaitu seramai 77,682 orang. Kolam renang Sarikei telah diguna sebanyak 3 kali seminggu oleh 5 buah

sekolah dan 2 persatuan. Pada setiap hari Rabu penggunaannya dihad kepada wanita beragama Islam. Manakala Dewan Suarah Kapit mencatatkan penggunaan bilik mesyuarat tertinggi iaitu 145 kali. Program Astronomi yang diadakan di Planetarium Dewan Suarah Kuching telah menarik seramai 14,256 pengunjung ke Dewan tersebut. Kompleks sukan dan asrama Dewan Suarah Limbang digunakan untuk aktiviti sukan sekolah, pertandingan bola sepak, majlis makan malam, taklimat dan kursus.

Bagaimanapun, semakan Audit terhadap rekod yang diselenggarakan oleh Dewan Suarah Sarikei menunjukkan bilik mesyuarat di Dewan Suarah Sarikei tidak pernah ditempah bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007. Ini adalah kerana lokasinya yang terletak di tingkat paling atas, tangganya sempit, curam dan hanya sebelah tangga sahaja dipasang dengan selusur. Bilik mesyuarat Dewan Suarah Sarikei dan tangganya yang curam adalah seperti di **Foto 28** dan **Foto 29.**

Foto 28 **Foto 29**

Pemandangan Dalam Bilik Mesyuarat, Dewan Suarah Sarikei



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh: 18 Jun 2007
Lokasi: Bilik Mesyuarat, Dewan Suarah Sarikei



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh: 18 Jun 2007
Lokasi: Bilik Mesyuarat, Dewan Suarah Sarikei

Pihak Audit juga dimaklumkan bahawa sistem saluran air yang tidak teratur menyebabkan papan dan karpet di bilik mesyuarat menjadi basah serta mengeluarkan bau yang tidak menyenangkan. Pada tahun 2006, pihak Dewan Suarah Sarikei telah mencadangkan untuk menaik taraf tangga kayu ini yang dianggar bernilai RM3,000 tetapi tidak diluluskan oleh Kementerian kerana tiada peruntukan.

Pada pendapat Audit secara keseluruhannya penggunaan kemudahan Dewan Suarah adalah memuaskan. Dewan Suarah masih menjadi pilihan utama untuk menganjur aktiviti Kerajaan dan pihak swasta kerana kadar sewanya yang berpatutan.

12.2.5 Kaedah Pelaksanaan

a) Pengurusan Dewan Suarah

Pada tahun 1988, Kabinet telah memutuskan agar Dewan Suarah diurus dan ditadbir oleh Lembaga Pengurusan. Lembaga ini bertanggungjawab kepada Menteri Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi dalam pengurusan dan penyenggaraan Dewan Suarah. Mengikut Minit Mesyuarat Kerajaan Negeri mengenai Garis Panduan Pengurusan Dewan Suarah, Lembaga Pengurusan Dewan Suarah akan dipengerusikan oleh YB Menteri dan ahli Lembaga terdiri daripada pegawai Kerajaan serta pemimpin tempatan di Bahagian berkenaan. Tempoh pelantikan ahli Lembaga Pengurusan oleh Kerajaan Negeri adalah untuk dua tahun. Bilangan keahlian Lembaga di peringkat Bahagian ialah 7 hingga 12 orang manakala di peringkat Daerah ialah 5 hingga 7 orang.

Semakan Audit mendapati pengurusan dan pentadbiran Dewan Suarah dikawal oleh Kementerian dan dibantu oleh Lembaga Pengurusan Dewan Suarah yang bertindak sebagai badan penasihat kepada Kementerian. Lembaga Pengurusan Dewan Suarah dipengerusikan oleh YB Menteri dan ahli Lembaga terdiri daripada Ahli Dewan Undangan Negeri, pegawai Kerajaan serta pemimpin tempatan seperti Temenggong dan Tuai Rumah yang dilantik untuk tempoh dua tahun. Bilangan keahlian Lembaga Pengurusan di Dewan Suarah Kuching ialah 8 orang, Sarikei seramai 8 orang dan Kapit seramai 10 orang. Manakala bilangan keahlian Lembaga Pengurusan di Limbang seramai 14 orang telah melebihi kuota yang ditetapkan untuk peringkat Bahagian iaitu maksimum 12 orang. Semakan Audit seterusnya mendapati semua pelantikan Pengurus Dewan Suarah adalah secara kontrak selama dua tahun atau *non establishment basis*. Semua Pengurus Dewan Suarah telah dilantik oleh Lembaga Pengurusan Dewan Suarah kecuali Pengurus Dewan Suarah Kuching yang dilantik oleh Kerajaan Negeri. Mengikut perjanjian kontrak yang ditandatangani antara Lembaga Pengurusan Dewan Suarah dengan Pengurus Dewan Suarah, Pengurus hendaklah mematuhi arahan dan peraturan yang diberi oleh majikannya iaitu Lembaga Pengurusan Dewan Suarah atau wakilnya selama tempoh perkhidmatannya. Pengurus Dewan Suarah Kuching, Limbang, Sarikei dan Kapit terdiri daripada pesara Kerajaan dan bekas ahli peniagaan yang berusia antara 56 hingga 65 tahun.

Pada pendapat Audit, pelantikan Lembaga Pengurusan Dewan Suarah adalah memuaskan. Penambahan keahlian dilakukan setelah mengambil kira bilangan pemimpin tempatan yang ada.

b) Pengendalian Akaun Amanah Dewan Suarah Sarawak

Akaun Amanah Dewan Suarah Sarawak diuruskan mengikut *The Sarawak Dewan Suarah Fund Direction, 1994* yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri berkuatkuasa mulai 1 Januari 1994. Selaras dengan Perkara 6 Arahan Amanah tersebut, Akauntan Negeri telah membuka Akaun Amanah Dewan Suarah untuk mengakaun

segala terimaan dan perbelanjaan Dewan Suarah di bawah satu kod kawalan. Dana Dewan Suarah diperolehi daripada geran yang disalurkan oleh Kementerian.

Semakan Audit terhadap penyediaan Penyata Kewangan Tahunan Dewan Suarah mendapati Kementerian telah mengemukakan Penyata Terimaan Dan Bayaran Akaun Amanah Dewan Suarah Sarawak tahun 2005 dan 2006 ke Jabatan Audit Negara dalam tempoh yang telah ditetapkan. Pada akhir bulan Disember 2006, akaun ini mempunyai baki sejumlah RM4.31 juta. Semakan Audit terhadap Penyata Kewangan tahun 2005 mendapati perbezaan sejumlah RM952,231 antara baki akhir tahun 2005 mengikut rekod Kementerian dengan rekod Perbendaharaan Negeri. Perbezaan ini belum diselaraskan supaya baki awal dan akhir tahun 2006 yang dilaporkan adalah tepat. Antara sebab berlaku perbezaan tersebut ialah Kementerian tidak mengambil kira baki geran yang diserah kepada pihak Jabatan Kerja Raya. Kementerian juga menghadapi masalah dalam membuat penyesuaian antara rekod 12 Dewan Suarah dengan rekod Perbendaharaan Negeri. Penyata Transaksi Amanah Bulanan (*Monthly Trust Transaction Statement*) dari Perbendaharaan Negeri perlu dihantar ke setiap Dewan Suarah untuk disesuaikan dan disahkan oleh setiap Dewan Suarah. Ini akan mengambil masa. Tambahan pula terdapat hanya seorang kakitangan Dewan Suarah ditempatkan di Kementerian yang dipertanggungjawabkan untuk membuat semua penyesuaian bagi 12 Dewan Suarah.

Pada pendapat Audit, penyediaan Penyata Kewangan Dewan Suarah adalah tidak memuaskan. Penyata Tahunan Dewan Suarah yang disatukan hendaklah disediakan dengan tepat mengikut peraturan yang ditetapkan.

c) Kaedah Perolehan

Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, Kementerian menyalurkan peruntukan sejumlah RM417,280 kepada Dewan Suarah Kuching, Limbang, Sarikei dan Kapit untuk perolehan peralatan dan kelengkapan baru termasuk peralatan dan kelengkapan di kompleks sukan dan kolam renang. Perolehan kerja dan perkhidmatan Dewan Suarah diurus oleh pihak Kementerian atau Dewan Suarah kecuali penyenggaraan perkhidmatan lif yang diserah terus kepada pihak Jabatan Kerja Raya.

i) Perolehan Bekalan

Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, Dewan Suarah Kuching, Sarikei, Kapit dan Limbang telah membelanjakan sejumlah RM341,326 untuk perolehan peralatan dan kelengkapan. Semakan Audit mendapati pada setiap tahun Lembaga Tender Negeri/Jawatankuasa Sebut Harga Peringkat Bahagian Kuching menghantar jadual tarikh dan waktu mesyuarat pembukaan tender/sebut harga diadakan. Adalah didapati berlaku kelewatan di peringkat Kementerian dan Lembaga Tender Negeri peringkat Bahagian dalam

memproses tender untuk bekalan bahan kimia air bagi tahun 2007 di mana surat setuju terima hanya dikeluarkan pada akhir bulan April 2007. Kegagalan Kementerian dan Lembaga Tender Negeri peringkat Bahagian dalam urusan perolehan tender menyebabkan Dewan Suarah Samarahan dan Kapit terpaksa membuat pembelian terus bernilai RM13,665 daripada pembekal lain kerana telah kehabisan stok.

Semakan Audit seterusnya terhadap rekod kewangan yang diselenggara di Dewan Suarah Kuching mendapati perolehan peralatan dan kelengkapan pada tahun 2005 bernilai RM115,581 telah dipecahkecil seperti di **Jadual 21**.

Jadual 21
Pembelian Peralatan dan Kelengkapan Yang Dipecahkecilkan

No. Baucar Bayaran	Tarikh Bayaran	Amaun (RM)	Nama Pembekal	Butiran Perolehan
40011500504 00014(B)	24.01.2005	9,600	Bukit Terang Sdn Bhd	Pembelian 8 unit settee kulit untuk VVIP
00022(B)	24.01.2005	9,900	Style Trading Co.	18 set meja *Formica/proof plywood*
00025	26.01.2005	9,900	Pro Excell Trading Co.	Membekal dan memasang langsir dua lapis di bilik Aras 4
00026	26.01.2005	8,515	S.P Global Enterprise	Membekal dan memasang kain perhiasan siling di pentas dewan serbaguna
00038	28.01.2005	7,950	Bukit Terang Sdn Bhd	Membekal 150 buah kerusi plastik gentian
00066	15.02.2005	9,800	Matahari Sales and Services Sdn Bhd	Membekal 2 set kerusi dan settee eksekutif VVIP di dewan serbaguna dan membaiki settee VVIP di Aras 2
00071	15.02.2005	2,696	Syarikat Muliana	Membekal kerusi eksekutif, meja dan 4 unit kerusi pelawat.
00136	23.03.2005	9,600	Bong Seng (K) Sdn Bhd	Membekal *X-Stage platform*
00137	23.03.2005	960	Classic Jaya	Membekal 2 unit troli tahan lasak.
00153	04.04.2005	8,300	Style Trading Co.	Membekal 1 set settee eksekutif dan 1 set meja teh untuk bilik rehat.
00211	27.04.2005	4,530	T.J Enterprise	Membekal meja, kerusi plastik dan dinding *back drop*
00225	10.05.2005	9,980	Sarstar Enterprise	Membekal dan memasang karpet untuk bilik mesyuarat di pejabat Pentadbiran, memasang siling plaster dengan *comice* untuk bilik rehat VVIP di Blok Planetarium
00409	23.08.2005	9,720	Bong Seng (K) Sdn Bhd	Membekal 5 meja bankuet untuk dewan serbaguna
00426	24.08.2005	9,880	Bong Seng (K) Sdn Bhd	Membekal 130 unit kerusi bankuet untuk Dewan Serbaguna
00433	26.08.2005	4,250	Syarikat B & Bumi Enterprise	Membekal 5 unit meja eksekutif, 2 unit kerusi jurutaip, meja bulat dan 2 unit kabinet besi.
Jumlah		**115,581**		

Sumber: Buku Vot Dewan Suarah Kuching

Manakala di Dewan Suarah Sarikei, tidak ada sebut harga dipelawa bagi perolehan bernilai RM22,105 pada tahun 2005. Daripada jumlah perolehan tersebut, sejumlah RM4,921 telah dicaj di bawah Kod Akaun 10-Peralatan dan Kelengkapan manakala RM17,184 diperolehi di bawah peruntukan Penyenggaraan Khas. Peralatan dan kelengkapan tersebut telah dibayar melalui 3 baucar bayaran atas nama 2 pembekal berlainan seperti di **Jadual 22**.

Jadual 22
Peralatan Dan Kelengkapan Yang Tidak Dipelawa Sebut Harga

No. Baucar	Tarikh Baucar	Amaun (RM)	Nama Pembekal	Butiran Perolehan
4006166050400270	08.12.2005	4,921	Kingsa Enterprise Sdn. Bhd	1 set *Sunpod KS 138 dual level dry cabinet auto electronic moisture proof storage*
4006166050400277	08.12.2005	7,200	Kingsa Enterprise Sdn. Bhd	Pembelian 300 unit kerusi plastik tahan lasak
4006166050400278	08.12.2005	9,984	Harus Saujana Trading Co.	Pembelian 24 unit *Banquet melamin Chipboard Top Foldable table*
Jumlah		**22,105**		

Sumber: Buku Vot Dewan Suarah Sarikei Tahun 2005

ii) Penggunaan Peralatan Dan Kelengkapan

Lawatan Audit mendapati peralatan dan kelengkapan di Dewan Suarah Kuching, Limbang, Sarikei dan Kapit telah diguna dengan sewajarnya. Kebanyakan peralatan dan kelengkapan yang ada di Dewan Suarah telah diperolehi seawal tahun 1988. Faktor keusangan menyebabkan peralatan dan kelengkapan seperti peralatan siaraya, kerusi, meja makan, katil dan almari telah usang, rosak dan tidak sesuai serta selamat untuk digunakan lagi. Contohnya, sebanyak 300 unit kerusi bankuet, 30 unit meja bulat dan 20 unit pentas di Dewan Suarah Kuching tidak dapat diguna kerana telah rosak dan perlu dibaiki atau diganti. Katil bertingkat, meja solek, almari pakaian dan lantai di asrama Dewan Suarah Limbang perlu diganti untuk keselamatan pengguna. Dewan Suarah Sarikei memerlukan sistem siaraya baru dan kerusi untuk kegunaan di Dewan Serbaguna manakala Dewan Suarah Kapit perlu mengganti karpet dan kerusi di bilik mesyuarat yang telah usang.

iii) Penyimpanan Peralatan Dan Kelengkapan

Tatacara Pengurusan Stor Perenggan 126 menyatakan bahawa usaha hendaklah dibuat supaya setiap ruang stor digunakan sepenuhnya dengan mengambil kira faktor keselamatan, kemudahan pengeluaran, verifikasi dan kekemasan stor. Semakan Audit terhadap penyenggaraan stor oleh Dewan Suarah mendapati:

- **Stor Dewan Suarah Kuching**

  Dewan Suarah Kuching tidak mempunyai stor khusus untuk menyimpan peralatan dan kelengkapan. Bilik dan ruang yang ada digunakan untuk menyimpan peralatan, bahan kimia dan perkakas kebun. Lawatan Audit pada awal bulan Ogos 2007 mendapati Dewan Suarah telah mengubahsuai sebuah tapak semaian untuk menyimpan peralatan dan perkakas dapur restoran yang dipindah dari Aras 3, Blok Menara sementara menunggu untuk dilupuskan. Stor barang pelupusan adalah seperti **Foto 30**.

Foto 30
Stor Menyimpan Barang Pelupusan



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 25 Julai 2007
Lokasi : Tempat Penyimpanan Peralatan Dan Kelengkapan Dapur Restoran Dewan Suarah Kuching

Di samping itu, Dewan Suarah telah menyediakan stor sementara di tingkat bawah Blok Planetarium untuk menyimpan racun serangga, perkakas kebun dan peralatan pentas. Adalah didapati barangan tersebut tidak disusun dengan kemas menyebabkan pergerakan terhad dan kesukaran untuk mengesan barangan. Ini disebabkan tiada penjaga stor sejak bulan April 2006 dan ruang stor yang terhad. Pihak Dewan Suarah telah memohon seorang penjaga stor tetapi belum diluluskan oleh Kementerian.

- **Stor Dewan Suarah Limbang**

  Dewan Suarah Limbang tidak mempunyai stor yang khusus. Bilik atau ruang yang ada telah diguna sebagai stor. Stor untuk menyimpan bahan mudah terbakar dan racun rumput juga diguna sebagai tempat pekerja kebun beristirehat. Lawatan Audit ke kompleks sukan mendapati stor peralatan sukan yang terletak di bawah tempat duduk penonton tidak mempunyai pengaliran udara yang sempurna dan tidak muat untuk menyimpan semua peralatan sukan. Ini menyebabkan sebanyak 3 tilam model *Vinex*, 1 unit *Spike Proof* dan 1 unit *Weather proof cover* untuk acara lompat tinggi bernilai RM17,200 yang diterima daripada Kementerian pada tahun 2006 terpaksa disimpan di tempat letak kereta berbumbung bersama barangan untuk pelupusan seperti di **Foto 31.**

Foto 31
Tilam Disimpan Di Tempat Letak Kereta



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh: 17 Ogos 2007
Lokasi: Tempat Letak Kereta Dewan Suarah Limbang

Pihak Dewan Suarah telah mengemukakan cadangan kepada Setiausaha Tetap Kementerian untuk membuat stor dalam belanjawan tahun 2006. Kos yang dianggarkan oleh pihak Jabatan Kerja Raya, Bahagian Limbang untuk mengubah suai tempat letak kereta menjadi stor barang pelupusan ialah sejumlah RM28,000. Bagaimanapun, permohonan tersebut tidak diluluskan oleh Kementerian kerana masalah peruntukan.

- **Stor Dewan Suarah Sarikei**

  Dewan Suarah Sarikei mempunyai sebuah stor utama yang terletak di bawah pentas dewan serbaguna. Seorang Penjaga Stor Gred N1 telah dipertanggungjawabkan untuk merekod, menerima, menyemak, menyimpan, mengeluar stok untuk kegunaan dan menyimpan kunci stor. Lawatan Audit mendapati barangan dalam stor ini seperti 10 set tempat letak gong tidak disusun dengan teratur. Peralatan yang telah rosak seperti kerusi plastik, kerusi bankuet, alat pembesar suara, pembersih hampagas, kipas angin dan komputer tidak dilupuskan serta disimpan bersama barang yang masih boleh digunakan. Peralatan milik persatuan luar seperti alat pemadam api, alat tarian daripada kayu juga disimpan dalam stor tersebut. Bahan pencuci kimia disimpan bersama longgokan suratkhabar lama. **Foto 32** dan **Foto 33** menunjukkan keadaan stor utama yang tidak kemas.

Foto 32 **Foto 33**

Keadaan Stor Yang Tidak Kemas





Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh: 18 dan 19 Ogos 2007
Lokasi: Stor Utama Di Bawah Pentas Dewan Serbaguna, Dewan Suarah Sarikei

Adalah didapati juga suis lampu stor ini mengalami masalah litar pintas apabila dua suis lampu dipasang serentak. Perkara ini amat merbahaya kerana kebakaran boleh berlaku sekiranya pendawaian elektrik yang kurang sempurna tidak dibaiki. Dewan Suarah ini juga telah menjadikan bilik persalinan lelaki yang terletak di belakang pentas utama sebagai stor untuk menyimpan peralatan seperti kipas angin, mop, baldi, tong sampah dan dua buah pendingin air yang telah rosak disebabkan vandalisme.

- **Stor Dewan Suarah Kapit**

  Lawatan Audit ke stor Dewan Suarah Kapit mendapati 21 buah meja makan bulat bernilai RM14,490 yang dibeli melalui sebut harga pada tahun 2005 ada disimpan di dalam stor di belakang pentas dewan serbaguna. Bagaimanapun, ruang stor yang terhad menyebabkan 75 buah meja bulat yang dibeli pada tahun sebelumnya terpaksa diletak di balkoni dewan serbaguna. Selain itu, sebanyak 4 buah lampu kalimantang mudah gerak juga diletak di tempat yang sama. Ini boleh mempercepatkan proses keusangan dan peralatan elektrik yang terdedah kepada air boleh menyebabkan berlakunya litar pintas. **Foto 34** menunjukkan meja bulat dan lampu kalimantang yang terletak di balkoni dewan serbaguna.

Foto 34
Meja Bulat Dan Lampu Kalimantang Yang Diletak Di Balkoni



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh: 27 September 2007
Lokasi: Balkoni Dewan Serbaguna, Dewan Suarah Kapit

iv) Pelupusan Peralatan Dan Kelengkapan

Mengikut Tatacara Pengurusan Stor Perenggan 226, adalah menjadi tanggungjawab semua Pegawai Pengawal menentukan bahawa semua harta benda Kerajaan yang tidak boleh digunakan diperiksa dengan segera dan dilupuskan secara yang paling berfaedah. Semakan Audit terhadap rekod pelupusan mendapati:-

- **Dewan Suarah Kuching**

  Pada akhir bulan Oktober 2005, Pengurus Dewan Suarah Kuching telah membuat permohonan kepada Kementerian untuk melupuskan 23 jenis peralatan dapur restoran bernilai RM218,155 seperti peralatan elektrik/gas untuk menggoreng, membakar, memanas makanan, mesin ais kiub, peti sejuk dan peti sejuk beku yang telah usang dan tidak boleh digunakan lagi. Kontrak pembekalan, pemasangan dan pengujian peralatan dapur ini dikendalikan oleh pihak Jabatan Kerja Raya pada tahun 1989. Merujuk kepada laporan kerja pemeriksaan yang dijalankan oleh pihak Dewan Suarah Kuching, peralatan yang menjangkau usia 18 tahun telah rosak dan usang kerana faktor *wear and tear*, kesukaran mendapat alat ganti dan penyenggaraan yang kurang memuaskan. Pihak Kementerian belum lagi memberi kelulusan untuk melupuskan peralatan dan kelengkapan dapur yang telah rosak dan tidak dapat digunakan tersebut.

- **Dewan Suarah Limbang**

  Pada tahun 2007, Dewan Suarah Limbang telah menyediakan laporan kerosakan tahunan dan senarai barangan untuk pelupusan. Dewan Suarah Limbang telah menyenaraikan 14 item peralatan dan kelengkapan yang

dilupuskan tanpa Lembaga Pemeriksa untuk kelulusan Kementerian. Antara item tersebut ialah seunit mesin pemotong rumput (*Ride On Mower*) bernilai RM9,996, dua unit mesin rumput bernilai RM3,900, seunit pam jet air, seunit pendingin air, pembersih vakum yang jumlah perolehan tidak dapat ditentukan kerana tiada rekod diselenggarakan. Namun, keputusan daripada pihak Kementerian belum diperolehi.

Semakan Audit seterusnya mendapati pada akhir bulan April 2006, pihak Dewan Suarah telah memohon kelulusan daripada Setiausaha Tetap Kementerian untuk melupuskan bahan kimia yang digunakan untuk rawatan air di kolam renang. Butiran mengenai bahan kimia tersebut adalah seperti di **Jadual 23.**

Jadual 23
Bahan Kimia Yang Kurang Digunakan

Jenis Bahan Kimia	Tahun Diperolehi	Kuantiti Asal	Harga Perolehan (Seunit) (RM)	Jumlah Perolehan (RM)	Baki Stok (Beg)	Nilai Stok (RM)
Soda Carbonate (Soda Ash)	1994	200 beg (50 kg/ beg)	95	19,000	166	15,770
Aluminium Sulphate (A1-2-03-17% min)	1994	100 beg (50 kg/ beg)	98	9,800	61	5,978
Jumlah				**28,800**	**227**	**21,748**

Sumber: Rekod Penggunaan Bahan Kimia Dewan Suarah Limbang

Perolehan bahan kimia yang bernilai RM28,800 tersebut telah diperolehi pada tahun 1994. Mengikut rekod penggunaan bahan kimia, kolam renang hanya memerlukan 6 beg *Soda Carbonate* dan 6 beg *Aluminium Sulphate* sahaja untuk kegunaan setahun. Kegagalan pihak Dewan Suarah pada masa itu membuat kajian awal perolehan menyebabkan stok bahan kimia menjadi berlebihan dan kurang digunakan. Akibatnya, berlaku pembaziran 227 beg bahan kimia bernilai RM21,748. Semakan audit mendapati bahan kimia tersebut telah menjadi keras dan tidak dapat digunakan lagi. **Foto 35** dan **Foto 36** menunjukkan bahan kimia yang telah rosak.

Foto 35
Bahan Kimia Yang Telah Rosak
Dan Tidak Dapat Digunakan



Sumber: Foto Dewan Suarah Limbang
Tarikh: 17 Ogos 2007
Lokasi: Stor Bahan Kimia, Dewan Suarah Limbang

Foto 36
Bahan Kimia Yang Telah Rosak
Dan Tidak Dapat Digunakan



Sumber: Foto Dewan Suarah Limbang
Tarikh: 17 Ogos 2007
Lokasi: Stor Bahan Kimia, Dewan Suarah Limbang

Bahan tersebut masih disimpan dalam stor kimia kolam renang. Permohonan untuk melupuskan bahan kimia ini telah diluluskan oleh pihak Kementerian pada akhir bulan Mei 2006 dengan syarat mematuhi prosedur pelupusan bahan kimia yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Pelupusan belum dapat dilakukan kerana pemohonan peruntukan tambahan oleh pihak Dewan Suarah belum diluluskan oleh Kementerian.

- **Dewan Suarah Sarikei Dan Kapit**
  Pemeriksaan Audit terhadap stor peralatan dan kelengkapan Dewan Suarah Sarikei dan Kapit mendapati peralatan seperti di **Jadual 24** telah rosak tetapi tindakan pelupusan belum dilaksanakan.

Jadual 24
Tindakan Pelupusan Belum Dilakukan Terhadap Peralatan Yang Rosak

Dewan Suarah	Peralatan Yang Rosak	Harga Perolehan (RM/Unit)	Kuantiti	Jumlah Perolehan (RM)	Tahun Perolehan
Sarikei	Kipas angin	TM	3	670	1989
	Penyapu elektrik jenama Kracher	TM	1	648	2005
	Kerusi plastik	TM	78	1,818	1994,1996, 2005
	Kerusi bankuet	TM	400	TM	1988
	Alat pembesar suara model Peavey	TM	1	650	1990
	Pembersih hampagas	TM	1	TM	1988
	Komputer jenama Tatung	TM	1	TM	1997
Kapit	Meja bulat VIP berukuran 5'10" dengan kaki	TM	2	TM	1989
	Meja makan bulat VIP 2'9"	TM	3	TM	1989
	Meja makan bulat 4'6" dengan kaki	TM	35	TM	1989
	Meja makan bulat 4'6" dengan kaki	150	10	1,500	1992
	Meja makan bulat 4'6" dengan kaki	280	5	1,400	2001
	Kotak aluminium 40 wats tiub kalimantang	150	12	1,800	1994
	Tiang lampu Badminton	300	12	3,600	1994

Sumber: Rekod Inventori Dewan Suarah Sarikei/Kapit

Catatan: TM – Tiada Maklumat

v) Penyelenggaraan Rekod Peralatan Dan Kelengkapan

Kerajaan Negeri melalui Surat Pekeliling Bilangan 18 Tahun 1992 menggalak Jabatan atau Agensi Kerajaan mengguna pakai Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1991 sebagai garis panduan pengurusan aset. Semakan Audit mendapati pihak Dewan Suarah Limbang, Sarikei dan Kapit telah menyelenggara Daftar Harta Modal, Inventori dan Bekalan Pejabat dengan kemaskini. Bagaimanapun, Dewan Suarah Kuching tidak dapat mengemukakan sebarang daftar aset untuk semakan Audit.

vi) Perolehan Kerja Dan Perkhidmatan

Mengikut Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bilangan 5 Tahun 2003, para penjawat awam tidak dibenar sama sekali memecahkecilkan nilai perolehan kerja, perkhidmatan dan bekalan bagi mengelak prosedur perolehan yang sedang berkuatkuasa. Tindakan tatatertib boleh diambil terhadap pegawai yang tidak mematuhi peraturan ini. Sebarang pengecualian hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Setiausaha Kewangan Negeri.

Semakan Audit mendapati bagi tahun 2005 dan 2006, kerja penyenggaraan di Dewan Suarah Kuching dan Sarikei telah dipecahkecilkan bagi mengelak pelawaan sebut harga. Di samping itu, kelulusan dan anggaran kos daripada Jabatan Kerja Raya tidak diperolehi dahulu sebelum kerja penyenggaraan dan pengubahsuaian dilakukan selaras dengan peraturan yang ditetapkan. Perkara ini telah ditegur oleh Setiausaha Kerajaan Negeri pada akhir bulan Disember 2005. Kerja penyenggaraan yang dipecahkecilkan pada tahun 2005:-

- **Dewan Suarah Kuching**

  Antara kerja penyenggaraan yang dipecahkecilkan oleh Dewan Suarah Kuching adalah seperti di **Jadual 25.**

Jadual 25
Kerja Penyenggaraan Dewan Suarah Kuching Yang Dipecahkecilkan

Tarikh	No. Baucar	Amaun (RM)	Nama Syarikat	Jenis Kerja
24.01.2005	00016(B)	8,700	Afnan Enterprise	Membersih dan mengecat *roller shelter* semua gerai di Blok Planetarium, Dewan Suarah Kuching
24.01.2005	00017(B)	9,720	Nur Akmal Enterprise	Mengecat dinding di sekeliling pejabat Planetarium.
01.02.2005	00044	5,785	Afnan Enterprise	Membaiki dan mengecat meja yang terdapat di gerai-gerai Blok Planetarium.
26.01.2005	00025	9,900	Pro Excell Enterprise	Membekal dan memasang set lengkap tirai dua lapis.
26.01.2005	00026	8,515	S.P Global Enterprise	Memasang kain hiasan siling.
28.01.2005	00039	9,800	Matahari Sales & Services	Membekal, mengganti, membaiki dan memasang *Polycarbonate roofing* di dewan serbaguna.
15.02.2005	00069	2,800	Classic Jaya	Mengganti *Polycarbonate roofing* di dewan serbaguna.
24.01.2005	00021(B)	9,840	Syarikat Starwang Jaya	Membekal dan memasang 3 pasang pintu rintangan (*fire door*) termasuk aksesori di Blok Menara.
28.01.2005	00041	8,560	SarStar Enterprise	Membekal dan memasang 8 pasang pintu rintangan api termasuk aksesori di Blok Menara. Juga membaiki dan mengecat 18 pasang pintu rintangan api.
28.07.2005	00357	5,580	S.P Global Enterprise	Pendawaian dan membekal tirai hiasan baru.
28.07.2005	00358	4,980	Pro Excell Enterprise	Membekal bidai aluminium anika warna baru.
17.11.2005	00650	9,130	Kazani Enterprise	Membekal dan memasang lapisan bawah karpet dan karpet lantai di pejabat tingkat 4, Blok Menara.
18.11.2005	00653	3,210	Sarstar Enterprise	Mengecat siling dan memasang *down lighting* termasuk pendawaian di pejabat Aras 4, Blok Menara.
18.11.2005	00656	5,725	Samariang Bumi PJ	Membekal dan memasang siling plaster, mengecat dan memasang *down lighting* dan sebagainya.
18.11.2005	00666	8,350	Syarikat Meretima Jaya	Mengganti siling lama dan memasang siling plaster baru di pejabat Aras 4, Blok Menara.
18.11.2005	00667	9,139	M & R Enterprise	Membekal dan memasang karpet lantai di pejabat Pusat Khidmat Sukarelawan di Dewan Suarah Kuching.
01.12.2005	00684	9,845	Syarikat Seri Wadil	Membersih dan mengecat Blok Menara, Planetarium dan Dewan Serbaguna.
23.12.2005	00755	6,580	D Enterprise	Membersih dan mengecat pagar.
23.12.2005	00758	7,740	D Enterprise	Membersih dan mengecat dinding di dalam dan diluar Dewan Serbaguna.
Jumlah		**143,899**		

Sumber: Buku Vot Dewan Suarah Kuching

Semakan Audit seterusnya mendapati pihak Dewan Suarah Kuching telah menjalankan kerja penyenggaraan pencegahan tetapi tender tidak dipelawa untuk kerja penyenggaraan mekanikal dan elektrikal termasuk penghawa dingin bernilai RM191,100 untuk tempoh 3 tahun dari tahun 2005 hingga 2007 seperti di **Jadual 26.**

Jadual 26
Kerja Penyenggaraan Mekanikal Dan Elektrikal Tahun 2005 Hingga 2007

Nama Kontraktor	Butiran Penyenggaraan	Kekerapan Servis	Kos Setahun (RM)	Jumlah Kos (RM)
Voon Fook Electrical	Menjalankan pemeriksaan berjadual dan penyenggaraan pencegahan terhadap Sistem Elektrik	Bulanan	9,600	28,800
Sin Nyen Electronic Electrical	Menjalankan pemeriksaan berjadual dan penyenggaraan pencegahan terhadap Sistem Pencegahan Kebakaran	Bulanan	8,400	25,200
Dunham Bush Sdn Bhd	Menjalankan pemeriksaan berjadual dan penyenggaraan pencegahan terhadap 2 unit *Dunham Bush Chiller*	Bulanan	6,000	18,000
Tafing System Enterprise	a) Menjalankan penyenggaraan pembersihan berjadual terhadap 2 unit *Cooling Tower System* di Blok Utiliti	Bulanan (2005-2006)	7,800	15,600
	b) Menjalankan penyenggaraan terhadap 4 buah Fountain Pools & Filteration System	Bulanan (2005-2006)	5,400	10,800
Oasis Chemical Sdn Bhd *	c) Menyedia penyenggaraan teknikal dan menjalankan rawatan air berjadual terhadap 2 unit TEXEL PCF-007X kapasiti 964,300 kcah/h *Cooling Tower* di Blok Utiliti * mengganti Tafing System Enterprise	Bulanan (dari bulan Julai 2007)	4,500	4,500
CRW Mech. & Elect. Sdn Bhd	Menjalankan penyenggaraan berjadual terhadap 12 unit AHU dan 5 buah *Split unit* Penghawa Dingin	Bulanan	9,000	27,000
Eastrise Engineering	Menjalankan penyenggaraan berjadual terhadap *Diesel Engine Standby Generator set*	4 Bulan sekali	1,000	3,000
Syarikat Landasan Enterprise	Menjalankan penyenggaraan berjadual terhadap Sistem Bekalan Air Sejuk, *Plumbing and Sanitary fittings*	Bulanan	9,600	28,800
ENV Services Sdn Bhd	a) *To deploy High Pressure Water Jetting Tanker and supporting equipment to service and clean waste/sewer line throughout the complex, leading to pumping station*	6 bulan sekali	4,400	13,200
	b) Mengguna lori penyedut dan peralatan sokongan untuk menyenggara dan membersih *Circular Grease Trap* di Blok Planetarium dan memindahkannya dari tapak.	6 bulan sekali	800	2,400
	c) Mengguna lori penyedut dan peralatan sokongan untuk menyenggara dan membersih seunit tangki najis di perpustakaan	6 bulan sekali	1,000	3,000
	d) *To carry out scheduled process maintenance service to sewage treatment plant*	6 bulan sekali	3,600	10,800
Jumlah				**191,100**

Sumber: Rekod Kerja Penyenggaraan Dewan Suarah Kuching

Kerja penyenggaraan pencegahan ini telah ditawar terus kepada 8 kontraktor yang dikenalpasti tanpa melalui Jabatan Kerja Raya dengan alasan harga yang ditawarkan lebih murah daripada anggaran kos yang dibuat oleh Jabatan Kerja Raya dan prestasi kontraktor adalah memuaskan. Kelulusan untuk permohonan pengecualian telah diperoleh daripada Setiausaha Kerajaan Sarawak untuk kerja penyenggaraan tahun 2005

memandangkan komitmen telah dibuat dengan kontraktor terlibat. Bagaimanapun, pihak Dewan Suarah dinasihatkan agar mematuhi sepenuhnya arahan yang telah ditetapkan pada tahun seterusnya.

Pada tahun 2006 dan 2007, seperti yang dipersetujui oleh pihak Dewan Suarah Kuching dan Jabatan Kerja Raya setiap kerja penyenggaraan telah dimaklumkan kepada pihak Jabatan Kerja Raya sebelum kerja tersebut dilakukan. Kerja yang dilakukan oleh kontraktor berkenaan dipantau dan diperiksa oleh Juruteknik Dewan Suarah dan pegawai teknikal dari Jabatan Kerja Raya. Pengesahan kerja pada invois pembekal dibuat oleh pihak Jabatan Kerja Raya. Namun begitu, surat kebenaran daripada pihak Jabatan Kerja Raya atau Setiausaha Kerajaan Sarawak untuk Dewan Suarah melantik sendiri kontraktor tidak diperolehi. Semakan Audit seterusnya mendapati tiada sebarang perjanjian kontrak dipersetujui dan ditandatangani antara pihak Dewan Suarah dan kontraktor berkenaan. Maka kepentingan Kerajaan tidak dijaga sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diingini. Pihak Kementerian hendaklah mengkaji semula dan memohon nasihat daripada pihak Jabatan Kerja Raya mengenai kerja penyenggaraan yang dijalankan.

Semakan Audit terhadap penyenggaraan landskap mendapati Dewan Suarah Kuching tidak mempelawa tender bagi kerja penyenggaraan landskap, memotong rumput dan pembersihan parit/longkang dan kawasan persekitaran serta memangkas pokok bernilai RM113,390 pada tahun 2005. Kerja tersebut telah dipecahkecilkan melalui 17 baucar bayaran. Manakala bagi tahun 2006, sebut harga tidak dipelawa bagi kerja penyenggaraan landskap, memotong rumput dan memangkas dahan, pokok serta tumbuhan bernilai RM37,500 seperti di **Jadual 27.** Bagi tahun 2007, Dewan Suarah Kuching telah membuat sendiri kerja penyenggaraan landskap.

Jadual 27
Kerja Penyenggaraan Landskap Yang Dipecahkecilkan Bagi Tahun 2005 Hingga 2006

No. Baucar Bayaran	Tarikh	Amaun (RM)	Nama Pembekal	Jenis Kerja Penyenggaraan
00042 00103 00166	28.01.2005 09.03.2005 06.04.2005	11,850	Zona Enterprise	Landskap di dalam dan persekitaran Dewan Suarah bagi bulan Januari hingga Mac 2005 dengan kadar RM3,950 sebulan.
00264 00360 00378 00460 00521 00642 00731 00761	26.05.2005 05.08.2005 11.08.2005 08.09.2005 05.10.2005 16.11.2005 14.12.2005 23.12.2005	36,000	Syarikat Starwang Jaya	Penyenggaraan landskap di kawasan berkaitan bagi bulan April hingga Disember 2005 dengan kadar RM4,000 sebulan.
00198	20.04.2005	37,700	Syarikat Starwang Jaya	Kerja menaiktaraf landskap bagi kawasan utama Dewan Suarah. Sebut harga no.DSNK/Q/005(4)
00015(B)	24.01.2005	9,500	Sarstar Enterprise	Memangkas dan membuang pokok untuk keseluruhan kawasan Dewan Suarah
00040 00102 00197	28.01.2005 09.03.2005 20.04.2005	10,800	Syarikat Starwang Jaya	Kerja pembersihan longkang, jalan, tong sampah di seluruh kawasan Dewan Suarah dengan kadar RM3,600 sebulan
00645	16.11.2005	7,540	Kieto Rajesh Enterprise	Menyembur rumput rampai di luar dan dalam pagar, membuang dan membersih sampah sarap dan parit di kawasan letak kereta.
Jumlah Tahun 2005		**113,390**		
00131 00135	29.03.2006 04.04.2006	8,000	ZN Enterprise	Landskap di persekitaran Dewan Suarah bagi bulan Januari hingga Februari 2006 dengan kadar RM4,000 sebulan.
00243	19.05.2006	3,950	ZAR Landscaping	Penyenggaraan landskap dan memotong rumput di seluruh kawasan Dewan Suarah.
00282	14.06.2006	3,950	ZAR Landscaping	Penyenggaraan landskap dan memotong rumput di seluruh kawasan Dewan Suarah.
00474	07.09.2006	2,650	ANZ Enterprise	Kerja memotong rumput serta membuang sampah di seluruh kawasan Dewan Suarah bagi bulan Ogos 2006.
00613	09.11.2006	4,700	Syarikat Isuju	Menyenggara landskap dan memotong rumput di seluruh kawasan Dewan Suarah bagi bulan September dan Oktober 2006.
00692 00711	08.12.2006 19.12.2006	4,700	Syarikat Isuju	Menyenggara landskap dan memotong rumput di seluruh kawasan Dewan Suarah bagi bulan November dan Disember 2006.
00481	11.09.2006	9,550	KASMA Enterprise	Memangkas dahan, pokok, tanaman dan lain-lain.
Jumlah Tahun 2006		**37,500**		

Sumber : Buku Vot Dewan Suarah Kuching

Kerja landskap yang melibatkan memotong rumput, pemangkasan tumbuhan dan membersih longkang telah dilakukan oleh Nilam Ceria Sdn. Bhd dua kali sebulan dengan kadar RM700 sebulan bagi tempoh 33 bulan.

Semakan Audit seterusnya mendapati perbelanjaan kerja penyenggaraan landskap di kawasan loji kumbahan dan sekitarnya berjumlah RM23,100 untuk tempoh tahun 2005 hingga 2007 telah salah dicaj kepada penyenggaraan mekanikal dan elektrikal.

- **Dewan Suarah Sarikei**
  Semakan Audit terhadap kerja penyenggaraan kolam renang di Dewan Suarah Sarikei bagi tahun 2005 mendapati kerja membaiki *Chlorinator Advance Series 480* yang bernilai RM10,968 telah dilakukan oleh kontraktor yang sama iaitu *Instinct Global-Link* tetapi kerja dipecahkecilkan dan dibayar melalui dua baucar bayaran bertarikh 22.04.2005 berjumlah RM4,986 dan RM5,982. Semakan Audit seterusnya mendapati pada tahun 2005, kerja penyenggaraan landskap bernilai RM13,680 telah dilakukan oleh *Bulat Nursery* dengan kadar RM1,140 sebulan. Pada tahun 2006 dan 2007, kerja penyenggaraan landskap masih dilakukan oleh *Bulat Nursery* tetapi kadar telah dinaikkan menjadi RM1,500 sebulan di mana jumlah keseluruhannya berjumlah RM36,000 dan sebut harga tidak dipelawa untuk kerja melebihi RM10,000 setahun.

- **Dewan Suarah Kapit**
  Bagi tempoh 2005 hingga 2007, kerja yang dibuat secara kontrak oleh Dewan Suarah Kapit adalah seperti penyenggaraan mekanikal dan elektrikal dan penyenggaraan penghawa dingin, mengecat, mengubahsuai tandas, menyenggara bangunan Dewan Suarah dan menukar jubin lantai. Semakan Audit mendapati pada tahun 2005, Dewan Suarah Kapit telah mempelawa 3 sebut harga bernilai RM98,300 untuk kerja mengubahsuai tandas bernilai RM49,000 dan kerja mengecat bangunan berjumlah RM34,800 dan menukar jubin lantai tempat duduk penonton berjumlah RM14,500.

Pada pendapat Audit, kaedah pelaksanaan yang meliputi perolehan bekalan dan kerja, penyimpanan dan pelupusan peralatan adalah tidak memuaskan.

12.2.6 Penyenggaraan Kemudahan Dewan Suarah

Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, Dewan Suarah Kuching, Limbang, Sarikei dan Kapit telah membelanjakan sejumlah RM4.06 juta daripada peruntukan sejumlah RM4.19 juta untuk kerja penyenggaraan seperti mekanikal dan elektrikal, penghawa dingin, lif, landskap, bangunan Dewan Suarah, kolam renang, asrama, mini muzium, kompleks sukan serta penyenggaraan khas. Jenis dan perbelanjaan sebenar kerja penyenggaraan bagi tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 28.**

Jadual 28
Perbelanjaan Sebenar Kerja Penyenggaraan Bagi Tahun 2005 Hingga 2007

Dewan Suarah	Jenis Penyenggaraan	Perbelanjaan Sebenar Tahun			Jumlah
		2005 (RM)	2006 (RM)	2007 (RM)	(RM)
Kuching	Landskap	154,990	49,521	25,528	230,039
	Dewan Suarah	339,349	240,293	124,323	703,965
	Pusat Khidmat Sukarelawan	18,310	Tiada	Tiada	18,310
	Penghawa Dingin	61,685	39,775	Tiada	101,460
	Planetarium	27,290	21,855	74,590	123,735
	Lif	Tiada	Tiada	1,190	1,190
	Mekanikal & Elektrikal	197,529	733,238	186,207	1,116,974
	Khas	45,419	-	4,800	50,219
Limbang	Landskap	27,170	2,026	8,549	37,745
	Dewan Suarah	93,669	14,784	102,499	210,952
	Penghawa Dingin	4,995	3,859	7,980	16,834
	Mekanikal & Elektrikal	74	23,543	1,778	25,395
	Khas	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
	Asrama	44,964	38,064	11,353	94,381
	Kompleks Sukan	83,394	36,245	34,160	153,799
	Kolam Renang	122,145	63,767	57,893	243,805
Sarikei	Landskap	14,151	8,835	9,038	32,024
	Dewan Suarah	69,226	46,840	7,214	123,280
	Penghawa Dingin	3,386	2,646	9,000	15,032
	Mekanikal & Elektrikal	6,131	2,579	2,138	10,848
	Khas	39,998	Tiada	Tiada	39,998
	Kolam Renang	122,389	97,831	76,427	296,647
Kapit	Landskap	17,571	12,401	9,794	39,766
	Dewan Suarah	101,861	39,151	19,569	160,581
	Mini Muzium	4,975	2,500	1,494	8,969
	Penghawa Dingin	13,955	11,385	5,120	30,460
	Mekanikal & Elektrikal	14,492	6,359	9,529	30,380
	Khas	135,163	Tiada	11,306	146,469
Jumlah		**1,764,281**	**1,497,497**	**801,479**	**4,063,257**

Sumber: Penyata Perbelanjaan Tahunan Dewan Suarah

a) Kaedah Penyenggaraan

Semakan Audit mendapati kerja penyenggaraan mekanikal dan elektrikal, penghawa dingin, landskap dan kerja penyenggaraan lain dilaksanakan mengikut keperluan kecuali penyenggaraan mekanikal dan elektrikal di Dewan Suarah Kuching yang dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan.

i) Penyenggaraan Mekanikal Dan Elektrikal

Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, sejumlah RM1.18 juta telah dibelanjakan oleh Dewan Suarah Kuching, Limbang, Sarikei dan Kapit untuk penyenggaraan mekanikal dan elektrikal. Bagi memastikan sistem mekanikal dan elektrikal sentiasa berfungsi dalam keadaan yang selamat, penyenggaraan pencegahan dan pemulihan hendaklah dilakukan. Semakan Audit mendapati pihak

kontraktor telah mematuhi Jadual Dan Prosedur Kerja Penyenggaraan Mekanikal Dan Elektrikal yang disediakan oleh Dewan Suarah Kuching.

Selain penyenggaraan pencegahan, pihak Dewan Suarah Kuching juga menjalankan penyenggaraan pemulihan bernilai RM29,147 terhadap sistem mekanikal dan elektrikal bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007. Kerja yang dilakukan termasuk kerja membaiki dan mengganti komponen atau alat yang rosak bagi memastikan ianya terus berfungsi dan mencapai jangka hayat yang ditetapkan. Kerja penyenggaraan pemulihan yang dijalankan bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 29.**

Jadual 29
Kerja Penyenggaraan Pemulihan Bagi Tahun 2005 Hingga 2007

Tahun	Skop Kerja	Kos (RM)	Justifikasi Penyenggaraan
2005	Membaiki dan menyenggara 1 unit *Chiller Water Pump* lengkap dengan alat gantian	1,800	Penyenggaraan sebelum kerosakan teruk pada peralatan.
	Membaiki dan menyenggara sistem air sejuk lengkap dengan alat gantian	1,657	Kerosakan menyebab gangguan bekalan air untuk seluruh bangunan.
2006	Mengganti 1 unit pengecas bateri yang rosak untuk set janakuasa kecemasan di Blok Utiliti.	3,200	Kerosakan pengecas bateri. Tidak ekonomi untuk dibaiki.
	Pemasangan elektrik baru di tingkat bawah, Blok Menara.	6,500	Menaiktaraf kemudahan untuk mengatasi masalah sambungan sumber kuasa yang teratur dan selamat di tingkat bawah, Blok Menara dan kawasan sekitarnya.
	Pembaikan besar dan membaik pulih panel kawalan amaran kebakaran utama lengkap dengan alat gantian	4,110	Peralatan tidak berfungsi.
2007	Membekal dan mengganti bahagian *Chiller 2 –NC25-4 Micro Board Keypad*.	4,500	Kegagalan mempamerkan digit. Indikator penting untuk keadaan operasi *Chiller*.
	Kerja pembaikan untuk *RBC Filtering Drum* di loji kumbahan.	7,380	Kerosakan sistem. Penting untuk memasti kualiti yang tinggi hingga ke paras minimum yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
Jumlah		**29,147**	

Sumber:Rekod Penyenggaraan Pemulihan Dewan Suarah Kuching Tahun 2005 Hingga 2007

Semakan Audit seterusnya mendapati kerja penyenggaraan pemulihan dilakukan segera oleh Juruteknik Dewan Suarah atau kontraktor yang dilantik untuk menyediakan perkhidmatan bulanan. Bagi kerosakan besar dan perlu penggantian peralatan yang mahal, pihak Jabatan Kerja Raya akan dimaklumkan untuk menjalankan pemeriksaan dan menganggar kos terlibat. Manakala kerja penyenggaraan pemulihan lif diserahkan sepenuhnya kepada pihak Jabatan Kerja Raya untuk mengurus perolehan dan pembayaran. Kos

penyenggaraan pencegahan dan pemulihan untuk mekanikal dan elektrikal bagi Dewan Suarah Limbang, Sarikei dan Kapit adalah berjumlah RM66,623.

Semakan Audit terhadap rekod mendapati kerja penyenggaraan penghawa dingin di Dewan Suarah Kuching, Limbang, Sarikei dan Kapit dilakukan setiap bulan oleh pihak kontraktor.

b) Penyenggaraan Struktur Bangunan Dewan Suarah

Kerja penyenggaraan struktur bangunan Dewan Suarah dilakukan apabila perlu dan keutamaan diberi kepada kerja yang kritikal dan boleh membahayakan pengguna.

i) Bumbung Menara Dewan Suarah Kuching

Bumbung Blok Menara di Dewan Suarah Kuching yang berbentuk payung diperbuat daripada *translucent polycarbonate*. Pada siang hari, bumbung ini akan membenarkan cahaya matahari menyinari lorong kompleks dan pada waktu malam keseluruhan bumbung akan bersinar bila lampu khas dipasangkan. Bagaimanapun, selepas 19 tahun blok menara ini hilang keindahannya disebabkan oleh kesan cuaca dan penyenggaraan yang tidak berkesan. Bumbung *polycarbonate* tersebut telah rapuh, retak dan ditumbuhi kulat menyebabkan berlaku kebocoran. Bagaimanapun reka bentuk, bahan yang digunakan dan ketinggian menara kira-kira 74 meter menimbulkan masalah dalam penyenggaraannya. Dewan Suarah ada merancang untuk menukar keseluruhan bumbung blok menara. Memandangkan kos tinggi dan peruntukan terhad, kerja mengatap semula Blok Menara yang dianggarkan bernilai RM3 juta belum dapat dilakukan dan kerja ini telah dimasuk dalam RMK-9.

ii) Siling Dewan Serbaguna Di Dewan Suarah Kapit

Lawatan Audit ke Dewan Suarah Kapit mendapati kebanyakan *melcon* siling bahagian koridor tingkat atas dewan serbaguna telah reput dan boleh mengancam keselamatan pengguna. Kerja membaiki pulih siling dewan serbaguna termasuk mengecat yang dianggar bernilai RM132,000 belum dapat dilakukan kerana tiada peruntukan. Bahagian siling yang telah reput adalah seperti di **Foto 37.**

Foto 37
Bahagian Siling Yang Telah Reput



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh: 27 September 2007
Lokasi: Siling T&G Bintang Dewan Serbaguna, Dewan Suarah Kapit

c) Penyenggaraan Kompleks / Kemudahan Sukan

Pada Tahun 2000 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah memutuskan kompleks sukan di peringkat Ibu Pejabat Bahagian kecuali Kuching yang dahulunya diuruskan oleh Dewan Suarah diambil alih oleh Pegawai Menguasa Pejabat Pembangunan Sosial. Semakan Audit mendapati pengurusan kompleks sukan di Kuching diurus oleh Perbadanan Stadium Sarawak, kompleks sukan di Limbang masih diurus oleh Dewan Suarah, manakala di Sarikei dan Kapit telah diurus oleh Pegawai Menguasa Pejabat Pembangunan Sosial di Bahagian berkenaan. Lawatan Audit ke Kompleks Sukan Limbang mendapati:

i) Trek Balapan di Kompleks Sukan Limbang


Trek balapan di Kompleks Sukan Limbang telah berlubang, retak dan pecah. Ini boleh mencederakan atlet atau pengguna trek tersebut. Trek yang rosak adalah seperti di **Foto 38** dan **Foto 39.**

Foto 38
Pemandangan Kompleks Sukan Limbang



Sumber: Foto Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi Sarawak
Tarikh: 17 Ogos 2007
Lokasi: Kompleks Sukan, Limbang

Foto 39
Trek Balapan Yang Rosak Di Kompleks Sukan Limbang



Sumber: Foto Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi Sarawak
Tarikh: 17 Ogos 2007
Lokasi: Kompleks Sukan, Limbang

Semakan Audit mendapati pihak Dewan Suarah telah mengambil tindakan proaktif dengan memohon peruntukan daripada Pejabat Daerah Limbang di bawah Projek Penyenggaraan Infrastruktur Awam bagi tahun 2007. Namun kerja penggantian trek belum dapat dijalankan kerana peruntukan tidak mencukupi. Akibatnya, aktiviti sukan seperti penganjuran sukan sekolah peringkat negeri tidak dapat diadakan di Limbang.

ii) Gelanggang Gasing

Pada awal bulan Julai 2005, Pengurus Dewan Suarah Limbang telah memohon bantuan kewangan daripada Setiausaha Tetap Kementerian untuk membaik pulih gelanggang gasing yang telah mengalami kerosakan seperti sebahagian atap telah diterbang oleh angin, air hujan bertakung di sekeliling gelanggang dan rangka besi telah berkarat. Anggaran kos untuk membaik pulih gelanggang tersebut oleh pihak Jabatan Kerja Raya ialah RM10,000. Lawatan Audit mendapati gelanggang gasing masih belum diperbaiki kerana bantuan kewangan belum diperolehi.

d) Penyenggaraan Landskap

Dalam melaksanakan Amalan Budaya Kebersihan, Setiausaha Tetap Kementerian telah mengeluarkan satu panduan terhadap penjagaan dan penyenggaraan kemudahan sosial. Antara aspek yang dititik beratkan ialah penyeliaan landskap dilakukan pada tahap yang memuaskan. Pemotongan rumput hendaklah dilakukan minimum sekali dalam masa 2 minggu, pembajaan hendaklah sentiasa dibuat, pemangkasan dan penanaman semula pokok dilakukan bila perlu, gotong-royong dilakukan sekali sebulan di kawasan landskap dan kawasan padang bola yang rosak perlu dibaik pulih. Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, sejumlah

RM339,574 telah dibelanjakan untuk penyenggaraan landskap seperti di **Jadual 30.**

Jadual 30
Jumlah Peruntukan Dan Perbelanjaan Untuk
Penyenggaraan Landskap Bagi Tahun 2005 Hingga 2007

Dewan Suarah	Peruntukan Tahun				Perbelanjaan Tahun			
	2005 (RM)	2006 (RM)	2007 (RM)	Jumlah (RM)	2005 (RM)	2006 (RM)	2007 (RM)	Jumlah (RM)
Kuching	160,000	50,000	22,000	232,000	154,990	49,521	25,528	230,039
Limbang	30,000	10,000	6,000	46,000	27,170	2,026	8,549	37,745
Sarikei	17,000	9,500	10,000	36,500	14,151	8,835	9,038	32,024
Kapit	17,700	17,700	10,000	45,400	17,571	12,401	9,794	39,766
Jumlah	**224,700**	**87,200**	**48,000**	**359,900**	**213,882**	**72,783**	**52,909**	**339,574**

Sumber: Buku Vot Dewan Suarah Tahun 2005 Hingga 2007

Lawatan Audit mendapati penyeliaan terhadap kerja penyenggaraan landskap di Dewan Suarah Kuching, Limbang, Sarikei dan Kapit adalah memuaskan. Semakan Audit seterusnya mendapati:

i) Dewan Suarah Kuching

Bagi tahun 2005 hingga 2006, kerja penyenggaraan landskap berjumlah RM204,511 telah dilakukan oleh kontraktor yang dilantik oleh Dewan Suarah Kuching. Kerja penyenggaraan landskap termasuk memotong rumput, pemangkasan tumbuhan dan pembersihan parit dilakukan sebulan sekali oleh kontraktor yang dilantik. Bagaimanapun, pada tahun 2007 kerja penyenggaraan landskap termasuk memotong rumput, memangkas, menyapu daun kering, membaja, menanam bunga serta tumbuhan telah dilakukan setiap hari oleh 4 kakitangan Dewan Suarah berjawatan Pekerja Rendah Awam Gred R1. Jumlah perbelanjaan untuk landskap pada tahun 2007 ialah RM25,528. **Foto 40** menunjukkan landskap yang dilakukan oleh kakitangan Dewan Suarah Kuching.

Foto 40
Landskap Yang Disenggarakan Oleh
Kakitangan Dewan Suarah Kuching



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh: 11 Januari 2008
Lokasi: Bahagian Hadapan Dewan Suarah Kuching

ii) Dewan Suarah Sarikei

Kerja penyenggaraan landskap dan memotong rumput di Dewan Suarah Sarikei dilakukan sepenuhnya oleh pihak kontaktor. Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, sejumlah RM32,024 telah dibelanjakan untuk penyenggaraan landskap. Dewan Suarah ada menyediakan justifikasi yang jelas mengenai penyeliaan terhadap penyenggaraan landskap dan penanaman bunga. Pemotongan rumput dilakukan dua minggu sekali dan pembajaan bunga dilakukan sebulan sekali. Daun dan ranting yang sudah kering dibuang. Bunga yang telah mati ditanam semula. **Foto 41** menunjukkan landskap Dewan Suarah Sarikei yang dilakukan oleh pihak kontraktor.

Foto 41
Landskap Dewan Suarah Sarikei
Yang Disenggarakan Oleh Kontraktor



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh: 18 Ogos 2007
Lokasi: Dewan Suarah Sarikei

iii) Dewan Suarah Limbang Dan Dewan Suarah Kapit

Kerja penyenggaraan landskap di Dewan Suarah Limbang dilakukan oleh 3 kakitangan Dewan Suarah yang berjawatan Pekerja Rendah Awam Gred R1 manakala di Dewan Suarah Kapit dilakukan oleh 2 orang Pekerja Rendah Awam Gred R1. Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, jumlah perbelanjaan untuk penyenggaraan landskap Dewan Suarah Limbang ialah sejumlah RM37,745 manakala Dewan Suarah Kapit sejumlah RM39,766. Perbelanjaan tersebut untuk pembelian tanah, baja, pokok bunga, pasu, racun rumput, peralatan dan kelengkapan landskap serta kerja pembuangan dahan pokok dan sampah. Kerja penyenggaraan yang dilakukan oleh kakitangan adalah seperti memotong atau mencabut rumput, memangkas, membaja, menyiram, menanam bunga, mengutip sampah di sekitar kawasan landskap serta membersih longkang dan parit. Jadual harian disediakan dan kerja yang dilakukan setiap hari dipantau oleh seorang penyelia. Laporan kemajuan dikemukakan pada mesyuarat bulanan. Selain itu, Pengurus Dewan Suarah telah mengadakan gotong-royong bersama kakitangan untuk membersih kawasan bangunan Dewan Suarah Kapit. **Foto 42** dan **Foto 43** menunjukkan landskap yang dilakukan oleh kakitangan Dewan Suarah Limbang dan Kapit.

Foto 42
Landskap Yang Disenggarakan Oleh Kakitangan Dewan Suarah Limbang



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh: 15 Ogos 2007
Lokasi: Dewan Suarah Limbang

Foto 43
Landskap Yang Disenggarakan Oleh Kakitangan Dewan Suarah Kapit



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh: 27 September 2007
Lokasi: Dewan Suarah Kapit

Pihak pendapat Audit, kerja penyenggaraan landskap di setiap Dewan Suarah adalah di tahap yang memuaskan.

e) Keselamatan Infrastruktur Dan Pengguna

Setiausaha Tetap Kementerian telah mengeluarkan Kertas Minit bil.KPS/1026/A pada awal bulan November 2005 kepada Jabatan dan Bahagian di bawah kawalannya agar mengutamakan keselamatan pengguna. Semakan Audit mendapati pemeriksaan dan penilaian yang dilakukan oleh pihak Jabatan Kerja Raya pada tahun 2006 terhadap sistem pencegahan kebakaran di Dewan Suarah Kuching mendapati paip air di bawah tanah telah uzur dan berlaku kebocoran sepanjang paip tersebut. Anggaran kos mengganti 4 unit paip selebar 150mm untuk menyembur dan *wet riser* dari bilik loji ke bangunan berkenaan ialah sejumlah RM105,000. Kerja penggantian paip belum dijalankan kerana peruntukan untuk kerja mengganti paip air belum lagi diperolehi daripada Kementerian.

Manakala bagi Dewan Suarah Limbang, Pengurus Dewan Suarah berkenaan telah memohon agar pihak Jabatan Kerja Raya melakukan pemeriksaan teknikal terhadap sistem pencegahan kebakaran di Dewan tersebut. Pada akhir bulan September 2006, pihak Jabatan Kerja Raya, Limbang telah mencadangkan kerja penambahbaikan bernilai RM28,000 terhadap *fire fighting hose reel system* seperti di **Jadual 31.**

Jadual 31
Kerja Penambahbaikan Yang Dicadangkan

Bil.	Kerja Dicadangkan	Anggaran Kos (RM)
1.	Set Pam Diesel, Bateri Dan Aksesori	6,800
2.	Pemasangan Semula Set Pam Elektrik Yang Sedia Ada	800
3.	Bekalan Utama,*Control Panel c/w Automatic Mains Failure Control*	4,800
4.	*Re-alignment Of Existing Plumbing System And Replacement Of Fittings* etc.	8,250
5.	*Replacement Of Faulty Hose Reel System Assemblies*	3,850
6.	*Additional 1x 400 gal. Water Tank And Other Charges*	3,500
	Jumlah Anggaran Kos	**28,000**

Sumber:Rekod Dewan Suarah Limbang

Pihak Jabatan Bomba Dan Penyelamat juga diminta agar melakukan pemeriksaan teknikal terhadap sistem pencegahan kebakaran dan mengadakan *Inhouse Fire Fighting Team* untuk kakitangan Dewan Suarah berkenaan. Pada awal bulan Julai 2007, pemeriksaan bangunan telah dilakukan oleh pihak Jabatan Bomba Dan Penyelamat bertujuan menguatkuasa Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan telah mengesahkan bahawa sistem gelung hos dalam bangunan asrama tidak berfungsi. Dengan ini, pihak Dewan Suarah diberi tempoh masa 60 hari dari tarikh Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran dikeluarkan pada 23.07.2007 untuk membaik pulih sistem tersebut. Pihak Dewan Suarah masih menunggu anggaran kos daripada pihak Jabatan Kerja Raya termasuk yang tidak beroperasi di dewan serbaguna dan untuk Pejabat Am yang belum dilengkapi dengan sistem tersebut.

Di Dewan Suarah Sarikei, adalah didapati sistem pencegahan kebakaran seperti gelung hos dan 3 unit alat penggera tidak berfungsi manakala 10 unit alat pemadam api telah luput tempoh sejak tahun 2005. Seterusnya, sistem pencegahan kebakaran di Dewan Suarah Kapit didapati tidak berfungsi serta sebanyak 9 unit alat pemadam api telah luput tempoh pada bulan Mei 2006 dan belum diganti.

Pada pendapat Audit, penyenggaraan infrastruktur dan keselamatan bangunan adalah tidak memuaskan.

12.2.7 Prestasi Kewangan

Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, prestasi kewangan Dewan Suarah adalah seperti berikut:

a) Hasil

Dewan Suarah Kuching, Sarikei, Limbang dan Kapit tidak menetapkan sasaran penggunaan kemudahan yang disediakan tetapi berdasarkan tempahan daripada Agensi Kerajaan, pihak swasta dan orang awam. Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, jumlah hasil yang dikutip oleh Dewan Suarah ialah RM810,759 dengan

peningkatan sejumlah RM85,803 iaitu 36.3% pada tahun 2007 berbanding dengan tahun 2006. Jumlah hasil yang dikutip adalah seperti di **Jadual 32.**

Jadual 32
Jumlah Kutipan Hasil Tahun 2005 Hingga 2007

Lokasi Dewan Suarah	Tahun			Jumlah
	2005 (RM)	2006 (RM)	2007 (RM)	(RM)
Kuching	107,915	81,741	176,406	366,062
Limbang	48,123	56,925	51,125	156,174
Sarikei	70,801	69,400	66,271	206,472
Kapit	25,185	28,400	28,467	82,052
Jumlah	**252,024**	**236,466**	**322,269**	**810,759**

Sumber: Rekod Kutipan Hasil Dewan Suarah

Semakan Audit terhadap rekod tunggakan hasil mendapati jumlah tunggakan sehingga bulan Disember 2007 ialah RM383,022. Tunggakan tersebut terdiri daripada sewa kantin/gerai makan, gerai kraftangan serta restoran Dewan Suarah Kuching (RM325,732), sewa kemudahan dan peralatan Dewan Suarah Kuching, Limbang, Sarikei dan Kapit (RM45,290) dan penggunaan elektrik dan air oleh Majlis Sukan Negeri Sarawak (RM12,000). Analisis Audit mendapati Dewan Suarah Kuching mempunyai jumlah tunggakan yang tertinggi iaitu RM348,888. Daripada jumlah RM348,888 tersebut sejumlah RM253,183 merupakan tunggakan sewa yang tidak dijelaskan oleh *Syarikat Idayu Enterprise*, pengusaha Restoran *City Tower* Dewan Suarah Kuching dari tahun 2001 hingga bulan Mac 2006. Tunggakan sewa adalah bagi tempoh tahun 2001 hingga 2005 yang terdiri daripada sewa tetap, kos penyenggaraan penghawa dingin, kos penyenggaraan 2 unit lif *dumbwaiter*, penggunaan air serta elektrik dan penyelarasan bayaran. Perkara ini telah dirujuk kepada Peguam Besar Negeri pada bulan Oktober 2005 bagi membolehkan Kementerian mengambil tindakan undang-undang terhadap syarikat tersebut agar hasil Kerajaan dapat dikutip balik di bawah perjanjian kontrak berkenaan.

b) Perbelanjaan

Semakan Audit mendapati Kementerian telah meluluskan peruntukan berjumlah RM16.89 juta untuk pengurusan Dewan Suarah Kuching, Sarikei, Kapit dan Limbang. Peruntukan yang disalurkan kepada Dewan Suarah tersebut telah berkurangan daripada RM6.19 juta pada tahun 2005 kepada RM5.51 juta pada tahun 2006 dan kepada RM5.19 juta pada tahun 2007. Bagi tempoh yang sama, Dewan Suarah Kuching, Sarikei, Kapit dan Limbang telah membelanjakan sejumlah RM16.86 juta dan prestasi perbelanjaan untuk pengurusan Dewan Suarah tersebut bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 33**.

Jadual 33
Jumlah Peruntukan Diterima Dan Perbelanjaan Bagi Tahun 2005 Hingga 2007

Dewan Suarah	Peruntukan Diterima				Perbelanjaan Sebenar			
	2005 (RM)	2006 (RM)	2007 (RM)	Jumlah (RM)	2005 (RM)	2006 (RM)	2007 (RM)	Jumlah (RM)
Kuching	2,592,241	2,389,334	2,025,982	7,007,557	2,533,021	2,629,606	2,289,462	**7,452,089**
Limbang	1,432,120	1,272,752	1,156,750	3,861,622	1,270,824	1,141,806	1,248,536	**3,661,166**
Sarikei	1,121,771	991,561	1,049,573	3,162,905	1,024,383	910,274	957,040	**2,891,697**
Kapit	1,039,635	856,457	962,175	2,858,267	1,019,012	909,693	924,929	**2,853,634**
Jumlah	**6,185,767**	**5,510,104**	**5,194,480**	**16,890,351**	**5,847,240**	**5,591,379**	**5,419,967**	**16,858,586**

Sumber: Rekod Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi

Semakan Audit mendapati daripada peruntukan sejumlah RM16.89 juta tersebut sejumlah RM973,642 telah disalurkan terus oleh Kementerian kepada pihak Jabatan Kerja Raya untuk melaksanakan kerja penyenggaraan di Dewan Suarah seperti di **Jadual 34.**

Jadual 34
Kerja Penyenggaraan Yang Dilakukan Oleh Jabatan Kerja Raya

Dewan Suarah	2005 (RM)	2006 (RM)	2007 (RM)	Jumlah (RM)	Butiran Kerja
Kuching	10,000	643,358	212,243	865,601	Membaiki kebocoran atap dan siling gimnasium serta penyenggaraan lif
Limbang	Tiada	96,000	Tiada	96,000	Mengubah suai pentas Dewan Suarah
Sarikei	12,041	Tiada	Tiada	12,041	Mengatap semula Dewan Suarah
Kapit	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	
Jumlah	**22,041**	**739,358**	**212,243**	**973,642**	

Sumber: Rekod Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi

Bagaimanapun, adalah didapati Kementerian tidak memantau jumlah perbelanjaan yang sebenarnya dilakukan oleh Jabatan Kerja Raya. Retan perbelanjaan juga tidak diterima daripada pihak Jabatan Kerja Raya. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, baki geran sejumlah RM238,636 belum diserah balik kepada Kementerian.

Selain itu, peruntukan sejumlah RM196,127 telah disalurkan oleh Dewan Suarah Kuching dan Dewan Suarah Kapit ke Jabatan Kerja Raya Bahagian untuk kerja penyenggaraan tahun 2005 hingga 2007. Semakan Audit mendapati Dewan Suarah Kuching tidak menerima retan perbelanjaan daripada pihak Jabatan Kerja Raya untuk waran berjumlah RM154,232 yang dikeluarkan bagi tempoh tersebut manakala Dewan Suarah Kapit ada menerima retan perbelanjaan daripada Jabatan Kerja Raya Bahagian Kapit. Daripada peruntukan sejumlah RM41,895 yang disalurkan oleh Dewan Suarah Kapit kepada Jabatan Kerja Raya pada tahun 2006 hingga 2007, sejumlah RM30,979 telah dibelanjakan. Adalah didapati sejumlah RM5,990 telah ditarik balik oleh Dewan Suarah Kapit manakala baki sejumlah RM4,926 untuk tahun 2006 belum dikembalikan oleh Jabatan Kerja Raya kepada Dewan Suarah Kapit.

Semakan Audit seterusnya mendapati bagi menampung keperluan kewangannya, pihak Dewan Suarah Kuching, Limbang dan Kapit telah memohon peruntukan daripada Projek Infrastruktur Awam melalui Pejabat Residen dan Pegawai Daerah di bahagian masing-masing untuk membaik pulih bangunan Dewan Suarah. Pada tahun 2006, daripada 13 projek yang dipohon, sebanyak 5 projek berjumlah RM168,000 telah diluluskan bagi Dewan Suarah Kuching. Manakala bagi tahun 2007, daripada 15 jenis kerja penyenggaraan dan pembaikpulihan berjumlah RM861,000 hanya 5 projek berjumlah RM270,000 telah diluluskan. Segala urusan tawaran sebut harga atau tender serta pembayaran diuruskan oleh Pejabat Daerah dan Pejabat Pembangunan Negeri Sarawak. Adalah didapati juga pada tahun 2007, Dewan Suarah Limbang telah memohon sebanyak 4 projek penyenggaraan yang dianggar bernilai RM290,810 di mana hanya satu projek diluluskan berjumlah RM57,300. Dewan Suarah Kapit memohon 3 projek penyenggaraan bernilai RM261,500 di bawah Projek Infrastruktur Awam Negeri Sarawak tetapi tidak diluluskan. Manakala Dewan Suarah Sarikei tidak membuat sebarang permohonon bagi tahun 2005 hingga 2007.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan Dewan Suarah kurang memuaskan. Penekanan hendaklah diberikan terhadap mengurangkan tunggakan hasil. Selain itu, Kementerian wajar mengkaji semula peruntukan penyenggaraan dengan mengambil kira reka bentuk bangunan.

12.2.8 Guna Tenaga Dan Latihan

Semakan Audit terhadap guna tenaga dan latihan di Dewan Suarah mendapati:

a) Guna Tenaga

Pada Mesyuarat Tahunan Pengurus Dewan Suarah Sarawak pada akhir bulan Mei 2003, Kementerian telah memutuskan agar 3 Bahagian ditubuhkan di bawah struktur organisasi pengurusan Dewan Suarah iaitu Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan, Bahagian Operasi Dan Pengurusan Aktiviti serta Bahagian Pemasaran. Adalah didapati struktur organisasi di Dewan Suarah Kuching, Sarikei, Kapit dan Limbang adalah selaras dengan keputusan Kementerian. Bagaimanapun, Dewan Suarah telah mewujudkan satu lagi bahagian iaitu Bahagian Keselamatan. Pengurus Dewan Suarah dibantu oleh kakitangan yang bertaraf sementara. Pada tahun 2007, Dewan Suarah Kuching, Sarikei, Kapit dan Limbang mempunyai seramai 160 orang kakitangan kontrak. Semakan Audit mendapati daripada jumlah tersebut, seramai 84 orang sahaja bertugas di Dewan Suarah manakala 76 orang lagi ditempatkan di seksyen di bawah kawalan Kementerian. Semua emolumen dan elaun kakitangan dibayar daripada Akaun Amanah Dewan Suarah melalui geran yang diperuntukkan oleh Kementerian. Pewujudan dan pengambilan kakitangan sementara seramai 160 orang dilakukan oleh Bahagian Sumber Manusia Dan Perhubungan Awam di Kementerian. Adalah didapati pengambilan kakitangan tidak seragam antara Dewan Suarah. Bagi Dewan Suarah Limbang, seramai 34

kakitangan ditawarkan jawatan tetap tetapi tidak berpencen oleh Pengurus sejak penubuhannya manakala bagi Dewan Suarah Kuching, Sarikei dan Kapit adalah bertaraf sementara atau kontrak dan tidak berpencen.

Pada pendapat Audit, struktur pengurusan Dewan Suarah adalah memuaskan. Bagaimanapun, aspek penempatan dan pengambilan kakitangan hendaklah dikaji semula dengan mengambil kira beban tugas dan kebajikan kakitangan.

b) Latihan

Adalah didapati Dewan Suarah ada mengemukakan senarai kakitangan yang layak mengikuti kursus kepada Bahagian Sumber Manusia Dan Perhubungan Awam Kementerian. Bagi tempoh 2005 hingga 2007, seramai 48 kakitangan Dewan Suarah Kuching, Sarikei, Kapit dan Limbang telah menghadiri kursus induksi khusus dan Teknik Tatacara Siaraya yang dianjurkan oleh *Centre For Modern Management* serta kursus Asas Keselamatan Dan Pencegahan Kebakaran, Pertolongan Cemas Dan *Cardiovascular Pulimonary Resuscitation,* Penyenggaraan Operator Loji Kolam Renang, Teknik Tatacara Siaraya, Pengurusan Aset dan Fail Meja yang dianjurkan sama ada oleh Kementerian, Pejabat Ketua Menteri atau Jabatan Bomba Dan Penyelamat.

Pada pendapat Audit, kursus yang dihadiri oleh kakitangan adalah mencukupi bagi menambah kemahiran dan pengetahuan kakitangan dalam menjalankan tugas mereka.

12.2.9 Promosi Dewan Suarah

Kementerian telah menjalankan aktiviti mempromosi kemudahan di Dewan Suarah melalui saluran media dan kerjasama dengan Agensi Kerajaan seperti Dewan Bandaraya Kuching Utara, Majlis Bandaraya Kuching Selatan, Lembaga Pelancongan Sarawak dan Lembaga Pelancongan Malaysia. Setiap aktiviti akan dimasukkan dalam kalendar tahunan Agensi berkenaan. Selain itu, cetakan poster, risalah, kertas kerja bengkel dan tayangan cakera padat juga dilakukan. Cenderamata dan hadiah turut juga disediakan. Dewan Suarah Kuching juga telah memberi kebenaran kepada pelancong dan orang ramai untuk melawat ke Aras 3, Blok Menara untuk menikmati pemandangan Bandaraya Kuching. Bagi Dewan Suarah Limbang, Sarikei dan Kapit, publisiti tidak dijalankan secara meluas kerana belum ada Seksyen dan kakitangan untuk mengendalikan aspek pemasaran dan publisiti.

Pada pendapat Audit, promosi Dewan Suarah adalah memuaskan. Bagaimanapun, aspek pemasaran boleh diperluaskan lagi bagi meningkatkan penggunaan kemudahan yang disediakan.

12.2.10 Analisis Kepuasan Pengguna Kemudahan

Pihak Audit telah mengedarkan sebanyak 80 borang soal selidik kepada orang awam yang mengguna kemudahan di Dewan Suarah Kuching, Limbang, Sarikei dan Kapit bagi mendapatkan maklum balas mengenai kemudahan yang disediakan di Dewan Suarah. Analisis Audit terhadap 74 responden yang mengembalikan borang soal selidik mendapati purata pengguna menyatakan mereka berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan. Seramai 57 responden atau 77% menyatakan mereka berpuas hati terhadap kuantiti kemudahan yang disediakan dan 54 responden atau 73% berpuas hati terhadap kualiti kemudahan yang disediakan. Manakala 67.6% responden berpuas hati terhadap aspek kesesuaian, 58.1% responden berpuas hati terhadap aspek keselesaan dan 56.8% responden berpuas hati terhadap aspek kebersihan. Analisis lanjut kepuasan pengguna adalah seperti di **Jadual 35.**

Jadual 35
Analisis Kepuasan Pengguna

Aspek Kepuasan Pengguna	Bilangan Responden	Tidak Memuaskan		Memuaskan		Cemerlang	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Kemudahan Disediakan:	74						
➢ Kuantiti		6	8.1	57	77.0	11	14.9
➢ Kualiti		8	10.8	54	73.0	12	16.2
➢ Kesesuaian		3	4.0	50	67.6	21	28.4
➢ Keselesaan		5	6.8	43	58.1	26	35.1
➢ Kebersihan		8	10.8	42	56.8	24	32.4
Kadar sewa dikenakan		60	81.1	1	1.4	13	17.5
Penggunaan		43	58.1	29	39.2	2	2.7
Penyenggaraan		52	70.3	19	25.7	3	4.0
Keselamatan Infrastruktur		61	82.4	10	13.5	3	4.1

Sumber: Borang Soal Selidik Jabatan Audit Negara Sarawak

Bagaimanapun, pengguna mengesyorkan agar kemudahan yang sedia ada dinaik tarafkan. Pengguna di Dewan Suarah Kuching mengesyorkan agar sebuah surau ditempatkan di Blok Dewan Serbaguna. Manakala pengguna Dewan Suarah Sarikei berpendapat lokasi Dewan Suarah di tengah bandar adalah strategik dan mengesyorkan agar landskap dicantikkan lagi dan tempat letak kereta ditambah. Pengguna Dewan Suarah Kapit pula mengesyorkan agar diadakan kemudahan akses internet. Pengguna juga tidak berpuas hati dengan kadar bayaran yang dikenakan, penyenggaraan, keselamatan infrastruktur dan masalah untuk mengguna kemudahan.

Pada pendapat Audit, secara amnya pengguna dan pengunjung Dewan Suarah berpuas hati mengguna kemudahan yang disediakan.

Secara keseluruhan, pada pendapat Audit, pengurusan Dewan Suarah tidak memuaskan kerana wujudnya kelemahan terhadap pematuhan kepada peraturan kewangan, penyelenggaraan rekod, pengurusan aset dan kemudahan di Dewan Suarah tidak disenggarakan dengan baik disebabkan peruntukan terhad.

12.3 PEMANTAUAN

Pemantauan dan penyeliaan yang berterusan terhadap pengurusan Dewan Suarah adalah penting bagi memastikan matlamat yang ditetapkan dapat dicapai. Pemeriksaan Audit terhadap mekanisme pemantauan mendapati perkara berikut:

a) Peringkat Kementerian

Semakan Audit terhadap rekod mendapati Mesyuarat Tahunan Pengurus-Pengurus Dewan Suarah dengan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi telah diadakan pada tahun 2003 untuk membincang cadangan mengkaji semula kadar bayaran, pelan tindakan untuk meningkatkan hasil dan penggunaan kemudahan. Bagi tahun 2004 hingga 2006, mesyuarat tahunan khas untuk semua Pengurus Dewan Suarah tidak diadakan. Pada tahun 2007, semua Pengurus Dewan Suarah bersama Ketua Agensi lain di bawah Kementerian telah dijemput untuk menghadiri Bengkel Perancangan Strategik Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi. Perkara yang dibincangkan termasuklah pencapaian, isu dan kelemahan yang dikenal pasti, cadangan aktiviti tahun 2008 serta kosnya dan inisiatif kualiti yang diperkenal dan dilaksanakan untuk penyenggaraan bangunan dan amalan kebersihan berterusan.

Semakan Audit seterusnya mendapati jadual lawatan tahunan dan laporan lawatan tidak disediakan oleh pihak Kementerian. Bagaimanapun, Setiausaha Tetap Kementerian dan pegawai daripada Kementerian ada melakukan lawatan ke Dewan Suarah Limbang pada tahun 2006 untuk memberi garis panduan terhadap pengurusan pejabat dan penyenggaraan Dewan Suarah. Pada tahun 2005, sebanyak 4 lawatan telah dilakukan oleh pihak Kementerian ke Dewan Suarah Kapit. Tujuan lawatan adalah untuk bermesyuarat dengan kakitangan, menjelaskan prosedur sebut harga, sistem *SIFBAS (State Integrated Financial Branch Accounting System)* dan *e-Booking*. Manakala Setiausaha Tetap Kementerian telah membuat lawatan sekali ke Kapit pada tahun 2006. Lawatan oleh pegawai Kementerian dilakukan sekali pada tahun 2005 untuk membincangkan prosedur kerja pembaikan dan penyenggaraan serta penubuhan Jawatankuasa Pembukaan dan Jawatankuasa Penilaian Sebut harga Dewan Suarah Kapit.

b) Peringkat Dewan Suarah

Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, Mesyuarat Pengurus dengan kakitangan ada dijalankan untuk membincang masalah urusan pentadbiran dan kewangan oleh Dewan Suarah Kuching iaitu sebanyak 2 kali dalam tahun 2006 tetapi tahun 2007 belum diadakan. Di Dewan Suarah Limbang, Jawatankuasa Keutuhan Peringkat Bahagian telah bermesyuarat sebanyak 4 kali setahun. Manakala bagi Dewan Suarah Sarikei tiada sebarang mesyuarat diadakan sepanjang tempoh tahun 2005 hingga 2007. Bagi Dewan Suarah Kapit, mesyuarat dengan kakitangan telah diadakan sebanyak 9 kali bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007. Di samping itu, Pengurus Dewan Suarah telah bekerjasama dengan Residen Bahagian dan Jurutera

Bahagian, Jabatan Kerja Raya dan Pihak Berkuasa Tempatan mengenai penyenggaraan Dewan Suarah.

c) Peringkat Lembaga Pengurusan

Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, Lembaga Pengurusan Dewan Suarah tidak pernah bermesyuarat. Lembaga Pengurusan Dewan Suarah Kuching hanya bermesyuarat sekali pada bulan April 1998. Manakala tahun terakhir Lembaga Pengurusan Dewan Suarah Sarikei bermesyuarat ialah pada akhir tahun 2004. Dewan Suarah Sarikei juga ada menubuhkan Jawatankuasa Kecil Dewan Suarah sejak tahun 1988 yang dipengerusikan oleh Residen Bahagian Sarikei dan 7 ahli jawatankuasa terdiri daripada peguam, ahli peniagaan dan kakitangan Dewan Suarah. Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 8 kali dari tahun 1992 hingga bulan Jun 1996 untuk membincang tentang pengurusan Dewan Suarah seperti perbelanjaan, penyenggaraan, sebut harga dan aktiviti Dewan Suarah. Bagaimanapun, sejak tahun 1997 tiada mesyuarat diadakan. Bagi Dewan Suarah Kapit, Lembaga Pengurusan ada bermesyuarat pada awal tahun 2001 dan Limbang pada awal tahun 2003.

Pada pendapat Audit, pemantauan Dewan Suarah adalah kurang memuaskan. Mesyuarat dan lawatan untuk memantau dan perbincangan dengan pegawai tidak diadakan mengikut kekerapan. Akibatnya, sebarang permasalahan yang timbul berkaitan urusan harian pengurusan dan pentadbiran yang memerlukan keputusan tidak dapat diambil tindakan dengan sewajarnya.

13. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan Dewan Suarah adalah tidak memuaskan tetapi masih boleh dipertingkatkan keberkesanannya. Sehubungan itu, Dewan Suarah adalah disyorkan untuk mengambil langkah berikut:

a) Mempertingkatkan penggunaan kemudahan Dewan Suarah untuk mencapai objektif penubuhannya.

b) Mengkaji semula struktur organisasi atau membuat penstrukturan semula.

c) Menilai semula program penyenggaraan dan mewujudkan sistem penyenggaraan yang teratur bagi memastikan kemudahan yang disediakan sentiasa dalam keadaan baik dan selamat digunakan dengan mengambil kira reka bentuk bangunannya yang unik.

d) Mempertingkatkan sistem kawalan dalaman khususnya pengurusan kewangan.

e) Mempertingkatkan pengurusan aset terutamanya pengurusan perolehan, penyelenggaraan rekod, penyenggaraan aset dan stor.


JABATAN KERJA RAYA

PROJEK MEMBINA DAN MENYIAPKAN JALAN DARI MULUKUN KE NANGA GAAT FASA 1, BAHAGIAN KAPIT

14. LATAR BELAKANG

14.1 Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak (Jabatan) berfungsi melaksanakan pelbagai projek pembangunan serta menyediakan kemudahan prasarana kepada rakyat seperti membina dan menyenggara bangunan, jalan raya, jambatan dan jeti. Pelaksanaan fungsi untuk menyediakan kemudahan perhubungan yang baik mampu menjana pertumbuhan ekonomi dan sosial penduduk di persekitaran. Bagi melaksanakan salah satu fungsinya, pada awal tahun 2004 Jabatan telah melaksanakan Projek Membina Dan Menyiapkan Jalan Dari Mulukun Ke Nanga Gaat Fasa 1 (Projek) sepanjang 17.62 kilometer di Bahagian Kapit. Bakinya sepanjang 35.38 kilometer akan dilaksanakan dalam Fasa 2 dan ianya masih di peringkat cadangan. Lokasi Projek adalah seperti di **Peta 1.**

Peta 1
Pelan Lokasi Projek Jalan Dari Mulukun
Ke Nanga Gaat Fasa 1 Di Bahagian Kapit



Sumber : Laporan Perunding

Petunjuk:

Projek Jalan Dari Mulukun Ke Nanga Gaat Fasa 1

Jalan sedia ada

14.2 Pembinaan Projek ini adalah bertujuan bagi menambahkan alternatif serta melengkapi dan menaiktaraf sistem perhubungan pengangkutan sungai yang selama ini sebagai jalan perhubungan utama. Selain itu, ia juga bertujuan menyediakan kemudahan perhubungan dan pengangkutan yang lebih baik bagi memasarkan hasil pertanian dan sekali gus dapat membangunkan serta meningkatkan ekonomi penduduk setempat. Dengan terbinanya Projek ini ia dapat menghubungkan 5 buah rumah panjang serta sebuah sekolah yang berdekatan. Projek diuruskan oleh Jurutera yang dilantik oleh Kerajaan Negeri dan yang bertanggungjawab terhadap projek yang dilaksana dengan memberikan perkhidmatan kerja kejuruteraan seperti menjalankan penyiasatan tapak,

kajian tanah, mencadangkan jajaran jalan raya, menyediakan pelan reka bentuk dan lukisan, dokumen tender, menjaga kualiti pembinaan dan seterusnya menyelia projek pembinaan. Manakala Projek dilaksanakan secara rundingan terus dengan harga kontraknya bernilai RM109.77 juta. Tempoh kontraknya pula adalah selama 36 bulan bermula dari 20 Februari 2004 dan berakhir pada 19 Februari 2007.

15. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan bagi menentukan sama ada Projek Membina Dan Menyiapkan Jalan Dari Mulukun Ke Nanga Gaat Fasa 1 Bahagian Kapit, Sarawak telah dilaksanakan dengan cekap dan ekonomik serta mencapai matlamatnya.

16. SKOP PENGAUDITAN

Skop kajian Projek Jalan Dari Mulukun Ke Nanga Gaat adalah untuk Fasa 1 sahaja iaitu melibatkan pembinaan jalan baru sepanjang 17.62 kilometer. Tempoh liputan pengauditan adalah bermula dari tempoh kontrak iaitu bermula tahun 2004 hingga 2007 dan di mana perlu skop akan diperluaskan ke tahun sebelumnya. Pengauditan dijalankan di Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan Sarawak, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Sarawak dan Jabatan Kerja Raya Bahagian Kapit.

17. KAEDAH PENGAUDITAN

Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis data dan maklumat berasaskan rekod, fail, dokumen perjanjian kontrak dan minit mesyuarat yang berkaitan di Kementerian/Jabatan berkenaan. Selain itu, lawatan Audit ke tapak projek di Kapit juga ada dijalankan. Temu bual dengan pegawai yang terlibat juga diadakan untuk mendapat maklumat dan penjelasan lanjut.

18. PENEMUAN AUDIT

18.1 PERANCANGAN

Perancangan yang teliti dan tersusun adalah penting bagi memastikan projek yang dilaksanakan berjalan lancar. Aspek perancangan yang dinilai meliputi perkara seperti berikut:

18.1.1 Matlamat Kerajaan Negeri

Matlamat Kerajaan Negeri adalah untuk menyediakan kemudahan prasarana yang selesa dan memuaskan kepada semua rakyat termasuk penduduk luar bandar bagi meningkatkan aktiviti perniagaan dan sosio ekonomi. Dengan adanya kemudahan infrastruktur yang baik, penduduk luar bandar khususnya penduduk di rumah panjang dan di sekitarnya akan turut sama menikmati hasil pembangunan negara dan sekali gus dapat membangunkan kawasan tersebut. Selain itu, ia juga turut menyumbang dalam memajukan ekonomi penduduk setempat. Sehubungan itu, pada Rancangan Malaysia Keenam (Semakan Pertengahan Penggal) Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk membina Jalan dari Mulukun ke Nanga Gaat sepanjang 53 kilometer yang

menghubungkan antara Jalan Lepong Baleh di Mulukun dengan Jalan Nanga Gaat di Ulu Batang Baleh yang terletak di Bahagian Kapit. Jabatan Kerja Raya Sarawak telah diberi tanggungjawab bagi melaksanakan hasrat Kerajaan Negeri tersebut.

18.1.2 Undang-undang/Peraturan Dan Garis Panduan

Pembinaan Projek Jalan Dari Mulukun Ke Nanga Gaat Fasa 1 akan dilaksanakan mengikut ordinan, undang-undang dan peraturan kewangan serta mengikut piawaian Jabatan yang ditetapkan seperti berikut :

a) *Sarawak Land Code (Cap. 81)*

Pembinaan jalan melibatkan pengambilan balik tanah di lot yang akan dikenal pasti di sepanjang jajaran jalan yang telah ditetapkan. Pengambilan balik tanah melibat *Sarawak Land Code (Cap.81)* yang meliputi proses pengambilan balik tanah termasuk kuasa pengambilan, bayaran pampasan dan pertukaran hakmilik.

b) Ordinan Sumber Asli Dan Persekitaran (Pindaan) 2001

Pengurusan terhadap alam sekitar adalah perlu di kawasan pembinaan jalan. Justeru, satu pelan pengurusan alam sekitar yang sistematik hendaklah dibuat bagi menangani masalah dan kesan terhadap alam sekitar akibat pembinaan jalan yang melibatkan kawasan hutan dan sungai. Sehubungan itu, Ordinan Sumber Asli Dan Persekitaran (Pindaan) 2001 akan digunakan sebagai garis panduan atau peraturan yang perlu dipatuhi semasa melaksanakan projek.

c) Arahan Perbendaharaan Dan Surat Pekeliling

Jabatan menggunakan perkhidmatan perunding dalam menguruskan projek. Perunding akan bertanggungjawab terhadap kerja ukur, penyiasatan tapak, ujian tanah, penyediaan pelan reka bentuk dan seterusnya mengawasi serta menyelia projek pembinaan. Pelantikan perunding akan dibuat mengikut Arahan Perbendaharaan yang ditetapkan termasuk kaedah pelantikan dan pembayaran. Manakala bagi perolehan kerja pula akan dibuat mengikut Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri.

d) Piawaian Jabatan

Projek Jalan Dari Mulukun Ke Nanga Gaat Fasa 1 yang melibatkan pembinaan jalan *asphaltic concrete* dan jambatan konkrit akan dibina berdasarkan piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan. Bagi tujuan reka bentuk jalan, ianya akan dibuat mengikut *JKR Geometric Design Criteria (Standard R2)*. Manakala bagi reka bentuk jambatan konkrit pula dibuat berdasarkan *bridges design standards.* Bagi pengurusan kontrak pula akan diurus mengikut dokumen perjanjian kontrak antara lain mengandungi syarat am kontrak, pelan lukisan, spesifikasi dan jadual kadar harga dan butiran lain yang berkaitan.

18.1.3 Kertas Cadangan Projek

Jabatan dikehendaki menyediakan kertas cadangan projek bagi membina jalan dari Mulukun ke Nanga Gaat di Bahagian Kapit. Kertas cadangan tersebut antara lain hendaklah mengandungi latar belakang projek, faedah yang diperoleh serta justifikasi projek, anggaran kos projek dan jadual pelaksanaan. Pada pertengahan bulan November 1999, Syarikat TW EngConSa Sdn. Bhd. telah dilantik untuk membantu Jabatan menyediakan kertas cadangan projek tersebut untuk dikemukakan kepada Kerajaan Negeri bagi mendapatkan kelulusan.

18.1.4 Penetapan Jajaran Jalan

Perunding menyediakan 2 alternatif jajaran jalan iaitu Jajaran A dan Jajaran B untuk Jabatan memilih salah satu sebagai jajaran projek. Kedua alternatif jajaran jalan tersebut mempunyai jarak yang sama iaitu sepanjang 16.8 kilometer dan terletak selari dengan Sungai Baleh. Keadaan geografi kedua-dua cadangan jalan tersebut pada keseluruhannya adalah sama iaitu berbukit dan merintangi beberapa sungai. Selain itu, kedua-dua jajaran jalan tersebut melalui beberapa rumah panjang yang berdekatan.

18.1.5 Proses Pengambilan Balik Tanah

Pengambilan balik tanah bagi tujuan pembinaan Projek Jalan dari Mulukun ke Nanga Gaat Fasa 1 akan dibuat secara berperingkat mengikut fasa projek yang akan dilaksana dan dibuat mengikut peruntukan di bawah *Sarawak Land Code* (Cap. 81). Jabatan Tanah Dan Survei akan membuat pengambilan balik tanah berdasarkan kepada pelan jajaran jalan yang dikemukakan oleh Jabatan Kerja Raya Sarawak.

18.1.6 Komponen Dan Sasaran Projek

Komponen utama projek adalah terdiri daripada jalan *asphaltic concrete dan* jambatan konkrit. Selain itu, komponen lain yang perlu dibina adalah pembetung, longkang, *guardrail*, perabot jalan dan cat jalan. Jabatan mensasarkan untuk membina jalan *asphaltic concrete* sepanjang 17.62 kilometer, 6 jambatan konkrit, 31 pembetung, longkang dan lain-lain kerja yang berkaitan seperti di **Jadual 36** dan **Jadual 37.**

Jadual 36
Senarai Jambatan Konkrit Yang Akan Dibina

Bil.	Lokasi	Rentang (Meter)	Ukuran Jambatan (Meter)
1.	Sg. Sebunus	18 + 24 + 18	60
2.	Sg. Banyau	20 + 20 + 20	60
3.	Sg. Sebindah	18 + 21 + 18	57
4.	Sg. Sut	22.5 + 22.5 + 30 + 22.5 + 22.5	120
5.	Sg. Sepakok	12 + 21 + 12	45
6.	Sg. Munteh	12 + 21 + 12	45

Sumber : Dokumen Perjanjian Kontrak

Jadual 37
Senarai Pembetung Yang Akan Dibina

Jenis Pembetung	Saiz (Meter)	Bilangan
1. Pembetung Paip	0.9 1.2 1.5	4 7 8
2. Pembetung Kotak	2.0 x 2.0 3.0 x 3.0	6 2
3. Pembetung Kotak Berkembar Dua	2.5 x 2.5 3.0 x 3.0	1 1
4. Pembetung Kotak Berkembar Tiga	3.0 x 3.0	2
Jumlah		**31**

Sumber : Dokumen Perjanjian Kontrak

18.1.7 Kaedah Pelaksanaan

Jabatan merancang untuk melaksanakan Projek dengan melantik Jurutera untuk menguruskan Projek termasuk menjalankan penyiasatan tapak, kerja ukur, ujian tanah, menyediakan pelan reka bentuk, pelan lukisan, dokumen tender dan seterusnya menyelia projek. Bagi perolehan Projek pula ianya akan dibuat secara rundingan terus yang akan dilantik oleh Kerajaan Negeri. Manakala bagi pengurusan kontrak termasuk kawalan terhadap kualiti pembinaan pula, ianya akan dijalankan berdasarkan dokumen kontrak yang antara lain mengandungi syarat am kontrak, pelan dan spesifikasi.

18.1.8 Jadual Pelaksanaan

Jabatan mula merancang untuk melaksanakan Projek Jalan Dari Mulukun Ke Nanga Gaat Fasa 1 di Bahagian Kapit pada pertengahan Rancangan Malaysia Keenam. Bagaimanapun Projek ini akan dilaksanakan pada Rancangan Malaysia Ketujuh dan tempoh kontrak pembinaan adalah selama 36 bulan iaitu bermula pada 20 Februari 2004 hingga 19 Februari 2007. Jadual pelaksanaan Projek adalah mengikut Program Kerja yang telah dirancang oleh pihak kontraktor seperti di **Jadual 38.**

Jadual 38
Jadual Pelaksanaan Projek Jalan
Dari Mulukun Ke Nanga Gaat Fasa 1

Aktiviti	Tempoh (Bulan)	Tarikh Mula	Tarikh Siap
Kerja Am dan Permulaan	36	20.02.04	19.02.07
Kerja Jalan	36	01.03.04	19.02.07
Kerja Ukur	31	01.03.04	11.10.06
Penyediaan Tapak	26	01.04.04	26.05.06
Kerja Tanah	29	31.05.04	20.10.06
Kerja Lapisan Jalan	22	01.04.05	31.01.07
Kerja Dan Struktur Saliran	30	07.06.04	30.11.06
Kerja Jambatan	27	01.07.04	29.09.06

Sumber : Program Kerja Jabatan Kerja Raya Sarawak

18.1.9 Rancangan Pengurusan Alam Sekitar

Pelan Pengurusan Alam Sekitar merangkumi aspek pembuangan sisa tanah, pencemaran air dan udara. Pembuangan sisa pepejal dan kesan terhadap sosioekonomi. Pelan tersebut perlu disediakan oleh kontraktor sebagaimana yang dikehendaki oleh Ordinan Sumber Asli dan Persekitaran. Selain itu, laporan pemantauan berkaitan seperti ujian kualiti air dan udara perlu disediakan setiap 3 bulan dan dikemukakan kepada Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak. Pelan Pengurusan Alam Sekitar dan Laporan tersebut perlu disediakan oleh perunding alam sekitar yang berdaftar dengan Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak.


18.1.10 Keperluan Kewangan

Adalah dianggarkan sejumlah RM134 juta diperlukan bagi membiayai kos pembinaan 17.62 kilometer jalan, 6 jambatan konkrit, 31 pembetung dan kerja-kerja lain yang berkaitan dalam tempoh 36 bulan termasuk bayaran perunding.

18.1.11 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

Guna tenaga dan latihan merupakan aspek penting bagi memastikan kecekapan pelaksanaan projek di sesebuah Jabatan. Struktur Organisasi Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak mengandungi 13 Cawangan/Unit iaitu Pentadbiran Dan Pengurusan Sumber Manusia, Mekanikal, Ukur Bahan, Elektrikal, Akaun, Setor, Woksyop Mekanik Pusat, Pengurusan Teknikal, Pertahanan Dan Hal Ehwal Dalam Negeri, Bekalan Air, Bangunan, Geoteknikal Dan Kejuruteraan Struktur dan Jalan Raya serta 11 pejabat Bahagian seperti di **Carta 4.**

Carta 4
Organisasi Jabatan Kerja Raya Sarawak



Sumber : Jabatan Kerja Raya Sarawak

Jabatan Kerja Raya Sarawak diketuai oleh seorang Pengarah Kerja Raya Negeri Gred JUSA B dan dibantu oleh 2 orang Timbalan Pengarah Kerja Raya (Bahagian Pengurusan Dan Pembangunan). Cawangan yang terlibat secara langsung dengan Projek Pembinaan Jalan Dari Mulukun Ke Nanga Gaat Fasa 1 di peringkat Ibu Pejabat adalah Cawangan Jalanraya Dan Lapangan Terbang. Cawangan Jalan Raya Dan Lapangan Terbang terdiri daripada 5 seksyen iaitu Sekysen Perancangan Dan Trafik, Seksyen Jambatan, Seksyen Pembinaan/Penyeliaan Kontrak, Seksyen Lapangan Terbang dan Seksyen Penyenggaraan Jalanraya. Seksyen Pembinaan/Penyeliaan Kontrak adalah terlibat secara langsung dengan pelaksanaan Projek ini. Manakala di peringkat Jabatan Kerja Raya Bahagian pula adalah Seksyen Pembangunan Jalan Raya.

Pada tahun 2004 hingga 2007, Jabatan telah merancang untuk menyediakan 178 kursus/seminar yang berkaitan dengan reka bentuk dan kejuruteraan. Antara kursus yang dirancang adalah seperti *Construction of Upper Lanang Prestressed Concrete Cantilevered Bridge, MX Road Update Training, Ensuring Superior Pavement Performance with New Technologies, Methods of Various Construction by Mr. Max Meyer, TT-laboratory Test In-Situ Strength Tests and Soil Samplings (Module 8), Workshop On How To Design a Drainage System.*

18.1.12 Kaedah Pemantauan

Pemantauan yang rapi adalah penting bagi memastikan projek dilaksanakan dengan cekap dan teratur. Walaupun Jabatan telah melantik perunding bagi mengurus projek, sebagai majikan Jabatan masih bertanggungjawab terhadap keseluruhan projek yang dilaksana. Justeru, bagi mencapai tujuan ini, Jabatan telah merancang untuk mewujudkan 2 peringkat pemantauan iaitu peringkat Kementerian/Jabatan dan Perunding. Pemantauan Projek meliputi aspek mengadakan mesyuarat secara tetap, mengadakan lawatan ke tapak projek, menjalankan pemeriksaan dan penyeliaan di tapak pembinaan serta menyediakan laporan yang berkaitan.

Pada pandangan Audit, perancangan Projek Pembinaan Jalan Dari Mulukun Ke Nanga Gaat Fasa 1 pada keseluruhannya adalah baik. Kertas Cadangan Projek yang mengandungi justifikasi dan jadual pelaksanaan ada disediakan sebelum projek dilaksana. Skop dan komponen projek, sasaran projek dan anggaran kos projek juga disediakan. Selain itu, rancangan pengurusan alam sekitar ada diambil kira.

18.2 PELAKSANAAN

Projek yang dirancang perlu dilaksanakan sebaik mungkin mengikut perancangan yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap pelaksanaan projek pembinaan Jalan Dari Mulukun Ke Nanga Gaat Fasa 1 Bahagian Kapit mendapati perkara berikut:

18.2.1 Matlamat Kerajaan Negeri

Jabatan telah bersetuju projek jalan dari Mulukun ke Nanga Gaat di Bahagian Kapit dilaksanakan dalam 2 fasa seperti yang disarankan oleh Kerajaan Negeri. Jabatan telah melaksanakan Projek Jalan Dari Mulukun Ke Nanga Gaat Fasa 1 sepanjang 17.62 kilometer pada awal tahun 2004. Bagi Fasa 2 pula, ianya masih di peringkat reka bentuk. Mengikut maklum balas daripada Jabatan Kerja Raya Sarawak, pelaksanaan Fasa 2 mungkin akan ditunda disebabkan *The Sarawak Corridor of Renewable Energy* (SCORE) dan pelaksanaan projek jalan menuju ke Empangan Balleh.

Pada pendapat Audit, Jabatan telah mematuhi matlamat Kerajaan Negeri dengan melaksanakan Projek Jalan Dari Mulukun Ke Nanga Gaat Fasa 1 sepanjang 17.62 kilometer.

18.2.2 Undang-undang/Peraturan Dan Garis Panduan

Semakan Audit mendapati pelaksanaan Projek Pembinaan Jalan Dari Mulukun Ke Nanga Gaat Fasa 1 dibuat mengikut undang-undang/garis panduan dan peraturan yang ditetapkan. Pelaksanaan Projek bermula dengan pelantikan perunding dan kontraktor. Pelantikan perunding dibuat mengikut Arahan Perbendaharaan 186, 187, 188 dan 189. Manakala pelantikan kontraktor pula dibuat mengikut Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bilangan 5/2003. Bagi proses pengambilan balik tanah termasuk pertukaran hak milik dan bayaran pampasan pula, ia dibuat mengikut *Sarawak Land Code* (Cap.81). Selain itu, bagi pemeliharaan alam sekitar Jabatan

telah menyediakan Pelan Pengurusan Alam Sekitar iaitu selaras dengan kehendak Ordinan Sumber Asli Dan Persekitaran (Pindaan) 2001.

Semakan Audit selanjutnya mendapati bagi reka bentuk jalan, Jabatan telah mematuhi kehendak piawai *JKR Geometrik Design Criteria (Standard R2).* Antara piawai tersebut adalah *Manual on Pavement Design- 5/85, Standards Traffic Signs – 2/85, Traffic Signs Application - 2B/85, Manual on Traffic Control Devices, Road Marking & Delineation- 2D/85 dan A Guide on Geometric Design of Roads – 8/86.* Manakala bagi reka bentuk jambatan pula, ianya dibuat mengikut *Bridges Design Standards* iaitu antara lain mengandungi piawai *BS5400 Steel, Concrete and Composite Bridges, BS8004 Foundations, Department of Transport BD37/88 dan Loads for Highway Bridges.* Selain itu, bagi menguruskan Projek Jalan Dari Mulukun Ke Nanga Gaat Fasa 1 pula, Jabatan telah menyediakan perjanjian kontrak yang mengandungi beberapa peraturan dan piawai tertentu seperti syarat am kontrak (PWD 75 – Rev. 5/61), spesifikasi standard untuk kerja-kerja jalan – termasuk struktur jambatan (JKR/SPJ/1988 – JKR 20401 -0017-89 dan Addendum No. S-1(Rev.1)) dan senarai pelan lukisan bagi membolehkan projek diurus dan dilaksana dengan baik dan teratur.

Pada pendapat Audit, Jabatan telah mematuhi undang-undang, garis panduan dan peraturan yang berkuat kuasa.

18.2.3 Kertas Cadangan Projek

Jabatan dikehendaki menyediakan kertas cadangan projek yang antara lain mengandungi perkara seperti latar belakang, faedah yang diperoleh serta justifikasi projek, anggaran kos projek dan jadual pelaksanaan bagi setiap projek pembangunan yang akan dilaksana. Pada pertengahan bulan November 1999, Jabatan telah melantik Perunding TW EngConSa Sdn. Bhd. untuk menjalankan kajian terhadap cadangan pembinaan Projek Jalan Dari Mulukun Ke Nanga Gaat Fasa 1 di Bahagian Kapit. Semakan Audit mendapati Perunding telah menyediakan 3 laporan berkaitan dengan cadangan pelaksanaan Projek. Laporan pertama iaitu *Route Location And Conceptual Design Report* telah disiapkan pada bulan Februari 2000. Bagi laporan kedua iaitu *Preliminary Design Report,* ianya disiapkan pada bulan Disember 2000. Manakala laporan ketiga pula iaitu *Final Design Report* disiapkan pada bulan Julai 2003. Antara kandungan dalam Laporan tersebut adalah seperti latar belakang projek, ujian tanah, kajian lalu lintas, konsep reka bentuk jalan yang dibina, anggaran kos yang terlibat dan cadangan jajaran jalan. Bagaimanapun ujian tanah tidak dijalankan secara menyeluruh kecuali di kawasan pembinaan jambatan. Akibatnya reka bentuk jalan yang benar-benar sesuai tidak dapat dibuat.

Pada pendapat Audit kertas cadangan projek yang disediakan oleh Jabatan adalah lengkap dan menyeluruh. Bagaimanapun, ujian tanah yang menyeluruh perlu dijalankan demi untuk memastikan konsep reka bentuk jalan yang sesuai dan terperinci dapat disediakan.

18.2.4 Pemilihan Jajaran Jalan

Pemilihan jajaran jalan yang sesuai dengan mengambil kira kos, masa dan faedah sosio-ekonomi kepada penduduk adalah penting dalam menentukan keberkesanan pelaksanaan sesuatu projek. Semakan Audit mendapati perunding telah menyediakan 2 jajaran jalan alternatif iaitu Jajaran A dan Jajaran B untuk Jabatan memilih salah satu sebagai jajaran Projek. Mengikut laporan perunding, walaupun pada asasnya kedua jajaran tersebut mempunyai keadaan topografi yang agak sama dan memberi faedah yang sama kepada penduduk, namun Jajaran B melibatkan lebih banyak alur sungai yang tentunya memerlukan lebih banyak pembinaan pembetung. Selain itu, Jajaran A juga menghubungkan lebih banyak penempatan berbanding Jajaran B. Justeru, Jabatan telah memilih Jajaran A sebagai Projek Jalan Dari Mulukun Ke Nanga Gaat Fasa 1.

Pada pendapat Audit, pemilihan Jajaran adalah baik kerana ianya dibuat setelah mengambil kira faktor kos dan sosial.

18.2.5 Proses Pengambilan Balik Tanah

Jabatan hendaklah mengemukakan pelan pengambilan balik tanah kepada Jabatan Tanah Dan Survei untuk tujuan pengambilan balik tanah di kawasan yang terlibat dengan pengambilan balik tanah. Berdasarkan kepada pelan pengambilan balik tanah tersebut, Jabatan Tanah Dan Survei akan mengenal pasti jenis, keluasan dan lot tanah yang terlibat dengan pengambilan balik tanah dan mengemukakannya kepada Kementerian Perancangan Dan Pengurusan Sumber untuk kelulusan. Setelah kelulusan diterima daripada Kementerian Perancangan Dan Pengurusan Sumber, Jabatan Tanah Dan Survei akan menjalankan kerja ukur di lot tanah yang terlibat dan mengenal pasti jenis harta benda dan tanaman yang terlibat bagi tujuan bayaran pampasan.

Semakan Audit mendapati proses pengambilan balik tanah dibuat secara berperingkat mengikut fasa pelaksanaan projek. Projek Pembinaan Jalan Dari Mulukun Ke Nanga Gaat Fasa 1 melibatkan pengambilan balik tanah seluas 142.34 hektar iaitu terdiri daripada 126.62 hektar tanah Hak Adat Bumiputera dan 15.72 hektar tanah berhak milik. Sementara sejumlah RM2.08 juta dibelanjakan bagi bayaran pampasan tanah, bangunan dan tanaman kepada 203 pemilik tanah yang terlibat. Proses pengambilan balik tanah lewat dimulakan kerana kelewatan Jabatan mengemukakan pelan pengambilan balik tanah kepada Jabatan Tanah dan Survei. Proses pengambilan balik tanah hanya bermula pada bulan Oktober 2003 apabila Jabatan Kerja Raya mengemukakan pelan pengambilan balik tanah kepada Jabatan Tanah Dan Survei dan ianya selesai dijalankan pada bulan Disember 2004.

Pada pendapat Audit, proses pengambilan balik tanah dibuat dengan baik berdasarkan peraturan yang ditetapkan.

18.2.6 Kaedah Pelaksanaan Projek

Jabatan hendaklah melaksanakan projek dengan cekap dan ekonomik supaya projek berjalan lancar dan teratur. Ini termasuk menentukan kaedah perolehan projek yang terbaik dengan mengikut segala peraturan kewangan yang ditetapkan. Selain itu, bagi menjaga kualiti pembinaan, Projek hendaklah dilaksana mengikut pelan dan spesifikasi kontrak yang ditetapkan. Pelaksanaan Projek melibatkan pelantikan kontraktor dan perunding. Semakan Audit terhadap kaedah pelaksanaan projek mendapati perkara berikut :

a) Pelantikan Perunding

Jabatan hendaklah mematuhi kehendak Arahan Perbendaharaan 186, 187, 188 dan 189 termasuk kebenaran daripada Pihak Berkuasa Kewangan Negeri dan keperluan menyediakan perjanjian jika berhasrat mendapatkan perkhidmatan perunding. Semakan Audit mendapati pada akhir bulan Ogos 1999 Jabatan Kerja Raya Sarawak telah mengemukakan permohonan senarai projek yang akan diuruskan oleh perunding termasuk Projek Jalan Dari Mulukun Ke Nanga Gaat Fasa 1 kepada Setiausaha Kewangan Negeri untuk mendapatkan kelulusan. Pada bulan Oktober 1999, Setiausaha Kewangan Negeri telah memberi kelulusan kepada Jabatan Kerja Raya Sarawak untuk menggunakan perkhidmatan perunding dalam membantu Jabatan menguruskan projek tersebut. Setiausaha Kewangan Negeri telah bersetuju melantik TW EngConSa Sdn. Bhd. sebagai Jurutera Perunding. Antara tanggungjawab TW EngConSa Sdn. Bhd. adalah seperti menjalankan penyiasatan tapak, ujian tanah, menyediakan reka bentuk, pelan lukisan dan seterusnya menyelia projek pembinaan. Selain itu, Setiausaha Kewangan Negeri juga bersetuju untuk melantik United Survey Consultants sebagai juru ukur yang akan membantu TW EngConSa Sdn. Bhd. dalam menjalankan kerja ukur. Semakan Audit seterusnya mendapati perjanjian kontrak bagi kedua perunding tersebut dengan Jabatan Kerja Raya Sarawak ada dimeterai bagi menjaga kepentingan kedua belah pihak.

b) Pelantikan Kontraktor

Mengikut Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bilangan 5/2003, perolehan kerja yang bernilai RM10,000 tetapi tidak melebihi RM50,000 dan tidak menggunakan Jadual Kadar, hendaklah dibuat dengan mempelawa sebut harga. Manakala perolehan kerja yang melebihi RM50,000 setahun hendaklah dipelawa secara tender. Bagaimanapun pengecualian daripada mematuhi peraturan ini boleh dibuat sekiranya mendapat kelulusan daripada Setiausaha Kewangan Negeri. Semakan Audit mendapati perolehan kerja tidak dibuat secara tender walaupun harga kontrak bernilai RM109.77 juta. Ini adalah kerana pada bulan November 2002, Kerajaan Negeri telah meluluskan supaya Projek Jalan Dari Mulukun Ke Nanga Gaat Fasa1 dilaksanakan secara rundingan terus dengan melantik PPES Works (Sarawak) Sdn. Bhd. sebagai kontraktor. Pelantikan ini melibatkan kontrak selama 36 bulan iaitu bermula 20 Februari 2004 hingga 19

Februari 2007 dengan nilai kontrak berjumlah RM109.77 juta. Semakan Audit seterusnya mendapati pelantikan kontraktor dipilih di kalangan kontraktor Kelas A yang berpengalaman dan telah berdaftar dengan Unit Pendaftaran Kontraktor Negeri.

18.2.7 Pengurusan Kontrak

Pengurusan kontrak yang cekap dan berkesan adalah penting bagi memastikan projek berjalan lancar dan teratur. Semakan Audit terhadap pengurusan kontrak mendapati perkara berikut :

a) Penjanjian Kontrak

Satu Dokumen Perjanjian Kontrak perlu ditandatangani antara pihak kontraktor dengan Kerajaan Negeri. Ia bertujuan bagi menjamin kepentingan kedua belah pihak. Dokumen perjanjian kontrak tersebut antara lain mengandungi syarat am kontrak, pelan lukisan, spesifikasi, jadual kadar harga dan butiran lain yang berkaitan dengan pengurusan kontrak. Semakan Audit mendapati satu perjanjian kontrak telah ditandatangani antara Kerajaan Negeri dengan PPES Works (Sarawak) Sdn. Bhd. pada bulan Februari 2004. Semua keperluan syarat kontrak seperti bon pelaksanaan berjumlah RM5.49 juta dan polisi insurans iaitu Insurans Kerja, Insurans Pampasan Pekerja dan Insurans Liabiliti Awam telah disediakan dengan mencukupi. Kandungan dan syarat penting yang telah dipersetujui dan dipatuhi adalah seperti berikut :

i) Harga kontrak pembinaan adalah berjumlah RM109.77 juta.

ii) Membina jalan *asphaltic concrete* sepanjang 17.62 kilometer, 6 jambatan konkrit, 31 pembetung, longkang dan lain kerja yang berkaitan pada tempoh 36 bulan iaitu mulai bulan Februari 2004 hingga Februari 2007.

iii) Menyediakan Bon Pelaksanaan sebanyak 5% daripada harga kontrak.

iv) Menyediakan Polisi Insurans Kerja, Polisi Insurans Pampasan Pekerja dan Polisi Insurans Liabiliti Awam yang mencukupi bagi melindungi tuntutan mana-mana pihak.

v) Jumlah minimum bayaran interim adalah RM800,000.

vi) Tempoh tanggungan kecacatan projek ialah 12 bulan selepas tarikh siap projek.

vii) *Liquidated and Ascertained Damages* dikenakan dengan kadar RM2,500 sehari.

b) Lanjutan Masa

Mengikut perjanjian kontrak, Projek Jalan Dari Mulukun Ke Nanga Gaat Fasa 1 hendaklah disiapkan pada tempoh 36 bulan iaitu bermula pada 20 Februari 2004 dan siap sepenuhnya pada 19 Februari 2007. Lanjutan masa boleh diberi sekiranya Projek tidak dapat disiapkan pada tempoh yang ditetapkan dan mempunyai alasan yang munasabah dan diluluskan oleh Jurutera seperti di klausa

29(a) pada Syarat Am Kontrak. Sebaliknya jika tiada lanjutan masa, *Liquidated Ascertained Damages* dengan kadar RM2,500 sehari akan dikenakan kepada kontraktor. Semakan Audit mendapati Projek ini tidak dapat disiapkan pada tempoh yang ditetapkan. Projek hanya dapat disiapkan pada bulan Disember 2007. Ini disebabkan masalah kelewatan kontraktor memulakan kerja di tapak bina akibat pengambilan balik tanah yang belum selesai. Selain itu, ia juga disebabkan masalah hujan dan kontraktor tidak dapat menjalankan kerja dengan lancar. Adalah didapati permohonan lanjutan masa telah disokong dengan dokumen yang mencukupi seperti surat daripada Jabatan Tanah Dan Survei. Bagi masalah hujan pula, ia disokong dengan carta cuaca yang disahkan oleh Jurutera serta berdasarkan rekod purata taburan hujan di kawasan Kapit bagi tempoh 10 tahun (1995-2004) daripada Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak. Sebanyak 11 lanjutan masa yang berjumlah 315 hari telah diberi dan diluluskan kepada kontraktor dan tarikh siap kerja yang baru adalah pada akhir bulan Disember 2007 seperti di **Jadual 39.**

Jadual 39
Lanjutan Masa Projek Jalan Dari Mulukun Ke Nanga Gaat Fasa 1

No.	Tarikh Mohon	Tarikh Lulus	Jumlah Hari Dilulus	Tarikh Siap Baru	Alasan / Sebab
1.	26.11.04	23.11.05	242	19.10.07	Masalah pengambilan balik tanah
2.	09.06.05	28.07.05	11	30.10.07	Hujan
3.	05.07.05	26.07.05	13	12.11.07	Hujan
4.	24.08.05	05.09.06	3	15.11.07	Hujan
5.	14.01.06	12.04.06	9	24.11.07	Hujan
6.	17.04.06	23.06.06	11	05.12.07	Hujan
7.	12.07.06	05.09.06	4	09.12.07	Hujan
8.	06.10.06	20.11.06	1	10.12.07	Hujan
9.	26.01.07	18.04.07	8	18.12.07	Hujan
10.	11.04.07	20.07.07	6	24.12.07	Hujan
11.	31.07.07	18.09.07	7	31.12.07	Hujan
Jumlah			**315**		

Sumber : Jabatan Kerja Raya Sarawak

Bagaimanapun semakan Audit seterusnya mendapati tiada Sijil Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa dikeluarkan terhadap 11 lanjutan masa yang diluluskan. Hanya surat kelulusan sahaja dikeluarkan bagi lanjutan masa tersebut. Justeru, bagi mengemaskan lagi pengurusan kontrak adalah disarankan Jurutera mengeluarkan Sijil Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa bagi setiap lanjutan masa yang diluluskan. Pihak Jabatan memaklumkan Sijil Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa telah mula digunakan bagi kontrak yang dilaksanakan pada tahun 2008.

c) Arahan Perubahan Kerja

Sehingga akhir bulan Disember 2007, sebanyak 21 Arahan Perubahan Kerja (APK) telah dikeluarkan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 18 APK telah diluluskan yang melibatkan tambahan bersih terhadap harga kontrak berjumlah RM45,408.

Daripada 18 APK tambahan yang diluluskan, sebanyak 15 adalah APK tambahan yang melibatkan kos berjumlah RM19.67 juta dan 3 APK kurangan melibatkan kos berjumlah RM19.63 juta. Antara kerja yang terlibat dengan APK tambahan tersebut adalah seperti kerja menanam cerucuk, menggali serta membuang batu dari tapak pembinaan dan kerja tanah. Selain itu, tiga APK tambahan iaitu menggali dan menambak tanah, memasang paip HDPE dan kerja pengalihan jajaran yang bernilai RM1.54 juta belum diluluskan. Butiran Arahan Perubahan Kerja yang telah diluluskan adalah seperti di **Jadual 40.**

Jadual 40
Arahan Perubahan Kerja Yang Telah Diluluskan Sehingga Bulan Disember 2007

Bil.	Perkara	No. APK	Tambah (RM)	Kurang (RM)	Jumlah Tambahan/ Kurangan Bersih Terhadap Harga Kontrak (RM)
1.	*Provisional Sum* : (Kerja Am & Permulaan, Kerja Jalan, Saliran & Kerja Jambatan)	1		19,319,855	(19,319,855)
2.	Saluran Paip ke Rh.Tuan Gawan	2	56,409		(19,263,446)
3.	Pengubahsuaian Pembetung No. 10	3	83,134		(19,180,312)
4.	Kerja Am & Permulaan -Sewa *Speedboat*	4	221,000		(18,959,312)
5.	Kerja Menanam Cerucuk – Sg. Banyau	5	1,142,161		(17,817,151)
6.	Kerja Menanam Cerucuk – Sg. Sepakok	6	739,481		(17,077,670)
7.	Kerja Menanam Cerucuk – Sg. Muteh	7	545,630		(16,532,040)
8.	Kerja Menanam Cerucuk – Sg. Sebunus	8	695,713		(15,836,327)
9.	Kerja Menanam Cerucuk – Sg. Sut	9	1,444,160		(14,392,167)
10.	Menggali & Membuang Batu	10	925,324		(13,466,843)
11.	Sewa Motobot	11	51,000		(13,415,843)
12.	Kerja Menanam Cerucuk – Sg. Sebindah	12	1,056,499		(12,359,344)
13.	Kerja Saliran – Cerucuk Bakau & Belian	13	3,048,602		(9,310,742)
14.	Menggali & Membuang Batu	14	254,698		(9,056,044)
15.	Menggali & Membuang Batu	15	5,326,187		(3,729,857)
16.	Menggali & Membuang Batu	18	4,084,134		354,277
17.	Pelarasan Harga Batu *Sub-base*	19		251,070	103,207
18.	Pembatalan Pembetung No.5	20		57,799	45,408
Jumlah			**19,674,132**	**19,628,724**	**45,408**

Sumber : Jabatan Kerja Raya Sarawak

Semakan Audit terhadap Arahan Perubahan Kerja tersebut mendapati perkara berikut :

i) Arahan Perubahan Kerja Tambahan

Arahan Perubahan Kerja tambahan dikeluarkan disebabkan perubahan yang berlaku terhadap skop kerja dan pelan lukisan. Antara jenis kerja tambahan yang dilaksana adalah seperti menanam cerucuk, menggali dan membuang batu dari tapak pembinaan dan kerja tanah. Sehingga bulan Disember 2007,

sebanyak 15 Arahan Perubahan Kerja yang bernilai RM19.67 juta telah dikeluarkan dan amaun ini akan ditambah kepada harga kontrak. Semakan Audit mendapati Arahan Perubahan Kerja tersebut telah dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan.

ii) Arahan Perubahan Kerja Kurangan

Arahan Perubahan Kerja Kurangan dikeluarkan disebabkan perubahan yang berlaku terhadap skop kerja dan pelan lukisan. Sehingga bulan Disember 2007, tiga Arahan Perubahan Kerja kurangan yang bernilai RM19.63 juta telah dikeluarkan iaitu melibatkan kerja dalam *provisional item* (kerja menanam cerucuk, tanah, saliran dan jambatan) pembatalan pembinaan pembetung No. 5 dan pelarasan terhadap harga batu *sub-base.* Semakan Audit mendapati potongan/kurangan dibuat terhadap harga kontrak telah dilbuat dengan betul mengikut peraturan yang ditetapkan.

d) Perubahan Harga Bahan Binaan

Mengikut syarat kontrak, kontraktor dibenarkan membuat tuntutan terhadap kenaikan harga bahan binaan seperti simen, besi, diesel dan bitumen, sekiranya berlaku dalam tempoh kontrak. Kenaikan harga bahan binaan tersebut hendaklah dibuat secara bulanan berdasarkan kepada harga yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Asas perkiraan harga dan jumlah kuantiti bahan binaan tersebut hendaklah dibuat dan ditetapkan semasa tender dikeluarkan pada bulan November 2003. Manakala jumlah maksimum kuantiti yang boleh dituntut pula tidak melebihi daripada jumlah kuantiti yang telah ditetapkan dalam kontrak seperti di **Jadual 41**.

Jadual 41
Harga Asas Bahan Binaan Pada Bulan November 2003
Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia

Jenis Bahan Binaan	Unit Ukuran	Harga Asas Bahan Binaan Pada November 2003 (RM)	Jumlah Kuantiti Maksimum Yang Dibenarkan
Simen	Tan Metrik	262.83	7,700
Besi : - 8mm - 12 hingga 25mm - 32mm	Tan Metrik	 1,192.75 1,146.76 1,241.29	 80 1,650 800
Diesel	Liter	0.759	5,586,000
Petrol	Liter	0.6448	88,200
Bitumen	Tan Metrik	765.00	750

Sumber : Jabatan Kerja Raya Sarawak

Semakan Audit terhadap Arahan Perubahan Harga (*price variation order)* mendapati kenaikan harga bahan binaan iaitu simen, besi, diesel dan bitumen dibuat setiap bulan berdasarkan harga yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Manakala jumlah kuantiti yang dituntut pula tidak melebihi daripada jumlah kuantiti yang ditetapkan. Sehingga bulan Disember 2007, sebanyak 38

Arahan Perubahan Harga telah dikeluarkan yang melibatkan kos berjumlah RM4.53 juta dan menyebabkan tambahan ke atas harga kontrak.

e) Pelarasan Harga Kontrak

Mengikut prosedur kontrak, harga kontrak hendaklah diselaraskan sekiranya ada arahan perubahan kerja, pelarasan wang kos prima, perbelanjaan wang peruntukan sementara, pengukuran semula kuantiti dan perubahan harga terhadap bahan binaan. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2007, sebanyak 18 Arahan Perubahan Kerja telah dilulus yang melibatkan penambahan bersih harga kontrak berjumlah RM45,408 telah diluluskan. Selain itu, sebanyak 38 Arahan Perubahan Harga bahan binaan yang melibatkan tambahan kos berjumlah RM4.53 juta juga telah dikeluarkan. Pelarasan terhadap harga kontrak yang meningkat dari RM109.77 juta menjadi RM114.34 juta hanya dibuat pada sijil bayaran. Justeru, bagi meningkatkan tahap pengurusan kontrak adalah disarankan supaya Jabatan mengeluarkan Perakuan Pelarasan Harga Kontrak untuk setiap perubahan yang melibatkan kos supaya harga terkini kontrak dapat ditentukan**.**

f) Penyerahan Kerja Kepada Kontraktor Lain

Mengikut pindaan kepada klausa 20 pada Syarat Am Kontrak, kontraktor tidak dibenarkan menyerahkan kerjanya kepada kontraktor lain tanpa kelulusan daripada pihak Jabatan. Pihak Audit difahamkan semua kerja di tapak bina dijalankan oleh kontraktor Pekerjaan Piasau Konkrit Sdn Bhd. Pemeriksaan Audit mendapati tiada surat kelulusan diperoleh daripada Jabatan yang membenarkan kontraktor tersebut melaksanakan kerja bagi pihak kontraktor utama iaitu PPES Works (Sarawak) Sdn. Bhd.

Pada pendapat Audit, pengurusan kontrak Projek Jalan Dari Mulukun ke Nanga Gaat Fasa 1 secara keseluruhanya adalah baik.


18.2.8 Komponen Projek

Komponen utama Projek adalah terdiri daripada jalan dan jambatan. Selain itu, komponen lain yang perlu dibina adalah pembetung, longkang, *guardrail* dan perabot jalan. Semakan Audit terhadap komponen projek adalah seperti berikut :

a) Jalan

Lapisan jalan adalah terdiri daripada lapisan *sub-grade,* lapisan *sub-base*, lapisan *road base* dan lapisan *wearing course.* Tebal setiap lapisan jalan adalah antara 50 milimeter hingga 250 milimeter seperti di **Rajah 1.**

Rajah 1
Komponen Jalan *Asphaltic Concrete*



Sumber : Pelan Lukisan Kontrak

i) Lapisan *Sub-grade*

Mengikut pelan lukisan kontrak, lapisan *sub-grade* adalah lapisan paling bawah dan merupakan sebahagian daripada tambakan *(embankment*) atau lapisan asal kawasan pemotongan tanah dan terletak di bawah lapisan *sub-base* pada lapisan jalan. Lapisan *sub-grade* terdiri daripada beberapa lapisan tanah yang telah dipadatkan ke tahap sekurang-kurangnya 90% (termasuk kawasan pemotongan) dan ketebalannya berubah mengikut aras asal tanah. Selain itu, mengikut spesifikasi kontrak bagi permukaan 300 milimeter permukaan atas *sub-grade* (*formation level*) bahan yang digunakan sebagai bahan tambakan hendaklah memenuhi kehendak piawai dan kriteria seperti di **Jadual 42.**

Jadual 42
Kriteria Dan Piawai Bahan Bagi Membina Lapisan Atas *Sub-grade*

Kriteria	Piawai
Saiz Maksimum	Tidak melebihi 25mm
Liquid Limit	Tidak melebihi 45%
Plasticity Index	Tidak melebihi 20%
Ujian Kepadatan	Tidak kurang 95%

Sumber : Spesifikasi Kontrak

Semakan Audit terhadap Rekod Ujian Dan Laporan Kawalan Kualiti Bulanan mendapati lapisan *sub-grade* dibina mengikut pelan dan spesifikasi yang ditetapkan. Tanah yang digunakan memenuhi kriteria dan piawai yang ditetapkan. Lapisan *sub-grade* dibina mengikut lapisan dan setiap lapisan dipadatkan mengikut tahap kepadatan yang ditetapkan.

ii) Lapisan *Sub-base*

Mengikut spesifikasi kontrak, bahan yang digunakan untuk *sub-base* iaitu lapisan kedua selepas *sub-grade* pada lapisan jalan *(road pavement),* hendaklah terdiri daripada batu pecah *(crushed-rock).* Selain itu, lapisan *sub-base* hendaklah mempunyai c*rushing value* tidak melebihi 35%, nilai *California Bearing Ratio* tidak kurang daripada 30%, mencapai sekurang-kurangnya 95%

ujian kepadatan dan lulus salah satu daripada zon ujian penggredan seperti di **Jadual 43.**

Jadual 43
Penggredan* Untuk Bahan *Sub-base

Saiz Ayak	Peratusan Telus Ayakan					
	Zon A (%)	Zon B (%)	Zon C (%)	Zon D (%)	Zon E (%)	Zon F (%)
50.0mm	100	100	-	-	-	-
25.0mm	-	79-95	100	100	100	100
9.5mm	30-65	40-75	50-85	60-100	-	-
4.75mm	25-55	30-60	35-65	50-85	55-100	70-100
2.00mm	15-40	20-45	25-50	40-70	40-100	55-100
425µm	8-20	15-30	15-30	25-45	20-50	30-70
75µm	2-8	5-20	5-20	5-20	6-20	8-25

Sumber : Jabatan Kerja Raya Sarawak - Spesifikasi Kontrak

Lawatan Audit ke tapak bina bersama Jurutera Jabatan Audit Negara pada awal bulan September 2007 mendapati batu sungai digunakan sebagai *sub-base* bagi menggantikan batu kuari. Batu sungai tersebut digunakan setelah lulus ujian makmal dan mendapat kelulusan dari Jabatan. Namun begitu, kelulusan tersebut hanya diberi setakat 30% sahaja daripada keseluruhan kuantiti *sub-base* jalan yang berjumlah 41,845 meter padu. Bagaimanapun semakan Audit terhadap laporan Arahan Perubahan Kerja No. 19 mendapati keseluruhan lapisan *sub-base* telah menggunakan batu sungai.

Selain itu, adalah didapati batu sungai yang digunakan sebagai *sub-base* di kilometer 16+525 hingga 16+645 tidak dipecahkan *(crushed)* seperti yang dikehendaki dalam spesifikasi kontrak. Mengikut pendapat Jurutera Jabatan Audit Negara, batu sungai yang tidak dipecahkan tidak mempunyai ikatan *(interlock*) yang kuat. Selain itu, pengukuran secara rawak terhadap saiz batu yang telah siap dihampar di kilometer tersebut turut dijalankan dan didapati ada batu yang bersaiz sehingga 62mm melebihi saiz maksimum yang dibenarkan pada spesifikasi iaitu 50mm. Sila lihat **Foto 44** dan **Foto 45.**

Foto 44
Batu Sungai Yang Tidak Dipecahkan Tetapi Digunakan Sebagai *Sub-base*



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 5 September 2007
Lokasi : Kilometer 16+525

Foto 45
Batu Sungai Yang Digunakan Sebagai *Sub-base* Tetapi Tidak Mengikut Saiz Grading Zon Yang Ditetapkan



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 5 September 2007
Lokasi : Kilometer 16+645

iii) Lapisan *Road Base*

Lapisan *road base* adalah lapisan ketiga jalan selepas lapisan *sub-base dan sub-grade.* Lapisan ini adalah setebal 200 milimeter dan terdiri daripada batu pecah. Batu pecah yang digunakan hendaklah mematuhi kriteria yang ditetapkan iaitu memiliki *crushing value* tidak melebihi 30%, mencapai sekurang-kurangnya 97% tahap ujian kepadatan dan lulus salah satu zon dalam ujian penggredan seperti di **Jadual 44**

Jadual 44
Penggredan Batu Hancur Untuk Road base

Saiz Ayak	Peratusan Telus Ayakan	
	Zon 1 (%)	Zon 2(%)
50.00mm	100	100
37.50mm	95-100	85-100
28.00mm	-	70-100
20.00mm	60-80	60-90
10.00mm	40-60	40-65
5.00mm	25-40	30-55
2.36mm	15-30	-
2.00mm	-	20-40
600µm	8-22	-
425µm	-	10-25
75µm	5-12	5-12

Sumber : Jabatan Kerja Raya Sarawak - Spesifikasi Kontrak

Semakan Audit terhadap Rekod Ujian Dan Laporan Kawalan Kualiti Bulanan mendapati batu pecah yang digunakan memenuhi kehendak spesifikasi. Ujian

yang diperlukan seperti *crushing value* dan ujian penggredan telah dijalankan. Selain itu, ujian kepadatan juga dijalankan dan memenuhi kehendak spesifikasi yang ditetapkan.

iv) Lapisan *Wearing Course*

Lapisan paling atas pada lapisan jalan adalah *wearing course.* Lapisan *wearing course* bertujuan memberi permukaan jalan yang lebih halus dan sekali gus memberi keselesaan kepada pengguna jalan raya. Lapisan *wearing course* bagi projek jalan ini adalah terdiri daripada *asphaltic concrete* setebal 50 milimeter. *Asphaltic concrete* adalah terdiri dari campuran batu halus dan bitumen. Semakan Audit mendapati pembinaan lapisan *asphaltic concrete* dibuat mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Campuran batu halus tersebut telah menjalani ujian penggredan seperti yang ditetapkan. Manakala kandungan bitumen telah diuji di makmal. Bagi *binder course* kandungan bitumennya adalah antara 4% hingga 6%. Manakala bagi *wearing course* pula adalah antara 4.5% hingga 6.5%.

b) Jambatan

Mengikut pelan lukisan kontrak, komponen utama jambatan terdiri daripada pile foundation, approach embankment, *abutment, pier, deck slab, parapet wall dan rib-rap.* Jenis cerucuk asas yang digunakan adalah *micropile* atau *borepile.* Saiznya pula antara 300 milimeter hingga 800 milimeter. Manakala bagi rasuk pula, *prestressed beam* yang panjangnya antara 12 hingga 30 meter digunakan. Setiap jambatan mempunyai 3 dan 5 rentang iaitu bergantung kepada panjang jambatan. Panjang jambatan adalah berbeza antara 45 hingga 120 meter dan lebarnya pula adalah 11.2 meter. Manakala ketinggian jambatan adalah berbeza mengikut aras asal tanah. Ketinggian *abutment* pula adalah antara 4 hingga 9 meter, manakala ketinggian *pier* pula adalah antara 6 hingga 17.5 meter. *Rip-rap* setebal 300 milimeter dibina bagi melindungi tanah di bawah *abutment* daripada hakisan. Lawatan Audit ke tapak mendapati jambatan yang siap telah dibina mengikut komponen yang ditetapkan.

c) Pembetung

Mengikut pelan lukisan, kontraktor dikehendaki membina 19 pembetung jenis paip (*pipe culvert)* dan 12 pembetung kotak *(box culvert).* Saiz pembetung paip adalah 0.9 meter, 1.2 meter dan 1.5 meter. Manakala bagi saiz pembetung kotak pula ialah 2.0 meter dan 3.0 meter. Sementara panjang pembetung adalah antara 12.19 meter hingga 92.50 meter. Semakan Audit terhadap laporan projek, mendapati daripada 31 pembetung, 30 pembetung telah siap dibina serta mengikut saiz dan lokasi yang ditetapkan. Manakala sebuah pembetung jenis paip yang sepatutnya dibina di kilometer 5+700 dibatalkan pembinaannya kerana pembetung berkenaan tidak diperlukan di lokasi tersebut.

Pada pendapat Audit, pembinaan Projek Jalan Dari Mulukun ke Nanga Gaat Fasa 1 dilaksana mengikut komponen yang ditetapkan. Bagaimanapun, Jabatan tidak sepatutnya memberi kebenaran menggunakan batu sungai 100% sebagai lapisan *sub-base*.

18.2.9 Pencapaian Projek


Mengikut perjanjian kontrak, Projek Jalan Dari Mulukun Ke Nanga Gaat Fasa 1 sepatutnya dimulakan pada bulan Februari 2004 dan siap pada bulan Februari 2007. Bagaimanapun, kerja-kerja pembinaan hanya bermula pada bulan Oktober 2004 disebabkan masalah pengambilan balik tanah yang belum selesai. Justeru, Program Kerja yang disediakan disemak semula dan tempoh siapnya dilanjutkan sehingga bulan Disember 2007. Semakan Audit terhadap Komponen Dan Carta Kemajuan Projek mendapati pihak kontraktor telah berjaya melaksanakan Projek mengikut komponen yang ditetapkan yang komponen utamanya terdiri daripada jalan baru sepanjang 17.62 kilometer, enam jambatan konkrit dan 30 pembetung. Setakat akhir bulan Ogos 2007, kemajuan kerja yang dicapai adalah 90.2% berbanding 89.6% mengikut jadual. Pencapaian Projek pada keseluruhannya adalah mengikut program kerja yang telah ditetapkan. Bagi kerja saliran ianya dilaksana mengikut jadual di mana kemajuan yang dicapai adalah 94%. Untuk kerja tanah dan jambatan pula, pencapaiannya adalah melebihi dari yang dijadualkan. Kemajuan yang dicapai bagi kerja tanah adalah 99.6% berbanding 95.3%, manakala bagi kerja jambatan pula kemajuan kerja yang dicapai adalah 92.3% berbanding 91.5% mengikut jadual. Bagaimanapun untuk kerja lapisan jalan, ianya berlaku kelewatan sebanyak 8.6% di mana kemajuan yang dicapai adalah 61.9% berbanding 70.5% mengikut jadual. Butiran lengkap pencapaian kerja bagi setiap komponen Projek adalah seperti di **Jadual 45** dan **Carta 5.**

Jadual 45
Prestasi Projek Jalan Dari Mulukun ke Nanga Gaat Fasa 1
Setakat Bulan Ogos 2007

Bil.	Jenis Kerja	Kemajuan Dicapai		
		Jadual (%)	Sebenar (%)	Perbezaan (+/- %)
1.	Kerja Permulaan & Am	93.0	87.8	- 5.2
2.	Kerja Ukur & *Setting Out*	100	92.0	- 8.0
3.	Pembersihan Tapak & *Grubbing*	100	100	0.0
4.	Kerja Tanah :			
	i) Roadway excavation	100	99.4	-0.6
	ii) Road embankment	100	99.3	-0.7
	iii) Rock excavation	85.8	100	+14.2
5.	Tanaman Rumput	79.2	39.0	- 40.2
6.	Lapisan Jalan :			
	i) Sub-grade	90.1	79.6	-10.5
	ii) Sub-base	81.5	72.2	- 9.3
	iii) Road base	39.8	33.8	- 6.0
	iv) A.C. Wearing Course	0	0	0.0
7.	Persimpangan Jalan	0	0	0.0
8.	Papan Tanda Jalan	0	0	0.0
9.	*Guard Rail*	0	39.0	+39.0
10.	Garisan Jalan	0	0	0.0
11.	Kerja Saliran :			
	i) Pembetung Paip (19 nos)	100	100	0.0
	ii) Pembetung kotak (12nos)	100	100	0.0
	iii) Longkang Tepi Jalan	86.2	87.3	+1.1
	iv) Longkang Cerun/*Intercepter Drains*	89.6	87.6	-2.0
12.	Kerja Jambatan :			
	i) Jambatan Sg. Sebunus (60m)	100	96.1	-3.9
	ii) Jambatan Sg. Banyau (60m)	100	97.4	-2.6
	iii) Jambatan Sg. Sebindah (57m)	79.2	88.6	+9.4
	iv) Jambatan Sg. Sut (120m)	84.3	83.6	-0.7
	v) Jambatan Sg. Sepakok (45m)	100	94.2	-5.8
	vi) Jambatan Sg. Munteh (45m)	85.4	93.8	+8.4

Sumber : Jabatan Kerja Raya Sarawak

Carta 5
Kemajuan Kerja Fizikal Projek Pembinaan Jalan
Dari Mulukun Ke Nanga Gaat Fasa 1 Pada Bulan Ogos 2007



Sumber : Jabatan Kerja Raya Sarawak

Lawatan susulan Audit pada bulan April 2008 mendapati projek ini telah siap sepenuhnya pada akhir bulan Disember 2007.

Pada pendapat Audit, prestasi projek pada keseluruhannya adalah baik kerana Projek dapat dilaksana mengikut jadual walaupun lewat dimulakan.

18.2.10 Kerja Pembinaan Cerun

a) Mengikut pelan lukisan kontrak, pemotongan cerun di kawasan berbukit hendaklah dijalankan mengikut kecerunan yang telah ditetapkan iaitu berdasarkan jenis tanah. Pemotongan tanah berbukit jenis tanah biasa (soil) hendaklah dibuat mengikut kecerunan 1:1, tanah jenis *weathered rock* atau *hard shale* kecerunannya adalah 0.5:1 dan tanah jenis *rock* pula kecerunannya adalah 0.25:1. Lawatan Audit ke tapak projek pada awal bulan September 2007 mendapati kawasan berbatu telah siap dipotong mengikut kecerunan dan spesifikasi yang ditetapkan. Namun begitu, kawasan cerun tersebut kelihatan tidak stabil kerana didapati permukaan cerun longgar dan ada batu yang jatuh ke bahu jalan dan longkang. Mengikut pendapat Jurutera Jabatan Audit Negara, kebanyakan kawasan berbatu adalah terdiri daripada jenis *weathered rock* atau *hard shale*. Menurut beliau lagi, batu jenis ini keras apabila berada dalam tanah dan menjadi lembut apabila terdedah kepada cuaca. Justeru, adalah sukar bagi cerun yang telah siap dipotong mengekalkan kestabilannya kerana sifat semula jadi batu tersebut. Ini dapat diperhatikan daripada keadaan fizikal batu tersebut yang lembut dan mudah patah seperti di **Foto 46** hingga **Foto 49.**

Foto 46 **Foto 47**

Cerun Yang Siap Dibina Kelihatan Longgar Dan Tidak Stabil



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 5 September 2007
Lokasi : Kilometer 2+325



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 5 September 2007
Lokasi : Kilometer 7+150

Foto 48



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 5 September 2007
Lokasi : Kilometer 7+550

Foto 49



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 5 September 2007
Lokasi : Kilometer 17+125

Keadaan ini boleh membahayakan pengguna jalan raya. Sekiranya, ujian tanah dibuat secara menyeluruh, maka keadaan kawasan akan diketahui dan reka bentuk untuk pembinaan cerun mungkin boleh disediakan selaras dengan keadaannya.

Bagaimanapun, lawatan susulan Audit pada bulan April 2008 mendapati semua cerun yang runtuh telah diperbaiki. Batu yang longgar dan jatuh ke bahu jalan serta longkang juga telah dibersihkan. Pihak Audit difahamkan buat masa ini, Jabatan tidak dapat menggunakan kaedah yang disarankan walaupun ianya berkesan kerana melibatkan kos tambahan yang tinggi.

b) Longkang *berm* konkrit juga hendaklah dibina bagi mengalirkan air dari tanggaan *(berm*) yang dibina bagi setiap ketinggian 5 meter untuk mengalirkan air ke longkang *cascade*. Ia juga bertujuan mengelak air dari mengalir terus ke cerun yang boleh mengakibatkan hakisan. Semakan Audit terhadap pelan lukisan kontrak mendapati keperluan membina longkang *berm* konkrit tidak dinyatakan dalam pelan lukisan kontrak. Pihak Audit difahamkan ini adalah bertujuan untuk menjimatkan kos pembinaan. Akibatnya hakisan berlaku di kawasan cerun dan tambakan seperti di kilometer 6+512 seperti di **Foto 50** dan **Foto 51.**

Foto 50
Longkang *Berm* Konkrit Tidak Dibina



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 5 September 2007
Lokasi : Kilometer 6+512

Foto 51
Menyebabkan Hakisan Berlaku



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 5 September 2007
Lokasi : Kilometer 6+512

Pada pendapat Audit, reka bentuk pemotongan cerun di kawasan *weathered rock* adalah tidak memuaskan kerana sukar untuk mengekalkan kestabilannya disebabkan sifat semula jadi batu tersebut.

18.2.11 Perlindungan Cerun Dan Tambakan

Mengikut spesifikasi kontrak, semua permukaan yang telah terdedah sama ada di kawasan tambakan *(embankment*) ataupun cerun yang dipotong (kecuali permukaan berbatu), perlu dilindungi dengan rumput atau tanaman lain yang diluluskan bagi mengelak hakisan. Lawatan Audit ke tapak binaan mendapati banyak cerun dan tambakan seperti di *kilometer 16+075, 16+525, 16+645 dan 16+650* tidak dilindungi segera dengan tanaman rumput. Akibatnya banyak hakisan berlaku di kawasan berkenaan seperti di **Foto 52** hingga **Foto 55.**

Foto 52 **Foto 53**

Cerun Siap Dibina Tetapi Tidak Segera Ditanam Rumput



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 5 September 2007
Lokasi : Kilometer 16+075



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 5 September 2007
Lokasi : Kilometer 16+525

Foto 54 **Foto 55**

Tambakan Siap Dibina Tetapi Tidak Segera Ditanam Rumput



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 5 September 2007
Lokasi : Kilometer 16+645



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 5 September 2007
Lokasi : Kilometer 16+650

Justeru, permukaan yang terdedah sama ada di kawasan tambakan atau cerun, hendaklah dilindungi segera sama ada dengan tanaman rumput atau tanaman penutup bumi lain yang diluluskan bagi mengelak hakisan dan cerun runtuh. Bagi kawasan berbatu pula, Jabatan hendaklah mengambil tindakan untuk melindungi cerun yang telah siap dibina. Selain itu, pihak Jabatan juga hendaklah mencari kaedah yang lebih sesuai dan praktikal bagi mengatasi masalah cerun runtuh seperti menggunakan jaring, *stone pitching* dan memasang *gabion.*

Semasa lawatan susulan Audit pada bulan April 2008, didapati semua kawasan cerun dan tambakan yang siap dibina termasuk di tempat yang berkenaan telah ditanam dengan tanaman penutup bumi kecuali di kawasan berbatu. Mengikut maklum balas

Jabatan, rumput yang ditanam tidak hidup disebabkan keadaan jenis tanah yang tidak mengizinkan pertumbuhan rumput. Justeru, Jabatan hendaklah mengurangkan bayaran bagi kerja penanaman rumput yang tidak dibuat dan mengambil kira dalam pengiraan Akaun Muktamad yang disediakan.

Pada pendapat Audit, walaupun Jabatan telah melaksanakan kerja perlindungan di kawasan cerun dan tambakan namun keadaannya masih tidak stabil terutama di kawasan *weathered rock/hard shale.* Oleh demikian pihak Jabatan harus menggunakan alternatif lain untuk memastikan cerun dilindungi demi untuk mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku.

18.2.12 Pengalihan Jajaran Jalan

Mengikut pelan lukisan kontrak, kontraktor dikehendaki membina jalan dari kilometer 0+550 hingga kilometer 1+175 mengikut jajaran yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati kerja pembinaan jalan (hanya setakat kerja tanah) di kilometer tersebut telah disiapkan pada tahun 2005 dengan kos berjumlah RM246,705. Bagaimanapun mengikut Laporan Perunding, pada bulan Disember 2006, satu kejadian tanah runtuh telah berlaku di kilometer 0+550 dan 0+875. Kejadian tanah runtuh di Kilometer tersebut adalah disebabkan hujan lebat luar biasa yang berlaku beberapa hari sebelum hari kejadian. Air yang mengalir ke lapisan *sub-grade* adalah terlalu banyak sehingga tambakan *(backfill)* yang telah siap dibina 2 tahun lalu runtuh. Semasa lawatan Audit pada awal bulan September 2007 mendapati tanah runtuh masih lagi kelihatan di Kilometer tersebut seperti di **Foto 56** dan **Foto 57.**

Foto 56 **Foto 57**

Kawasan Tanah Runtuh Yang Berlaku Pada Bulan Disember 2006



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 5 September 2007
Lokasi : Kilometer 0+ 550



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 5 September 2007
Lokasi : Kilometer 0+875

Pemeriksaan Audit seterusnya mendapati sebelum kejadian tanah runtuh berlaku, pada bulan April 2005, Jabatan telah mencadangkan supaya jajaran asal iaitu dari

kilometer 0+550 hingga kilometer 1+175 diubah disebabkan terdapat kampung berdekatan di bawah benteng yang jaraknya kira-kira 158 meter.

Kejadian tanah runtuh tersebut menyebabkan jajaran asal terpaksa diubah iaitu mulai dari kilometer 0+550 hingga ke kilometer 1+175 yang melibatkan tambahan kos berjumlah RM885,797. Mengikut maklumbalas Jabatan, Cawangan Keselamatan Cerun, JKR Malaysia telah menjalankan penyiasatan untuk mencari punca berlakunya tanah runtuh. Bagaimanapun sehingga tempoh pengauditan, tiada laporan diterima daripada Cawangan Keselamatan Cerun, JKR Malaysia.

Pada pendapat Audit, pengalihan jajaran jalan dari kilometer 0+550 hingga 1+175 dilaksanakan dengan baik. Bagaimanapun, Jabatan seharusnya mencadangkan pengalihan jajaran jalan dibuat lebih awal berdasarkan keadaan muka bumi di kawasan tersebut.

18.2.13 Kawalan Kualiti Kerja Pembinaan

Projek Jalan Dari Mulukun Ke Nanga Gaat Fasa1 hendaklah dilaksanakan mengikut pelan dan spesifikasi kontrak yang ditetapkan dalam kontrak supaya kualiti terhadap kerja pembinaan dapat dikawal. Bagi memenuhi hasrat ini bahan binaan yang digunakan seperti batu, simen dan besi perlu berkualiti dan memenuhi standard yang ditetapkan. Selain itu, pengawasan yang rapi terhadap kerja pembinaan di tapak termasuk ujian di tapak pembinaan adalah perlu dijalankan. Semakan Audit terhadap fail pelaksanaan projek dan rekod ujian di Jabatan Kerja Raya mendapati perkara berikut :

a) Prosedur Kerja

TW EngConSa Sdn. Bhd. adalah Jurutera yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor di tapak pembinaan. Penyeliaan dan pengawasan yang rapi terutama bagi kerja penting atau kritikal yang memerlukan pengawasan/penyeliaan yang rapi seperti kerja menanam cerucuk, konkrit, menambak tanah dan menghampar *asphaltic* konkrit adalah perlu dilakukan. Ia bagi memastikan projek dilaksana mengikut pelan dan spesifikasi yang ditetapkan dan sekali gus dapat menjaga kualiti pembinaan. Justeru, satu prosedur kerja yang teratur perlu diwujudkan. Semakan Audit mendapati kontraktor telah mematuhi dengan baik prosedur kerja yang telah ditetapkan. Kontraktor dikehendaki mengisi borang permohonan untuk menjalankan kerja kritikal seperti kerja konkrit. Kerja konkrit hanya dapat dilaksana setelah Jurutera memeriksa dan berpuas hati terhadap besi *reinforcement, formwork* dan persiapan lain yang berkaitan.

b) Ujian Makmal

Bagi menjamin kualiti pembinaan, kerja yang dijalankan di tapak pembinaan hendaklah mengikut pelan dan spesifikasi yang ditetapkan. Justeru, beberapa ujian

perlu dijalankan di tapak pembinaan seperti ujian tanah, konkrit, ujian beban, kepadatan dan bitumen perlu dijalankan. Semakan Audit terhadap fail projek dan Laporan Kawalan Kualiti Bulanan mendapati ujian makmal terhadap bahan binaan yang digunakan seperti tanah, pasir, batu dan besi telah dijalankan di tapak pembinaan seperti di **Foto 58** hingga **Foto 61.**

Foto 58
Penyediaan Kiub Sedang Dibuat



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 5 September 2007
Lokasi : Jambatan Sg. Sebindah

Foto 59
Ujian Pemendapan Sedang Dijalankan



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 5 September 2007
Lokasi : Jambatan Sg. Sebindah

Foto 60
Ujian Kepadatan Sedang Dijalankan



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 5 September 2007
Lokasi : Kilometer 3 +500

Foto 61
Ujian Penggredan *Road-base*
Sedang Dijalankan



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 5 September 2007
Lokasi : Makmal Tapak Bina

Bagi ujian tanah yang melibatkan pembinaan jalan seperti ujian *water content determination, atterberg limit* (*liquid limit and plastic limit), compaction* dan *field density,* ujian tersebut telah dijalankan dengan teratur mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Setakat bulan Ogos 2007, sebanyak 7,948 ujian *field density*, 123 ujian

water content determination, 123 atterberg limit dan 123 compaction test telah dijalankan. Manakala bagi ujian berkaitan kerja konkrit pula, sebanyak 171 ujian penggredan terhadap pasir dan batu serta 9,984 ujian kiub telah dijalankan. Sijil Jaminan Kualiti dari pengeluar telah diperoleh bagi bahan pembinaan lain yang digunakan di tapak seperti *beam*, cerucuk, pembetung, besi, simen dan *bridge bearing pad*.

Pada pendapat Audit kawalan terhadap kualiti projek yang dijalankan terhadap projek pada keseluruhannya adalah baik.

18.2.14 Pengurusan Alam Sekitar

Mengikut syarat kontrak, kontraktor dikehendaki menyediakan Pelan Pengurusan Alam Sekitar oleh perunding alam sekitar. Selain itu laporan pemantauan perlu disediakan pada setiap 3 bulan.

a) Pelan Pengurusan Alam Sekitar

Semakan Audit mendapati Pelan Pengurusan Alam Sekitar bagi Projek Membina Dan Menyiapkan Jalan Dari Mulukun Ke Nanga Gaat Fasa 1 disediakan oleh Chemsain Konsultant Sdn. Bhd. Selain itu, laporan pemantauan juga ada disediakan. Sehingga bulan Disember 2007, sebanyak 11 laporan telah disediakan dan telah dikemukakan kepada Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak untuk mendapatkan ulasan.

b) Pembuangan Lebihan Tanah

Mengikut Pelan Pengurusan Alam Sekitar, pembuangan lebihan tanah di tapak pembinaan hendaklah dilakukan di kawasan tanah yang tinggi dan dibuang sekurang-kurangnya 20 meter dari sungai. Selain itu, di dalam spesifikasi juga ada dinyatakan supaya kontraktor mencari tempat yang sesuai bagi membuang lebihan tanah dari tapak binaan. Sejumlah RM6.03 juta telah diperuntukkan bagi tujuan ini. Hasil lawatan Audit ke tapak pembinaan pada awal bulan September 2007 mendapati sebahagian pembuangan lebihan tanah tidak dibuat mengikut kaedah yang ditetapkan dalam Pelan Pengurusan Alam Sekitar tersebut. Lebihan tanah dibuang di tempat yang tidak sesuai di tepi sungai seperti di **Foto 62** dan **Foto 63.**

Foto 62 **Foto 63**

Pembuangan Lebihan Tanah Yang Berdekatan Dengan Sungai Mengakibatkan Pencemaran Air Sungai Dan Pokok Mati



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 5 September 2007
Lokasi : Kilometer 12+625



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 5 September 2007
Lokasi : Kilometer 12+625

Mengikut maklum balas Jabatan, kebanyakan tapak pembuangan tanah yang berdekatan dengan sungai adalah tapak yang diminta oleh penduduk tempatan untuk membantu mereka menimbus dan meratakan kawasan supaya mereka boleh membina rumah.

Pada pendapat Audit, pembuangan lebihan tanah adalah tidak mengikut sepenuhnya syarat dalam Pelan Pengurusan Alam Sekitar.


18.2.15 Prestasi Kewangan

Pada tempoh bulan Februari 2004 hingga Disember 2007, sejumlah RM104.28 juta atau 95% yang melibatkan 34 bayaran interim, telah dibelanjakan bagi membiayai kos pembinaan projek. Selain itu, sejumlah RM3.48 juta telah dibayar kepada perunding. Semakan Audit terhadap rekod pembayaran mendapati perkara berikut :

a) Bayaran Kepada Kontraktor

Mengikut syarat kontrak, bayaran interim hendaklah dibuat secara bulanan dan nilai setiap bayaran interim adalah tidak kurang daripada RM800,000. Setakat bulan Disember 2007, sebanyak 34 bayaran interim yang berjumlah RM104.28 juta atau 95% telah dibayar kepada kontraktor seperti di **Carta 6.**

Carta 6
Bayaran Kemajuan Projek Jalan Dari Mulukun Ke Nanga Gaat Fasa 1 Setakat Bulan Disember 2007



Sumber: Laporan Projek

Semakan Audit terhadap bayaran interim mendapati bayaran interim dibuat bulanan mengikut kemajuan kerja di tapak dan juga bayaran dibuat mengikut kadar harga yang ditetapkan. Butiran lanjut berkenaan dengan bayaran interim tersebut adalah seperti di **Jadual 46.**

Jadual 46

Jumlah Bayaran Interim Yang Telah Di bayar Setakat Bulan Disember 2007

Bilangan Bayaran	Bulan/Tahun	Jumlah Tuntutan (RM)	Jumlah Dibayar (RM)	Jumlah Bayaran Terkumpul (RM)
1	05/04	1,136,882	1,136,882	1,136,882
2	11/04	1,108,521	1,108,521	2,245,403
3	12/04	1,124,347	698,056	2,943,459
3A			426,291	3,369,750
4	02/05	1,945,668	1,945,668	5,315,418
5	03/05	1,618,863	1,618,863	6,934,281
6	04/05	1,832,434	1,832,434	8,766,715
7	05/05	1,047,074	1,047,074	9,813,79
8	06/05	1,386,094	1,386,094	11,199,883
9	07/05	1,180,487	1,180,487	12,380,370
10	08/05	2,649,929	2,649,929	15,030,299
11	09/05	2,438,349	2,438,349	17,468,648
12	10/05	4,316,593	3,772,895	21,241,543
12A			543,698	21,785,241
13	11/05	2,395,093	2,086,301	23,871,542
13A			308,791	24,180,333
14	12/05	3,245,537	3,245,537	27,425,870
15	01/06	1,841,880	1,841,880	29,267,750
16	02/06	2,863,746	2,863,746	32,131,496
17	03/06	3,284,521	3,284,521	35,416,017
18	04/06	2,896,448	2,896,448	38,312,465
19	05/06	1,834,621	1,834,621	40,147,086
20	06/06	2,731,984	2,731,984	42,879,070
21	07/06	4,477,147	4,477,147	47,356,217
22	09/06	7,413,436	7,413,436	54,769,653
23	10/06	3,796,353	3,796,353	58,566,006
24	11/06	3,005,347	3,005,347	61,571,353
25	12/06	5,342,579	3,681,932	65,253,285
25A			1,660,647	66,913,932
26	01/07	3,814,394	3,814,394	70,728,326
27	02/07	2,373,636	2,373,636	73,101,962
28	03/07	3,478,533	3,478,533	76,580,507
29	04/07	3,910,232	3,910,232	80,490,727
30	05/07	3,174,759	3,174,759	83,665,486
31	08/07	8,745,318	8,745,318	92,410,804
32	08/07	4,309,049	4,309,049	96,719,893
33	10/07	4,813,621	4,813,621	101,533,514
34	11/07	2,748,297	2,748,297	**104,281,811**

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

b) Bayaran Kepada Perunding

Bayaran Perunding meliputi bayaran perkhidmatan profesional seperti kerja ukur, penyiasatan tapak, ujian tanah, penyediaan reka bentuk, tender dan pengawasan. Selain itu, perunding juga boleh menuntut bayaran imbuhan balik berdasarkan kepada perbelanjaan sebenar dengan kadar yang diluluskan (beresit) seperti belanja percetakan, penginapan, pengangkutan dan lain-lain belanja yang berkaitan. Bayaran hendaklah dibuat mengikut peratusan *scale of fees* yang ditetapkan dalam perjanjian iaitu berdasarkan peringkat kerja yang telah disiapkan seperti di **Jadual 47.**

Jadual 47
Bayaran Perunding Mengikut Peringkat Kerja

Peringkat Kerja	Peratus (%)
a. Permulaan	20
b. Rekabentuk (i)	35
c. Rekabentuk (ii)	20
d. Tender	5
e. Pembinaan	20

Sumber: Perjanjian Perunding

Semakan Audit mendapati jumlah bayaran perunding yang perlu dibayar adalah berjumlah RM3.91 juta. Bayaran kepada perunding dibuat mengikut *scale of fees* yang diluluskan iaitu mengikut peringkat kerja yang telah disiapkan. Sehingga bulan Disember 2007, sejumlah RM3.48 juta atau sebanyak 89% telah dibayar kepada perunding termasuk bayaran *professional service,* bayaran gaji kakitangan dan bayaran imbuhan balik.

Pada pendapat Audit, prestasi pembayaran adalah baik dan dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan.

18.2.16 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

a) Keperluan Guna Tenaga

Cawangan yang terlibat secara langsung dengan Projek Jalan Dari Mulukun Ke Nanga Gaat Fasa 1 di Ibu Pejabat, adalah Cawangan Jalan Raya Dan Lapangan Terbang. Cawangan ini terdiri daripada 5 seksyen iaitu Seksyen Perancangan Dan Trafik, Seksyen Jambatan, Seksyen Pembinaan/Penyeliaan Kontrak, Seksyen Lapangan Terbang dan Seksyen Penyenggaraan Jalanraya. Cawangan Jalan Raya diketuai oleh Penolong Pengarah Kerja Raya, Jurutera Awam Gred J52 dan dibantu 65 pegawai teknikal dan sokongan lain. Bagi Seksyen Pembinaan/Penyeliaan Kontrak ia dibahagi kepada 2 unit utama iaitu Unit Projek Utama Dan Unit Projek Persisiran. Unit yang terlibat secara langsung dengan Projek ini ialah Unit Projek Utama yang diketuai oleh seorang Jurutera Awam Gred J48 dan dibantu oleh 3 orang Jurutera Awam. Manakala di peringkat Jabatan Kerja Raya Bahagian pula, seksyen yang terlibat secara langsung ialah Seksyen Pembangunan Jalan Raya yang diketuai oleh seorang Jurutera Gred J41. Semakan Audit mendapati pada tahun 2004 hingga 2007, perjawatan yang diluluskan bagi Cawangan ini adalah berjumlah 65 jawatan. Manakala bagi perjawatan yang diluluskan untuk Seksyen Pembinaan/Penyeliaan Kontrak adalah sebanyak 11 jawatan. Sementara bagi Unit Projek Utama pula perjawatan yang diluluskan adalah sebanyak 4 jawatan. Di peringkat Jabatan Kerja Raya Bahagian Kapit pula, 5 daripada 8 jawatan, yang diluluskan telah diisi.

Guna tenaga yang mencukupi dan pegawai yang terlatih adalah diperlukan bagi memastikan projek yang dilaksana berjalan lancar dan teratur. Bagaimanapun,

adalah didapati keperluan guna tenaga dalam pengurusan Projek Jalan Dari Mulukun Ke Nanga Gaat Fasa 1 adalah pada tahap minima kerana projek ini diurus oleh Jurutera. Semua aspek pengurusan projek seperti kajian awal, reka bentuk, menyedia pelan lukisan dan dokumen kontrak, menyelia projek dan menjalankan ujian kawalan kualiti dilaksanakan oleh Jurutera yang dilantik oleh Jabatan.

b) Latihan

Bagi aspek latihan pula, pada tahun 2004 hingga 2007 Jabatan telah melatih seramai 101 pegawai dan kakitangannya dengan menghadiri berbagai kursus/latihan dan seminar di peringkat dalaman dan luaran seperti yang dirancang. Ini adalah bagi memastikan pegawai yang mengurus projek ini berpengetahuan dan terlatih. Antara kursus dan seminar dalaman yang dihadiri adalah seperti *NIOSH Coupon, Institute Engineers of Malaysia/Association Consultant Engineer of Malaysia,* Taklimat dan Bengkel Bagi Penubuhan Unit Kos di JKR Sarawak dan *Awareness Talk on the New JKR Sarawak Form of Contract and Schedule of Rate.* Manakala antara kursus/latihan luaran yang dihadiri adalah seperti *TT- Laboratory Tests In-Situ Strength Tests and Soils Sampling, Ikram's Seminar on Asphalt Pavement Technologies II (ISAPT II-2004), Geoslope Family Geotechnical Engineering Programme, MX Road Update Training, Ensuring Superior Pavement With New Technologies, Road Geometric Design and Route Location, World Road Association (PIARC) Intelligent Transport System in Road Network Operation* dan *Cut Slope Installity and Slope Stabilization.*

Pada pendapat Audit, guna tenaga yang dimiliki dan latihan yang diberi oleh Jabatan dalam mengurus projek ini adalah baik dan mencukupi.

Secara keseluruhan, pada pendapat Audit, pembinaan jalan dari Mulukun ke Nanga Gaat Fasa 1 dapat menyediakan kemudahan perhubungan dan pengangkutan kepada rakyat. Bagaimanapun, reka bentuk untuk kerja pembinaan cerun tidak dibina mengikut keadaan kawasan yang berbatu dan terdiri daripada jenis *weathered rock* atau *hard shale* disebabkan ujian tanah secara menyeluruh tidak dijalankan sebelum pembinaan. Perlindungan cerun juga harus diberi perhatian untuk mengelakkan hakisan dan cerun tanah memandangkan ada sebahagiannya sukar dilindungi dengan tanaman rumput atau penutup bumi. Keadaan ini membahayakan pengguna jalan raya dan pihak JKR hendaklah memantau jalan serta menjalankan penyenggaraan yang sewajarnya.

18.3 PEMANTAUAN

Projek Jalan Dari Mulukun Ke Nanga Gaat Fasa 1 yang dilaksanakan hendaklah dipantau dengan baik dan berterusan sama ada di peringkat Kementerian/Jabatan atau perunding supaya ianya berjalan lancar dan teratur serta mengikut perancangan yang telah dibuat.

a) Pemantauan Di Peringkat Jabatan

Pemantauan Projek oleh Jabatan meliputi aspek pemeriksaan pelan reka bentuk, memeriksa serta menyemak laporan yang disediakan, mengadakan Mesyuarat Koordinasi Projek dan lawatan ke tapak pembinaan dari semasa ke semasa. Semakan Audit terhadap Mesyuarat Koordinasi Projek di peringkat Jabatan mendapati perkara berikut :

- **Mesyuarat Koordinasi Projek**

  Mesyuarat Koordinasi Projek Jalan Dari Mulukun Ke Nanga Gaat Fasa 1 diadakan di pejabat tapak pada setiap bulan. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Jurutera Bahagian Jabatan Kerja Raya Kapit dan dihadiri oleh pegawai dari Jabatan Kerja Raya, perunding, wakil Jabatan Tanah dan Survei dan juga wakil daripada Pejabat Residen Kapit. Mesyuarat ini diadakan bertujuan bagi membincang dan menyelaras aktiviti pelaksanaan projek. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat ini adalah pengurusan pengambilan balik tanah, masalah teknikal, pengurusan kontrak serta status kemajuan fizikal dan kewangan. Bagi tempoh bulan Februari 2004 hingga Disember 2007, sebanyak 40 mesyuarat telah diadakan.

b) Pemantauan Di Peringkat Perunding

Pemantauan yang rapi di peringkat Jurutera yang bertindak sebagai Jurutera adalah penting bagi menentukan projek berjalan lancar dan teratur. Pemantauan perunding banyak bertumpu kepada pelaksanaan projek secara langsung di tapak pembinaan. Jurutera bertanggungjawab menyelia/mengawasi projek bagi memastikan projek dilaksana mengikut pelan dan spesifikasi kontrak yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati perunding mempunyai 7 kakitangan tetap yang terlibat secara langsung dengan projek di tapak pembinaan. Ianya diketuai oleh seorang jurutera projek dan dibantu oleh 3 kakitangan teknikal serta 3 kakitangan sokongan yang lain. Pemeriksaan di tapak pembinaan dijalankan setiap hari dan setiap aktiviti yang dijalankan di tapak pembinaan dicatatkan dalam Buku Harian Tapak. Laporan Pemeriksaan terhadap kerja direkodkan. Selain itu, Mesyuarat Tapak juga ada dijalankan seperti berikut:-

- **Mesyuarat Tapak**

  Mesyuarat tapak bagi Projek ini telah dijadualkan sebulan sekali. Bagi tempoh bulan Februari 2004 hingga Disember 2007, sebanyak 40 mesyuarat tapak telah diadakan. Mesyuarat tapak dipengerusikan oleh Jurutera dan dihadiri oleh pegawai daripada Jabatan Kerja Raya, wakil Jabatan Tanah dan Survei dan pihak

kontraktor. Mesyuarat tapak tersebut diadakan bagi membincangkan berbagai masalah berkaitan dengan pelaksanaan projek dengan pihak kontraktor seperti pengambilan balik tanah, kemajuan kerja, tempoh lanjutan masa, bayaran kemajuan, masalah di tapak pembinaan dan perkara lain yang berkaitan serta lawatan ke tapak.

c) Laporan Projek

Laporan kemajuan projek hendaklah disediakan oleh perunding setiap bulan untuk tujuan pemantauan. Laporan ini perlu dikemukakan kepada Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan Sarawak dan juga kepada Unit Pemantauan Pelaksanaan Projek di Jabatan Ketua Menteri. Laporan kemajuan projek ini mengandungi status pembinaan projek, prestasi projek, isu/masalah pelaksanaan projek yang kritikal dan gambar kemajuan projek. Semakan Audit mendapati laporan tersebut disediakan dengan lengkap dan kemas kini. Bagi tempoh bulan Februari 2004 hingga Ogos 2007, sebanyak 41 laporan telah disediakan. Selain itu, perunding juga dikehendaki menyediakan Laporan Kawalan Kualiti Bulanan. Semakan Audit mendapati pada tempoh yang sama, sebanyak 33 Laporan Kawalan Kualiti Bulanan telah dikemukakan kepada pihak Jabatan. Antara kandungan Laporan Kawalan Kualiliti Bulanan tersebut adalah seperti rekod ujian makmal, ringkasan ujian dan laporan pemeriksaan.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap projek Jalan Dari Mulukun ke Nanga Gaat Fasa 1 adalah baik.

19. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pembinaan Projek Jalan Dari Mulukun Ke Nanga Gaat Fasa 1 di Bahagian Kapit dapat menghubungkan rumah panjang dengan sekolah yang berdekatan dan dapat meningkat taraf ekonomi penduduk sekitarnya. Bagi mempertingkatkan pengurusan kontrak dan pelaksanaan projek adalah disyorkan :

a) Kajian tanah yang terperinci hendaklah dijalankan bagi membolehkan reka bentuk yang sesuai dibuat untuk pembinaan projek.

b) Jabatan hendaklah mengambil kira faktor kestabilan dan keselamatan dalam membuat reka bentuk terutama terhadap perlindungan cerun di kawasan berbatu.

c) Jabatan Kerja Raya Sarawak hendaklah memastikan masalah pengambilan balik tanah telah diselesaikan dengan Jabatan Tanah Dan Survei sebelum menawarkan kontrak bagi mengelak masalah di tapak pembinaan.

JABATAN PERTANIAN SARAWAK

PROGRAM PEMBANGUNAN PERIKANAN DARAT DAN AKUAKULTUR

20. LATAR BELAKANG

20.1 Jabatan Pertanian Sarawak (Jabatan) ditubuhkan pada tahun 1924 dan bertanggungjawab terhadap usaha pembangunan pertanian di negeri Sarawak. Jabatan telah menubuhkan Bahagian Perikanan Darat pada tahun 1957 bagi melaksanakan Program Pembangunan Perikanan Darat Dan Akuakultur yang merupakan satu daripada Program Pengeluaran Makanan. Perikanan darat dan akuakultur merujuk kepada penternakan atau penangkapan ikan dan hidupan akuatik di kawasan muara hingga ke hulu sungai, di tasik, kolam dan takungan semulajadi atau buatan.

20.2 Objektif program adalah untuk membangun dan mempromosikan pengeluaran akuakualtur secara komersial, mengkaji serta mengurus sumber perikanan di sungai, tasik, kolam dan takungan secara berkekalan agar pengeluaran ikan meningkat serta mewujudkan peluang pekerjaan dan menjana pendapatan yang stabil kepada penternak. Program ini dibahagikan kepada 5 aktiviti iaitu Penyelidikan Dan Pembangunan Teknologi, Pembangunan Perikanan Dan Akuakultur, Stesen Perikanan Dan Pengeluaran Benih Ikan, Pembangunan Sumber Manusia serta Perundangan, Penguatkuasaan Dan Pemuliharaan.

20.3 Peruntukan sejumlah RM22.17 juta telah diluluskan untuk tahun 2005 hingga 2007 untuk melaksanakan program ini. Dari jumlah tersebut, Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM20.41 juta bagi tempoh yang sama.


21. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada Program Pembangunan Perikanan Darat Dan Akuakultur telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

22. SKOP PENGAUDITAN

22.1 Skop pengauditan adalah meliputi Program Pembangunan Perikanan Darat Dan Akuakultur yang dijalankan oleh Jabatan bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 dan di mana perlu meliputi tahun sebelumnya. Pengauditan ini dijalankan di Ibu Pejabat Jabatan Pertanian Sarawak dan pejabat cawangannya di Bahagian Kuching, Limbang, Miri, Sarikei, Sri Aman dan Betong. Lokasi Bahagian yang dilawati untuk tujuan pengauditan adalah seperti di **Peta 2.**

Peta 2
Lokasi Bahagian Yang Dilawati
Untuk Program Pembangunan Perikanan Darat Dan Akuakultur



Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara Sarawak

 *: Lokasi Yang Dilawati*

23. KAEDAH PENGAUDITAN

23.1 Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji serta menganalisis maklumat dan data, dokumen, rekod dan fail yang berkaitan. Lawatan ke tapak program di 6 Bahagian di Sarawak juga dijalankan. Temu bual dengan pegawai Jabatan dan peserta program telah dijalankan untuk mendapatkan maklumat tambahan. Di samping itu, borang soal selidik telah diedar bagi mendapatkan maklum balas peserta.

24. PENEMUAN AUDIT

24.1 PERANCANGAN

Perancangan yang lengkap dan tersusun adalah penting bagi memastikan kejayaan sesuatu program yang akan dilaksanakan. Antara faktor yang perlu dipertimbangkan semasa merancang sesuatu program adalah seperti kajian kemungkinan, aktiviti program, anggaran keperluan kewangan dan keperluan guna tenaga. Aspek perancangan yang dikaji adalah seperti berikut:

24.1.1 Dasar Dan Matlamat Program

Objektif Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) bagi tempoh tahun 1998 hingga 2010 adalah untuk memaksimumkan pendapatan melalui penggunaan sumber secara optimum dalam sektor pertanian. Selaras dengan dasar tersebut Jabatan akan membangunkan sektor perikanan darat dan akuakultur yang merupakan satu daripada cabang pertanian. Program ini bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran protein ikan negara, mewujudkan peluang pekerjaan dan seterusnya menyumbang kepada

peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar. Fokus utama Jabatan dalam program ini adalah untuk memoden dan mengkomersialkan akuakultur di samping menggiatkan usaha memulihara dan mengurus sumber perikanan di negeri Sarawak.

24.1.2 Undang-undang, Garis Panduan Dan Peraturan

Jabatan mengguna pakai beberapa undang-undang, garis panduan dan peraturan dalam merancang pelaksanaan program ini seperti berikut:

a) Ordinan Perikanan Negeri 2003

Ordinan ini diwartakan pada tahun 2003 bertujuan untuk mengawal penangkapan ikan, mempromosikan akuakultur dan memastikan pengurusan perikanan secara teratur dan berterusan di negeri Sarawak. Antara perkara yang dinyatakan dalam Ordinan ini adalah kawalan terhadap penangkapan ikan, penguatkuasaan permit, sijil dan lesen bagi aktiviti penternakan ikan dan akuakultur serta penubuhan kawasan perlindungan dan pemuliharaan ikan. Ordinan ini akan dijadikan asas oleh Jabatan bagi melaksanakan program dengan lebih cekap, berkesan serta ekonomi.

b) Manual Prosedur Kerja

Manual Prosedur Kerja yang disediakan oleh Jabatan akan dijadikan sebagai panduan dalam melaksanakan program ini. Antara perkara yang dinyatakan dalam manual ini adalah proses kerja, pegawai yang bertanggungjawab dan carta aliran kerja bagi aktiviti yang dirancang. Pelan Operasi Tahunan juga akan disediakan berdasarkan manual ini sebagai dokumen rujukan bagi menentukan keperluan kewangan dan aktiviti.

c) Manual Skim Perikanan Darat

Manual ini disediakan oleh Jabatan yang akan dijadikan panduan dalam mengurus Skim Bantuan Projek Akuakultur Komersial dan Unit Bantuan Perikanan. Antara perkara yang dinyatakan dalam manual ini adalah mengenai objektif bantuan, jenis projek perikanan, nilai bantuan, kelayakan peserta dan kriteria pemilihan serta tatacara permohonan, melulus dan pelaksanaan skim. Manual ini juga menyatakan jenis borang yang perlu diisi di samping menghendaki peserta untuk menyimpan rekod perakaunan asas dan pulangan projek.

d) Garis Panduan Perolehan

Jabatan akan mengguna pakai panduan Sistem Perolehan Input Pertanian Menerusi Pertubuhan Peladang Pindaan 2004/1 (SPIP) yang merupakan kaedah bagi perolehan input pertanian. Panduan ini merangkumi tatacara dan proses kerja serta tempoh masa yang perlu dipatuhi bagi melaksanakan setiap perolehan input pertanian untuk peserta. Selain itu, Jabatan juga akan mengguna pakai Arahan Perbendaharaan dan peraturan lain yang berkaitan mengikut kepentingan dan kesesuaian semasa.

24.1.3 Kajian Kemungkinan

Kajian kemungkinan adalah penting sebelum merancang dan melaksana sesuatu program bagi mengenal pasti keperluan program tersebut. Program ini merupakan program berterusan yang telah dilaksanakan sejak penubuhan Bahagian Perikanan Darat pada tahun 1957. Jabatan akan menjalankan kajian kemungkinan untuk mengenal pasti keperluan dan kehendak umum supaya program tersebut dapat memberi impak yang menyeluruh sekiranya ia dilaksanakan seperti yang dirancang.

24.1.4 Aktiviti Program

Jabatan akan melaksanakan program ini dengan membahagikannya kepada 5 aktiviti utama seperti berikut:

a) Penyelidikan Dan Pembangunan Teknologi

Aktiviti ini bertujuan membangun dan mempromosi teknologi akuakultur moden yang berupaya meningkatkan produktiviti dan pengurusan yang efisien ke arah akuakultur komersial untuk memaksimumkan pendapatan penternak. Penyelidikan akan dijalankan oleh kakitangan Jabatan di 4 stesen perikanan iaitu di Semenggok bagi ikan air tawar dan pembangunan teknologi, Tarat bagi ikan sungai tempatan, Semariang Batu dan Sematan bagi ikan dan hidupan air payau. Penyelidikan secara kerjasama juga akan dilakukan dengan institusi lain seperti *Deakin University* dan *Commonwealth Scientific and Industrial Research Organisation, Australia*. Jabatan juga akan bertindak mengumpul serta menyebar maklumat, memberi khidmat kaunseling dan nasihat kepada penternak mengenai program yang dijalankan dan kaedah perikanan dan akuakultur moden di samping membantu dalam pemindahan teknologi. Penyelidikan yang dijalankan adalah termasuk mengkaji potensi akuakultur bagi ikan sungai tempatan dan membangun serta menambah baik teknik pembiakan bagi pelbagai spesis ikan dan akuakultur lain.

Bagi tempoh RMK9, Jabatan akan memberi tumpuan terhadap 5 bidang iaitu penyediaan benih ikan dan hidupan akuatik yang berkualiti, pengeluaran akuakultur komersial yang mesra alam, mewujudkan sistem pengurusan pengeluaran akuakultur bersepadu, mengembangkan teknologi lepas tuaian dan pemindahan teknologi. Penyelidikan ditumpukan kepada spesis ikan yang semakin pupus seperti ikan terubok, semah, empurau, ikan yang mempunyai nilai komersial yang tinggi seperti ikan kerapu dan siakap serta penyelidikan baru terhadap pembiakan belangkas, katak dan labi-labi. Contoh spesis yang dibuat penyelidikan adalah seperti di **Foto 64** hingga **Foto 68**.

Foto 64
Ikan Terubok



Foto 65
Ikan Semah



Foto 66
Ikan Empurau





Foto 67
Ikan Siakap



Foto 68
Belangkas



Sumber : Rekod Jabatan Pertanian Sarawak

b) Pembangunan Perikanan Dan Akuakultur

Jabatan akan melaksanakan aktiviti ini untuk mencapai 3 objektif utama iaitu membangun dan mempromosikan industri akuakultur komersial yang berdaya saing, membantu mengembangkan pelbagai teknologi lepas tuai kepada penternak yang berpotensi dan sebagai pemangkin untuk mewujudkan dan menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam penternakan ikan dengan mewujudkan zon industri akuakultur yang terancang. Aktiviti ini akan dijalankan seperti berikut:

i) Projek Akuakultur Komersial (CAP) Dan Unit Bantuan Perikanan (FAU)

Aktiviti ini terdiri daripada 2 sub-aktiviti iaitu Projek Akuakultur Komersial (CAP) dan Unit Bantuan Perikanan (FAU). CAP diperkenalkan oleh Jabatan bagi menggalak dan membantu pengusaha kecil sektor perikanan membangunkan aktiviti akuakultur yang berpotensi untuk dikomersialkan. Melalui aktiviti CAP, Jabatan mensasarkan peningkatan pendapatan pengusaha kecil dengan penambahan sekurang-kurangnya mencapai RM1,000 sebulan. Antara aktiviti yang dikenal pasti berdaya maju oleh Jabatan adalah ternakan dalam kolam, ternakan dalam sangkar, ternakan dalam tangki, ternakan ketam, kemudahan penetasan dan penjagaan serta teknologi lepas tuai. Program FAU pula bertujuan untuk membantu penternak mendapat bekalan protein ikan melalui akuakultur atau tangkapan. Jabatan mensasarkan penerima bantuan program CAP dan FAU bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 48.**

Jadual 48
Sasaran Penerima Bantuan Program CAP Dan FAU
Bagi Tempoh Tahun 2005 Hingga 2007

Jenis Program	Bilangan Peserta/Tahun			
	2005	2006	2007	Jumlah
CAP	262	55	55	372
FAU	2,000	1,645	1,645	5,290

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Sarawak

- **Kaedah Pemilihan Peserta**

  Pemilihan peserta CAP akan dibuat dengan menggunakan kaedah penilaian di mana setiap Jabatan Pertanian Bahagian dan Daerah akan mengenal pasti peserta yang berpotensi dan telah bergiat aktif dalam perusahaan perikanan darat. Prestasi mereka akan dinilai sebelum borang permohonan dikemukakan ke Ibu Pejabat Pertanian untuk kelulusan. Antara kriteria pemilihan peserta ialah pemohon hendaklah rakyat Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan berusia 18 tahun ke atas, mempunyai permit atau lesen dari agensi yang berkenaan, merupakan ahli persatuan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), mempunyai projek akuakultur yang sedang diusahakan dengan baik dan berdaya maju dan mempunyai tanah hak milik sendiri, disewa, *Temporary Occupation Land* atau *Provisional Leased Land*. Bagi tanah Hak Adat Bumiputera, pengesahan mesti diperolehi daripada Penguasa Tanah dan Survei Bahagian. Peserta hanya boleh dipilih semula selepas tempoh 5 tahun.

  Bagi pemilihan peserta FAU, penternak akan mengisi borang permohonan dan Jabatan Pertanian Daerah akan membuat lawatan ke kolam penternak sebelum mengemukakan borang permohonan tersebut ke Pejabat Bahagian untuk kelulusan. Kriteria pemilihan peserta adalah sama dengan CAP kecuali peserta hanya boleh dipilih semula selepas tempoh 3 tahun.

- **Kaedah Bantuan Dan Perolehan**

  Bagi melaksanakan aktiviti ini, Jabatan akan menyediakan bantuan barangan atau perkhidmatan asas kepada peserta seperti makanan ikan, benih ikan, mesin dan peralatan serta bahan binaan. Jabatan akan menyalurkan peruntukan kewangan melalui PPK. PPK akan menggunakan SPIP dan Arahan Perbendaharaan sebagai panduan perolehan kerja bekalan dan perkhidmatan berkaitan dengan program ini.

  Jabatan menetapkan nilai dan had maksimum bantuan kepada peserta CAP dan FAU mengikut panduan Manual Skim Perikanan Darat seperti di **Jadual 49** dan **Jadual 50.**

Jadual 49
Nilai Dan Had Maksimum Bantuan Peserta CAP

Bil.	Jenis Projek	Nilai Bantuan	Saiz Maksimum Bantuan
1.	Ternakan Dalam Kolam (Air Tawar dan Air Payau)	RM40,000 (0.5 hektar)	1.0 hektar
2.	Ternakan Dalam Sangkar Air Tawar	RM58,480 (24 sangkar)	24 sangkar
3.	Ternakan Dalam Sangkar Air Payau	RM81,200 (20 sangkar)	20 sangkar
4.	Ternakan Dalam Tangki	RM29,000 (2 tangki)	4 Tangki
5.	Ternakan Ketam Dalam Kandang Ternakan Ketam Berkulit Lembut Dalam Tangki Ternakan Ketam Berkulit Lembut Dalam Bakul	RM15,000 (4 kandang) RM15,000 (6 tangki) RM8,100 (300 bakul)	12 Kandang 12 Tangki 300 Bakul
6.	Kemudahan Hatceri	RM35,000 (250,000 benih ikan)	500,000 benih ikan setahun
7.	Teknologi Lepas Tuai	RM50,000	Maksimum bagi satu permohonan

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Sarawak


Jadual 50
Nilai Dan Had Maksimum Bantuan Peserta FAU

Bil.	Jenis Projek	Nilai Bantuan
1.	Kolam	Minimum 0.04 hektar = RM1,000 seunit Maksimum 0.20 hektar = RM5,000 atau 5 unit
2.	Tangki	Minimum 2m x 4m x 1m = RM1,000 seunit Maksimum 10m x 20m x 1m = RM5,000 atau 5 unit
3.	Kandang Ketam	Minimum 4m x 8m = RM1,000 Maksimum 20m x 40m = RM5,000
4.	Sangkar	Minimum = RM1,000, mesti ada sekurang-kurangnya 1 sangkar berukuran 3m x 3m x 2.5m Maksimum = RM5,000, mesti ada sekurang-kurangnya 2 sangkar berukuran 3m x 3m x 2.5m
5.	Nelayan Tradisi	Minimum = RM1,000 Maksimum = RM5,000 Bantuan input hanya meliputi peralatan menangkap ikan/udang/ketam seperti pukat, jala, rawai, pinto dan bubu.

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Sarawak

Proses pelaksanaan CAP dan FAU adalah seperti di **Carta 7** dan **8.**


Carta 7
Proses Pelaksanaan CAP



Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Sarawak

Catatan: IFPAC – Inland Fisheries Project Appraisal Committee
PPk-Pertubuhan Peladang Kawasan
SPIP- Sistem Perolehan Iput Pertanian Menerusi Pertubuhan Peladang

Carta 8
Proses Pelaksanaan FAU



Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Sarawak
Catatan: JKPPD - Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan Daerah
JKPPB - Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan Bahagian
PPK - Pertubuhan Peladang Kawasan

ii) Pembangunan Zon Industri Akuakultur

Memandangkan pelaksanaan Program Pembangunan Perikanan Darat Dan Akuakultur yang menghadapi beberapa masalah seperti kesesuaian tapak, kemudahan infrastruktur, keperluan modal, masalah teknikal dan pemasaran yang agak rumit, Jabatan merancang untuk menubuhkan Zon Industri Akuakutur (ZIA) pada RMK9 di bawah peruntukan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia. Objektif penubuhan ZIA ialah untuk membangunkan industri akuakultur berkomersial yang berdaya saing melalui perancangan strategik yang akan meningkatkan keluaran hasil akuakultur dan menjana pendapatan yang lumayan kepada penternak di samping untuk menarik pelaburan dari dalam dan luar negeri. Perancangan strategik pembangunan ZIA adalah membangun dan menumpukan industri akuakultur moden di kawasan yang terancang dan teratur yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan prasarana seperti jaringan jalan yang baik, kemudahan air dan elektrik. Ianya juga dijangka akan meningkatkan aktiviti nilai tambah dan pemodenan industri asas tani di Sarawak di samping mengurangkan penghijrahan penduduk ke bandar utama di Sarawak. Bagi tempoh RMK9, Jabatan mengenal pasti sebanyak 5 kawasan yang akan dikaji dan diwartakan sebagai ZIA iaitu di Rambungan-Loba Stoh, Bahagian Kuching seluas 300 hektar, Tanjung Manis di Bahagian Mukah (450 hektar), Batang Ai di Bahagian Sri Aman (9,000 hektar), Sundar/Awat-awat di Bahagian Limbang (500 hektar) dan Bakun di Bahagian Kapit (60,000 hektar).

Pada penghujung tahun 2010, Jabatan menganggarkan keperluan kewangan sejumlah RM10 juta untuk mencapai sasaran menubuhkan sebanyak 4 ZIA di seluruh Sarawak. Bilangan zon yang akan ditubuhkan dan keperluan kewangan program ZIA bagi tempoh tahun 2006 hingga tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 51**.

Jadual 51
Bilangan Zon Yang Akan Ditubuhkan Dan Keperluan Kewangan Program ZIA Bagi Tempoh Tahun 2006 Hingga 2010

Aktiviti Program/Tahun	2006	2007	2008	2009	2010	Jumlah
Bilangan Zon Yang Akan Ditubuhkan (Zon)	0	1	1	1	1	4
Infrastruktur Dan Kemudahan Asas di ZIA (RM Juta)	0.00	1.50	3.00	3.50	2.00	10.00

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Sarawak

c) Stesen Perikanan Dan Pengeluaran Benih Ikan

Aktiviti ini bertujuan untuk menyenggara dan menaik taraf kemudahan stesen perikanan serta mengeluarkan pelbagai jenis benih ikan yang bermutu untuk menampung permintaan penternak di seluruh negeri Sarawak. Ianya juga

berperanan membantu dalam proses penyelidikan untuk perkembangan industri akuakultur moden dan meningkatkan keluaran hasil penternak. Pada akhir tahun 2007, Jabatan mengendalikan sebanyak 11 stesen perikanan di Semenggok, Batu Lintang, Semariang Batu dan Sematan di Bahagian Kuching; Tarat di Bahagian Samarahan; Batang Ai di Bahagian Sri Aman; Kubong dan Punang di Bahagian Limbang; Kabuloh di Bahagian Miri; Layar di Bahagian Betong dan Sungai Paoh di Bahagian Sarikei. Antara benih ikan yang dikeluarkan ialah spesis ikan Semah, Empurau, Siakap, Tilapia Merah, Tengadak, Kerapu, Terubok, Jelawat, Lee Koh, Lampan Jawa dan Keli. Aktiviti ini juga akan membantu hatceri swasta dalam proses pemindahan teknologi dan pengeluaran benih ikan untuk dikomersialkan seperti benih ikan Tilapia Merah yang akan dijual kepada penternak. Dengan adanya hacteri swasta, penternak akan dapat memperolehi benih ikan yang bermutu dengan harga yang berpatutan dan mengurangkan pergantungan penternak kepada Jabatan untuk mendapatkan benih ikan dan seterusnya dapat mengurangkan kos operasi stesen perikanan. Contoh spesis ikan yang dibiak di stesen perikanan adalah seperti di **Foto 69** hingga **Foto 73.**

Foto 69
Ikan Tengadak




Foto 70
Ikan Tilapia Merah



Foto 71
Ikan Jelawat




Foto 72
Ikan Lee Koh



Foto 73
Ikan Lampan Jawa



Sumber : Rekod Jabatan Pertanian Sarawak

Jabatan mensasarkan pengeluaran benih ikan oleh stesen perikanan di negeri Sarawak bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 seperti di **Jadual 52**.

Jadual 52
Sasaran Pengeluaran Benih Ikan Oleh Stesen Perikanan
Bagi Tempoh Tahun 2005 Hingga 2007

Bil.	Stesen	Tahun			Jumlah
		2005 (Ekor)	2006 (Ekor)	2007 (Ekor)	(Ekor)
1.	Semenggok	7,500,000	6,000,000	3,000,000	16,500,000
2.	Batu Lintang	600,000	800,000	50,000	1,450,000
3.	Tarat	750,000	750,000	50,000	1,550,000
4.	Temudok	600,000	600,000	-	1,200,000
5.	Layar	2,000,000	2,000,000	700,000	4,700,000
6.	Debak	1,600,000	1,600,000	1,000,000	4,200,000
7.	Batang Ai	500,000	500,000	300,000	1,300,000
8.	Kabuloh	1,400,000	2,000,000	1,500,000	4,900,000
9.	Kubong	1,000,000	1,000,000	800,000	2,800,000
10.	Kapit	100,000	-	-	100,000
11.	Sungai Sebiew	1,800,000	-	-	1,800,000
12.	Jemukan	200,000	-	-	200,000
13.	Punang	1,800,000	2,800,000	2,100,000	6,700,000
14.	Semariang Batu	2,900,000	500,000	800,000	4,200,000
15.	Sematan	2,800,000	2,800,000	1,300,000	6,900,000
16.	Marudi	200,000	-	-	200,000
17.	Sungai Paoh	-	-	200,000	200,000
Jumlah		**25,750,000**	**21,350,000**	**11,800,000**	**58,900,000**

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Sarawak
Catatan: Stesen Temudok, Debak, Kapit, Sungai Sebiew, Jemukan dan Marudi telah ditutup.
Stesen Sungai Paoh hanya mula beroperasi pada tahun 2007.

i) Pengagihan Benih Ikan

Jabatan akan menggunakan 2 pendekatan untuk pengagihan benih ikan iaitu secara jualan dan percuma. Jabatan melantik PPK sebagai wakil jualan bagi benih ikan Siakap yang dikeluarkan di Stesen Perikanan Semariang Batu, Sematan dan Punang. Jabatan menetapkan harga jualan bagi benih seekor ikan Siakap seperti di **Jadual 53**.

Jadual 53
Harga Jualan Bagi Benih Seekor Ikan Siakap

Aktiviti	Saiz ½ inci (RM/Ekor)	Saiz 1 inci (RM/Ekor)	Saiz 3 inci (RM/Ekor)
Jualan Jabatan kepada PPK	0.20	0.40	0.90
Jualan PPK kepada Penternak	0.30	0.60	1.20

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Sarawak

Kaedah kedua pengagihan benih ikan adalah pengagihan secara percuma bagi ikan Semah, Empurau, Tengadak, Kerapu, Jelawat, Lee Koh, Lampan Jawa, Keli, Patin dan Udang. Setiap penternak yang memohon benih ikan dikehendaki mengisi borang Agri. 34 dan permohonan tersebut akan diproses di Pejabat Pertanian Daerah. Pegawai Pejabat Pertanian Daerah akan meneliti permohonan tersebut dan memastikan pemohon mempunyai kolam yang sesuai dengan mengadakan lawatan tapak. Setelah diluluskan, penternak akan mengemukakan borang tersebut di stesen perikanan untuk mengambil benih ikan.

d) Pembangunan Sumber Manusia

Objektif aktiviti ini adalah untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran kakitangan Bahagian Perikanan Darat serta penternak yang terlibat dengan akuakultur. Pada RMK9 keutamaan akan diberi kepada kursus jangka pendek, lawatan sambil belajar dan kempen tentang pentingnya pemuliharaan sumber perikanan. Pada masa yang sama usaha akan dipertingkatkan bagi penggunaan teknologi yang dihasilkan daripada penyelidikan yang telah dijalankan.

Jabatan merancang melatih kakitangan melalui pelbagai kursus dan latihan yang dikelolakan oleh Bahagian Pembangunan Sumber Manusia. Manakala bagi penternak, kursus dan latihan diadakan di stesen perikanan. Bahagian Perikanan Darat mensasarkan penyertaan seramai 1,096 penternak bagi 21 siri kursus dan latihan bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 seperti di **Jadual 54.**

Jadual 54
Sasaran Kursus Dan Latihan Untuk Penternak
Bagi Tempoh Tahun 2005 Hingga 2007

Tahun	Kursus dan Latihan	Penternak
2005	Tiada Maklumat	105
2006	20	931
2007	1	60
Jumlah	**21**	**1,096**

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Sarawak

e) Perundangan, Penguatkuasaan Dan Pemuliharaan

Aktiviti ini berperanan untuk memastikan pembangunan industri perikanan yang teratur dan amalan akuakultur yang baik bagi memastikan sumber perikanan yang mencukupi serta berterusan. Unit Penguatkuasaan Dan Pelesenan (UPP) di

Bahagian Perikanan Darat yang ditubuhkan pada tahun 1995 bertanggungjawab terhadap penguatkuasaan peraturan Ordinan Perikanan Negeri 2003 yang akan memberi penekanan kepada usaha melindungi dan memulihara kawasan pembiakan spesis ikan yang mempunyai nilai ekonomi, memproses pemohonan permit, sijil dan lesen untuk menjalankan aktiviti akuakultur perikanan darat, memungut hasil kutipan untuk permit, sijil dan lesen serta kompaun yang dikenakan di bawah peraturan yang berkenaan dan memantau aktiviti akuakultur serta mengawal penangkapan ikan di negeri Sarawak.

Sistem Tagang akan dilaksanakan bagi melindungi serta memulihara alam sekitar termasuk ekosistem sungai, habitat ikan dan perairan, melindungi dan memulihkan sumber perikanan sungai yang hampir pupus, meningkatkan pengeluaran ikan sungai dan membantu menjana pendapatan baru kepada masyarakat. Sistem ini merupakan satu sistem perkongsian pintar antara masyarakat setempat dengan pihak Jabatan. Jawatankuasa Tagang yang terdiri daripada penduduk kampung akan ditubuhkan untuk merancang, mengendali, melaksana dan memantau pelaksanaan Sistem Tagang. Pegawai Perikanan Bahagian berperanan sebagai penasihat kepada Jawatankuasa Tagang yang dilantik.

24.1.5 Kaedah Promosi Dan Pemasaran

Promosi dan pemasaran yang berkesan merupakan faktor penting bagi memperkenalkan Program Perikanan Darat Dan Akuakultur. Dua kaedah yang akan digunakan oleh Jabatan atau peserta adalah seperti berikut:

a) Promosi Melalui Jabatan

Jabatan akan mengadakan ekspo dan pameran bagi memperkenalkan program tersebut dengan mengedarkan poster, risalah dan brosur. Peserta juga digalakkan untuk menyertai ekspo dan seminar yang dianjurkan oleh pihak lain serta mengadakan kerjasama dengan Agensi Kerajaan yang lain.

b) Pemasaran Terus

Peserta akan memasarkan hasil tangkapan dengan menjual secara terus kepada pengguna atau melalui orang tengah. Jabatan akan membantu peserta dengan memberi khidmat nasihat dan latihan berkaitan pemasaran.

24.1.6 Keperluan Kewangan

Jabatan menyediakan keperluan kewangan berdasarkan keperluan dan kepentingan semasa bagi melaksanakan program ini. Jabatan mengambil kira kepentingan aktiviti program seperti penyelidikan, bilangan peserta, kos makanan ikan dan penguatkuasaan. Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, Jabatan memohon sejumlah RM30 juta untuk melaksanakan program ini di seluruh negeri Sarawak. Pecahan jumlah peruntukan tersebut mengikut keperluan aktiviti program adalah seperti di **Jadual 55.**

Jadual 55
Peruntukan Program Pembangunan Perikanan Darat Dan Akuakultur
Bagi Tempoh Tahun 2005 Hingga 2007

Bil.	Aktiviti	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	Jumlah (RM juta)
1	Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi	1.25	1.44	1.80	4.49
2	Pembangunan Perikanan Dan Akuakultur	3.50	2.80	4.00	10.30
3	Stesen Perikanan Dan Pengeluaran Benih ikan	4.66	3.54	3.80	12.00
4	Pembangunan Sumber Manusia	0.34	0.55	0.40	1.29
5	Perundangan, Penguatkuasaan dan Pemuliharaan	0.25	0.67	1.00	1.92
Jumlah		**10.00**	**9.00**	**11.00**	**30.00**

Sumber: Bajet Tahun 2005, 2006 Dan 2007, Jabatan Pertanian Sarawak

24.1.7 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

Struktur pengurusan yang jelas adalah penting untuk menggerakkan organisasi ke arah pencapaian matlamat penubuhannya. Kejayaan pelaksanaan program ini bergantung kepada bilangan, kecekapan dan kemahiran pegawai serta kakitangan yang melaksanakan program ini. Mengikut senarai perjawatan seperti dalam Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Jabatan Pertanian Negeri Sarawak bagi tahun 2007, Jabatan memerlukan seramai 152 kakitangan pelbagai gred jawatan yang diketuai oleh seorang Penolong Pengarah Gred G54 untuk melaksanakan Program Pembangunan Perikanan Darat Dan Akuakultur.

24.1.8 Kaedah Pemantauan

Pemantauan program memerlukan mekanisme yang berfungsi dengan baik, cekap dan berkesan serta diselaraskan dengan setiap aktiviti program supaya matlamat program dapat dicapai. Jabatan merancang untuk menjalankan pemantauan terhadap Program Perikanan Darat Dan Akuakultur berdasarkan kepada Manual Prosedur Kerja, Fail Meja serta Pelan Operasi Tahunan yang disediakan oleh Ibu Pejabat Jabatan dan juga pejabat cawangan Jabatan. Pendekatan pemantauan yang dirancang adalah seperti berikut:

a) Peringkat Ibu Pejabat

Aktiviti pemantauan yang dirancang di peringkat Ibu Pejabat adalah melalui mesyuarat Bahagian Perikanan Darat yang diketuai oleh Penolong Pengarah Pertanian, Bahagian Perikanan Darat serta dianggotai oleh pegawai dari Ibu Pejabat, Pegawai Menjaga Stesen perikanan dan Pegawai Perikanan dari setiap Bahagian di negeri Sarawak. Mesyuarat akan diadakan sekurang-kurangnya 4 kali setahun.

b) Peringkat Bahagian

Pemantauan program di peringkat Bahagian akan dijalankan oleh Pegawai Perikanan di Bahagian berkenaan. Antara mekanisme pemantauan yang akan

dijalankan adalah melalui mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Dan Perancangan Bahagian. Pejabat Bahagian akan mengemukakan laporan kemajuan projek dan kewangan ke Ibu Pejabat pada setiap bulan. Lawatan ke projek peserta CAP dan FAU juga akan dijalankan oleh Pegawai Perikanan bagi memberi khidmat nasihat dan membantu peserta dari segi teknikal.

c) Peringkat Stesen Perikanan

Setiap stesen perikanan akan mengemukakan laporan pengeluaran dan pengagihan benih ikan serta laporan kemajuan kewangan setiap bulan ke Ibu Pejabat.

Pada pandangan Audit, perancangan program adalah baik. Jabatan telah merancang program dengan menyeluruh bagi membolehkan program ini dilaksanakan dengan teratur dan berkesan.

24.2 PELAKSANAAN

Bagi memastikan objektif program dicapai, program yang dirancang perlu dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Pelaksanaan program tersebut adalah seperti berikut:

24.2.1 Dasar Dan Matlamat Program

Jabatan telah menetapkan hala tuju Program Pembangunan Perikanan Darat Dan Akuakultur selaras dengan Dasar Pertanian Negara dan Bahagian Perikanan Darat bertanggungjawab untuk melaksanakan program ini. Jabatan juga telah menetapkan objektif program yang jelas untuk menjadikan Negeri Sarawak sebagai penyumbang dalam pengeluaran makanan, meningkatkan produktiviti serta pendapatan penternak dan memulihara sumber perikanan di negeri Sarawak.

Pada pendapat Audit, Jabatan telah melaksanakan program ini selaras dengan dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

24.2.2 Undang-undang, Garis Panduan Dan Peraturan

Ordinan Perikanan Negeri 2003 diwartakan bagi mengawal semua aktiviti perikanan dan akuakultur di seluruh negeri Sarawak. Semakan Audit mendapati Jabatan ada menguatkuasakan Ordinan tersebut kecuali bagi pengeluaran lesen ternakan ikan dalam kolam. Jabatan telah mengguna pakai Manual Prosedur Kerja, Manual Skim Perikanan Darat, SPIP serta peraturan berkaitan perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan dalam melaksanakan program ini.

Pada pendapat Audit, Jabatan telah mengguna pakai undang-undang, garis panduan dan peraturan yang ditetapkan dalam melaksanakan program ini.

24.2.3 Kajian Kemungkinan

Jabatan telah melaksanakan program ini sejak penubuhan Bahagian Perikanan Darat pada 1957. Pada masa tersebut, fungsi Bahagian ini hanya untuk mengatasi masalah kekurangan protein terutamanya di kawasan luar bandar. Oleh yang demikian, tidak ada kajian kemungkinan untuk program ini di peringkat awal. Semakan Audit mendapati dalam RMK8, Jabatan ada menjalankan kajian kemungkinan seperti Kajian Pelan Pembangunan Akuakultur Pesisiran yang berkaitan dengan ternakan udang harimau.

Pada bulan Disember 2005, Jabatan telah mengeluarkan satu laporan kajian kemungkinan mengenai penubuhan Program Pembangunan Zon Industri Akuakultur (ZIA) yang dijalankan oleh Ecosol Consultancy Sdn. Bhd. dengan kos sejumlah RM8,000 bagi kawasan di Batang Rambungan, Bahagian Kuching dan Loba Semareng di Bahagian Mukah untuk diwartakan. Antara keperluan yang digariskan di dalam kajian tersebut adalah keperluan untuk menyediakan Pelan Induk dan menjalankan Kajian *Environmental Impact Assessment* (EIA) bagi setiap zon yang dibangunkan. Pada penghujung tahun 2007, Kerajaan Negeri telah meluluskan 2 kawasan ZIA iaitu di Rambungan-Loba Stoh, Bahagian Kuching seluas 285 hektar dan di Sungai Selumit, Bahagian Mukah seluas 436.1 hektar. Kedua-dua kawasan ini telah diluluskan untuk diwartakan sebagai ZIA selaras dengan Seksyen 11 (1) Kanun Tanah Negeri. Semakan Audit mendapati kajian kemungkinan untuk ZIA di Sungai Selumit masih belum dijalankan walaupun kawasan tersebut telah diluluskan untuk diwartakan. Semakan Audit seterusnya mendapati Jabatan juga telah mengenal pasti 2 kawasan baru untuk penubuhan ZIA iaitu kawasan seluas 2,500 hektar di Belawai dan kawasan seluas 1,140 hektar di Mesidap, Bahagian Mukah. Menurut pegawai Jabatan yang bertanggungjawab, kajian kemungkinan untuk kawasan ini termasuk juga ZIA di Sungai Selumit akan dijalankan pada tahun 2008.

Pada pendapat Audit, kajian kemungkinan termasuk penyediaan pelan induk dan kajian EIA untuk ZIA yang dikenalpasti, hendaklah dipercepatkan supaya pelaksanaan program akuakultur dapat bermula.

24.2.4 Aktiviti Program

Jabatan telah menetapkan 5 aktiviti utama di bawah program ini iaitu Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi, Pembangunan Perikanan dan Akuakultur, Stesen Perikanan dan Pengeluaran Benih Ikan, Pembangunan Sumber Manusia serta Perundangan, Penguatkuasaan dan Pemuliharaan untuk dilaksanakan bagi tempoh RMK8 dan RMK9. Semakan Audit terhadap pelaksanaan aktiviti ini bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 mendapati:

a) Penyelidikan Dan Pembangunan Teknologi

Semakan Audit mendapati Jabatan ada melaksanakan penyelidikan dan pembangunan teknologi yang bertujuan meningkatkan produktiviti dan pengurusan

yang efisien ke arah akuakultur komersial untuk memaksimumkan pendapatan penternak. Adalah didapati penyelidikan dijalankan sama ada oleh pegawai di stesen perikanan atau secara kerjasama dengan institusi lain bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007. Penyelidikan yang dijalankan ada meliputi bidang yang dirancang bagi tempoh RMK9. Penyelidikan yang dilaksanakan adalah bagi pembiakan spesis ikan semah dan empurau secara aruhan, terubok, ketam, belangkas dan ikan kerapu.

Projek penyelidikan bagi pembangunan pengeluaran benih ikan semah dan empurau daripada spesis *masheers* dengan kerjasama *Deakin University,* Australia telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2001. Projek yang dikenali sebagai fasa satu telah bermula pada Julai 2001 di Stesen Perikanan Tarat, Bahagian Samarahan dan tamat pada Jun 2006. Objektif utama fasa ini ialah pembiakan ikan semah dan empurau melalui kaedah aruhan termasuk mengkaji kitaran hidup spesis ikan tersebut. Rasional kajian ini dilakukan adalah disebabkan spesis tersebut berpotensi untuk dikomersialkan kerana harga jualannya yang tinggi, contohnya RM270 sekilogram untuk ikan empurau yang dikenali dengan nama kelah di Semenanjung Malaysia. Penyelidikan tersebut telah mencatat kejayaan pada awal tahun 2003 yang juga merupakan kejayaan pertama bagi spesis ikan tersebut di Asia. Stesen ini telah berjaya mengeluarkan sebanyak 70,000 ekor benih ikan setiap tahun bagi kedua spesis ikan tersebut.

Pihak Kerajaan Negeri telah meluluskan kerjasama bagi fasa kedua pada bulan Februari 2005 yang mengambil masa selama 3 tahun. Tujuan fasa kedua ialah untuk mengkaji kemungkinan spesis ikan tersebut untuk diternak secara komersial dan menaiktaraf Stesen Perikanan Tarat bagi memenuhi permintaan benih ikan yang dijangka bertambah sekiranya spesis ikan ini berjaya dikomersialkan. Pada penghujung tahun 2004 sehingga Oktober 2007, Stesen Perikanan Tarat telah mengagihkan sebanyak 64,584 benih ikan empurau dan 6,608 benih ikan semah kepada penternak bagi tujuan percubaan, agihan kepada individu, agensi dan syarikat tertentu sama ada untuk ternakan atau sebagai ikan hiasan dan dilepaskan ke kawasan tadahan, kawasan tagang serta sungai di kawasan pedalaman bagi tujuan pemuliharaan. Semakan Audit mendapati Jabatan belum menetapkan hala tuju atau kaedah bagi mengkomersialkan ikan semah dan empurau. Jabatan juga belum menyediakan manual ternakan ikan semah dan empurau yang sepatutnya disediakan pada bulan Februari 2006. Manual tersebut adalah penting kerana spesis ikan berkenaan amat sensitif dan memerlukan penjagaan yang betul terutamanya dari aspek kuantiti dan kekerapan makanan, bekalan air bersih yang mengalir serta kandungan oksigen terlarut yang sesuai.

Semakan Audit seterusnya mendapati Jabatan ada menjalankan kerjasama dengan pihak *Commonwealth Scientific and Industrial Research Organisation,* Australia bagi penyelidikan terhadap ikan terubok bermula pada tahun 1988 di

kawasan Lingga, Bahagian Sri Aman. Penyelidikan ini dijalankan memandangkan spesis ini semakin pupus disebabkan penangkapan yang tidak terkawal dan kesan pencemaran sungai. Semenjak tahun 1996, Jabatan telah berjaya mengeluarkan benih ikan secara aruhan dan melepaskan benih ikan pada tahap *fingerlings* ke sungai Batang Lupar, Bahagian Sri Aman. Bagaimanapun mengikut rekod Jabatan, jumlah keseluruhan tangkapan yang dicatat sejak tahun 1999 semakin berkurangan iaitu dalam lingkungan 5,000 kilogram sahaja setahun berbanding melebihi 60,000 kilogram pada tahun 1997. Mengikut laporan Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar pada tahun 2002, punca utama yang menyebabkan kemerosotan ikan terubok dalam sistem sungai ialah pencemaran air dengan kandungan tanah yang tinggi akibat daripada aktiviti pembalakan dan pertanian, penangkapan ikan secara berlebihan dan gangguan terhadap kawasan pembiakan.

Selain daripada penyelidikan terhadap ikan semah, empurau dan terubok, Jabatan juga ada menjalankan penyelidikan mengenai hidupan akuatik lain seperti ikan kerapu dan belangkas. Contohnya Stesen Perikanan Punang dan Stesen Perikanan Sematan ada menjalankan penyelidikan terhadap ikan kerapu. Di samping itu, Stesen Perikanan Punang ada mengeluarkan *nano plankton* sebagai makanan larva ikan kerapu pada usia 2 hingga 45 hari selain dapat mengawal kualiti air yang sesuai untuk tumbesaran ikan tersebut. Penyelidikan terhadap belangkas pula ada dijalankan di Stesen Perikanan Semariang Batu yang bermula pada tahun 2006 dan dijangka selesai pada tahun 2010. Objektif penyelidikan belangkas adalah bagi mengenal pasti biologi pembiakan dan potensi spesis tersebut untuk dikomersialkan terutamanya dalam bidang perubatan.

Semakan Audit juga mendapati Jabatan tidak ada membuat penyelidikan terhadap makanan ikan walaupun harga makanan ikan semakin meningkat. Berdasarkan maklum balas daripada borang soal selidik, seramai 30 ataupun 33.3% daripada 90 penternak menyatakan bahawa harga makanan ikan adalah mahal dan tidak dikawal.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya aktiviti penyelidikan dan pembangunan teknologi yang dijalankan adalah baik. Bagaimanapun usaha haruslah dipergiatkan ke arah penyelidikan dan pembangunan teknologi bagi mencapai pengeluaran akuakultur yang boleh dikomersialkan.

b) Pembangunan Perikanan Dan Akuakultur

i) Projek Akuakultur Komersial (CAP) dan Unit Bantuan Perikanan (FAU)

Bagi mencapai matlamat aktiviti CAP dan FAU, Jabatan telah melaksanakan kaedah pemilihan peserta dan penyaluran bantuan seperti berikut:

- **Kaedah Pemilihan Peserta**

  Semakan Audit mendapati Jabatan telah menyalurkan bantuan kepada seramai 93 peserta CAP atau 25% berbanding sasaran 372 peserta bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007. Manakala seramai 2,386 penternak dipilih menjadi peserta FAU atau 45.1% berbanding sasaran 5,290 peserta bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007. Bilangan peserta CAP dan FAU bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 56** dan **Jadual 57.**

Jadual 56
Peserta CAP Bagi Tempoh Tahun 2005 Hingga 2007

Bahagian	2005		2006		2007		Jumlah (Peserta)
	Kolam (Peserta)	Sangkar (Peserta)	Kolam (Peserta)	Sangkar (Peserta)	Kolam (Peserta)	Sangkar (Peserta)	
Kuching	2	2	5	1	4	0	14
Sri Aman	1	1	0	4	2	0	8
Sibu	2	0	7	0	3	0	12
Miri	2	0	2	2	1	1	8
Limbang	0	3	0	1	0	2	6
Samarahan	5	0	7	0	6	0	18
Betong	0	0	3	1	2	0	6
Sarikei	5	0	0	0	2	0	7
Kapit	1	0	0	0	4	0	5
Mukah	1	0	0	0	1	2	4
Bintulu	1	4	0	0	0	0	5
Jumlah	**20**	**10**	**24**	**9**	**25**	**5**	**93**

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Sarawak

Jadual 57
Peserta FAU Bagi Tempoh Tahun 2005 Hingga 2007

Bahagian	2005			2006			2007			Jumlah
	Peserta			Peserta			Peserta			
	Kolam Baru	Pemuliharaan Kolam	Bantuan Bahan	Kolam	Sangkar/ Tangki	Nelayan	Kolam	Sangkar/ Tangki	Nelayan	
Kuching	35	17	10	79	3	7	11	0	1	163
Sri Aman	31	23	76	110	2	0	12	0	0	254
Sibu	32	0	206	95	0	0	0	0	0	333
Miri	39	0	57	0	0	0	5	1	0	102
Limbang	4	6	92	33	27	0	18	4	0	184
Samarahan	31	0	120	92	0	0	12	0	0	255
Betong	20	40	80	94	0	0	12	0	0	246
Sarikei	30	20	99	98	0	0	20	0	0	267
Kapit	0	0	262	0	0	0	0	11	0	273
Mukah	31	14	69	31	2	58	4	4	2	215
Bintulu	0	0	0	65	0	0	18	0	11	94
Jumlah	**253**	**120**	**1071**	**697**	**34**	**65**	**112**	**20**	**14**	**2,386**

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Sarawak

Semakan Audit mendapati 76 daripada 93 peserta CAP atau 81.7% telah memenuhi kriteria pemilihan yang telah ditetapkan manakala 17 lagi peserta atau 18.3% tidak memenuhi kriteria kerana belum menjadi ahli PPK. Semakan Audit seterusnya terhadap 120 sampel borang permohonan

peserta FAU mendapati 86 atau 71.7% peserta memenuhi kriteria pemilihan manakala 34 peserta atau 28.3% tidak memenuhi kriteria pemilihan yang telah ditetapkan kerana bukan ahli PPK.

- **Kaedah Bantuan Dan Perolehan**

  Semakan Audit mendapati Jabatan ada menyediakan bantuan berbentuk barangan dan perkhidmatan asas kepada peserta CAP dan FAU. Jabatan menyalurkan peruntukan kewangan kepada PPK dan PPK akan mengenakan caj perkhidmatan sebanyak 6% ke atas pembelian perolehan. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada caj tersebut mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri. Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 bantuan sejumlah RM1.93 juta telah diagihkan kepada peserta CAP dan RM2.16 juta kepada peserta FAU. Jumlah bantuan dalam tempoh pelaksanaan projek sepatutnya diterima dalam tempoh setahun.

  Lawatan Audit ke tapak projek 36 peserta CAP tahun 2005 hingga 2007 di 6 Bahagian mendapati peserta ada menerima bantuan dari Jabatan. Lawatan Audit juga telah dibuat ke tapak projek seorang daripada peserta CAP tahun 2002 di Bahagian Sri Aman yang seharusnya menerima bantuan berjumlah RM50,884 dalam bentuk bahan binaan, benih ikan, makanan ikan dan peralatan. Beliau hanya menerima RM38,557 dalam tahun 2002, manakala bakinya sejumlah RM12,327 diterima pada tahun 2007. Tambahanpula, permohonan beliau untuk peruntukan tambahan sejumlah RM6,000 telah diluluskan pada tahun 2005 tetapi hanya diterima pada tahun 2007. Pengagihan ini mengambil masa 2 hingga 5 tahun sedangkan tempoh pelaksanaan projek telah ditetapkan selama setahun. Proses pengagihan bantuan yang lambat telah mengakibatkan pengeluaran ikan tidak dapat ditingkatkan dengan sewajarnya. Pengagihan bantuan daripada baki peruntukan yang hanya disalurkan pada tahun 2007 adalah seperti di **Foto 74** dan **75.**

Foto 74
Sebahagian Daripada Bantuan Paip PVC Dan Makanan Ikan Berjumlah RM12,327



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh: 5 Oktober 2007
Lokasi: Kawasan Rumah Tutong, Gua Sukat, Bahagian Sri Aman

Foto 75
Pendawaian Dari SESCO *Overhead Line* Menggunakan Peruntukan Tambahan Berjumlah RM6,000



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 5 Oktober 2007
Lokasi : Kawasan Rumah Tutong, Gua Sukat, Bahagian Sri Aman

Kakitangan Bahagian Perikanan Darat di Bahagian Miri memaklumkan bahawa seorang peserta CAP tahun 2006 yang menerima bantuan makanan ikan sejumlah RM32,000 telah menjual tanah berserta kolam ikan kepada pihak lain. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan perkara ini kerana Jabatan tidak mempunyai maklumat lengkap pindah hak milik tersebut. Lawatan Audit ke lokasi peserta tersebut telah dilakukan. Bagaimanapun peserta berkenaan tidak dapat ditemu bual untuk mendapatkan pengesahan kerana beliau tiada di tempat tersebut. Lot tanah peserta yang telah dijual adalah seperti di **Foto 76.**

Foto 76
Lot Tanah Peserta CAP Tahun 2006 Yang Telah Dijual Kepada Pihak Lain



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 14 September 2007
Lokasi : Sungai Rait, Bahagian Miri

Lawatan Audit di Bahagian Limbang mendapati seorang peserta CAP tahun 2004 yang menerima bantuan bahan binaan dan peralatan untuk sangkar ikan siakap sejumlah RM30,000 telah menerima bantuan yang tidak menepati spesifikasi yang ditetapkan. Kayu yang dihantar kepada beliau adalah daripada jenis mudah reput seperti kayu ramin dan meranti sedangkan di dalam kelulusan permohonan adalah daripada kayu jenis selangan batu. Ini telah menyebabkan beliau tidak dapat meneruskan projek ternakan kerana sangkar ikannya roboh. Bagaimanapun, selepas lawatan Audit, Jabatan telah mengambil tindakan dengan membekalkan kayu jenis selangan batu kepada beliau. Keadaan sangkar peserta tersebut adalah seperti di **Foto 77** dan **78.**

Foto 77
Sangkar Ikan Yang Rosak Semasa Lawatan Audit



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh: 10 September 2007
Lokasi: Kampung Punang, Bahagian Limbang

Foto 78
Sangkar Ikan Yang Telah Diperbaiki



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh: 12 November 2007
Lokasi: Kampung Punang, Bahagian Limbang

Semakan Audit seterusnya mendapati pada tahun 2005 hingga 2007 Jabatan ada meluluskan sebanyak 15 permohonan pertukaran jenis bantuan daripada kelulusan asal yang melibatkan kos berjumlah RM0.20 juta walaupun Jabatan tidak menggalakkan berlakunya pertukaran bantuan semasa pelaksanaan projek. Antara pertukaran bantuan yang dilakukan adalah melibatkan bantuan berbentuk peralatan kepada makanan ikan memandangkan peserta telah terlebih dahulu membeli peralatan tersebut sebelum bantuan disalurkan. Adalah didapati Jabatan juga telah meluluskan permohonan peserta CAP tahun 2005 yang menerima bantuan berjumlah RM30,000 di Bahagian Miri untuk menukar tapak projek ke tempat lain bagi mengelakkan kos tambahan membina ban dan parit di tapak asal projek.

- **Pencapaian Peserta Program**

  Seramai 64 daripada 93 peserta CAP atau 68.8% telah mencapai anggaran pendapatan tahunan melebihi RM1,000 sebulan atau RM12,000 setahun manakala 17 daripadanya tidak mencapai sasaran. Berdasarkan rekod Jabatan pendapatan keseluruhan 81 peserta tersebut bagi tahun 2007 adalah sejumlah RM3.76 juta atau purata RM3,868 sebulan atau RM46,420 seorang setahun. Bagaimanapun maklumat bagi 7 peserta lain tidak diperolehi. Seramai 4 peserta CAP 2005 dari Bahagian Bintulu dan seorang peserta CAP 2006 dari Bahagian Miri yang diluluskan bantuan sejumlah RM63,200 telah menarik diri disebabkan kekurangan modal untuk meneruskan program ini. Maklum balas daripada soal selidik mendapati keseluruhan peserta berpuas hati dengan program ini serta bantuan dan khidmat nasihat yang diberikan oleh Jabatan. Semakan Audit seterusnya mendapati seramai 3 peserta CAP telah berjaya memenangi anugerah

sempena Hari Peladang, Penternak Dan Nelayan Peringkat Negeri dan Kebangsaan.

Pada pendapat Audit, aktiviti ini telah dilaksanakan dengan baik. Di samping itu Jabatan perlu memastikan prosedur kaedah pemilihan peserta dan pengagihan bantuan dipatuhi dengan sewajarnya agar matlamat program dapat dicapai.

ii) Pembangunan Zon Industri Akuakultur

Pembangunan Zon Industri Akuakultur (ZIA) merupakan program Jabatan di bawah kelolaan dan peruntukan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Malaysia untuk membangunkan industri akuakultur berkomersial supaya dapat berdaya saing dan menjana pendapatan yang lumayan kepada penternak dan seterusnya dapat menyumbang kepada peningkatan ekonomi negeri Sarawak.

Semakan Audit mendapati setakat tahun 2007, Kerajaan Negeri telah meluluskan 2 ZIA iaitu kawasan seluas 285 hektar di Rambungan-Loba Stoh, Bahagian Kuching dan kawasan seluas 436.1 hektar di Sungai Selumit, Bahagian Mukah untuk diwartakan sebagai ZIA Sarawak di bawah Seksyen 11 (1) Kanun Tanah Negeri. Jabatan juga telah mengenal pasti 2 kawasan baru untuk penubuhan ZIA iaitu di Belawai seluas 2,500 hektar dan di Mesidap, Bahagian Mukah seluas 1,140 hektar.

Pada RMK9, sejumlah RM9 juta telah diluluskan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Malaysia untuk melaksanakan program pembangunan ZIA di seluruh negeri Sarawak. Pada tahun 2007, Jabatan telah menerima peruntukan sejumlah RM700,000 bagi menjalankan kajian kemungkinan, kajian EIA, menyediakan Pelan Induk serta kerja survei. Bagaimanapun setakat Disember 2007, hanya sejumlah RM258,270 telah dibelanjakan untuk bayaran perunding bagi kajian kemungkinan dan juga pembelian pelbagai seperti bot laju dan kenderaan pacuan 4 roda. Manakala baki peruntukan sejumlah RM441,730 belum dibelanjakan kerana kerja survei dan kajian EIA belum dimulakan.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan program ZIA perlu dipercepatkan untuk pembangunan industri akuakultur kerana setakat ini masih belum ada ZIA yang diwujudkan seperti yang dirancang.

c) Stesen Perikanan Dan Pengeluaran Benih Ikan

Semakan Audit mendapati stesen perikanan ada memelihara induk ikan dan mengeluarkan benih ikan untuk menampung permintaan penternak. Ia juga ada melaksanakan aktiviti penyelidikan untuk perkembangan industri akuakultur moden dan membantu meningkatkan keluaran hasil penternak. Bagi tempoh tahun 2005

hingga 2007 stesen perikanan telah mengeluarkan sebanyak 46.12 juta pelbagai benih ikan atau 78.3% berbanding sasaran sebanyak 58.90 juta. Pencapaian pengeluaran pelbagai benih ikan bagi stesen perikanan di negeri Sarawak untuk tempoh tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 58.**

Jadual 58
Pencapaian Pengeluaran Pelbagai Benih Ikan Bagi Stesen Perikanan Di Negeri Sarawak Untuk Tempoh Tahun 2005 Hingga 2007

Bil.	Stesen Perikanan	Tahun			Jumlah (Ekor)
		2005 (Ekor)	2006 (Ekor)	2007 (Ekor)	
1.	Semenggok	5,967,124	4,360,343	2,096,932	12,424,399
2.	Batu Lintang	431,334	866,825	130,675	1,428,834
3.	Tarat	41,984	146,680	-	188,664
4.	Temudok	632,750	334,250	-	967,000
5.	Layar	1,790,200	1,999,700	564,850	4,354,750
6.	Debak	1,618,820	2,002,341	221,200	3,842,361
7.	Batang Ai	394,220	404,623	205,280	1,004,123
8.	Kabuloh	733,515	1,951,582	2,128,303	4,813,400
9.	Kubong	494,235	595,805	375,366	1,465,406
10.	Sungai Sebiew	999,510	-	-	999,510,
11.	Jemukan	23,860	-	-	23,860
12.	Punang	2,689,000	2,934,000	1,634,800	7,257,800
13.	Semariang Batu	89,510	280,421	57,994	427,925
14.	Sematan	2,025,650	3,621,414	1,271,008	6,918,072
Jumlah		**17,931,712**	**19,497,984**	**8,686,408**	**46,116,104**

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Sarawak

i) Pengagihan Benih Ikan

Jabatan telah menggunakan 2 pendekatan berbeza bagi pengagihan benih ikan iaitu secara jualan dan percuma. Semakan Audit mendapati sebanyak 0.68 juta benih ikan siakap telah dijual kepada penternak melalui PPK yang melibatkan hasil berjumlah RM0.53 juta bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 di seluruh negeri Sarawak. Sejumlah RM0.32 juta daripada jumlah tersebut merupakan hasil Kerajaan manakala RM0.21 juta adalah keuntungan yang diperolehi oleh PPK. Bagaimanapun semakan Audit seterusnya mendapati kadar harga benih ikan yang dijual tidak mempunyai kelulusan dari pihak Kerajaan Negeri. Butiran penjualan benih ikan siakap mengikut stesen perikanan bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 59**.

Jadual 59
Butiran Penjualan Benih Ikan Siakap Mengikut Stesen Perikanan Bagi Tempoh Tahun 2005 Hingga 2007

Stesen Perikanan	Tahun	Benih Ikan (Ekor)	Jumlah Hasil Dipungut (RM)	Hasil Kerajaan (RM)	Keuntungan PPK (RM)
Sematan	2005	179,000	55,700	37,000	18,700
	2006	95,500	47,190	30,780	16,410
	2007	139,158	139,990	102,992	36,997
Jumlah		**413,658**	**242,880**	**170,772**	**72,107**
Semariang Batu	2005	47,030	28,114	11,939	16,175
	2006	20,100	18,200	12,410	5,790
	2007	9,944	5,966	3,978	1,989
Jumlah		**77,074**	**52,280**	**28,327**	**23,954**
Punang	2005	69,319	67,173	28,077	39,095
	2006	41,798	48,683	24,206	24,477
	2007	75,542	114,317	67,688	46,630
Jumlah		**186,659**	**230,173**	**119,971**	**110,202**
Jumlah Keseluruhan		**677,391**	**525,333**	**319,070**	**206,263**

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Sarawak

Jabatan ada mengagihkan pelbagai benih ikan secara percuma bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007. Semakan Audit terhadap sampel 101 borang Agri. 34 di Stesen Perikanan Semenggok yang melibatkan pengagihan sebanyak 10.71 juta benih ikan mendapati sebanyak 94 borang atau 93.1% tidak diisi dengan lengkap seperti tiada maklumat rekod tuaian dan tidak ditandatangani pegawai Jabatan yang bertanggungjawab. Adalah didapati Jabatan tidak mempunyai statistik menyeluruh mengenai permintaan benih ikan bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007. Kesan daripada kegagalan pematuhan ini Jabatan tidak mempunyai data lengkap permintaan dan hasil tuaian serta tidak dapat memastikan status kejayaan penternak yang telah diagihkan benih ikan secara percuma. Butiran pengagihan pelbagai benih ikan bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 60.**

Jadual 60
Butiran Pengagihan Pelbagai Benih Ikan
Bagi Tempoh Tahun 2005 Hingga 2007

Bil.	Stesen Perikanan	Tahun			Jumlah (Ekor)
		2005 (Ekor)	2006 (Ekor)	2007 (Ekor)	
1.	Semenggok	4,402,071	4,272,664	2,036,700	10,711,435
2.	Batu Lintang	413,135	826,835	125,212	1,365,182
3.	Tarat	9,023	31,736	24,135	64,894
4.	Temudok	615,150	325,750	-	940,900
5.	Layar	465,700	466,900	276,850	1,209,450
6.	Debak	1,393,550	1,568,060	145,100	3,106,710
7.	Batang Ai	388,610	399,043	160,830	948,483
8.	Kabuloh	636,544	1,862,730	2,212,033	4,711,307
9.	Kubong	499,667	560,507	304,700	1,364,874
10.	Sungai Sebiew	960,610	-	-	960,610
11.	Jemukan	-	-	-	-
12.	Punang	2,259,108	2,354,500	767,465	5,381,073
13.	Semariang Batu	70,498	-	9,800	80,298
14.	Sematan	2,005,650	957,400	440,833	3,403,883
Jumlah		**14,119,316**	**13,626,125**	**6,503,658**	**34,249,099**

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Sarawak

ii) Penyenggaraan Stesen

Lawatan Audit ke Stesen Perikanan Semenggok, Batu Lintang, Semariang Batu, Tarat, Kabuloh dan Punang mendapati hanya kolam di Stesen Perikanan Batu Lintang dan Punang disenggarakan dengan baik. Manakala kolam di Semariang Batu, Semenggok, Kabuloh dan Tarat ada yang rosak ataupun terbiar. Semakan Audit mendapati sebanyak 112 atau 24.9% daripada 449 kolam di 6 stesen perikanan tersebut tidak disenggarakan dengan baik. Bilangan kolam yang tidak disenggarakan dengan baik di stesen perikanan tersebut adalah seperti di **Jadual 61.**

Jadual 61
Bilangan Kolam Yang Tidak Disenggarakan Dengan Baik

Bil.	Stesen Perikanan	Bilangan Keseluruhan Kolam	Bilangan Kolam Yang Tidak Disenggarakan Dengan Baik	Peratusan %
1.	Semenggok	210	57	27.1
2.	Batu Lintang	15	0	0
3.	Semariang Batu	55	15	27.3
4.	Tarat	96	16	16.7
5.	Kabuloh	54	24	44.4
6.	Punang	19	0	0
Jumlah		**449**	**112**	24.9

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Sarawak

Temu bual dengan pegawai di Bahagian Perikanan Darat yang terlibat mendapati kekurangan peruntukan untuk menyenggara dan membaiki kerosakan menyebabkan keadaan ini berlaku. Semakan Audit mendapati

peruntukan bagi menyenggara keseluruhan stesen perikanan di Sarawak berjumlah RM0.49 juta sahaja pada tahun 2007 berbanding RM1.75 juta dalam tahun 2006 dan RM2.67 juta dalam tahun 2005. Mengikut analisis Audit, purata peruntukan penyenggaraan bagi setiap stesen perikanan ialah sejumlah RM0.04 juta bagi tahun 2007 berbanding RM0.14 juta bagi tahun 2006 dan RM0.19 juta bagi tahun 2005. Peruntukan penyenggaraan bagi kesemua stesen perikanan bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 62**.

Jadual 62
Peruntukan Penyenggaraan Stesen Perikanan
Bagi Tempoh Tahun 2005 Hingga 2007

Bil.	Stesen Perikanan	Tahun		
		2005	2006	2007
1.	Stesen (Bilangan)	14	12	11
2.	Jumlah peruntukan (RM Juta)	2.67	1.75	0.49
3.	Purata peruntukan bagi setiap stesen (RM Juta)	0.19	0.14	0.04

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Sarawak

Penyenggaraan yang tidak dijalankan telah menyebabkan keadaan kolam dipenuhi semak dan kerosakan pada kolam tidak dapat dibaiki. Ini menyebabkan stesen perikanan tidak mempunyai kolam yang mencukupi bagi tujuan pembiakan dan pemeliharaan ikan. Contoh kolam yang tidak disenggarakan adalah seperti di **Foto 79** dan **Foto 80.**

Foto 79
Kolam Yang Terbiar Di Stesen Perikanan Semariang Batu, Bahagian Kuching



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 23 November 2007
Lokasi : Stesen Perikanan Semariang Batu, Bahagian Kuching

Foto 80
Kolam Yang Terbiar Di Stesen Perikanan Tarat, Bahagian Samarahan



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 26 Julai 2007
Lokasi : Stesen Perikanan Tarat, Bahagian Samarahan

Semakan Audit juga mendapati Stesen Perikanan Sungai Paoh di Bahagian Sarikei belum dapat digunakan sepenuhnya walaupun penyerahan bangunan

telah dilakukan pada bulan Januari 2007 kerana bekalan air bersih masih belum dibekalkan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR). Pihak Jabatan memaklumkan perkara ini berlaku disebabkan bekalan air tidak dimasukkan dalam spesifikasi kontrak yang disediakan oleh pihak JKR. Keadaan Stesen Perikanan Sungai Paoh di Bahagian Sarikei adalah seperti di **Foto 81** dan **Foto 82.**

Foto 81
Hos Getah Digunakan Untuk Menyalurkan Air Dari Kolam Ke Bangunan Penetasan



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh: 3 Oktober 2007
Lokasi: Stesen Perikanan Sungai Paoh, Bahagian Sarikei

Foto 82
Tangki Yang Belum Dapat Digunakan Kerana Ketiadaan Bekalan Air Bersih



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh: 3 Oktober 2007
Lokasi: Stesen Perikanan Sungai Paoh, Bahagian Sarikei

Semakan Audit seterusnya mendapati semua stesen perikanan tidak disediakan pengawal keselamatan bagi memantau keadaan di sekitar stesen. Kesannya dalam tahun 2007 sebanyak 5 kes kecurian berlaku di Stesen Perikanan Semariang Batu, 4 kes di Semenggok dan 10 kes di Kabuloh. Bekas tapak mesin pam air yang telah dicuri di Stesen Perikanan Semariang Batu, Bahagian Kuching adalah seperti di **Foto 83.**

Foto 83
Bekas Tapak Mesin Pam Air Yang Telah Dicuri
Di Stesen Perikanan Semariang Batu, Bahagian Kuching



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh: 26 Julai 2007
Lokasi: Stesen Perikanan Semariang Batu, Bahagian Kuching

Kerja pembinaan rangkaian tangki ada dilaksanakan di Stesen Perikanan Tarat melalui kontrak bernilai RM310,000 yang telah disiapkan dalam tahun 2006. Pembinaan tersebut telah ditunda sejak tahun 2003. Setakat lawatan Audit pada bulan Oktober 2007, kemudahan tersebut belum lagi digunakan kerana masalah bekalan air bersih. Stesen ini mendapat bekalan air untuk kolamnya dari sungai yang mengalir dari kawasan tadahan di bukit bersebelahan. Memandangkan meningkatnya aktiviti pembangunan di sekeliling kawasan tadahan tersebut, kualiti air sungai semakin tercemar. Oleh yang demikian Jabatan sedang mengkaji sumber air alternatif bagi stesen ini. Setakat tarikh pengauditan, Jabatan belum mempunyai cadangan atau keputusan mengenai sumber bekalan air dan juga mengenai sambungan bekalan ke tangki tersebut.

Pada pendapat Audit, untuk membolehkan Jabatan mencapai matlamatnya dalam pembangunan akuakultur serta meningkatkan pengeluaran benih ikan, Jabatan perlu memastikan stesen perikanan disenggarakan dengan sempurna serta dinaik taraf dengan teknologi dan kemudahan terkini.

d) Pembangunan Sumber Manusia

Semakan Audit mendapati seramai 84 kakitangan Bahagian Perikanan Darat telah menghadiri sebanyak 32 siri kursus dan latihan bagi tempoh tahun 2005 hingga 2006. Antara kursus dan latihan yang dihadiri adalah seperti *Fish Disease And Health Management, National Fisheries Symposium* dan *Asian Aquafeeds 2005 Seminar.* Bagaimanapun adalah didapati tiada kursus dan latihan diadakan pada tahun 2007 kerana kekangan dari segi kewangan.

Semakan Audit seterusnya mendapati Bahagian Perikanan Darat telah menganjurkan sebanyak 41 siri kursus dan latihan untuk 1,470 penternak dalam tempoh tahun 2005 hingga 2007 berbanding sasaran sebanyak 21 siri kursus dan latihan untuk seramai 1,096 penternak. Antara kursus dan latihan yang diadakan adalah seperti Asas Akuakultur Air Tawar, Pembiakan Dan Ternakan Udang Galah, Kaedah Ternakan Dan Pengurusan Kolam dan Simpan Kira-kira. Kursus dan latihan untuk penternak bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 63.**

Jadual 63
Kursus Dan Latihan Untuk Penternak
Bagi Tempoh Tahun 2005 Hingga 2007

Tahun	Kursus Dan Latihan (Siri)	Penternak
2005	15	117
2006	20	729
2007	6	624
Jumlah	**41**	**1,470**

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Sarawak

Pada pendapat Audit, kursus dan latihan yang diadakan adalah mencukupi bagi menambah pengetahuan mengenai teknologi terkini serta memberi motivasi terutamanya kepada kakitangan dan penternak.

e) Perundangan, Penguatkuasaan Dan Pemuliharaan

Jabatan telah menubuhkan Unit Penguatkuasaan Dan Pelesenan (UPP) bagi memastikan penguatkuasaan Ordinan Perikanan Negeri 2003 dapat dilaksanakan. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

i) Perundangan Dan Penguatkuasaan

Semakan Audit mendapati Jabatan ada menguatkuasakan Ordinan Perikanan Negeri 2003 bagi ternakan ikan dalam sangkar, udang harimau, hatceri dan peralatan menangkap ikan. Aktiviti pelesenan merangkumi pengeluaran lesen baru, pembaharuan lesen, pengeluaran permit bagi memulakan aktiviti ternakan dan pengeluaran sijil bila ianya diluluskan. Bagaimanapun pengeluaran lesen ternakan ikan dalam kolam bersaiz 0.2 hektar atau lebih hanya dilaksanakan pada awal tahun 2007. Setakat tarikh pengauditan, pelesenan terhadap kolam ikan di bawah Seksyen 28 Ordinan Perikanan Negeri 2003 masih dalam peringkat pemprosesan borang permohonan. Berdasarkan rekod Jabatan, sehingga tahun 2007 terdapat seramai 1,899 penternak ikan dalam kolam yang mempunyai keluasan kolam 0.2 hektar dan lebih di seluruh negeri Sarawak. Analisis Audit mendapati Jabatan sepatutnya mengutip hasil sejumlah RM37,980 dengan kadar RM20 bagi setiap lesen daripada penternak tersebut sekiranya pelesenan tersebut dilaksanakan.

Sehingga tahun 2007, sebanyak 328 lesen telah dikeluarkan bagi ternakan udang harimau dan daripadanya hanya 88 lesen atau 26.8% yang aktif, 214 lesen atau 65.2% tidak aktif dan 26 lesen atau 7.9% telah dibatalkan. Bagi ternakan ikan dalam sangkar pula setakat tahun 2007, sebanyak 299 lesen telah dikeluarkan iaitu untuk 6,610 unit sangkar. Sebanyak 25 lesen pula telah dikeluarkan untuk hatceri swasta udang harimau di mana 7 pengusaha masih beroperasi dan 200 lesen bagi alat menangkap ikan dengan 71 pengusaha masih beroperasi. Hasil yang telah dikutip melalui pelesenan ialah sejumlah RM21,068 bagi tahun 2005, RM24,926 bagi tahun 2006 dan RM22,194 bagi tahun 2007.

Adalah didapati hasil tuaian bagi udang harimau berkurangan iaitu sebanyak 498 tan metrik pada tahun 2005, 231 tan metrik tahun 2006 dan 283 tan metrik pada tahun 2007 berbanding melebihi 550 tan metrik pada tahun 2004 dan sebelumnya. Manakala tuaian daripada ternakan ikan untuk seluruh negeri pula kuantiti sebenarnya tidak diperolehi daripada Jabatan.

Selain itu, UPP juga menguatkuasakan tangkapan terhad ikan terubok di bawah Seksyen 22 Ordinan Perikanan Negeri 2003 di 2 kawasan iaitu Sungai Batang Lupar, Bahagian Sri Aman dan Sungai Lassa, Bahagian Mukah untuk 2 musim setiap tahun iaitu dalam bulan Mei dan bulan Oktober hingga November. Rondaan dibuat oleh pegawai UPP dan dibantu oleh pihak polis. UPP juga bertanggungjawab menguatkuasakan larangan penangkapan mengikut Seksyen 9 Ordinan tersebut yang melibatkan kerja penyiasatan serta kempen kesedaran berkaitan penggunaan peralatan dan cara yang dilarang dalam penangkapan ikan dan hidupan akuatik di sungai, tasik, kolam dan takungan semulajadi atau buatan seperti bahan beracun, letupan atau arus elektrik. UPP telah mengadakan sebanyak 14 ceramah pada tahun 2005 dan 19 ceramah pada tahun 2006 kepada orang kampung dan penduduk rumah panjang. Manakala tiada rekod diperolehi dari Jabatan mengenai ceramah yang diadakan pada tahun 2007.

ii) Pemuliharaan

Jabatan juga telah mengambil usaha bagi melindungi dan memulihara ikan tempatan seperti kempen dan publisiti serta mengadakan kerjasama dengan agensi lain termasuk badan bukan kerajaan seperti Angkatan Zaman Mansang (AZAM) dan persatuan nelayan berkaitan pemuliharaan ikan terubok. Selain itu, untuk tujuan pemuliharaan ikan terubok, lebih kurang 2 juta benih ikan telah dilepaskan di bawah program pembenihan semula dengan sebilangan besarnya di Sungai Batang Lupar, Bahagian Sri Aman dan selebihnya di Sungai Lassa, Bahagian Mukah.

Jabatan telah melaksanakan sistem tagang mulai tahun 2005 bagi tujuan melindungi dan memulihara ikan sungai tempatan. Konsep sistem ini memberi

kuasa kepada penduduk kampung melalui Jawatankuasa Tagang yang ditubuhkan untuk mengurus, mengawasi dan memulihara sumber ikan yang ada di kawasan kampung mereka. Penangkapan ikan adalah tidak dibenarkan di kawasan sungai dalam sistem tagang kecuali semasa musim 'Buka Tagang'. Jabatan berperanan memberi khidmat nasihat, melakukan kajian kesesuaian kawasan dan stok ikan, menyediakan benih ikan bagi menambah bilangan ikan dalam sungai serta memantau sistem tagang berkenaan. Jenis benih ikan yang disyorkan Jabatan untuk menambah bilangan ikan yang sedia ada dalam sungai di kawasan tagang ialah daripada spesis ikan sungai tempatan seperti empurau, semah, tengadak, sayan, lampan jawa dan jelawat. Setakat tahun 2007 sebanyak 42 kawasan telah diwujudkan dan diwartakan sebagai kawasan tagang mengikut Seksyen 21 dan 65 Ordinan Perikanan Negeri 2003. Mengikut perancangan asal RMK9, Jabatan pada mulanya telah mensasarkan sebanyak 132 buah kawasan tagang untuk diwujudkan. Bagaimanapun bilangan tersebut dihadkan kerana kekurangan peruntukan. Lawatan Audit telah dibuat ke kawasan tagang pada musim 'Buka Tagang' di Long Tuyo, Lawas di Bahagian Limbang yang merupakan kawasan tagang pertama di negeri Sarawak. Kawasan tagang tersebut dan ikan yang diperolehi adalah seperti di **Foto 84** dan **Foto 85.**

Foto 84
Sungai Di Kampung Long Tuyo Yang Diwartakan Sebagai Kawasan Tagang



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh: 11 September 2007
Lokasi: Kampung Long Tuyo, Bahagian Limbang

Foto 85
Ikan Semah Yang Diperoleh Dari Sungai Di Kampung Long Tuyo



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh: 11 September 2007
Lokasi: Kampung Long Tuyo, Bahagian Limbang

Pada pendapat Audit, **Jabatan telah menguatkuasakan Ordinan Perikanan Negeri 2003 dengan baik. Bagaimanapun Jabatan hendaklah menyegerakan pelesenan terhadap aktiviti akuakultur secara menyeluruh memandangkan Ordinan ini telah diwartakan sejak tahun 2003. Manakala aktiviti pemuliharaan perlu dipertingkatkan bagi mengelakkan kepupusan ikan sungai tempatan dan habitatnya agar dapat memastikan sumber perikanan yang berterusan.**

24.2.5 Kaedah Promosi Dan Pemasaran

Jabatan menggunakan 2 kaedah bagi memperkenalkan Program Perikanan Darat dan Akuakultur seperti berikut:

a) Promosi Melalui Jabatan

Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, Jabatan telah menjalankan berbagai siri promosi dan pemasaran seperti menyertai Hari Peladang, Penternak Dan Nelayan, *Malaysia Agriculture, Horticulture And Agrotourism Show* (MAHA), mengedar kemeja-T yang memaparkan tema pemuliharaan ikan terubok, kalendar aktiviti serta risalah, seminar mengenai perlesenan dan pemuliharaan serta menempatkan hasil tangkapan di kedai runcit bimbingan Jabatan iaitu kedai Q-Mart.

b) Pemasaran Terus

Temu bual Audit dengan peserta mendapati hasil tangkapan dijual secara terus kepada pengguna atau melalui orang tengah. Berdasarkan analisis yang dibuat daripada 90 borang soal selidik yang telah diedarkan kepada peserta mendapati prestasi jualan adalah menggalakkan iaitu sehingga mencecah 100 tan setahun.

Pada pendapat Audit, kaedah promosi dan pemasaran adalah baik kerana dapat menyalurkan maklumat mengenai program ini kepada orang ramai dan membantu meningkatkan serta memperluaskan pasaran hasil tangkapan peserta.

24.2.6 Prestasi Perbelanjaan

Jabatan telah diluluskan peruntukan sejumlah RM22.17 juta bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 berbanding RM30 juta yang dimohon. Semakan Audit mendapati perbelanjaan bagi tempoh yang sama adalah berjumlah RM20.41 juta atau 92.1% berbanding peruntukan yang diluluskan. Peruntukan yang diluluskan dan perbelanjaan sebenar bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 64.**

Jadual 64
Peruntukan Yang Diluluskan Dan Perbelanjaan Sebenar
Bagi Tempoh Tahun 2005 Hingga 2007

Bil.	Aktiviti	2005			2006			2007		
		Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)	Peratusan %	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)	Peratusan %	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)	Peratusan %
1	Penyelidikan Dan Pembangunan Teknologi	1.25	0.80	64.0	1.44	1.51	104.9	0.52	0.41	78.8
2	Pembangunan Perikanan Dan Akuakultur	3.50	2.49	71.1	2.80	2.35	83.9	0.70	0.70	100
3	Stesen Perikanan Dan Pengeluaran Benih Ikan	4.66	5.29	113.3	3.54	3.91	110.4	1.40	1.08	77.1
4	Pembangunan Sumber Manusia	0.34	0.27	79.4	0.55	0.30	54.5	0.20	0.10	50
5	Perundangan, Penguatkuasaan Dan Pemuliharaan	0.25	0.78	312	0.67	0.14	20.9	0.35	0.28	80
Jumlah		**10.00**	**9.63**		**9.00**	**8.21**		**3.17**	**2.57**	


Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Sarawak.

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan adalah baik kerana Jabatan telah membelanjakan 92.1% daripada jumlah peruntukan yang diluluskan. Bagaimanapun peruntukan yang diluluskan pada tahun 2007 hanya sejumlah RM3.17 juta berbanding peruntukan yang dimohon berjumlah RM11 juta. Sekiranya kesemua peruntukan yang dimohon diluluskan, berkemungkinan program ini dapat diperluaskan dan lebih ramai usahawan dalam bidang perikanan darat dan akuakultur dapat dibangunkan.

24.2.7 Guna Tenaga Dan Latihan

Bahagian Perikanan Darat diketuai oleh seorang Ketua Penolong Pengarah Gred G54 dan dibahagikan kepada 3 unit utama di peringkat Ibu Pejabat iaitu Unit Pembangunan Akuakultur, Unit Penguatkuasaan dan Perlesenan dan Unit Penyelidikan Teknologi. Jumlah jawatan yang diisi di bahagian ini adalah sebanyak 138 daripada 152 jawatan diluluskan. Struktur pengurusan dan kedudukan perjawatan Bahagian Perikanan Darat pada tahun 2007 adalah seperti di **Carta 9** dan **Jadual 65.**

Carta 9
Struktur Pengurusan Bahagian Perikanan Darat Pada Tahun 2007



Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Sarawak

Jadual 65
Kedudukan Perjawatan Di Bahagian Perikanan Darat

Bil.	Bahagian	Bilangan Perjawatan		
		Diluluskan	Diisi	Kosong/(Lebih)
1	Kuching	95	83	12
2	Sri Aman	11	8	3
3	Sibu	3	3	0
4	Miri	5	8	(3)
5	Limbang	13	13	0
6	Sarikei	4	6	(2)
7	Kapit	2	3	(1)
8	Samarahan	8	3	5
9	Bintulu	6	2	4
10	Mukah	1	3	(2)
11	Betong	4	6	(2)
Jumlah		**152**	**138**	**14**

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Sarawak

Semakan Audit mendapati Bahagian Perikanan Darat menghadapi masalah kekurangan kakitangan. Seramai 13 kakitangan merupakan pekerja kontrak yang dilantik di bawah Pekeliling Perjawatan Bilangan 24 Tahun 1994 dalam perkhidmatan awam Negeri Sarawak. Mengikut Surat Pekeliling Perjawatan Bilangan 21 Tahun 2006, pada akhir tahun 2008 semua kontrak bagi pekerja berkenaan tidak akan dilanjutkan. Ini akan menyebabkan Bahagian Perikanan Darat menghadapi masalah kekurangan kakitangan terutamanya untuk kerja penyenggaraan stesen perikanan dan pelaksanaan aktiviti program perikanan.

Semakan Audit seterusnya mendapati Stesen Perikanan Punang ada mengeluarkan makanan larva ikan kerapu yang dikenali sebagai *nano plankton*. Sehingga tarikh pengauditan, makmal tersebut dipertanggungjawabkan kepada seorang Pembantu Pertanian Gred G17 yang juga mengetuai stesen perikanan tersebut. Berdasarkan lawatan Audit, makmal tersebut memerlukan penjagaan dan penyeliaan yang rapi memandangkan *nano plankton* sensitif terhadap persekitaran dan mudah terdedah kepada jangkitan bakteria dan habuk. Manakala penyelidikan dan pemantauan terhadap projek ikan terubok hanya dijalankan oleh seorang Pegawai Perikanan Gred G41 di Ibu Pejabat Pertanian dan stesen ikan terubok di Daerah Lingga, Bahagian Sri Aman pula diuruskan oleh seorang Pembantu Am Rendah Gred N1.

Pada pendapat Audit, guna tenaga Bahagian Perikanan Darat adalah tidak mencukupi. Kekurangan pegawai dan kakitangan di stesen perikanan boleh menjejaskan pelaksanaan tugasan harian dalam menjayakan program ini, terutamanya bagi tugas yang memerlukan kepakaran yang khusus.

Secara keseluruhannya, pada pendapat Audit, Jabatan telah melaksanakan program pembangunan perikanan darat dan akuakultur dengan baik. Sehubungan itu, Jabatan harus menyedia statistik permintaan benih ikan dengan sempurna bagi memenuhi keperluan penternak dalam usaha menjayakan program ini. Jabatan juga

perlu menentukan semua kolam di stesen perikanan disenggarakan dengan sempurna supaya program pembangunan akuakultur dapat dilaksanakan dengan baik.

24.3 PEMANTAUAN

Pemantauan yang telah dilaksanakan bagi projek ini adalah seperti berikut:

a) Peringkat Ibu Pejabat

Jabatan memantau pelaksanaan program dengan mengadakan mesyuarat bagi membincangkan isu dan masalah berkaitan program. Semakan Audit mendapati Bahagian Perikanan Darat telah mengadakan mesyuarat suku tahunan Bahagian Perikanan Darat dan mesyuarat pagi bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Penolong Pengarah Bahagian Perikanan dan dihadiri oleh pegawai Bahagian Perikanan. Selain itu, jawatankuasa seperti Jawatankuasa Penilaian Projek Perikanan Darat dan Jawatankuasa Pemantauan Projek ada ditubuhkan bagi memantapkan lagi pengurusan dan pemantauan Program Pembangunan Perikanan Darat Dan Akuakultur. Jenis mesyuarat dan contoh agenda yang dibincangkan adalah seperti di **Jadual 66.**

Jadual 66
Jenis Mesyuarat Dan Contoh Agenda

Bil	Mesyuarat	Kekerapan	Contoh Agenda
1.	Mesyuarat Suku Tahunan	2005 – 1 kali 2006 – 2 kali 2007 – 2 kali	Kedudukan masa kini program yang dilaksanakan di setiap Bahagian dan stesen perikanan, pencapaian setiap aktiviti program, kewangan dan penambahbaikan program.
2.	Mesyuarat Pagi	2005 – 9 kali 2006 – 11 kali 2007 – 8 kali	Isu berkaitan pengurusan, kewangan dan masalah program.
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Projek	2005 – 1 kali 2006 – 1 kali 2007 – 1 kali	Peruntukan tahunan program, peserta yang diluluskan, calon peserta simpanan dan penilaian keseluruhan program.
4.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Projek	2005 – 4 kali 2006 – 4 kali 2007 – 2 kali	Prestasi pelaksanaan program dari segi fizikal dan kewangan.

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Sarawak

b) Peringkat Bahagian

Semakan Audit mendapati mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Dan Perancangan ada dibuat di peringkat Pejabat Pertanian Bahagian. Pejabat Pertanian Bahagian juga ada mengemukakan laporan kemajuan projek dan kewangan ke Ibu Pejabat setiap bulan. Lawatan ke projek peserta CAP dan FAU juga ada dijalankan oleh pegawai di Pejabat Pertanian Daerah.

c) Peringkat Stesen Perikanan

Semakan Audit mendapati setiap stesen perikanan ada mengemukakan laporan pengeluaran dan pengagihan benih ikan serta laporan kemajuan kewangan setiap bulan ke Ibu Pejabat.

Pada pendapat Audit, Jabatan telah memantau pelaksanaan program dengan baik. Ini adalah kerana Jabatan mempunyai mekanisme pemantauan yang teratur. Pemantauan yang baik dapat membantu Jabatan dalam mengawal dan memastikan pelaksanaan program ke arah mencapai matlamatnya.

25. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pencapaian Program Pembangunan Perikanan Darat Dan Akuakultur adalah baik. Jabatan telah menyediakan perancangan yang teratur dan menyeluruh bagi program ini. Bagaimanapun dari segi pelaksanaan, masih ada beberapa aspek yang perlu diperbaiki bagi memastikan projek yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan mencapai matlamatnya. Sehubungan itu, adalah disyorkan Jabatan mengambil tindakan seperti berikut:

a) Penyelidikan terhadap penghasilan makanan ikan yang dikeluarkan secara tempatan patut dilakukan. Ini adalah kerana harga makanan yang diimport semakin tinggi dan tiada kawalan harga dibuat untuk menjaga kepentingan penternak.

b) Memastikan peraturan mengenai kaedah pemilihan peserta dan penyaluran bantuan dipatuhi supaya bantuan yang diagihkan tidak disia-siakan.

c) Memastikan borang permohonan bantuan dilengkapkan oleh penternak agar Jabatan mempunyai maklumat terperinci mengenai penternak.

d) Memastikan ada kakitangan pelapis bagi mewarisi kemahiran dan pengetahuan kakitangan yang menjalankan penyelidikan.

e) Memastikan tahap penyenggaraan dan kawalan keselamatan di stesen perikanan dipertingkatkan bagi mengelak berlakunya kerosakan dan kecurian.

f) Penguatkuasaan secara menyeluruh Ordinan Perikanan Negeri 2003 perlu disegerakan bagi menjaga kepentingan Kerajaan Negeri.

LEMBAGA KEMAJUAN TANAH SARAWAK


PROGRAM AKUAKULTUR AIR PAYAU

26. LATAR BELAKANG

26.1 Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak (Lembaga) adalah sebuah Badan Berkanun Negeri yang telah ditubuhkan di bawah Ordinan Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak, 1972 selaras dengan kehendak Seksyen 43 Ordinan Tanah, 1956. Antara program pembangunan yang dilaksanakan oleh Lembaga adalah Program Akuakultur Air Payau. Program ini diperkenalkan pada RMK8 bagi menggantikan Program Penternakan Udang Harimau yang dicadangkan tetapi tidak dapat dilaksanakan kerana pasaran terkini udang harimau yang lembap, kerap dilanda penyakit dan harga tidak menggalakkan. Program Akuakultur Air Payau bertujuan untuk membantu mempercepatkan arus pembangunan pertanian berskala besar di negeri Sarawak bagi mewujudkan peluang pekerjaan dan mempertingkatkan taraf hidup penduduk luar bandar. Mengikut rekod Lembaga, sebanyak 80% penduduk menetap di sepanjang 800 kilometer kawasan pinggiran pantai di seluruh negeri Sarawak. Pinggiran pantai negeri Sarawak mempunyai keunikan dari aspek pasang surut air, hutan bakau dan kaya dengan habitat semula jadi. Pada masa ini, kaedah utama yang digunakan oleh Industri Perikanan adalah penangkapan yang mana boleh mengakibatkan tangkapan berlebihan dan menjejaskan sumber hidupan laut dan sungai. Justeru itu, Lembaga telah memberi fokus kepada pengurusan sumber hidupan laut melalui kaedah pembiakan dengan membantu nelayan di pinggiran pantai negeri Sarawak merangkumi sungai dan tasik serta kawasan tadahan air yang mempunyai kelebihan untuk aktiviti penternakan akuakultur air payau.

26.2 Peruntukan sejumlah RM7.22 juta daripada Kerajaan Persekutuan telah diterima di bawah RMK8 dan disambung di bawah RMK9 dengan tambahan peruntukan diluluskan sejumlah RM3 juta menjadikan keseluruhan peruntukan sejumlah RM10.22 juta bagi pelaksanaan Program Akuakultur Air Payau mengikut 3 Zon iaitu Zon Selatan di Sematan, Zon Tengah di Pulau Bruit dan Zon Utara di Awat-Awat. Lokasi Program Akuakultur Air Payau mengikut Zon adalah seperti di **Peta 3.**

Peta 3
Lokasi Program Akuakultur Air Payau Di Negeri Sarawak



Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara Sarawak

27. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada Program Akuakultur Air Payau diurus dengan cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

28. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi Zon Selatan (Sematan), Zon Tengah (Pulau Bruit) dan Zon Utara (Awat-Awat) dalam Program Akuakultur Air Payau bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 dan di mana perlu semakan juga dibuat bagi tahun sebelumnya. Semakan Audit telah dijalankan di pejabat Lembaga dan pejabat Agen Pelaksana iaitu Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah (PELITA).

29. KAEDAH PENGAUDITAN

Kaedah pengauditan yang dijalankan adalah dengan menyemak fail, dokumen dan minit mesyuarat berkaitan. Temu bual dengan pegawai projek dan peserta projek juga telah dijalankan untuk mendapat maklumat tambahan. Di samping itu, Borang Soal Selidik Kepuasan Peserta juga telah diedarkan kepada 60 peserta untuk mendapatkan pandangan peserta. Lawatan ke tapak projek juga dibuat bagi Projek Akuakultur di Sematan, Awat-Awat dan Pulau Bruit.

30. PENEMUAN AUDIT

30.1 PERANCANGAN

Perancangan yang teliti dan teratur adalah penting untuk memastikan Program Akuakultur Air Payau berjalan dengan lancar. Aspek perancangan yang dinilai meliputi perkara seperti berikut:

30.1.1 Dasar Kerajaan Negeri

Dasar Pertanian Negara digubal bertujuan untuk memaksimumkan pendapatan daripada pertanian melalui penggunaan sumber semula jadi yang cekap dan boleh memberangsangkan sumbangan Sektor Pertanian secara keseluruhannya kepada pembangunan ekonomi negara. Selaras dengan dasar ini, Kerajaan Negeri telah mengambil pendekatan untuk memperkembangkan Industri Akuakultur secara komersial. Oleh itu, Program Akuakultur Air Payau dibangunkan bagi mencapai polisi dan hasrat Kerajaan Negeri untuk membangunkan kawasan luar bandar dan menjadikannya lebih maju, progresif dan dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

30.1.2 Garis Panduan Dan Peraturan

Garis panduan dan peraturan yang berkaitan dengan pelaksanaan Program Akuakultur Air Payau adalah seperti berikut:

a) Ordinan Perikanan Negeri 2003

Ordinan ini digubal berdasarkan Akta Perikanan 1958 dan telah diwartakan bagi mengawal penangkapan ikan, mempromosikan akuakultur dan memastikan pengurusan perikanan secara teratur dan berterusan di negeri Sarawak. Antara perkara yang dinyatakan dalam Ordinan ini adalah mengenai kawalan terhadap penangkapan ikan, penguatkuasaan permit, sijil dan lesen bagi aktiviti penternakan ikan dan akuakultur serta penubuhan kawasan perlindungan dan pemuliharaan ikan.

b) *The Sarawak Rivers (Traffic) Regulations, 1993*

Peraturan ini diguna pakai bagi menjelaskan kawalan laluan trafik sungai, bot/kapal yang berlabuh dan bertambat di sepanjang sungai yang telah diwartakan, mengawal pembinaan dan pelupusan waf, pengeluaran permit untuk membawa penumpang dan menyediakan langkah keselamatan lain terhadap pengguna sungai seperti kawalan rakit, kolam kayu balak (log pond), penggalian dan aktiviti lain di sungai.

c) *The Sarawak Rivers (Cleanliness) Regulations, 1993*

Peraturan ini adalah mengenai penguatkuasaan dan tindakan terhadap segala aktiviti yang boleh mencemarkan sungai.

d) ***The Sarawak Rivers (Compounding Of Offences) Regulations, 1996***

Peraturan ini adalah mengenai kompaun yang dikenakan terhadap pengguna sungai yang melanggar peraturan.

e) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Ordinan Sumber Asli Dan Persekitaran (Pindaan) 2001

Akta ini menetapkan bahawa sesuatu projek pembangunan perlu dijalankan *Environmental Impact Assessment* (EIA) sekiranya projek tersebut adalah termasuk dalam kategori *Prescribed Activities* dengan minimum keluasan pembangunan tanah yang terlibat seluas 500 hektar untuk tujuan aktiviti pertanian atau seluas 5,000 hektar bagi skim saliran. Manakala Peraturan 11A, Ordinan Sumber Asli Dan Persekitaran (Pindaan) 2001 menyatakan Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar boleh menghendaki sesiapa yang menjalankan aktiviti seperti pembinaan infrastruktur atau pembangunan pertanian secara estet atau apa-apa aktiviti yang boleh membawa kesan terhadap alam sekitar untuk menyediakan Laporan Kesan Penilaian Alam Sekitar.

f) Manual Skim Perikanan Darat

Manual ini disediakan oleh Jabatan Pertanian Sarawak mengenai Skim Bantuan Projek Akuakultur Komersial dan Unit Bantuan Perikanan. Ianya menghuraikan objektif bantuan, jenis projek perikanan, nilai bantuan, kelayakan peserta dan kriteria pemilihan serta tatacara permohonan, melulus dan pelaksanaan skim. Manual ini juga menyatakan jenis borang yang perlu diisi di samping menghendaki peserta untuk menyimpan rekod perakaunan asas dan pulangan projek.

30.1.3 Kajian Kemungkinan

Kajian kemungkinan merupakan faktor penting sebelum keputusan diambil untuk melaksanakan sesuatu program. Tujuan kajian berkenaan dijalankan ialah untuk memastikan sama ada program atau projek yang dirancang berdaya maju. Program Akuakultur Air Payau merupakan program pertama berasaskan Industri Akuakultur yang dijalankan oleh Lembaga.

30.1.4 Sasaran Program

Industri Akuakultur Negara telah menyumbang sebanyak 13% daripada jumlah pengeluaran ikan negara. Manakala di negeri Sarawak sumbangan kepada industri akuakultur adalah minimum iaitu kurang daripada 3%. Hasil akuakultur yang dieksport pula adalah terdiri daripada ikan dan udang yang bernilai tinggi. Justeru itu, Industri Akuakultur telah dimanfaatkan sebaiknya bagi menjana pendapatan tukaran asing kepada Kerajaan Negeri. Pada tahun 2001, lebihan eksport berbanding import negeri Sarawak adalah sejumlah RM104 juta. Penggunaan per kapita ikan di negeri Sarawak pula menunjukkan trend meningkat sepanjang tahun di mana sebanyak 46.7 kilogram seorang setahun masih di bawah purata penggunaan kebangsaan iaitu 49 kilogram seorang setahun. Program ini disasarkan bagi memberi faedah kepada 450 peserta

dan sekaligus akan meningkatkan pendapatan mereka antara RM1,000 hingga RM1,500 sebulan. Program ini juga dijangka akan menghasilkan sebanyak 450 tan metrik ikan siakap dan sebanyak 92 tan metrik ketam. Selaras dengan itu, Lembaga telah menyediakan sasaran program seperti berikut:

a) Pemilihan Lokasi

Pemilihan lokasi adalah berdasarkan komponen program yang terlibat. Setiap komponen tersebut mempunyai ciri-ciri lokasi yang berbeza. Secara umum pemilihan lokasi adalah berdasarkan kesesuaian tapak dengan mengambil kira flora dan fauna, kualiti air, kawasan terlindung daripada ribut dan ombak, projek serupa yang sedia ada di lokasi tersebut, pasaran, bekalan benih dan makanan ternakan, infrastruktur asas, pengetahuan teknikal serta sosioekonomi penduduk tempatan.

b) Pemilihan Peserta

Pemilihan peserta adalah berdasarkan kepada permohonan yang dikemukakan kepada Lembaga. Kriteria umum bagi pemilihan peserta adalah pemohon mestilah berusia 18 tahun ke atas, rakyat Malaysia yang bermastautin di Sarawak di mana keutamaan diberikan kepada penduduk tempatan, berpengalaman dalam projek ternakan ikan atau ternakan ketam. Selain itu, peserta yang dipilih adalah dikehendaki menandatangani Perjanjian Peserta secara tahunan dengan PELITA bagi mengelak berlakunya sangkar ikan atau kandang ketam yang terbiar. Sasaran peserta bagi program ini ialah seramai 123 orang merangkumi 94 peserta bagi projek di Awat-Awat, seramai 24 peserta bagi projek di Sematan dan 5 peserta bagi projek di Pulau Bruit.

c) Pemilihan Baka Ternakan

Pemilihan baka yang sesuai merupakan faktor yang penting bagi menjayakan Program Akuakultur Air Payau. Antara faktor penting yang mesti diambil kira adalah sifat biologi iaitu kadar pembesaran, sifat tahan lasak, bersaiz besar, pasaran yang baik dan benih baka yang senang diperoleh. Jenis ikan yang dicadangkan adalah Ikan Siakap manakala jenis ketam yang dicadangkan pula adalah Ketam Kalok (Scylla olivacea) dan Ketam Pasir (Scylla tranquebarica).

d) Jadual Kerja Tahunan

Jadual Kerja Tahunan bagi melaksanakan Program Akuakultur Air Payau ada disediakan. Jenis kerja yang akan dijalankan adalah penyediaan dokumen sebut harga/tender, pembinaan sangkar ikan/kandang ketam, taklimat dan temu duga peserta projek, kursus asas ternakan, peserta menandatangani kontrak penyertaan projek, penyedian dokumen tender benih dan makanan ternakan, penyerahan sangkar/kandang kepada peserta, penyerahan benih dan makanan ternakan, pemantauan projek dan mesyuarat yang diadakan. Butiran lanjut mengenai Jadual Kerja Tahunan adalah seperti di **Jadual 67**.

Jadual 67
Jadual Kerja Tahunan Bagi Tempoh 2006 Hingga 2007

Bil	Jenis Kerja	2006												2007											
		J	F	M	A	M	J	J	O	S	O	N	D	J	F	M	A	M	J	J	O	S	O	N	D
1.	Penyediaan Dokumen Tender																								
2.	Pembinaan Sangkar Ikan																								
3.	Taklimat /Temu duga Peserta																								
4.	Kursus Asas Ternakan Ikan																								
5.	Peserta Menandatangani Kontrak Penyertaan Projek																								
6.	Penyediaan Dokumen Tender – Menghantar Dan Membekal Benih Dan Makanan Ikan																								
7.	Penyerahan Sangkar Ikan Kepada Peserta																								
8.	Penyerah Benih Dan Makanan Ikan																								
9.	Pemantauan Projek																								
10.	Mesyuarat Dengan Peserta/TWG																								

Sumber: Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah

Catatan:Jadual Kerja Yang Dirancang ditandakan

TWG: *Technical Working Group*


30.1.5 Komponen Program

Program Akuakultur Air Payau akan dilaksanakan mengikut 6 komponen seperti berikut:

a) Penternakan Ikan Dalam Sangkar

Projek Penternakan Ikan Dalam Sangkar akan dijalankan di sepanjang muara sungai yang mempunyai ciri-ciri seperti terlindung daripada ribut dan ombak, kedalamannya melebihi 2 meter daripada aras laut semasa surut, peredaran pasang surut yang mencukupi, sungai yang tidak tercemar dan tidak menghalang laluan bot/kapal. Faktor lain yang penting bagi pemilihan lokasi sangkar adalah keperluan kepada kualiti air iaitu sekurang-kurangnya bersuhu 27 °C hingga 32 °C, pH antara 7.5 hingga 8.5, *salinity* antara 10% hingga 30% dan *dissolved oxygen* melebihi 4.0 mg/l. Anggaran kos untuk 4 sangkar berukuran 3 meter x 3 meter x 3 meter bagi setiap peserta adalah berjumlah RM15,000. Cadangan reka bentuk sangkar ikan adalah seperti di **Rajah 2**.

Rajah 2
Cadangan Reka Bentuk Sangkar Ikan




Sumber: Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah

b) Penternakan Ikan Dalam Sistem Kolam Terbuka

Projek Penternakan Ikan Dalam Sistem Kolam Terbuka pula akan dijalankan di atas tanah milik peserta. Pada peringkat permulaan Projek ini akan melibatkan pembinaan 10 buah kolam dengan keluasan 5 ekar setiap kolam. Sumber pengairan ke kolam ialah dari air laut yang akan disalurkan melalui sungai berdekatan dengan kolam tersebut. Air laut akan disalurkan ke kolam dan akan dikawal dengan *water gate*. Air akan sentiasa dialirkan ke dalam kolam mengikut pasang surut air laut. Aliran masuk air laut penting kerana ia akan membekalkan plankton untuk makanan ikan dalam kolam. Kos untuk memberi makanan kepada ikan ternakan akan dapat dikurangkan disebabkan oleh kitaran makanan semula jadi melalui konsep ternakan ikan dalam kolam ini. Bagaimanapun, infrastruktur kolam perlu disediakan. Anggaran kos bagi pembinaan 0.3 hektar kolam dan kemudahan infrastruktur bagi setiap peserta adalah berjumlah RM40,000.

Cadangan reka bentuk kolam ikan adalah seperti di **Rajah 3**.

Rajah 3
Cadangan Reka Bentuk Kolam Ikan




Sumber: Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah

c) Penternakan Ketam Dalam Kandang

Projek Penternakan Ketam Dalam Kandang akan dijalankan di atas kawasan hutan bakau milik Kerajaan Negeri. Hutan bakau merupakan kumpulan tumbuhan yang hidup di kawasan tebingan berlumpur sehingga mencapai 40% hingga 50% antara paras air pasang paling tinggi dan surut paling rendah. Hutan ini berkembang di sepanjang pantai yang terlindung dan muara sungai di mana terdapat pencairan air masin oleh air tawar dari sungai. Mendapan yang terkumpul membolehkan perkembangan spesies tumbuhan yang bersesuaian dan dianggap sebagai ekosistem yang paling kaya dan produktif dengan pelbagai flora dan fauna yang dapat menyesuaikan diri dengan air masin dari laut dan air tawar dari hujan dan hulu sungai. Anggaran kos untuk 4 kandang berukuran 10 meter X 20 meter bagi setiap peserta adalah berjumlah RM16,000. Cadangan reka bentuk kandang ketam adalah seperti di **Rajah 4**.

Rajah 4
Cadangan Reka Bentuk Kandang Ketam



Sumber: Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak

d) Pembangunan Sumber Manusia

Pembangunan Sumber Manusia adalah berkaitan dengan kemudahan kursus dan latihan yang akan disediakan bagi Program Akuakultur Air Payau. Setiap peserta akan diberikan kursus dan latihan yang dianggarkan berjumlah RM250 setiap peserta.

e) Pendedahan Terhadap ICT

ICT merupakan keperluan yang seimbang dengan perkembangan semasa terutamanya kepada golongan usahawan. Adalah diharapkan supaya penyediaan laporan secara berkomputer dikemukakan oleh setiap peserta. Justeru itu, setiap peserta akan didedahkan kepada ICT dan kos latihan dianggarkan berjumlah RM150 setiap peserta.

f) Penyenggaraan, Operasi Dan Pengurusan Program

Tiga faktor utama akan diambil kira bagi melaksanakan Program Akuakultur Air Payau adalah penyenggaraan, operasi dan pengurusan. Justeru itu, sejumlah RM500,000 telah diperuntukkan bagi peralatan, pusat pemprosesan dan pembungkusan.

Butiran lanjut mengenai rancangan komponen program secara keseluruhannya adalah seperti di **Jadual 68.**

Jadual 68
Rancangan Komponen Program Akuakultur Air Payau

Bil.	Komponen Program	Anggaran Kos Yang Dicadangkan Oleh Lembaga (RM/Seorang)	Jenis Infrastruktur/ Kerja Yang Dicadangkan Oleh Lembaga	Anggaran Kos Mengikut Rekod PELITA (RM/Seorang)	Jenis Infrastruktur/ Kerja Yang Dicadangkan Oleh PELITA
1.	Ternakan Ikan Dalam Sangkar	15,000	4 sangkar berukuran 3m x 3m x 3m bagi setiap peserta	18,720	12 sangkar berukuran 3m x 3m x 2m bagi setiap peserta
2.	Ternakan Ikan Dalam Kolam	40,000	Pembinaan 0.3 hektar kolam dan kemudahan infrastruktur bagi setiap peserta	-	-
3.	Ternakan Ketam Dalam Kandang	16,000	4 kandang berukuran 10m x 20m bagi setiap peserta	-	-
4.	Pembangunan Sumber Manusia	250	Setiap peserta	-	-
5.	Pendedahan Terhadap ICT	150	Setiap peserta	-	-
6.	Penyenggaraan , Operasi Dan Pengurusan Program	500,000	Untuk 3 projek bagi jentera dan peralatan perladangan, pusat pemprosesan dan pembungkusan	-	-

Sumber: Rekod Program Akuakultur Air Payau Lembaga dan PELITA

30.1.6 Keperluan Kewangan

Lembaga ada menyediakan Kertas Cadangan Belanjawan Pembangunan Tahun 2006 Dan 2007 pada 30 April 2005. Kertas Cadangan tersebut adalah merupakan permohonan geran sejumlah RM30 juta bagi melaksanakan Program Akuakultur Air Payau di bawah RMK8 dan RMK9 daripada Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah.

30.1.7 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan


Keperluan guna tenaga dikaji daripada pembentukan struktur organisasi dan perjawatan untuk menentukan sama ada Program Akuakultur Air Payau boleh dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

a) Keperluan Guna Tenaga

Bagi memantapkan pengurusan Program ini, Kerajaan Negeri telah membuat penstrukturan pada tahun 2005 dengan membahagikan peranan Lembaga sebagai penyelaras Program yang bertanggungjawab untuk mendapatkan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan menjadi agen perhubungan antara Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah dengan agen pelaksana. Pengurusan Program ini akan dijalankan oleh Pengurus Projek Lembaga. Manakala pengurusan Program yang dijalankan oleh Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah (PELITA) pula akan dilaksanakan oleh Bahagian Perancangan Korporat yang bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan projek dijalankan

dengan cekap dan teratur. Berikut adalah gambaran terperinci mengenai struktur pengurusan di atas seperti di **Carta 10**.


Carta 10
Struktur Pengurusan Program Akuakultur Air Payau



Sumber: Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak

Guna tenaga yang berkemahiran, kompeten dan mencukupi perlu disediakan bagi melicinkan pelaksanaan program yang dirancang. Bagi tujuan tersebut Kerajaan Negeri telah meluluskan secara pinjaman 6 pegawai daripada Agensi Kerajaan Negeri kepada Lembaga untuk satu jawatan Pengurus Projek Gred G48, satu jawatan Akauntan Gred W48, satu jawatan Pengurus Ladang Akuakultur Gred G41 dan 3 jawatan Penyelia (Akuakultur) Gred G22. Manakala PELITA pula ada 2 Bahagian yang bertanggungjawab terhadap Program ini iaitu Bahagian Pembangunan Hartanah dan Bahagian Perancangan Korporat. Butiran lanjut perjawatan PELITA adalah seperti di **Carta 11**.

Carta 11
Carta Organisasi PELITA Bagi Pelaksanaan Program Akuakultur Air Payau



Sumber: Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah

b) Keperluan Latihan

Keperluan latihan bagi kakitangan PELITA diuruskan oleh Bahagian Pembangunan Sumber Manusia. Manakala di Lembaga, kursus dan latihan diurus sendiri oleh Pengurus Projek. Bagi tujuan pelaksanaan Program Akuakultur Air Payau, keperluan latihan adalah dikaji daripada 2 pihak iaitu Pengurus Projek di Lembaga dan pegawai Bahagian Perancangan Agro dan Pembangunan Hartanah di PELITA. Kursus dan latihan hendaklah dirancang dengan lebih cekap dan teratur bagi memudahkan semua pegawai yang terlibat mengetahui secara mendalam kaedah sebenar pelaksanaan setiap Komponen Program ini.

30.1.8 Keperluan Penyelidikan Dan Pembangunan


Industri akuakultur adalah masih di peringkat awal di negeri Sarawak. Oleh itu, penyelidikan secara berterusan dari semasa ke semasa akan dijalankan. Memandangkan industri ini adalah baru dan belum diusahakan secara meluas terutamanya di negeri Sarawak, maka penyelidikan dan pembangunan bagi setiap komponen Program ini perlu dirancang dan dilaksanakan. Lembaga adalah

bertanggungjawab bagi menentukan perancangan dibuat bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan untuk memudahkan rujukan dibuat semasa pelaksanaan Program ini.

30.1.9 Kaedah Pemantauan

PELITA yang mengetuai pelaksanaan Program ini secara keseluruhannya ada menubuhkan *Technical Working Group* (TWG) terdiri daripada Jabatan Pertanian Sarawak dan Jabatan Perikanan Laut Sarawak serta dibantu oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Peranan TWG ialah merancang dan memberi nasihat terhadap pelaksanaan Program. Selain itu, Eksekutif PELITA akan menyedia dan mengemukakan laporan berkenaan status projek, masalah dan syor kepada pihak pengurusan melalui Pengurus dan Pengurus Kanan Perancangan bagi tujuan tindakan selanjutnya. Pemantauan akan dibuat di semua peringkat dengan membuat lawatan penyeliaan dari semasa ke semasa dan akan dikemukakan melalui mesyuarat TWG yang diadakan 4 kali setahun. Jaringan pemantauan projek antara kesemua peringkat pemantauan di atas adalah seperti di **Carta 12.**

Carta 12
Carta Jaringan Pemantauan Projek



Sumber: Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah

Pada pandangan Audit, perancangan yang disediakan bagi memastikan pelaksanaan Program Akuakultur Air Payau adalah baik. Lembaga ada menyediakan komponen program, sasaran program, Jadual Kerja Tahunan, keperluan kewangan, keperluan guna tenaga dan kaedah pemantauan.

30.2 PELAKSANAAN

Bagi memastikan projek yang dilaksanakan mencapai objektif yang ditetapkan, ia perlu dilaksanakan dengan cekap dan teratur seperti yang dirancang. Hasil pemeriksaan Audit terhadap pelaksanaan Program ini adalah seperti berikut:

30.2.1 Dasar Kerajaan Negeri

Semakan Audit mendapati pelaksanaan Program Akuakultur Air Payau adalah selaras dengan keputusan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pengeluaran makanan di samping meningkat dan menggalakkan pengambilan protein melalui ikan sekali gus mengamalkan gaya hidup sihat. Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani telah menggariskan matlamat bidang akuakultur atau ternak air bukan sahaja untuk melahirkan usahawan berjaya malah bidang akuakultur telah disenaraikan sebagai satu Projek Berimpak Tinggi menerusi pengenalan Program Zon Industri Akuakultur. Program ini merupakan strategi Kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran ikan, ketam, udang dan kerang yang telah ditetapkan di bawah Dasar Pertanian Negara Ketiga dan mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri. Pada RMK9, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani akan mewartakan kawasan seluas 58,168 hektar dengan sasaran pengeluaran 662,000 tan metrik dan dijangka boleh menjana pendapatan sejumlah RM6.30 bilion. Pengeluaran makanan berasaskan akuakultur akan membantu Kerajaan untuk mengurangkan import makanan dan kadar inflasi. Melalui matlamat dan Dasar Pertanian Negara Ketiga ini, Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah telah mengambil inisiatif dengan menyediakan peruntukan kepada negeri Sarawak menerusi Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak untuk merealisasikan hasrat Kerajaan. Keratan Akhbar Utusan Malaysia bertarikh 31 Januari 2007 telah membuktikan bahawa industri akuakultur bakal menjadi tonggak utama Sektor Perikanan.

Keratan Akhbar 1
Sumber Kekayaan Baru –
Kita Mampu Hasilkan Ikan RM6.3 Bilion Menjelang 2010 – Perdana Menteri

Oleh Nor Aziah Jaafar dan Rajmah Hasan

KUALA BERANG 30 Jan. – Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini melancarkan Projek Berimpak Besar (HIP) Zon Industri Akuakultur (ZIA) Peringkat Kebangsaan di sini dengan sasaran menghasilkan pengeluaran perikanan negara bernilai RM6.3 bilion menjelang tahun 2010.

Projek yang sedang dilaksanakan di seluruh negara melibatkan 700 peserta dari golongan nelayan dan siswazah di 39 projek yang telah dikenal pasti itu dijangka memberikan pendapatan sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan kepada peserta terlibat.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, projek yang dibangunkan kerajaan menerusi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani itu bukan sahaja dapat mewujudkan peluang pekerjaan tetapi juga dijadikan sebagai sumber kekayaan baru kepada negara khususnya para peserta terlibat.

Katanya, projek ZIA merupakan kaedah baru yang dilaksanakan kerajaan bagi membantu nelayan dan pengusaha yang pendapatan mereka tidak menentu supaya memperoleh sumber pendapatan sampingan berterusan.

"Industri akuakultur akan dijadikan tonggak utama sektor perikanan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) kerana kita mahu pembangunan ekonomi komprehensif yang memberi peluang kepada semua pihak.



Abdullah Ahmad Badawi diiringi oleh Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Idris Jusoh (dua dari kiri) serta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin memberi makan ikan sewaktu melawat tapak projek ikan di Sungai Como pada majlis perasmian Projek Berimpak Besar, Zon Industri

Sumber: Utusan Malaysia Bertarikh 31 Januari 2007

Pada pendapat Audit, pelaksanaan Program Akuakultur Air Payau oleh Lembaga adalah selaras dengan Dasar Kerajaan Negeri.

30.2.2 Garis Panduan Dan Peraturan

Semakan Audit mendapati Lembaga tidak mempunyai garis panduan khusus berkenaan pelaksanaan Program Akuakultur Air Payau untuk digunakan oleh PELITA. PELITA menerima pakai Ordinan Perikanan Negeri 2003, *The Sarawak Rivers (Traffic) Regulations 1993*, *The Sarawak Rivers (Cleanliness) Regulations 1993*, *The Sarawak Rivers (Compounding of Offences) Regulations 1996*, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Ordinan Sumber Asli Dan Persekitaran 1958 (Pindaan 2001). Selain itu, PELITA juga menerima pakai Manual Skim Perikanan Darat, Jabatan Pertanian Sarawak dan *Barramundi Farming In The Northen Territory* oleh *Department of Primary Industry and Fisheries, Darwin*. Semakan Audit seterusnya mendapati PELITA melaksanakan Program ini berdasarkan kepada pengalaman daripada pihak Jabatan Pertanian Sarawak dan Jabatan Perikanan Laut Sarawak yang menjadi ahli kepada *Technical*

Working Group. Pemeriksaan Audit mendapati PELITA tidak pernah melaksanakan Program seumpamanya dan Program ini merupakan projek pertama dalam bidang akuakultur yang dilaksanakan oleh PELITA. Oleh itu, projek dalam bidang akuakultur masih dalam proses penyelidikan dan pembangunan bagi pihak PELITA. Kesannya pelaksanaan Program lewat dan masih tertumpu kepada satu komponen khusus sahaja. Bagaimanapun, setelah perkara ini dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara, Lembaga telah mengeluarkan satu garis panduan yang bertajuk *Revised Schemes Mechanics And Guidelines For Aquaculture Projects In 9th Malaysia Plan (2006-2010)* bertarikh 24 Mac 2008 bagi tujuan pelaksanaan Program ini.

Pada pendapat Audit, Program Akuakultur Air Payau tidak dilaksanakan dengan memuaskan kerana Lembaga hanya menyediakan garis panduan program secara umum. Garis panduan yang bertajuk *Revised Schemes Mechanics And Guidelines For Aquaculture Projects In 9th Malaysia Plan (2006-2010*) yang menyeluruh telah dikeluarkan pada 24 Mas 2008 bagi tujuan pelaksanaan Program ini. PELITA perlu merujuk semula garis panduan ini bagi Projek Akuakultur yang telah dilaksanakan di Sematan dan Awat-Awat.

30.2.3 Kajian Kemungkinan

Semakan Audit mendapati Lembaga tidak menjalankan kajian kemungkinan terlebih dahulu sebelum pelaksanaan Program Akuakultur Air Payau. Program yang melibatkan Projek Penternakan Ikan Dalam Sangkar, Penternakan Ketam Dalam Kandang dan Penternakan Ikan Dalam Sistem Kolam Terbuka memerlukan kajian khusus terutama terhadap kesesuaian lokasi projek, penempatan peserta dan keperluan projek. Antara perkara yang perlu dikaji adalah tumbesaran benih, keadaan muka bumi, pasang surut air, kandungan air dan makanan. Semakan Audit mendapati PELITA telah mengguna pakai maklumat daripada Jabatan Pertanian Sarawak dan Jabatan Perikanan Laut Sarawak semasa mengemukakan Kertas Cadangan bagi 3 komponen Program di atas. Semakan Audit seterusnya mendapati Jabatan Pertanian Sarawak dengan kerjasama Syarikat Muhandis Industrial Services Sdn. Bhd. telah menjalankan penyelidikan mengenai *The Development Of Technologies For The Sustainable Commercial Culture Of Mangrove Crab, With Special Reference To Mass Propagation Of Juvenile Crabs, Feed Formulation And Grow Out System*. Penyelidikan selama 4 tahun ini telah menghasilkan penemuan yang menggalakkan dari segi teknologi pengeluaran benih ketam, makanan dan pembiakan, baka dan keperluan gizi yang boleh mengimbangkan tumbesaran. Bagaimanapun, semakan Audit seterusnya mendapati penyelidikan terhadap Penternakan Ikan Dalam Sangkar dan Penternakan Ikan Dalam Sistem Kolam Terbuka masih belum dijalankan setakat ini. Kesannya pelaksanaan keseluruhan komponen Program tidak dapat dijalankan dengan baik.

Pada pendapat Audit, Lembaga hanya menyediakan Kajian Kemungkinan Program Akuakultur Air Payau bagi komponen penternakan ikan dalam sangkar

dan penternakan ketam dalam kandang . Kajian kemungkinan bagi komponen yang lain tidak disediakan.

30.2.4 Prestasi Program

Pemeriksaan Audit terhadap prestasi pelaksanaan Program ini mendapati perkara berikut:

a) Pemilihan Lokasi

Sebagai langkah untuk membasmi kadar kemiskinan di kalangan penduduk luar bandar, Lembaga telah mengambil langkah untuk mengagihkan projek akuakultur di 3 lokasi yang dipilih mengikut komponen Program iaitu Penternakan Ikan Dalam Sangkar di Sematan dan Awat-Awat, Penternakan Ikan Dalam Sistem Kolam Terbuka di Pulau Bruit dan Penternakan Ketam Dalam Kandang di Sematan. Semakan Audit mendapati kaedah pemilihan lokasi adalah berdasarkan kertas cadangan PELITA yang telah dikemukakan kepada Lembaga seperti berikut:

i) Projek Penternakan Ikan Dalam Sangkar

Sematan dan Awat-Awat telah dipilih sebagai lokasi projek disebabkan ia menepati ciri-ciri yang diperlukan bagi tujuan penternakan ikan. Selain itu, kedua kawasan tersebut merupakan perkampungan nelayan. Di Sematan, projek ini disertai oleh penduduk daripada Kampung Trusan Jaya, Kampung Temaga Melayu dan Kampung Tanah Hitam. Manakala di Awat-Awat pula, projek ini disertai oleh penduduk daripada Kampung Ujong, Kampung Bangsal, Kampung Masjid dan Kampung Seberang.

ii) Projek Penternakan Ikan Dalam Sistem Kolam Terbuka

Bagi Projek Penternakan Ikan Dalam Sistem Kolam Terbuka, Lembaga telah memilih Pulau Bruit sebagai lokasi projek. Pulau Bruit terletak di Muara Batang Lassa dan merupakan salah satu kawasan penting yang boleh menyumbang kepada Sektor Perikanan di negeri Sarawak. Lokasi projek ini adalah di Kampung Bruit yang mempunyai populasi lebih kurang 2,000 orang penduduk dan terdiri daripada bangsa Melanau dan Cina. Dari segi pekerjaan pula, majoriti penduduk adalah nelayan dan petani.

iii) Projek Penternakan Ketam Dalam Kandang

Lokasi yang dipilih bagi Projek Penternakan Ketam Dalam Kandang adalah di Kampung Trusan Jaya, Sematan. Lokasi ini dipilih kerana mempunyai hutan bakau yang berkeluasan 20.11 hektar.

b) Pemilihan Peserta

Lembaga memberi tumpuan kepada penduduk luar bandar khususnya mereka yang menduduki kawasan perairan negeri Sarawak. Semakan Audit mendapati

kaedah pemilihan peserta adalah berdasarkan Kertas Cadangan PELITA yang telah dikemukakan kepada Lembaga seperti berikut:

i) Proses Permohonan Dan Pemilihan

Peserta Projek Penternakan Ikan Dalam Sangkar dan Ketam Dalam Kandang yang memohon bantuan daripada Lembaga bagi setiap sangkar atau kandang untuk pusingan pertama dikehendaki mengisi borang yang disediakan oleh Lembaga. Semakan Audit mendapati borang permohonan bagi projek di Sematan telah diterima dan disemak oleh Jabatan Pertanian Sarawak sebelum dikemukakan kepada Lembaga untuk penilaian terakhir. Pada tahun 2006, sebanyak 33 borang permohonan telah diterima daripada penduduk tempatan di Sematan. Hasil penilaian oleh Lembaga, seramai 24 peserta telah berjaya dipilih untuk menyertai projek ini iaitu seramai 14 peserta dipilih bagi Projek Penternakan Ikan Dalam Sangkar dan 10 peserta dipilih bagi Projek Penternakan Ketam Dalam Kandang. Analisis Audit mendapati semua peserta adalah berumur melebihi 18 tahun, bermastautin di negeri Sarawak dan merupakan penduduk tempatan mengikut kriteria pemilihan peserta yang ditetapkan. Bagaimanapun, analisis Audit seterusnya mendapati hanya 4 daripada 14 peserta yang dipilih berpengalaman dalam penternakan ikan dalam sangkar manakala hanya 3 daripada 10 peserta yang dipilih berpengalaman dalam penternakan ketam dalam kandang.

Semakan Audit seterusnya mendapati tiada rekod permohonan oleh peserta bagi Projek Penternakan Ikan Dalam Sangkar di Awat-Awat. Mengikut Pegawai Pemantau Projek Wilayah Utara, pemilihan peserta adalah dibuat oleh setiap Ketua Kampung bagi 4 buah kampung yang terlibat dalam projek. Setiap kampung telah mencadangkan 10 orang calon peserta menjadikan sejumlah 40 peserta di Awat-Awat. Pemeriksaan Audit juga mendapati tiada data pemohon yang lengkap bagi menentukan pemilihan peserta dibuat mengikut kriteria yang ditetapkan. Selain itu, permohonan dan kelulusan bantuan bagi projek akuakultur di Pulau Bruit juga belum ditentukan kerana pemilihan akhir belum dibuat. Merujuk kepada senarai pemohon daripada PELITA, sebanyak 20 permohonan telah diterima. Kesemua pemohon tersebut telah menyertakan bersama keluasan tanah hak milik masing-masing kerana Projek Penternakan Ikan Dalam Sistem Kolam Terbuka merupakan usaha sama dengan pemilik tanah. Butiran lanjut mengenai lokasi, jenis penternakan dan bilangan peserta Program adalah seperti di **Jadual 69**.

Jadual 69
Penternakan Ikan Dalam Sangkar Dan Ketam Dalam Kandang Mengikut Lokasi

Lokasi Projek	Jenis Penternakan	Bilangan Peserta	Catatan
Sematan	Ikan Dalam Sangkar	14	Infrastruktur sudah siap dan bekalan benih dan makanan ternakan sedang dalam proses pengagihan.
	Ketam Dalam Kandang	10	Infrastruktur belum dibuat.
Awat-Awat	Ikan Dalam Sangkar	40	Infrastruktur sedang dibuat.
Pulau Bruit	Ikan Dalam Sistem Kolam Terbuka	0	Belum ditentukan kerana projek masih di peringkat survei terhadap tapak projek dan penyediaan pelan reka bentuk kolam.
Jumlah		**64**	

Sumber: Rekod Projek Akuakultur Air Payau PELITA

ii) Perjanjian Peserta

Mengikut rekod Lembaga, seramai 64 peserta telah dipilih untuk menyertai Program Akuakultur Air Payau manakala bakinya seramai 59 peserta akan dipilih dalam fasa seterusnya. Semakan Audit mendapati 14 peserta telah menandatangani Surat Tawaran sebagai peserta Projek Penternakan Ikan Dalam Sangkar pada September 2006 manakala bakinya seramai 40 peserta hanya menandatangani surat tawaran yang berkaitan pada tempoh bulan Disember 2007 hingga Januari 2008. Syarat perjanjian yang telah ditetapkan dalam surat tawaran tersebut adalah kriteria pemohon, lokasi projek, bentuk bantuan, tanggungjawab dan peranan peserta, penubuhan Jawatankuasa Kemajuan Peserta, pemasaran, penalti, penarikan diri dan pelepasan tanggungjawab penganjur. Semakan Audit seterusnya mendapati seramai 10 peserta Penternakan Ketam Dalam Kandang telah dipilih tetapi belum menandatangani Surat Tawaran kerana pembinaan infrastruktur bagi projek tersebut belum dilaksanakan.

c) Bekalan Ternakan

i) Baka Ternakan

Baka ternakan yang telah dipilih untuk diagihkan kepada peserta Projek Penternakan Ikan Dalam Sangkar adalah ikan siakap iaitu selepas mengambil kira kadar pembesaran yang cepat, pasaran yang baik dan benih baka ternakan yang senang diperoleh dengan harga berpatutan. Manakala baka ternakan yang dipilih untuk diagihkan kepada peserta Projek Penternakan Ketam Dalam Kandang pula adalah Ketam Kalok tetapi pengagihan kepada peserta masih belum dibuat kerana projek ini masih di peringkat survei terhadap tapak projek dan penyediaan pelan reka bentuk kandang yang dicadangkan. Setakat tarikh

pemeriksaan Audit pada bulan Januari tahun 2008 baka ternakan yang dimaksudkan adalah seperti di **Foto 86** dan **87.**

Foto 86
Ikan Siakap



Sumber: Laman Web www.agrino.org

Foto 87
Ketam Kalok



Sumber: Jabatan Pertanian Sarawak

ii) Bekalan Benih Dan Makanan Ternakan

Bekalan benih ternakan adalah perkara penting dan perlu diberi perhatian oleh Lembaga. Kegagalan mencapai pengeluaran benih ternakan yang diperlukan boleh menyebabkan kegagalan mencapai sasaran projek ini. Semakan Audit mendapati Lembaga tidak mempunyai pusat pembenihan ternakan dan sebarang bekalan benih dan makanan ternakan bagi agihan kepada peserta projek dibuat melalui pelawaan tender.

- **Perolehan Bekalan Benih Dan Makanan Ternakan**

  Semakan Audit mendapati tender bagi membekalkan benih dan makanan ternakan hanya dibuat pada pertengahan bulan Julai 2007. Adalah didapati terhadap pembinaan sangkar melalui perubahan kerja yang diluluskan telah siap dijalankan. Daripada 5 tender yang diterima, kontrak bagi membekalkan benih ternakan telah diserahkan kepada Pertubuhan Peladang Kawasan Seri Gading, Lundu dengan nilai kontrak sejumlah RM113,400. Manakala daripada 5 tender bagi membekal makanan ternakan, kontrak telah diberikan kepada Brighton Maju Sdn. Bhd. dengan nilai kontrak sejumlah RM304,920 bagi Projek Penternakan Ikan Dalam Sangkar di Sematan. Kedua tender di atas telah diluluskan oleh Jawatankuasa Kewangan, Tender Dan Pelaburan PELITA.

- **Pengagihan Bekalan Benih Dan Makanan Ternakan**

  Lawatan Audit ke lokasi projek di Sematan pada akhir bulan Jun 2007 mendapati benih dan makanan ternakan belum diagihkan kepada peserta projek. Kelewatan pengagihan benih ikan dan makanan ternakan adalah disebabkan oleh kelewatan pembinaan sangkar selepas mengambil kira perubahan kerja yang diluluskan. Temu bual Audit dengan peserta projek juga mendapati pengagihan benih dan makanan ternakan tidak dibuat mengikut jadual yang dirancangkan. Tempoh kelewatan bagi pengagihan benih dan makanan ternakan adalah antara 8 hingga 10 bulan. Bagaimanapun, semakan Audit seterusnya mendapati penyerahan benih dan makanan ternakan yang terdiri daripada 36,337 ekor anak ikan dan 1,050 beg atau 21,000 kilogram makanan ternakan hanya dibuat mulai akhir bulan Ogos dan September 2007. Pengagihan benih ikan kepada 14 peserta adalah antara 1,837 hingga 3,000 ekor bagi setiap peserta. Manakala pengagihan makanan ternakan kepada 14 peserta tersebut adalah antara 50 hingga 100 beg bagi setiap peserta. Lawatan Audit ke salah sebuah rumah peserta mendapati peserta tersebut tidak mempunyai stor untuk menyimpan bekalan makanan ternakan seperti di **Foto 88**. Manakala benih ternakan yang diterima dimasukkan sendiri oleh peserta ke dalam sangkar masing-masing dengan kehadiran pegawai PELITA seperti di **Foto 89**.

Foto 88
Bekalan Makanan Ternakan Diagihkan Kepada Peserta



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 23 Ogos 2007
Lokasi : Projek Penternakan Ikan Dalam Sangkar Di Sematan

Foto 89
Benih Ternakan Dimasukkan Oleh Peserta Sendiri Ke Dalam Sangkar



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 24 September 2007
Lokasi : Projek Penternakan Ikan Dalam Sangkar Di Sematan

Mengikut Perjanjian Peserta, setiap peserta akan menerima sebanyak 6,000 benih ternakan dan sebanyak 6,000 kilogram atau 300 beg makanan ternakan untuk pusingan pertama. Adalah didapati pengagihan benih ternakan ditangguhkan ke bulan Februari 2008 seperti yang disyorkan oleh Pegawai Menguasa Perikanan Sematan dalam Laporan Teknikal Keadaan Air bertarikh 7 Disember 2007 di kawasan projek di Sematan. Pemeriksaan Audit terhadap bekalan makanan ternakan untuk pusingan pertama bagi benih ternakan yang bersaiz 3 inci mendapati jenis makanan ternakan tersebut tidak mengikut keperluan sebenar benih ternakan di mana pada pusingan pertama makanan ternakan hendaklah daripada jenis 1. **Foto 90** dan **Foto 91** menunjukkan bekalan makanan ternakan bagi pusingan pertama yang dibekalkan adalah dari jenis 2 oleh kontraktor kepada peserta.

Foto 90
Makanan Ternakan Jenis 2 Yang Telah Dibekalkan Pada Pusingan Pertama



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 23 Ogos 2007
Lokasi : Projek Penternakan Ikan Dalam Sangkar Di Sematan

Foto 91
Saiz Makanan Ternakan Ikan Lebih Besar Telah Diberikan Pada Pusingan Pertama



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 13 Disember 2007
Lokasi : Projek Penternakan Ikan Dalam Sangkar Di Sematan

Kesannya makanan ternakan tersebut tidak dapat dimakan oleh benih ternakan kerana saiz yang terlalu besar dan ringan. Lawatan Audit ke lokasi projek juga telah dibuat bagi memastikan kesahihan perkara yang telah dilaporkan oleh peserta projek dan mendapati makanan ternakan tersebut lebih banyak yang terapung dan terkeluar daripada sangkar. Keadaan ini boleh dilihat seperti di **Foto 92** dan **Foto 93.**

Foto 92
Makanan Ternakan Yang Keluar Daripada Sangkar Ikan



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 13 Disember 2007
Lokasi : Projek Penternakan Ikan Dalam Sangkar Di Sematan


Foto 93
Makanan Ternakan Terapung Di Permukaan Sangkar Ikan



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 13 Disember 2007
Lokasi : Projek Penternakan Ikan Dalam Sangkar Di Sematan

Bagi mengelakkan makanan ternakan tersebut terapung dan terkeluar daripada sangkar ikan, adalah didapati sebahagian peserta telah membina kotak kayu di mana makanan ternakan akan ditaburkan di sekitar kawasan tersebut seperti di **Foto 93** di atas. Sebahagian peserta pula telah mengubah bentuk makanan ternakan daripada kering kepada basah supaya ia tenggelam dan dapat dicapai oleh benih ikan seperti di **Foto 94**.

Foto 94
Makanan Ternakan Yang Dicampurkan Dengan Air



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 13 Disember 2007
Lokasi : Projek Penternakan Ikan Dalam Sangkar Di Sematan

Memandangkan benih ternakan hanya diserahkan kepada peserta pada akhir bulan September 2007, peluang benih ternakan tersebut untuk hidup adalah tipis. Ini adalah kerana mulai bulan Oktober hingga Disember merupakan musim tengkujuh, muara sungai berombak dan hujan lebat yang akan membawa lumpur daripada hulu sungai. Jadual asal pengagihan benih ternakan adalah pada awal hingga pertengahan tahun tetapi sebaliknya telah diagihkan pada akhir tahun. Adalah didapati pengagihan benih dan makanan ternakan pada pusingan pertama adalah tidak sama rata dan belum mencapai bilangan keseluruhan yang sepatutnya diterima. Semakan Audit pada akhir tahun 2007 mendapati daripada 36,337 ekor benih ternakan yang telah diagihkan kepada peserta hanya 18,241 ekor masih hidup iaitu dengan kadar mortaliti sebanyak 50%, kesannya peserta mengalami lebihan makanan ternakan berbanding benih ternakan. Justeru itu, adalah didapati daripada 1,050 beg atau 21,000 kilogram makanan ternakan yang telah diagihkan kepada peserta, sebahagian daripadanya telah dijualkan oleh 7 peserta di Sematan seperti yang dibangkit dalam minit mesyuarat bulanan PELITA dengan peserta. Berikutan itu, setiap peserta tersebut telah dikeluarkan surat amaran oleh pihak PELITA. Sehubungan

itu, peserta yang terbabit juga membuat pengakuan yang sama semasa temu bual dengan pegawai Jabatan Audit Negara pada 13 Disember 2007. Alasan yang diberikan oleh peserta terbabit adalah kerana bekalan makanan ternakan tersebut terlebih dibekalkan dan menyebabkan tiada ruang untuk menyimpan bekalan tersebut.

Lawatan Audit juga dibuat ke lokasi projek di Awat-Awat pada pertengahan bulan September 2007 dan adalah didapati bekalan benih dan makanan ternakan belum diagihkan kepada peserta. Pelawaan tender untuk pembekalan benih dan makanan ternakan juga belum dibuat kerana pembinaan sangkar belum disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan. Butiran lanjut mengenai Jadual Pengagihan Benih Dan Makanan Ternakan Kepada Peserta Di Sematan Dan Awat-Awat adalah seperti di **Jadual 70**.

Jadual 70
Jadual Pengagihan Benih Dan Makanan Ternakan
Kepada Peserta Di Sematan Dan Awat-Awat

Bil.	Lokasi Projek	2007											
		Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
1.	Sematan	/	/	/	/					♦	♦	♦	
2.	Awat-Awat			/	/	/	/						

Sumber: Jadual Kerja PELITA Bagi Tahun 2006 Dan 2007

Catatan: / Pengagihan benih dan makanan ikan kepada peserta seperti dirancang
♦ Pengagihan benih dan makanan ikan kepada peserta yang sebenar

Pada pendapat Audit, prestasi program adalah tidak memuaskan kerana kaedah pemilihan peserta tidak dibuat secara konsisten bagi setiap projek. Manakala pengagihan benih dan makanan ternakan kepada peserta tidak dibuat mengikut jadual yang ditetapkan dan pembekalan makanan ternakan tidak dibuat mengikut keperluan.

30.2.5 Pelaksanaan Komponen Program

Keputusan untuk melantik PELITA sebagai pelaksana terhadap keseluruhan komponen Program telah dinyatakan dalam surat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak rujukan JKM.P/11/006/03 bertarikh 24 November 2005. Kerja yang dilaksanakan oleh PELITA hendaklah meliputi keseluruhan komponen Program. Adalah didapati komponen yang telah dilaksanakan hanya meliputi Penternakan Ikan Dalam Sangkar dan Pembangunan Sumber Manusia. Manakala Penternakan Ikan Dalam Sistem Kolam Terbuka, Penternakan Ketam Dalam Kandang, Pendedahan Terhadap ICT dan Penyenggaraan, Operasi serta Pengurusan Program masih belum lagi dilaksanakan.

a) Penternakan Ikan Dalam Sangkar

Penternakan Ikan Dalam Sangkar merupakan satu daripada komponen utama Program Akuakultur Air Payau. Merujuk kepada perancangan Lembaga, setiap peserta akan diberi 4 sangkar bersaiz 3 meter x 3 meter x 3 meter. Semakan Audit

mendapati setiap peserta Projek Penternakan Ikan Dalam Sangkar telah diberikan 12 unit sangkar bersaiz 3 meter x 3 meter x 2 meter bersama 1 pelantar kerja yang diberikan secara pinjaman seperti dalam Syarat-syarat Tawaran Pinjaman Projek Akaukultur Ternakan Ikan Dalam Sangkar. Mereka juga bakal dibekalkan sebanyak 500 benih ternakan bersaiz 3 inci bagi setiap sangkar untuk pusingan pertama dan makanan ternakan pejal tambahan sebanyak 500 kilogram atau 25 beg setiap sangkar dan latihan serta kursus yang wajib dihadiri oleh setiap peserta. Mengikut perjanjian peserta, bantuan diserahkan kepada peserta projek secara berperingkat mengikut jadual yang dirancangkan oleh PELITA. Butiran lanjut penyerahan bantuan adalah seperti di **Jadual 71**.

Jadual 71

Pelaksanaan Komponen Program Akuakultur Air Payau Setakat Bulan Disember 2007

Bil.	Komponen Program	Jenis Kerja	Jadual Tempoh Siap Pelaksanaan Kerja		Catatan
			Rancangan	Sebenar	
1.	Ternakan Ikan Dalam Sangkar a) Projek di Sematan	Pembinaan sangkar	Sept 2006	Feb 2007	Kontrak ditawarkan pada bulan Mei 2006. Tempoh kelewatan adalah 5 bulan disebabkan sebanyak 5 Arahan Perubahan Kerja berjumlah RM57,796 telah dikeluarkan oleh Pegawai Pemantau Projek dan telah diluluskan oleh Pengurus Besar PELITA.
		Pemilihan peserta	April 2006	Julai 2006	Tempoh kelewatan adalah 3 bulan.
		Bekalan peralatan - pukat	Tidak dinyatakan	Sept 2006	
		Penyerahan sangkar kepada peserta	Oktober 2006	Mei 2007	Tempoh kelewatan adalah 7 bulan.
		Bekalan benih ternakan	Jan – April 2007	Sept – Nov 2007	Tempoh kelewatan adalah antara 8 hingga 10 bulan. Pengagihan benih ikan telah dibuat secara berperingkat mulai akhir bulan September 2007.
		Bekalan makanan ternakan	Jan – April 2007	Sept – Nov 2007	Tempoh kelewatan adalah antara 8 hingga 10 bulan. Pengagihan makanan ikan telah dibuat secara berperingkat mulai akhir bulan September 2007.
	b) Projek di Awat-Awat	Pembinaan sangkar	Jan 2007	Sept 2007	Kontrak ditawarkan pada bulan Jun 2006. Tempoh kelewatan adalah 8 bulan disebabkan perlanjutan masa yang diluluskan oleh PELITA.
		Pemilihan Peserta	April 2006	Julai 2006	Tempoh kelewatan adalah 3 bulan.
		Bekalan Peralatan - pukat	Tidak dinyatakan	April 2007	
		Penyerahan sangkar kepada peserta	Tidak dinyatakan	Belum dilaksanakan	
		Bekalan benih ternakan	Mac- Jun 2007	Belum dilaksanakan	
		Bekalan makanan ternakan	Mac- Jun 2007	Belum dilaksanakan	
2.	Ternakan Ikan Dalam Sistem Kolam Terbuka a) Projek di Pulau Bruit	Pembinaan kolam	Ogos 2006	Belum dilaksanakan	Projek masih di peringkat survei terhadap tapak projek dan penyediaan pelan reka bentuk kolam.
3.	Ternakan Ketam Dalam Kandang a) Projek di Sematan	Pembinaan kandang	Tidak dinyatakan	Belum dilaksanakan	Projek masih di peringkat survei terhadap tapak projek dan penyediaan pelan reka bentuk kandang.
		Pemilihan peserta	April 2006	Julai 2006	Tempoh kelewatan adalah 3 bulan.
4.	Pembangunan Sumber Manusia a) Projek di Sematan b) Projek di Awat-Awat c) Projek di Pulau Bruit		 Mac 2006 Mac 2006 Mei 2006	 Sept. 2006 Mac 2006 Belum dilaksanakan	Dua kursus asas ternakan ikan dalam sangkar telah dianjurkan pada tahun 2006.
5.	Pendedahan Terhadap ICT		Tidak dinyatakan	Belum dilaksanakan	Belum dapat dilaksanakan kerana pelaksanaan program belum dapat dijalankan sepenuhnya.
6.	Penyenggaraan, Operasi Dan Pengurusan Program		Tidak dinyatakan	Belum dilaksanakan	Belum dapat dilaksanakan kerana pelaksanaan program belum dapat dijalankan sepenuhnya.

Sumber: Rekod Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah

Semakan Audit mendapati semua bantuan tidak dapat diberikan kepada peserta projek mengikut jadual yang dirancang disebabkan pembinaan sangkar belum siap sepenuhnya seperti dijadualkan. Mengikut rekod PELITA, seramai 14 peserta Projek Penternakan Ikan Dalam Sangkar di Sematan telah menandatangani dokumen pengesahan penerimaan sangkar pada tempoh bulan Mei hingga Julai 2007. Manakala Sijil Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan kepada kontraktor oleh PELITA pada pertengahan bulan Jun 2007. Lawatan Audit ke lokasi projek di Sematan pada akhir bulan Jun 2007 mendapati kesemua 168 sangkar yang berada di lokasi yang ditetapkan oleh PELITA telah siap dibina. Bagaimanapun, adalah didapati ruang udara untuk stor yang dibina di atas setiap sangkar masih belum dibuat seperti dikehendaki oleh PELITA semasa lawatan pemantauan projek pada 4 April 2007. Sebagai langkah bagi mengelakkan pertambahan kos, Lembaga dan PELITA bersetuju supaya ruang udara tersebut dibuat oleh peserta projek kerana ia tidak dimasukkan dalam perjanjian kontrak. Oleh itu, PELITA telah mengeluarkan arahan supaya pembinaan ruang udara dibuat sendiri oleh peserta projek. Perbandingan stor yang dibina pada sangkar di Sematan dan Awat-Awat adalah seperti di **Foto 95** dan **Foto 96**.

Foto 95
Ruangan Udara Tidak Dibina
Pada Stor Di Sematan



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 13 Disember 2007
Lokasi : Projek Penternakan Ikan Dalam Sangkar Di Sematan

Foto 96
Ruangan Udara Yang Telah Dibina
Pada Stor Di Awat-Awat



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 11 September 2007
Lokasi : Projek Penternakan Ikan Dalam Sangkar Di Awat-Awat

Semakan Audit seterusnya mendapati syarat tambahan yang dikehendaki bagi Lesen Ternakan Ikan Dalam Sangkar seperti pemasangan bendera merah atau lampu bagi mengelak halangan laluan bot/kapal tidak dibuat dan nombor lesen juga tidak dipamerkan di kawasan sangkar oleh peserta projek. Sehubungan itu, adalah didapati PELITA hanya mengeluarkan surat arahan kepada peserta di Sematan bagi pemasangan bendera merah, lampu dan lesen di kawasan sangkar pada bulan Mac 2008 iaitu selepas isu ini dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara.

Hasil temu bual Audit dengan peserta juga mendapati benih dan makanan ternakan belum lagi diagihkan kepada peserta seperti yang dijadualkan. Sangkar ikan di lokasi Projek Penternakan Ikan Dalam Sangkar Sematan yang belum diagihkan dengan benih ikan mengikut jadual adalah seperti di **Foto 97**.

Foto 97
Sangkar Ikan Di Lokasi Projek Akuakultur Sematan Yang Sudah Siap Dibina Tetapi Belum Diagihkan Dengan Benih Ikan



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 20 Jun 2007
Lokasi : Projek Penternakan Ikan Dalam Sangkar Di Sematan

Lawatan Audit ke lokasi projek di Sematan pada pertengahan bulan Jun dan akhir bulan September 2007 mendapati penyerahan benih dan makanan ternakan telah dibuat secara berperingkat mulai akhir bulan September 2007. Sebahagian daripada benih ternakan yang telah dimasukkan ke dalam sangkar ikan seperti di **Foto 98**.

Foto 98
Sangkar Ikan Di Lokasi Projek Akuakultur Sematan
Yang Sebahagiannya Telah Diisikan Dengan Benih Ternakan



Sumber: Foto Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah
Tarikh : 24 September 2007
Lokasi : Projek Penternakan Ikan Dalam Sangkar Di Sematan

Lawatan Audit juga dibuat ke lokasi projek di Awat-Awat pada pertengahan bulan September 2007 dan adalah didapati kesemua 480 sangkar telah dibina tetapi belum siap sepenuhnya. Selain itu, adalah didapati kesemua 480 sangkar bagi Projek Penternakan Ikan Dalam Sangkar di Awat-Awat belum diletakkan di lokasi yang ditetapkan oleh PELITA. Sangkar yang diletakkan di laluan masuk laut adalah seperti di **Foto 99**.

Foto 99
Sangkar Ikan Yang Belum Diletakkan Di Lokasi Yang Ditetapkan



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 11 September 2007
Lokasi : Projek Penternakan Ikan Dalam Sangkar Di Awat-Awat

Semakan Audit seterusnya mendapati PELITA telah menerima 3 salinan Laporan Polis bertarikh 27 November 2007 berkenaan Aduan Kerosakan Sangkar Ikan telah dibuat oleh 3 penternak ikan dalam sangkar secara individu terhadap projek di Awat-Awat. Antara kandungan laporan tersebut adalah aduan mengenai sangkar ikan hak milik persendirian yang telah hanyut dan rosak dirempuh oleh sangkar ikan di bawah Program ini melibatkan kerugian yang dianggarkan sejumlah RM87,000. Menurut PELITA, perkara di atas berlaku adalah disebabkan kejadian alam semula jadi (force majure). Sehingga akhir tahun 2007, PELITA masih belum mengambil keputusan untuk membayar ganti rugi dengan alasan perkara tersebut berlaku disebabkan kejadian alam semula jadi.

Bagaimanapun, lawatan Audit ke lokasi projek di Awat-Awat pada 12 Mac 2008 mendapati kesemua 480 sangkar telah diletakkan di lokasi yang ditetapkan oleh PELITA seperti di **Foto 100**.

Foto 100
Sangkar Ikan Yang Telah Diletakkan Di Lokasi Yang Ditetapkan



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 12 Mac 2008
Lokasi : Projek Penternakan Ikan Dalam Sangkar Di Awat-Awat

i) Kemajuan Kerja

Lembaga bertanggungjawab untuk memastikan sistem perolehan, pengurusan kontrak dan pelaksanaan kerja bagi pembekalan pukat dan pembinaan sangkar serta kandang dilaksanakan seperti yang dirancang.

- **Perolehan Kerja**

  Lembaga telah membelanjakan sejumlah RM599,325 bagi kerja menjalankan survei terhadap tapak projek dan pembinaan sangkar ikan (termasuk pukat) pada tahun 2006 dan sejumlah RM1.63 juta bagi tahun

2007. Berikut adalah jumlah sebenar perbelanjaan mengikut projek seperti di **Jadual 72**.

Jadual 72
Perbelanjaan Sebenar Bagi Kerja Menjalankan Survei, Membekal Pukat Dan Pembinaan Sangkar Ikan Bagi Tempoh 2006 Dan 2007

Lokasi Projek	Tahun	
	2006 (RM)	2007 (RM)
Sematan	352,575	517,517
Awat-Awat	237,823	1,069,567
Pulau Bruit	8,927	47,533
Jumlah	**599,325**	**1,634,617**

Sumber: Laporan Perbelanjaan PELITA Bagi Tahun 2006 Dan 2007

Kerja menjalankan survei dan membina sangkar dibuat melalui perolehan secara sebut harga dan tender. Sehingga akhir tahun 2007 sebanyak 2 sebut harga berjumlah RM63,000 telah dikeluarkan bagi perolehan membuat survei ke atas tapak Projek Penternakan Ketam Dalam Kandang dan Penternakan Ikan Dalam Sistem Kolam Terbuka. Semakan Audit terhadap sebut harga tersebut mendapati proses sebut harga telah dilaksanakan mengikut prosedur dan peraturan yang telah ditetapkan. Manakala sebanyak 2 tender pula telah ditawarkan berjumlah RM1.69 juta bagi pembinaan sangkar ikan (termasuk pukat) di Sematan dan Awat-Awat. Semakan Audit terhadap tender tersebut mendapati proses tender telah dibuat mengikut prosedur dan peraturan yang telah ditetapkan. Selain itu, tender tersebut juga telah diluluskan oleh Jawatankuasa Kewangan, Tender Dan Pelaburan PELITA.

- **Pengurusan Kontrak**

  Sehingga akhir tahun 2007, Lembaga melalui agen pelaksana telah memeterai 2 perjanjian kontrak berjumlah RM1.69 juta dengan 2 kontraktor tempatan untuk membekal 1,620 buah pukat dan membina 648 unit sangkar ikan termasuk 54 stor dan pelantar kerja di lokasi projek Sematan dan Awat-Awat. Syarat perjanjian kontrak menetapkan jika didapati ada kerja, barangan atau pertukangan tidak mengikut spesifikasi kerja ia diklasifikasi sebagai kerja yang mempunyai kecacatan dan perlu ditukarkan dan diganti di mana sebarang tuntutan oleh kontraktor tidak akan dibayar. Semakan Audit mendapati kerja pembinaan dan penyiapan sangkar ikan di Awat-Awat yang dijalankan oleh Syarikat Zakaria Yew Construction lewat disiapkan disebabkan jenis kayu yang digunakan tidak mengikut spesifikasi kontrak. PELITA telah mendapatkan bantuan daripada Perbadanan Hutan Sarawak untuk membuat ujian ke atas kayu yang telah digunakan. Maklum balas daripada Perbadanan Hutan Sarawak pada bulan Mac 2007 mendapati secara keseluruhannya jenis

kayu yang digunakan tidak mengikut spesifikasi kontrak. PELITA telah mengarahkan kontraktor terbabit menukar ganti kayu tersebut.

Semasa lawatan Audit ke lokasi projek pada pertengahan bulan September 2007 mendapati pihak kontraktor masih dalam proses kerja menukar dan menggantikan kayu yang digunakan bagi pembinaan sangkar ikan. Temu bual dengan pekerja Syarikat tersebut mendapati peserta bagi Projek Penternakan Ikan Dalam Sangkar di Awat-Awat telah memilih terlebih dahulu sangkar sedangkan PELITA masih belum mengenal pasti sangkar mengikut peserta dan penyerahan sangkar tersebut juga belum dibuat. Oleh itu, Syarikat menghadapi masalah kerana terpaksa melayan pelbagai permintaan peserta. Selain itu, pegawai PELITA yang bertanggungjawab terhadap Projek Penternakan Ikan Dalam Sangkar juga tidak memaklumkan kepada Syarikat dan Ketua Kampung bahawa sangkar yang dibina akan diagihkan mengikut keputusan oleh Lembaga dan bukannya mengikut pilihan masing-masing.

- **Perjanjian Kontrak**

  Satu perjanjian kontrak yang formal perlu disediakan bagi memelihara kepentingan kedua belah pihak. Perkara utama yang terkandung dalam perjanjian kontrak adalah Artikel Perjanjian, Surat Setuju Terima, Syarat Am Kontrak, Harga Kontrak, Spesifikasi Kerja, Insurans dan Jadual Kadar Harga. Semakan Audit mendapati sehingga akhir bulan Disember 2007, PELITA telah memeterai 2 perjanjian kontrak dengan 2 kontraktor tempatan untuk Projek Penternakan Ikan Dalam Sangkar berjumlah RM371,106 di Sematan dan sejumlah RM1.32 juta di Awat-Awat. Perjanjian kontrak adalah jelas, lengkap dan merangkumi Syarat Am Kontrak, Spesifikasi Kerja, Insurans, Lukisan dan Pelan Kontrak, Jaminan Kualiti dan Harga Kontrak. Semakan Audit mendapati PELITA telah menetapkan Projek Penternakan Ikan Dalam Sangkar di Sematan hendaklah disiapkan dalam tempoh 4 bulan dari tarikh penyerahan tapak kepada kontraktor. Manakala bagi projek di Awat-Awat, tempoh selama 7 bulan telah ditetapkan. Tempoh Tanggungan Kecacatan ditetapkan selama 12 bulan dari tarikh Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Sekiranya kontraktor gagal menyiapkan kerja dalam tempoh tersebut atau selepas lanjutan masa yang diluluskan, *Liquidated and Ascertained Damages* sejumlah RM2,500 seminggu akan dikenakan.

  Kontraktor telah mengemukakan Jaminan Bank sebanyak 5% daripada harga kontrak iaitu masing-masing berjumlah RM18,555 bagi projek di Sematan dan sejumlah RM65,758 untuk projek di Awat-Awat sebelum memulakan kerja pembinaan. Pemeriksaan Audit mendapati kontrak bagi pembinaan sangkar ikan di Sematan telahpun diserahkan kepada

kontraktor pada bulan Mei 2006 dan dijangka siap pada bulan September 2006. Manakala kontrak bagi pembinaan sangkar ikan di Awat-Awat pula telah diserahkan kepada kontraktor pada bulan Jun 2006 dan dijangka siap pada bulan Januari 2007. Semakan Audit seterusnya mendapati pembinaan sangkar ikan di Sematan hanya dapat disiapkan pada bulan Februari 2007 iaitu kelewatan selama 5 bulan daripada tempoh yang ditetapkan. Kelewatan tersebut adalah disebabkan oleh perubahan kerja yang telah dikeluarkan oleh PELITA. Sebanyak 4 Arahan Perubahan Kerja telah dikeluarkan mengenai kerja tambahan, tambahan kayu jenis Selangan Batu untuk digunakan sebagai laluan peserta di sangkar, tambahan kayu jenis Selangan Batu yang digunakan untuk melindungi dram dan tambahan dram dan tali sauh. Keseluruhan Arahan Perubahan Kerja adalah sejumlah RM57,796 dan telah diluluskan oleh Pengurus Besar PELITA.

Semakan Audit seterusnya mendapati Sijil Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan bagi Projek Penternakan Ikan Dalam Sangkar di Sematan pada pertengahan bulan Jun 2007. Manakala Sijil Perakuan Siap Kerja bagi kontrak pembinaan sangkar ikan di Awat-Awat hanya dikeluarkan pada 28 Januari 2008. Kelewatan pembinaan sangkar bagi Projek Penternakan Ikan Dalam Sangkar di Awat-Awat adalah disebabkan perlanjutan masa yang telah diluluskan oleh PELITA. Perlanjutan masa tersebut diperlukan untuk membuat ujian terhadap kayu yang telah digunakan oleh kontraktor, proses kerja bagi menukar dan menggantikan kayu yang tidak mengikut spesifikasi kerja dan tambahan kerja bagi membekal dan memasang dram tambahan, pemberat dan menyediakan kayu jenis Selangan Batu untuk digunakan sebagai laluan peserta di sangkar.

Kontraktor juga telah mengambil Insurans *Third Party dan Workman Compensation Policies* bagi melindungi tuntutan pampasan oleh mana-mana pihak. Pihak PELITA juga bersetuju untuk mengeluarkan bayaran minimum sejumlah RM150,000 bagi setiap tuntutan Kemajuan Kerja Projek oleh pihak kontraktor. Perjanjian kontrak tersebut, pada umumnya telah disediakan dengan lengkap dan teratur serta butiran syarat kontrak adalah memadai untuk menjamin kepentingan PELITA.

b) Penternakan Ikan Dalam Sistem Kolam Terbuka

Penternakan Ikan Dalam Sistem Kolam Terbuka juga merupakan satu daripada komponen program yang dirancang. Bagaimanapun, komponen ini belum dapat dilaksanakan sepenuhnya. Lokasi projek yang telah dipilih adalah Zon Tengah bertempat di Pulau Bruit, Mukah dan masih di tahap proses membuat survei tapak yang dicadangkan. Seramai 20 peserta telah mengemukakan permohonan mereka

berserta dengan keluasan tanah sebanyak 48,441 hektar untuk diberi pertimbangan sewajarnya oleh PELITA.

c) Penternakan Ketam Dalam Kandang

Hutan bakau di negeri Sarawak secara amnya tidak dieksploitasi secara meluas dan ia merupakan kawasan tumbuhan liar yang paling terpelihara dan terjaga seperti yang boleh dilihat di Taman Negara Bako. Hutan bakau berpotensi tinggi untuk pembiakan ketam bakau di Malaysia amnya dan di Sarawak khasnya. Akuakultur ketam jenis ini dalam hutan bakau adalah sesuatu yang baru di Malaysia. Ia mula diperkenalkan oleh Jabatan Pertanian Sarawak pada tahun 1992. Penyelidikan dan pembangunan lanjutan juga telah dijalankan oleh Kumpulan Muhandis dan Jabatan Pertanian Sarawak pada tahun 2000 untuk membangunkan dan memperbaiki teknologi pembiakan ketam bakau yang diguna pakai terdahulu bagi pembiakan ketam dalam hutan bakau.

Semakan Audit terhadap pelaksanaan Projek Penternakan Ketam Dalam Kandang mendapati Projek ini belum dilaksanakan lagi. Bagaimanapun, pemilihan peserta bagi Projek ini telah dibuat pada bulan Julai 2006. Sehingga 31 Disember 2007, pembinaan infrastruktur bagi Projek ini masih belum dibuat. Lokasi projek yang dirancang adalah Zon Selatan bertempat di Sematan, Lundu. Pelaksanaan projek hanya pada tahap survei tapak projek dan penyediaan pelan reka bentuk kandang yang dicadangkan. Lawatan Audit pada awal bulan Disember 2007 mendapati lokasi bagi pembinaan kandang ketam adalah bersebelahan dengan tapak penyelidikan Kumpulan Muhandis dan Jabatan Pertanian Sarawak. Berikut adalah tapak bagi Projek Penternakan Ketam Dalam Kandang seperti di **Foto 101** dan **Foto 102**.

Foto 101
Cadangan Tapak Projek Penternakan Ketam Dalam Kandang Di Sematan Yang Masih Di Peringkat Survei



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 13 Disember 2007
Lokasi : Projek Penternakan Ketam Dalam Kandang Di Sematan

Foto 102
Lokasi Projek Bersebelahan Dengan Bekas Tapak Penyelidikan Ketam Kumpulan Muhandis Dan Jabatan Pertanian Sarawak



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 13 Disember 2007
Lokasi : Projek Penternakan Ketam Dalam Kandang Di Sematan

d) Pembangunan Sumber Manusia

Pembangunan sumber manusia sebagai satu daripada komponen Program melibatkan kursus dan latihan yang diberikan kepada peserta projek. Semakan Audit mendapati pada tahun 2006, PELITA dengan kerjasama agensi lain telah menganjurkan 2 kursus asas penternakan ikan dalam sangkar bagi seramai 53 peserta projek dengan perbelanjaan sejumlah RM9,444. Semakan Audit seterusnya mendapati tiada kursus dan latihan secara khusus diberikan kepada pegawai PELITA bagi tujuan Program Akuakultur Air Payau yang melibatkan pelbagai komponen dan pengetahuan asas yang meluas untuk kesemua komponen tersebut. Temu bual dengan pegawai PELITA mendapati mereka tidak mempunyai pengalaman dalam bidang Penternakan Ikan Dalam Sangkar mahupun Penternakan Ketam Dalam Kandang dan mempunyai latar belakang berbeza seperti Teknologi Maklumat dan Pertanian. Manakala temu bual dengan Pegawai Projek Lembaga juga mengesahkan bahawa pegawai PELITA tidak mempunyai asas dalam bidang akuakultur sedangkan Program Akuakultur Air Payau merupakan Program di peringkat kebangsaan dan memerlukan mereka yang mahir untuk membimbing peserta.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan komponen Program adalah tidak memuaskan kerana pelaksanaan sebenar setiap komponen tidak mengikut perancangan. Oleh itu, peserta masih pada taraf kehidupan sebelum Program ini dan objektif Program ini dibangunkan masih belum dicapai. Manakala komponen Program berkaitan dengan Pendedahan Terhadap ICT dan Penyenggaraan, Operasi Dan Pengurusan Program masih belum dilaksanakan bagi melengkapkan

keseluruhan objektif Program. Latihan secara berterusan bagi membimbing peserta mengenai Program ini tidak disediakan.

30.2.6 Prestasi Kewangan

Prestasi kewangan dikaji dari segi pengagihan peruntukan yang telah diluluskan dan jumlah perbelanjaan dibuat. Peruntukan bagi Program Akuakultur Air Payau diterima daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah dan disalurkan kepada Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak. Manakala pelaksanaan Program pula telah dijalankan oleh PELITA dan bayaran dibuat secara sekaligus.

a) Peruntukan Kewangan Yang Diluluskan

Peruntukan kewangan yang telah diluluskan di bawah RMK8 bagi Program Akuakultur Air Payau di 3 zon adalah sejumlah RM7.22 juta dan Program ini disambung di bawah RMK9 dengan kelulusan peruntukan tambahan sejumlah RM3 juta menjadikan keseluruhan peruntukan adalah sejumlah RM10.22 juta. Peruntukan kewangan diterima dalam bentuk geran daripada Kerajaan Persekutuan.

b) Peruntukan Kewangan Diterima Dan Dibelanja

Pada pertengahan bulan November 2005, PELITA telah menerima sejumlah RM1 juta daripada Lembaga bagi melaksanakan Program Akuakultur Air Payau di Sematan. Manakala peruntukan bagi Program Akuakultur Air Payau di Awat-Awat dan Pulau Bruit masing-masing berjumlah RM1 juta telah diterima pada pertengahan bulan April 2006. Sehingga akhir bulan Disember 2007, PELITA telah membelanjakan sejumlah RM1.64 juta atau sebanyak 54.7% daripada peruntukan yang diterima bagi melaksanakan Program tersebut. Peruntukan yang diterima berbanding perbelanjaan sebenar sehingga akhir bulan Disember 2007 adalah seperti di **Jadual 73**.

Jadual 73
Peruntukan Yang Diterima Dan
Perbelanjaan Sebenar Bagi Tempoh 2005 Hingga 2007

Projek	Peruntukan Dimohon Oleh Lembaga (RM Juta)	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Peruntukan Diterima Oleh PELITA (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)	Baki (RM Juta)	Peratusan (%)
Akuakultur Di Sematan	10.00	2.80	1.00	0.52	0.48	52
Akuakultur Di Awat-Awat	10.00	4.62	1.00	1.07	(0.07)	107
Akuakultur Di Pulau Bruit	10.00	2.80	1.00	0.05	0.95	5
Jumlah	**30.00**	**10.22**	**3.00**	**1.64**	**1.36**	**54.7**

Sumber: Laporan Kemajuan Kewangan Dan Fizikal Projek Akuakultur PELITA 2007

Analisis Audit mendapati perbelanjaan yang telah dibuat daripada Projek Penternakan Ikan Dalam Sangkar di Awat-Awat telah melebihi peruntukan yang diterima sejumlah RM69,567 atau sebanyak 7%. Bagaimanapun, perbelanjaan

yang dibuat secara keseluruhannya sehingga akhir bulan Disember 2007 tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan. Selain itu, Laporan Kemajuan Kewangan Dan Fizikal Projek Akuakultur telah disediakan oleh PELITA dan dikemukakan kepada Lembaga bagi tujuan pemantauan di peringkat Lembaga dan untuk perbincangan di peringkat Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah.

Pada pendapat Audit, pengurusan terhadap peruntukan kewangan Lembaga adalah memuaskan kerana perbelanjaan tidak melebihi peruntukan secara keseluruhannya.

30.2.7 Guna Tenaga Dan Latihan

Bagi memastikan pelaksanaan Program Akuakultur Air Payau berjalan dengan lancar, Lembaga telah merangka keperluan guna tenaga berdasarkan struktur pengurusan seperti berikut:

a) Guna Tenaga

Lembaga tidak mempunyai pegawai berjawatan tetap yang menjalankan pengurusan dan pentadbiran Program Akuakultur Air Payau. Urusan pentadbiran harian Lembaga diserahkan kepada Kementerian Kemajuan Tanah Sarawak yang diketuai oleh Setiausaha Tetap Kementerian Gred VU7. Manakala urusan kewangan pula dijalankan oleh Akauntan Gred W41 dari Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah secara pinjaman dan urusan operasi aktiviti/projek yang sedia ada pula dijalankan oleh Pengurus Projek yang dilantik secara kontrak. Pegawai yang bertanggungjawab di PELITA pula sebagai agen pelaksana adalah diketuai oleh Pengurus Besar. Manakala Bahagian Pembangunan Hartanah diketuai oleh Pengurus Kanan dan dibantu oleh 3 Pegawai Pemantau mewakili 3 Wilayah. Selain itu, Bahagian Perancangan Korporat pula diketuai oleh Pengurus Kanan dan dibantu oleh seorang pengurus projek di bawah Perancangan Agro dan 3 pegawai yang memantau setiap projek akuakultur. Semakan Audit mendapati Pengurus Projek bagi pihak Lembaga tidak mampu untuk melaksanakan pemantauan terhadap kesemua projek yang sedia ada. Memandangkan beliau juga terlibat dalam Projek Penanaman Mini Kelapa Sawit, Pembangunan Tanah Hak Adat Bumiputera dan pelbagai projek di bawah Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak. Manakala di pihak PELITA pula, pegawai yang mengurus projek kerap bertukar, tidak berpengalaman dan menjejaskan kelancaran proses kerja. Ini menyebabkan pegawai baru tidak mengetahui keseluruhan perkembangan projek dan perkara ini menimbulkan kesulitan di pihak peserta bagi membuat rujukan. Kesannya kerja tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual yang dirancangkan.

b) Latihan

Peningkatan kemahiran dan pengetahuan boleh diperoleh melalui latihan berterusan dan menghadiri kursus yang berkaitan. Pegawai Projek di PELITA yang terlibat secara langsung terhadap Program Akuakultur Air Payau telah menghadiri 2

kursus asas Penternakan Ikan Dalam Sangkar bersama dengan peserta projek pada tahun 2006. Selain itu, adalah didapati pada bulan Jun 2007 PELITA ada menyediakan lawatan sambil belajar untuk Pegawai Projek ke lokasi Projek Akuakultur Pulau Ketam di Selangor. Bagaimanapun, tiada kursus secara khusus disediakan kepada pegawai pemantau yang bertanggungjawab di setiap wilayah sedangkan komponen Program yang perlu dilaksanakan adalah melibatkan Penternakan Ikan Dalam Sangkar, Penternakan Ketam Dalam Kandang dan Penternakan Ikan Dalam Sistem Kolam Terbuka.

Pada pendapat Audit, pengurusan guna tenaga dan latihan di Lembaga adalah tidak memuaskan kerana seorang sahaja Pengurus Projek yang memantau pelbagai projek. Manakala guna tenaga dan latihan di PELITA juga tidak memuaskan kerana pegawai yang mengurus projek kerap bertukar, tidak berpengalaman dan menjejaskan proses kerja serta tiada kursus dan latihan secara khusus disediakan berkaitan dengan pengurusan Program Akuakultur Air Payau.

30.2.8 Penyelidikan Dan Pembangunan

Penyelidikan khusus tidak dijalankan bagi tujuan pelaksanaan Program Akuakultur Air Payau sama ada oleh Lembaga mahupun PELITA. Program dilaksanakan berdasarkan penyelidikan yang telah dibuat oleh Jabatan Pertanian Sarawak, Jabatan Perikanan Laut Sarawak dan penyelidik luar. Merujuk kepada penyelidikan secara usaha sama antara Kumpulan Muhandis dan Jabatan Pertanian Sarawak mendapati Projek Penternakan Ketam Dalam Kandang boleh dijalankan dengan jayanya kerana faktor persekitaran seperti keadaan semula jadi pembiakan ketam, pasang surut air, tahap kepanasan persekitaran dan jangka hayat kitaran hidup ketam serta penglibatan peserta. Projek Penternakan Ikan Siakap Dalam Sangkar di Kampung Tembaga Melayu, Sematan anjuran Jabatan Pertanian Sarawak pada tahun 1996 pula telah berjaya dilaksanakan selama 4 tahun dan terpaksa dihentikan operasinya pada tahun 1999 kerana infrastruktur telah rosak semasa musim tengkujuh. Selain itu, terdapat juga Projek Penternakan Ikan Siakap Dalam Sangkar di kawasan yang sama oleh Pertubuhan Peladang Kawasan Sematan yang telah diusahakan sejak tahun 2001 dengan teknologi yang lebih canggih iaitu menggunakan sangkar yang diperbuat daripada *hi density platform* tetapi projek tersebut telah gagal dan sehingga kini ia masih terbiar. Projek Penternakan Ikan Dalam Sangkar yang sedang dijalankan olen Lembaga akan mengalami keadaan yang sama sekiranya penyelidikan di peringkat awal dan secara berterusan tidak dilaksanakan. Bagaimanapun, pihak Lembaga boleh menjadikan projek serupa yang berjaya sebagai penanda aras bagi projek yang sedang dilaksanakan. Lawatan ke sangkar ikan Encik Abdul Rani yang merupakan peserta Projek Anak Angkat Jabatan Perikanan Laut Sarawak yang berjaya dan sangkar ikan Pertubuhan Peladang Kawasan Seri Gading, Lundu adalah seperti di **Foto 103** dan **Foto 104.**

Foto 103
Sangkar Ikan Encik Abdul Rani Di Bawah Projek Anak Angkat Jabatan Perikanan Laut Sarawak



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 20 Jun 2007
Lokasi : Projek Penternakan Ikan Dalam Sangkar Di Sematan

Foto 104
Bekas Sangkar Ikan Projek Penternakan Ikan Dalam Sangkar Oleh Pertubuhan Peladang Kawasan Seri Gading, Lundu



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 20 Jun 2007
Lokasi : Projek Penternakan Ikan Dalam Sangkar Di Sematan

Pada pendapat Audit, komponen penyelidikan dan pembangunan bagi Program ini tidak memuaskan kerana penyelidikan dan pembangunan khusus bagi setiap komponen Program tidak dijalankan secara menyeluruh. Lembaga dan PELITA hanya menguna pakai penyelidikan yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian Sarawak bagi penternakan ikan dalam sangkar dan penternakan ketam dalam kandang. Kejayaan Program ini amat bergantung kepada hasil penyelidikan dan pembangunan untuk menentukan kesesuaian masa bagi pengagihan benih ternakan dan jenis serta gred makanan ternakan.

25.2.9 Pencapaian Matlamat Program

Pencapaian matlamat program boleh diukur daripada aspek fizikal dan sosioekonomi. Aspek fizikal merangkumi pembinaan sangkar dan kolam yang telah diusahakan. Manakala aspek sosioekonomi pula merangkumi pendapatan yang telah dinikmati oleh peserta projek. Semakan Audit terhadap Laporan Kemajuan Kerja dan lawatan ke tapak projek mendapati pencapaian projek dari aspek fizikal adalah seperti di **Jadual 74.**

Jadual 74
Pencapaian Fizikal Bagi Tempoh 2006 Hingga 2007

Bil.	Lokasi Projek/ Jenis Ternakan	Peserta	Sangkar/ Kandang/ Kolam	Jenis Kerja	Pencapaian (%)
1.	Sematan – Ikan Dalam Sangkar	14	168 sangkar	Pembinaan sangkar	100
				Pemilihan peserta	100
				Latihan	100
				Bekalan peralatan - pukat	100
				Penyerahan sangkar kepada peserta	100
				Bekalan benih ternakan	43
				Bekalan makanan ternakan	25
	Sematan – Ketam Dalam Kandang	10	50 kandang	Reka bentuk pelan	100
				Pembinaan kandang	0
				Pemilihan peserta	100
				Latihan	0
				Bekalan peralatan	0
				Penyerahan kandang kepada peserta	0
				Bekalan benih ternakan	0
				Bekalan makanan ternakan	0
2.	Awat-Awat – Ikan Dalam Sangkar	40	480 sangkar	Pembinaan sangkar	100
				Pemilihan peserta	100
				Latihan	100
				Bekalan peralatan - pukat	100
				Penyerahan sangkar kepada peserta	0
				Bekalan benih ternakan	0
				Bekalan makanan ternakan	0
3.	Pulau Bruit – Ikan Dalam Kolam Terbuka	0	0	Reka bentuk pelan	0
				Pembinaan kolam terbuka	0
				Pemilihan peserta	0
				Latihan	0
				Bekalan peralatan - pukat	0
				Penyerahan sangkar kepada peserta	0
				Bekalan benih ternakan	0
				Bekalan makanan ternakan	0


Sumber: Laporan Kemajuan Kerja, PELITA

Semakan Audit mendapati pembinaan sangkar, pemilihan peserta, pemberian latihan kepada peserta dan bekalan peralatan kepada peserta bagi projek di Sematan dan Awat-Awat menunjukkan pencapaian 100%. Bagaimanapun, pembinaan sangkar, pemilihan peserta, pemberian latihan kepada peserta, bekalan peralatan dan penyerahan kolam kepada peserta bagi projek di Pulau Bruit belum menunjukkan sebarang pencapaian. Manakala penyerahan sangkar kepada peserta projek bagi projek di Sematan pula menunjukkan pencapaian 100%. Penyerahan bekalan benih dan makanan ternakan di Sematan menunjukkan pencapaian pada tahap 43% dan 25%. Manakala di Awat-Awat dan Pulau Bruit belum menunjukkan sebarang pencapaian.

Sebanyak 60 borang soal selidik untuk menilai Pelaksanaan Program Akuakultur Air Payau di 3 zon telah disediakan bagi mendapat maklum balas mengenai tahap pencapaian sosioekonomi. Temu bual berpandukan borang soal selidik telah dijalankan oleh pegawai Jabatan Audit Negara bersama dengan 60 peserta projek. Analisis Audit terhadap maklum balas daripada borang soal selidik mendapati kesemua responden

adalah berbangsa Melayu dalam lingkungan umur 27 hingga 74 tahun, mempunyai bilangan anak antara 2 hingga 12 orang dan memperolehi pendapatan kasar bulanan antara RM50 hingga RM30,000 serta melakukan perbelanjaan kasar bulanan berjumlah RM120 hingga RM25,000 yang mana 90% responden telah berkahwin, sebanyak 8% masih bujang dan 2% adalah duda. Adalah didapati sebanyak 80% responden mendiami rumah sendiri manakala 20% mendiami rumah keluarga atau menyewa. Sebanyak 31% daripada anak peserta telah mempunyai pekerjaan sendiri, manakala 79% daripada anak peserta tidak bekerja. Pekerjaan responden pula adalah sebagai nelayan iaitu sebanyak 90% dan selebihnya 10% adalah pelbagai pekerjaan. Selain itu, adalah didapati pemilihan peserta juga adalah daripada pelbagai tahap pendidikan seperti di **Carta 13**.


Carta 13
Tahap Pendidikan Peserta Program Akuakultur Air Payau



Sumber: Borang Soal Selidik Jabatan Audit Negara Sarawak

Analisis Audit juga mendapati sebanyak 97% responden mengetahui mengenai pelaksanaan Program Akuakultur Air Payau di mana sebanyak 51% responden mempunyai pengalaman dalam penternakan ikan dalam sangkar seperti di **Carta 14**. Bagi menjayakan program ini, sebanyak 83% responden telah diberi kursus asas penternakan ikan dalam sangkar berbanding 17% yang belum menghadiri sebarang kursus berkaitan.


Carta 14
Tahap Pengalaman Peserta Dalam Penternakan Ikan Dalam Sangkar



Sumber: Borang Soal Selidik Jabatan Audit Negara Sarawak

Kesemua responden mengaku bahawa pihak agen pelaksana ada membuat perbincangan mengenai perkembangan program dan menjalankan lawatan ke tapak projek tetapi tidak dapat menentukan kekerapan lawatan tersebut kerana responden tidak berada sepenuh masa di tapak projek. **Carta 15** di bawah menunjukkan tahap kepuasan peserta terhadap Program Akuakultur Air Payau.

Carta 15
Peratusan Tahap Kepuasan Peserta Terhadap Program Akuakultur Air Payau



Sumber: Borang Soal Selidik Jabatan Audit Negara Sarawak

Adalah didapati 25 peserta atau sebanyak 41% peserta yang tidak berpuas hati terhadap pengurusan Program Akuakultur Air Payau dengan memberi alasan bahawa proses pelaksanaan projek yang tidak mengikut jadual asal mengakibatkan penyerahan sangkar yang lambat dan pemilihan lokasi yang tidak sesuai. Ini adalah kerana lokasi yang dipilih terdedah kepada aliran air sejuk, terdapat ladang kelapa sawit di hulu sungai dan jauh dari tempat kediaman. Analisis Audit juga mendapati taraf sosioekonomi keluarga peserta projek masih belum menunjukkan sebarang peningkatan pendapatan hasil daripada program ini bahkan bertambah pula

perbelanjaan kasar bagi menampung kos minyak untuk pergi dan balik ke tapak projek. **Jadual 75** menunjukkan status pendapatan peserta projek. Cadangan untuk meningkatkan lagi pemantauan terhadap kemajuan program selepas penyerahan benih dan makanan ternakan, penyenggaraan sangkar dan peralatan dan penyediaan jalan raya ke tapak projek hendaklah dibuat.

Jadual 75
Status Pendapatan Peserta Projek

Pendapatan Kasar Bulanan (RM)	Bilangan Peserta	Peratusan (%)
Kurang dari 400	6	10
400 - 599	31	52
600 - 799	17	28
800 - 999	2	3
1,000 – 1,999	3	5
2,000 ke atas	1	2
Jumlah	**60**	**100**

Sumber: Borang Soal Selidik Jabatan Audit Negara Sarawak

Pada pendapat Audit, pencapaian matlamat program adalah tidak memuaskan kerana pelaksanaan Program tidak mengikut perancangan.

Pada keseluruhannya, pelaksanaan Program Akuakultur Air Payau tidak memuaskan kerana tidak dilaksanakan dengan teratur dan cekap. PELITA tidak memberi fokus kepada penggunaan garis panduan dan memberi perhatian terhadap guna tenaga dan latihan serta penyelidikan dan pembangunan asas penternakan ikan dalam sangkar dan kolam serta ketam dalam kandang secara menyeluruh. Pelaksanaan program lewat dan belum mencapai objektif yang ditetapkan.

30.3 PEMANTAUAN

Pemantauan yang rapi dan berkesan akan membantu kejayaan pelaksanaan Program. Pemantauan Program adalah dijalankan oleh Lembaga sebagai Pengurus Projek dan PELITA sebagai Agen Pelaksana.

30.3.1 Pemantauan Projek

Pemantauan keseluruhan Program Akuakultur Air Payau adalah menjadi tanggungjawab Pengurus Projek di peringkat Lembaga. Manakala di peringkat PELITA, Pegawai Projek akan memantau kemajuan kerja projek dengan mendapat Laporan Bulanan Kemajuan Kerja daripada kontraktor. PELITA telah menubuhkan *Technical Working Group* (TWG) dan dianggotai oleh Pengurus Projek Lembaga, wakil Jabatan Perikanan Laut dan wakil Jabatan Pertanian Sarawak. TWG telah ditubuhkan pada awal tahun 2006 bertujuan untuk memantau pelaksanaan keseluruhan program.

30.3.2 Mekanisme Pemantauan

Pemantauan program dijalankan melalui lawatan ke tapak projek, mesyuarat oleh TWG dan laporan yang disediakan.

a) Lawatan Ke Tapak Projek

Pengurus Projek Lembaga ada menjalankan pemantauan melalui lawatan yang dibuat mengikut keperluan ke tapak projek. Pegawai Projek PELITA juga ada menjalankan pemantauan melalui lawatan yang dibuat setiap bulan ke tapak projek. Bagaimanapun, Jadual Lawatan Kerja ke tapak projek tidak disediakan. Pegawai Projek membuat lawatan kerja ke tapak pada setiap bulan mengikut masa yang difikirkan perlu oleh pegawai.

b) Mesyuarat *Technical Working Group*

Semakan Audit mendapati sepanjang tempoh tahun 2006 hingga akhir bulan November 2007, *Technical Working Group* telah bermesyuarat sekali sahaja pada 19 Jun 2007. Agenda mesyuarat membincangkan mengenai status projek di Sematan, Awat-Awat dan Pulau Bruit termasuk pembinaan sangkar ikan, reka bentuk kandang ketam, reka bentuk kolam ikan, benih dan makanan ternakan serta strategi pemasaran. Jabatan Audit Negara tidak dapat memastikan kesinambungan agenda dan keputusan mesyuarat disebabkan hanya satu minit mesyuarat sahaja yang telah disediakan oleh PELITA.

c) Laporan Kemajuan Projek

Semakan Audit mendapati Bahagian Perancangan Agro telah menyediakan Laporan Kemajuan Kerja dan Laporan Kemajuan Kewangan Dan Fizikal Projek Akuakultur pada setiap bulan dan dikemukakan kepada Pengurus Projek Lembaga. Laporan Kemajuan Kerja yang disediakan telah menunjukkan keseluruhan kemajuan yang dicapai pada setiap bulan tetapi tidak lengkap di mana penemuan yang diperhatikan tidak dinyatakan termasuklah masalah yang dihadapi oleh peserta projek.

Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan yang diwujudkan oleh PELITA tidak memuaskan kerana pihak pengurusan kurang tegas terhadap keberkesanan mekanisme pemantauan tersebut. Laporan yang disediakan kurang lengkap dan kurang jelas dan tidak menunjukkan kemajuan sebenar termasuk pemerhatian, masalah dan cadangan yang diperlukan. Tindakan susulan terhadap laporan yang disediakan juga tidak diambil perhatian.

Pada keseluruhannya, pelaksanaan pemantauan di peringkat Lembaga dan PELITA tidak memuaskan kerana tidak dijalankan dengan teratur dan cekap. Manakala agen pemantauan dan mekanisme pemantauan yang diwujudkan tidak berupaya untuk menyokong pelaksanaan Program Akaukultur Air Payau di ketiga zon secara keseluruhannya.

31. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya pelaksanaan Program Akuakultur Air Payau yang diurus oleh Lembaga dan dilaksanakan oleh PELITA tidak memuaskan kerana kebanyakan komponen Program masih di peringkat pelaksanaan dan belum mencapai objektif program. Kelemahan yang dikenal pasti adalah dari segi pematuhan terhadap peraturan, garis panduan lewat disediakan, program kerja tidak dilaksanakan mengikut perancangan, pelaksanaan terhadap projek tidak dikawal dengan rapi, pemantauan kemajuan kerja di tapak projek tidak dijalankan lebih kerap, penyelidikan dan pembangunan berkenaan komponen Program tidak dibuat, guna tenaga yang kurang mahir dan tidak berkelayakan serta kekurangan kursus dan latihan di peringkat peserta, tindakan susulan terhadap laporan yang dikemukakan tidak dibuat dan mekanisme pemantauan yang diwujudkan tidak berkesan. Tindakan pembetulan di peringkat awal hendaklah diambil bagi menentukan kejayaan dan memastikan sasaran projek dapat dicapai. Justeru, bagi mempertingkatkan tahap pengurusan dan pelaksanaan Program supaya ia lebih cekap dan berkesan adalah disyorkan:

a) Memastikan Jadual Kerja yang dirancang telah dilaksanakan.

b) Memastikan pelaksanaan terhadap projek yang dijalankan dikawal dengan rapi untuk mengelakkan berlakunya pertambahan kos.

c) Penyelidikan dan pembangunan berterusan hendaklah dilaksanakan dan tumpuan utama hendaklah diberi kepada masalah asas penternakan ikan dalam sangkar dan sistem kolam terbuka serta ketam dalam kandang dibuat sebelum kerja pembinaan dan pembekalan ternakan dijalankan.

d) Memberi perhatian terhadap guna tenaga yang mencukupi dan latihan yang sesuai untuk menambahkan pengetahuan dan kemahiran pegawai dan peserta Program.

e) Tindakan susulan terhadap laporan yang disediakan perlu diambil perhatian.

f) Lembaga perlu mengkaji semula keberkesanan pemantauan yang telah ditubuhkan dan mekanisme yang telah diwujudkan.

g) Mencadangkan supaya program serupa bagi fasa seterusnya diserahkan kepada agensi yang mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam industri akuakultur.

MAJLIS PERBANDARAN SIBU

PROGRAM PENGINDAHAN DAN LANDSKAP BANDAR SIBU

32. LATAR BELAKANG

Majlis Perbandaran Sibu (Majlis) telah ditubuhkan pada tahun 1925 dan dikenali sebagai Lembaga Perbandaran Sibu. Pada awal tahun 1952, ia dinamakan sebagai Majlis Daerah Bandaran Sibu di bawah *Local Authorities Ordinance* (Bab 117) 1948. Majlis Daerah Bandaran Sibu telah distruktur semula dan dinaik taraf menjadi Majlis Perbandaran Sibu pada tahun 1981 dengan kawasan pentadbiran ditambah daripada 50 km persegi kepada 130 km persegi. Kawasan ini meliputi pusat bandar Sibu, Pasar Sungai Merah, tebing timur Batang Rejang termasuk Pulau Kerto hingga ke Km 10 Jalan Teku, Km 12 Jalan Oya dan Km 8 Jalan Salim. Jumlah penduduk dalam kawasan Majlis adalah seramai 210,118 orang penduduk berdasarkan bancian terakhir pada tahun 2000. Matlamat Majlis adalah untuk mengindahkan bandar dengan menanam pelbagai pokok dan melaksanakan kerja penyenggaraan terhadap landskap yang telah dibangunkan bagi menceriakan persekitaran bandar. Majlis bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan berkualiti kepada masyarakat Sibu termasuk pengurusan kemudahan awam. Antara peranan Majlis dalam bidang pengurusan kemudahan awam ialah penyediaan taman termasuk pengindahan bandar dan tapak semaian. Di bawah program pengindahan dan landskap bandar Sibu, Majlis dikehendaki melaksanakan kerja penyenggaraan landskap terhadap 24 taman dan 63 jalan.

Pada tahun 2005 hingga 2007, Majlis telah membelanjakan sejumlah RM11.33 juta atau 99.6% daripada peruntukan yang berjumlah RM11.38 juta untuk program pengindahan dan landskap bandar Sibu.

33. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada program pengindahan dan landskap yang dirancang telah dilaksanakan secara cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

34. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan merangkumi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap program pengindahan dan landskap yang dilaksanakan oleh Majlis bagi tempoh tahun 2005 sehingga 2007 dan rekod serta dokumen bagi tempoh tahun sebelumnya juga akan diperiksa sekiranya perlu. Tumpuan pengauditan adalah terhadap program pengindahan bandar dan landskap di 19 taman dan 49 jalan serta penanaman pokok di 5 kawasan di bawah Kempen Menanam Pokok Seluruh Negara yang dianjurkan oleh Jabatan Landskap Negara (JLN).

35. KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan di Majlis dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis data dan maklumat berdasarkan rekod, fail, dokumen perjanjian kontrak, minit mesyuarat dan dokumen lain yang berkaitan program ini. Di samping itu, lawatan tapak ke 16 taman, 25 jalan, 3 sekolah dan 2 Jabatan Kerajaan turut dibuat untuk meninjau pelaksanaan program secara fizikal. Temu bual dengan pegawai Majlis juga dibuat bagi mendapatkan kepastian dan pendapat pihak terbabit mengenai kedudukan terkini program ini. Sebanyak 150 soal selidik juga telah diedarkan kepada orang awam bagi mendapatkan pendapat dan cadangan.

36. PENEMUAN AUDIT

36.1 PERANCANGAN

Perancangan yang teliti dan tersusun adalah penting bagi memastikan matlamat sesuatu program dicapai dengan jayanya. Aspek perancangan yang dinilai meliputi perkara seperti berikut:

36.1.1 Dasar Kerajaan

Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia Negara Taman dan melahirkan masyarakat yang membudayakan pemeliharaan alam semula jadi. Dasar Landskap Negara bertujuan untuk menyediakan satu garis panduan berkenaan dengan pengurusan landskap di seluruh negara sedang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Landskap Negara.

Kerajaan Negeri Sarawak pula berhasrat untuk meningkatkan tahap hidup rakyatnya dan mempromosikan Sarawak sebagai satu destinasi pelancongan dengan menyediakan persekitaran yang indah, selesa dan selamat. Antara langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi merealisasikan hasrat ini adalah dengan memastikan semua bandar, pekan dan kawasan perumahan mempunyai landskap yang teratur, indah dan bersih. Majlis telah dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan Negeri untuk memikul tugas ini di bandar Sibu. Matlamat Majlis pula ialah untuk membangunkan landskap di bandar Sibu dengan lebih menyeluruh dan teratur di samping memelihara keseimbangan alam sekitar melalui perancangan landskap yang terancang. Langkah yang diambil oleh Majlis untuk mencapai matlamat ini ialah:

a) memastikan kawasan lapang, taman awam dan kemudahan rekreasi yang selamat, indah dan bersih;
b) meningkatkan pengetahuan dan kesedaran awam dalam pembangunan landskap melalui kerjasama dengan pihak Kerajaan, swasta dan Badan Bukan Kerajaan berkenaan dengan pembinaan taman rekreasi secara tajaan;
c) mengenal pasti saluran yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan perancangan, pembangunan dan pengurusan taman yang lebih berkesan;

d) mengekal dan memperkayakan sumber landskap untuk faedah generasi akan datang; dan

e) memastikan pembangunan industri landskap berdaya maju.

36.1.2 Undang-undang Dan Peraturan

Bagi memastikan pengurusan program pengindahan dan landskap dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai matlamatnya, undang-undang dan peraturan berikut telah diwujudkan dan diterima pakai oleh Majlis:

a) ***Local Authorities Ordinance, 1996***

Local Authorities Ordinance, 1996 telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sarawak pada 7 Mei 1996 bagi menggantikan *Local Authorities Ordinance, 1948*. Ordinan ini telah dikuatkuasakan dan diwartakan melalui Warta Kerajaan Negeri Sarawak pada 30 Mei 1996. Seksyen dalam Ordinan ini yang berkaitan secara langsung dengan program pengindahan dan landskap ialah Seksyen 139 yang menyatakan bahawa adalah menjadi tanggungjawab Majlis untuk menyenggara taman awam dan kawasan hijau dalam kawasan pendtadbirannya.

b) ***The Local Authorities Financial Regulations, 1997***

The Local Authorities Financial Regulations, 1997 pula ialah peraturan yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di bawah Seksyen 172, *Local Authorities Ordinance, 1996.* Peraturan ini telah diwartakan melalui Warta Kerajaan Negeri Sarawak pada 27 November 1997 dan berkuatkuasa mulai pada 1 Januari 1998. Antara perkara dalam peraturan ini ialah tatacara perolehan, bayaran dan penyelenggaraan rekod.

c) ***Public Parks and Greens (Amendment) Ordinance, 2003***

Public Parks and Greens Ordinance, 1993 telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sarawak pada 17 Mei 1993. Ordinan ini telah dikuatkuasakan dan diwartakan melalui Warta Kerajaan Negeri Sarawak pada 17 Jun 1993. Ordinan ini telah dipinda dan diganti oleh *Public Parks and Greens (Amendment) Ordinance 2003* yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2004. Tujuan Ordinan ini diwujudkan ialah untuk mengekal dan memberi pelindungan terhadap kawasan hijau di kawasan tertentu, mewujudkan lebih banyak kawasan hijau dan kawasan terbuka serta mengawal dan mengurus taman awam dan kawasan tertentu. Mengikut Seksyen 5 *Public Parks and Greens Ordinance 1993,* adalah menjadi tugas dan fungsi Majlis untuk mentadbir, mengurus dan menyenggara taman awam dan kawasan hijau dalam kawasan tadbirannya.

36.1.3 Pelan Induk Landskap

Pelan Induk Landskap merupakan pelan tindakan jangka panjang dan perlu disediakan untuk menjelaskan dasar dan strategi Majlis bagi pembangunan landskap. Ianya penting bagi memastikan aspek landskap dibangunkan dan dipelihara selaras dengan

matlamat Majlis. Pelan Induk Landskap juga mampu menyokong pembangunan sektor pelancongan dan alam sekitar sesuatu kawasan serta menjadi rujukan dan garis panduan penting pembangunan landskap. Pada akhir tahun 2004, Majlis telah mencadangkan kepada Jabatan Landskap Negara untuk melantik perunding landskap, iaitu BL Consultant Team sebagai perunding untuk menyediakan cadangan Pelan Induk Landskap Bandar Sibu. Tujuannya adalah untuk merancang dan menyelaras program pembangunan landskap dalam jangka masa panjang.

36.1.4 Sasaran Program

Penetapan sasaran program adalah penting untuk memastikan program dapat dilakukan dengan lebih tersusun mengikut tempoh masa dan peruntukan kewangan yang disediakan. Sehubungan itu, Majlis merancang sasaran program pengindahan bandar dan landskap seperti berikut:

a) Pembangunan Landskap

Dalam RMK9 bagi tahun 2006 hingga 2010, Majlis telah merancang kerja pembangunan berkaitan pengindahan bandar dan landskap berjumlah RM8.5 juta. Kerja tersebut adalah seperti pengindahan jalan termasuk Jalan Protokol, *Sibu Waterfront*, taman, kawasan lapang serta kawasan permainan kanak-kanak.

Bagi kerja memperbanyakkan atau menaman jenis tanaman/spesies seperti pokok hiasan di lokasi yang tertentu, Majlis tidak menyediakan sasaran penanaman bagi tahun 2005 hingga 2007. Bagaimana pun di bawah Kempen Menanam Pokok Seluruh Negara yang dianjurkan oleh Jabatan Landskap Negara, Majlis mensasarkan akan menanam sebanyak 2,880 pokok utama seperti pokok palma, pokok teduhan serta 3,600 pokok bunga raya setiap tahun bagi tahun 2006 dan 2007. Walau bagaimanapun, lokasi yang akan ditanam dengan pokok tersebut tidak ditentukan.

b) Penyenggaraan Landskap

Kerja penyenggaraan landskap secara berkala dan berterusan akan menambahkan keindahan dan keceriaan bandar. Kerja penyenggaraan landskap lembut akan melibatkan aktiviti penyiraman, pembajaan serta penggemburan tanah, cantasan dahan, sungkupan (bahan organik yang reput diguna sebagai penahan hakisan tanah di bawah pokok pada musim hujan), pembersihan kawasan tanaman, kolam serta tasik, merumput, kawalan penyakit, serangan serangga, pemangkasan dan pembersihan longkang. Kerja tersebut akan dilaksanakan secara harian, mingguan, bulanan atau mengikut keperluan. Mengikut piagam Majlis, kekerapan kerja penyenggaraan yang perlu dilaksanakan adalah seperti di **Jadual 76**.

Jadual 76
Kerja Penyenggaraan Landskap

Butiran Penyenggaraan	Kekerapan Mengikut Piagam Majlis
Penyiraman tanaman	15 kali sebulan
Merumpai	Tiap-tiap minggu
Pembasmian serangga perosak dan penyakit	Tiap-tiap bulan
Pemotongan rumput	2 kali sebulan
Pemangkasan dan pencantasan	Sekali sebulan bergantung kepada jenis tumbuhan
Pembajaan	Sekali sebulan bagi tumbuhan renek dan pokok yang baru ditanam, dua kali setahun untuk palma dan sekali setahun untuk pokok matang
Penggantian pokok jika terdapat sebarang pokok yang mati atau rosak disebabkan vandalisma atau tidak disengajakan	Dalam tempoh masa 1 minggu tertakluk kepada belanjawan Majlis.

Sumber: Fail Majlis Perbandaran Sibu

Bagi kerja penyenggaraan landskap kejur seperti siarkaki, perabot jalan, arca, air pancut dan sebagainya, kerja penyenggaraan hendaklah dilaksanakan dalam tempoh sebulan sekali manakala bagi struktur binaan yang besar, penyenggaraannya tertakluk kepada belanjawan Majlis. Bagaimanapun, Majlis tidak menyediakan butiran terperinci landskap lembut dan kejur yang perlu disenggara seperti lokasi landskap, keluasan kawasan landskap, jenis dan bilangan pokok serta kemudahan yang sedia ada di kawasan tertentu. Akibatnya, lokasi landskap, keluasan kawasan landskap, jenis dan bilangan pokok serta kemudahan yang sebenarnya perlu dibuat penyenggaraan tidak dapat dipastikan.

36.1.5 Komponen Program

Komponen program pengindahan dan landskap adalah terdiri daripada pembangunan landskap lembut dan kejur serta pembangunan taman awam di lokasi yang strategik. Tujuan program ialah bagi menceria dan mengindahkan persekitaran bandar serta memastikannya sentiasa bersih dan cantik menerusi program penyenggaraan yang berterusan.

a) Pembangunan Landskap

Landskap secara umum bermaksud suatu pemandangan luaran atau permukaan bumi yang terhasil secara semula jadi atau binaan. Ia juga adalah satu bidang seni dalam membentuk dan mengekalkan keindahan alam sekitar dengan menggunakan unsur asli atau binaan. Landskap boleh dikategorikan kepada 2 elemen, iaitu landskap lembut dan landskap kejur. Landskap yang dibangunkan dengan penggunaan unsur asli seperti tumbuhan, air dan topografi atau bentuk rupa bumi dikenali sebagai landskap lembut. Bagi landskap yang dibangunkan dengan menggunakan unsur binaan seperti batu-bata, konkrit dan struktur besi dikenali sebagai landskap kejur. Ia meliputi struktur dan bangunan seperti laluan pejalan kaki, astaka, tempat duduk, pintu gerbang, arca, dinding dan lampu hiasan, lampu taman dan sebagainya yang menjadi keperluan pengguna.

b) Penyenggaraan Landskap

Segala landskap lembut atau kejur yang telah dibangunkan mestilah disenggarakan secara berkala dan berterusan bagi memastikan matlamat mencantikkan kawasan tercapai.

Penyenggaraan landskap lembut adalah sangat penting dan perlu dijadualkan dengan teratur untuk memastikan tanaman membesar dengan subur. Program penyenggaraan landskap tersebut bermula sebaik sahaja penanaman dibuat dan berterusan sepanjang hayat tanaman. Berdasarkan Garis Panduan Landskap Negara yang dikeluarkan oleh Jabatan Landskap Negara, penyenggaraan yang perlu dilakukan terhadap landskap lembut adalah seperti penyiraman tanaman, pembajaan dan penggemburan tanah, membersihkan kawasan tanaman dan merumput, mengawal penyakit, serangga dan haiwan, mengganti pokok, mengganti pasu, menambahkan bahan organik, membuat sungkupan, mengawal hakisan dan membuat pemangkasan serta penjarangan pokok.

Bagi penyenggaraan terhadap landskap kejur pula, kerja yang perlu dilaksanakan meliputi kerja pembaikan terhadap komponen landskap kejur yang retak, rosak atau pecah, peralatan elektrik dan penggantian lampu yang rosak dan kerja membaiki serta mengecat semula astaka, tempat duduk, pintu gerbang, arca, dinding dan sebagainya.

36.1.6 Kaedah Pelaksanaan

Program pengindahan bandar yang merangkumi pembangunan landskap dan penyenggaraan landskap akan dilaksanakan mengikut kaedah seperti berikut:

a) Kerja Pembangunan Landskap

Kerja pembangunan landskap akan dilaksanakan dengan menawarkan kepada pihak kontraktor ataupun dijalankan oleh komuniti pertubuhan masyarakat. Penentuan kaedah tersebut adalah bergantung kepada kos kerja, kedudukan tapak projek, keperluan penggunaan jentera dan keperluan kepakaran teknikal. Bagi pembangunan yang melibatkan pembiayaan dari sumber Majlis, ia akan dilaksanakan oleh kontraktor. Kertas kerja cadangan pembangunan akan dibentangkan semasa Mesyuarat Penuh Majlis sebelum dikemukakan kepada Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam (KASKA) untuk kelulusan bajet. Bagi projek pembangunan taman yang sebahagian kosnya ditanggung oleh komuniti dan bakinya oleh Majlis, projek akan dilaksanakan oleh Majlis. Manakala bagi projek yang kosnya ditanggung sepenuhnya oleh komuniti pertubuhan masyarakat, projek akan dilaksanakan oleh komuniti yang berkenaan. Projek yang telah siap dibangunkan akan diserahkan kepada Majlis untuk tujuan penyenggaraan.

b) Kerja Penyenggaraan Landskap

Majlis akan melaksanakan kerja penyenggaraan landskap dengan dikontrakkan kepada pihak swasta. Mengikut *The Local Authorities Financial Regulations 1997,* kos penyenggaraan yang melebihi RM50,000 akan ditenderkan manakala kos yang kurang daripada RM50,000 tetapi melebihi RM20,000 akan ditawarkan melalui sebut harga. Kos kerja yang kurang daripada RM20,000 akan dilaksanakan secara pelantikan terus melalui Pesanan Kerajaan. Sejajar dengan tatacara kewangan Majlis, kerja penyenggaraan akan ditawarkan kepada kontraktor Kelas F pada tahun 2005 dan Kelas EX pada tahun 2006 dan 2007 yang berdaftar dengan Unit Pendaftaran Kontraktor. Tawaran tender atau sebut harga bagi kawasan yang telah ditentukan akan diiklankan di akhbar tempatan. Cadangan dan keputusan pemilihan kontraktor dibuat oleh Lembaga Tender Majlis dan akan dibentangkan semasa Mesyuarat Penuh Majlis untuk kelulusan.

36.1.7 Keperluan Kewangan

Bagi memastikan semua perancangan yang telah diatur dapat dicapai dengan cekap dan berkesan, Majlis memerlukan sumber kewangan yang mencukupi.

a) Sumber Kewangan Majlis

Pada tahun 2005, Majlis merancang bajet mengurus sejumlah RM3.12 juta, sejumlah RM3.30 juta pada tahun 2006 dan sejumlah RM3.93 juta pada tahun 2007 untuk membiayai program pengindahan dan landskap bandar Sibu. Bajet yang dirancang dibincangkan dalam Mesyuarat Penuh Majlis sebelum dikemukakan kepada KASKA untuk kelulusan. Bagaimanapun, Majlis tidak menyediakan butiran terperinci seperti kos setiap kerja, lokasi landskap, keluasan kawasan landskap, jenis dan bilangan pokok yang perlu ditanam dan disenggarakan untuk menyokong permohonan anggaran. Butiran bajet tersebut adalah seperti di **Jadual 77.**

Jadual 77
Bajet Mengurus Yang Dimohon Bagi Tempoh 2005 hingga 2007

Bil.	Butiran	Tahun		
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Padang Dan Kawasan	1.50	1.65	2.00
2.	Taman Dan Kemudahan Rekreasi	0.85	0.90	1.00
3.	Tapak Semaian Dan Pengindahan	0.23	0.23	0.25
4.	Taman Lalulintas	0.05	0.03	0.03
5.	Pengurusan Dataran Sibu	0.35	0.35	0.50
6.	Menaiktaraf Dan Pembaikan Bandar	0.10	0.10	0.10
7.	Kenderaan Dan Jentera	0.04	0.04	0.05
Jumlah		**3.12**	**3.30**	**3.93**

Sumber: Bajet Majlis Perbandaran Sibu Tahun 2005, 2006 dan 2007

b) Sumber Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak

Pada tahun 2005, Majlis tidak menyediakan bajet pembangunan untuk program pengindahan dan landskap bandar Sibu kerana pada tahun 2004, Majlis telah siap melaksanakan projek pembangunan yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia kelapan (RMK8) bagi tempoh tahun 2001 hingga 2005. Manakala pada tahun 2006 dan 2007, Majlis telah menyediakan bajet pembangunan berjumlah RM600,000 masing-masing untuk pengindahan Jalan Protokol dan Taman Tasik.

c) Sumber Kewangan Jabatan Landskap Negara

Bagi tujuan naik taraf taman awam, Majlis boleh memohon daripada Jabatan Landskap Negara (JLN) untuk mendapatkan peruntukan. Pada bulan Julai 2005, Majlis telah mengemukakan permohonan peruntukan kepada JLN untuk penyenggaraan landskap. Walau bagaimanapun, jumlah peruntukan yang dimohon tidak dinyatakan dalam dokumen sokongan permohonan. Sebaliknya, hanya jenis dan bilangan pokok yang perlu disenggarakan dinyatakan. Manakala pada bulan Mei 2006 dan Januari 2007, Majlis memohon sejumlah RM1.90 juta dan RM0.19 juta masing-masing untuk menaik taraf taman permainan kanak-kanak, menambahkan bilangan pokok, membaiki kemudahan taman dan sebagainya seperti di **Jadual 78.**

Jadual 78
Bajet Penyenggaraan Landskap Bagi Tahun 2006 Dan 2007

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Justifikasi Peruntukan
2006	1.90	Menaik taraf kawasan permainan kanak-kanak, menambahkan bilangan pokok pagaran dan pokok renek serta mengganti pokok seperti pokok teduhan, palma dan pokok renek yang kurang subur, mati atau dilanda bencana (angin kencang dan banjir) dengan pokok baru.
2007	0.19	Menyedia papan tanda tunjuk arah, papan tanda amaran, membaiki kemudahan taman, menukar mentol lampu dan pendawaian yang rosak, mengganti serta membaikpulih struktur *hides* yang rosak akibat vandalisma, mengecat *boathouse* serta mengganti bahagian dinding yang hilang dan mengganti pokok yang musnah atau mati akibat vandalisma atau sebab yang tidak diketahui dengan pokok baru.

Sumber: Fail Majlis Perbandaran Sibu

36.1.8 Keperluan Bahan Dan Peralatan

Bagi memastikan program pengindahan dan landskap akan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, Majlis hendaklah menentukan bahan dan peralatan yang digunakan adalah sesuai dan mencukupi. Majlis memerlukan bahan dan peralatan seperti baja, racun, pokok, benih pokok, pasu, bahan mentah seperti kayu, pasir serta tanah, kenderaan dan jentera untuk tapak semaian setiap tahun. Pelantikan kontraktor bagi membekalkan kayu akan dibuat melalui tawaran tender terbuka untuk tempoh 1 tahun. Bagi bekalan bahan dan peralatan yang lain, Majlis mengeluarkan Pesanan

Kerajaan kepada pembekal yang dipilih oleh Majlis. Bagaimanapun, pada tempoh 2005 hingga 2007, Majlis tidak merancang jenis dan kuantiti bahan serta peralatan yang akan digunakan. Selain itu, Majlis juga tidak menyediakan anggaran perbelanjaan bagi pembelian bahan pada tempoh tersebut.

36.1.9 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

Struktur organisasi dan latihan yang sesuai serta berterusan perlu dirancang untuk memantapkan dan meningkatkan kecekapan serta keberkesanan ke arah pencapaian matlamat Majlis. Bagi mencapai matlamat ini, Majlis membuat perancangan seperti berikut:

a) Struktur Organisasi

Keperluan guna tenaga merupakan aspek penting yang akan diberi perhatian untuk melaksanakan semua aktiviti yang telah dirancang oleh Majlis. Majlis mempunyai 2 Jabatan iaitu Jabatan Korporat Dan Perkhidmatan Perbandaran dan Jabatan Kerja Raya. Jabatan Kerja Raya terdiri daripada Bahagian Landskap, Kawalan Bangunan, Mekanikal Dan Elektrik, Perancangan Dan Pembangunan, Jalanraya Dan Perparitan serta Kontrak Dan Pengawasan Projek. Bahagian Landskap yang berperanan secara langsung untuk menjaga kebersihan serta keindahan taman awam dan kawasan lapang Majlis diketuai oleh seorang Landskap Arkitek Gred J41 dan dibantu oleh 15 kakitangan kumpulan sokongan bagi melaksanakan aktivitinya. Bahagian ini dipertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan landskap Majlis bagi mewujudkan persekitaran yang indah dan menarik. Bilangan perjawatan yang diluluskan mengikut waran perjawatan bagi Bahagian Landskap adalah seperti di **Jadual 79.**

Jadual 79
Perjawatan Di Bahagian Landskap

Bil.	Nama/Gred Perjawatan	Tahun/Bilangan Perjawatan Yang Dilulus		
		2005	2006	2007
1.	Landskap Arkitek J41	1	1	1
2.	Pembantu Tadbir N22	1	1	1
3.	Pembantu Tadbir N17	1	1	1
4.	Pembantu Tadbir Rendah N11	1	1	1
5.	Tukang K3 (Tukang Kayu)	1	1	1
6.	Pemandu Kenderaan Bermotor R3	5	5	5
7.	Pekerja Rendah Awam R1	6	6	6
Jumlah		**16**	**16**	**16**

Sumber: Fail Perjawatan Majlis Perbandaran Sibu

b) Latihan

Perancangan latihan untuk kakitangan adalah amat penting bagi tujuan meningkatkan ilmu pengetahuan, kecekapan dan kemahiran berkaitan tugas serta tanggungjawab pegawai Majlis. Kursus dan latihan untuk kakitangan akan diselaras oleh Bahagian Sumber Manusia Dan Pembangunan Organisasi Majlis. Bahagian ini akan mencalonkan kakitangannya untuk mengikuti kursus dan latihan yang dianjurkan oleh

KASKA, Jabatan Ketua Menteri melalui Centre For Modern Management, Institut Tadbiran Awam Negara dan Jabatan Landskap Negara. Bagi mencapai tujuan tersebut, Majlis memohon peruntukan sejumlah RM95,000 pada tahun 2005, sejumlah RM150,000 pada tahun 2006 dan sejumlah RM150,000 pada tahun 2007. Bagaimana pun, Majlis tidak menetapkan perancangan mengenai jenis latihan atau kursus yang perlu diberi kepada kakitangannya bagi tempoh 2005 hingga 2007.

36.1.10 Penyelenggaraan Rekod

Penyimpanan rekod yang baik dapat memudahkan pengurusan memantau pelaksanaan program pengindahan dan landskap bandar dengan lebih berkesan. Mengikut perenggan 218 *Local Authorities Financial Regulations, 1997,* Daftar Kontrak yang mengandungi maklumat kontrak, nama kontraktor, nilai kontrak, arahan perubahan kerja serta nilai yang diluluskan dan sebagainya hendaklah diselenggarakan oleh Majlis. Selain itu, sebagai tujuan kawalan, maklumat seperti penerimaan dan pengeluaran pokok, benih, penutup bumi, bahan dan peralatan di tapak semaian hendaklah direkod dengan sempurna dan kemas kini supaya maklumat yang berkenaan mudah diperolehi untuk rujukan apabila diperlukan.

36.1.11 Kaedah Pemantauan

Bagi memastikan pelaksanaan aktiviti landskap mengikut perancangan yang ditetapkan, pemantauan dan penyeliaan perlu dilakukan sewajarnya. Ini bertujuan untuk menentukan orang awam khususnya di sekitar bandar Sibu menikmati suasana yang indah, ceria dan nyaman. Pencapaian matlamat program juga bergantung kepada usaha pemantauan yang dijalankan kerana pemantauan yang berkesan akan dapat mengurangkan dan menyelesaikan masalah yang timbul semasa pelaksanaan program. Pemantauan program landskap akan dilaksanakan oleh Majlis melalui beberapa peringkat seperti berikut:

a) Bahagian Landskap

Bahagian Landskap bertanggungjawab memantau kerja yang disenggarakan oleh kontraktor dengan membuat lawatan ke tapak untuk memastikan kerja penyenggaraan dilakukan mengikut skop dan kriteria kerja yang ditetapkan. Pegawai yang memantau hendaklah menyedia dan menurunkan tandatangan dalam Senarai Semak Pemeriksaan Tapak yang mengandungi tarikh lawatan ke tapak, jenis dan kekerapan kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dan penilaian prestasi kerja kontraktor. Senarai Semak Pemeriksaan Tapak yang lengkap akan diteliti dan disahkan oleh Landskap Arkitek J41. Selain itu, Bahagian ini juga akan menyediakan laporan bulanan untuk dibincangkan semasa mesyuarat bulanan Jawatankuasa Kawalan Bangunan Dan Pengindahan Bandar.

b) Jawatankuasa Kawalan Bangunan Dan Pengindahan Bandar

Jawatankuasa Kawalan Bangunan Dan Pengindahan Bandar yang terdiri daripada Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan 9 orang ahli ditubuhkan pada tahun

2001. Antara fungsi jawatankuasa ini ialah untuk membincangkan masalah serta isu yang berkaitan dengan pengindahan bandar dan landskap semasa mesyuarat bersidang. Mengikut jadual mesyuarat, Jawatankuasa akan bermesyuarat setiap bulan.

c) Mesyuarat Penuh Majlis

Laporan bulanan yang telah dibincangkan semasa mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Bangunan Dan Pengindahan Bandar akan dibentang dan dibincangkan dalam Mesyuarat Penuh Majlis. Mesyuarat ini akan memberi syor kepada Majlis sekiranya ada tindakan yang perlu diambil terhadap pelaksanaan program. Mesyuarat Penuh Majlis akan diadakan sekurang-kurangnya sekali sebulan.

d) Aduan Awam

Majlis juga akan memantau aduan yang diterima melalui e-mel, panggilan telefon, surat atau melalui nombor talikhidmat 555999. Semua aduan awam yang diterima akan direkod dalam Daftar Aduan Awam oleh Bahagian Pentadbiran dan dimaklumkan dengan segera kepada Bahagian Landskap untuk diambil tindakan. Mengikut Piagam Pelanggan Bahagian Landskap, aduan awam berkaitan tumbuh-tumbuhan menghalang trafik dan membahayakan orang ramai akan diselesaikan dalam tempoh 1 hari. Bagi pokok-pokok yang berada di bahu jalan, kawasan perumahan dan sebagainya yang mengundang bahaya pada kawasan sekeliling akan diselesaikan dalam tempoh 3 hari. Bahagian Landskap perlu membuat siasatan untuk memastikan aduan awam adalah benar sebelum mengambil tindakan untuk mengatasi masalah dan kesulitan yang dihadapi oleh orang awam.

Pada pandangan Audit, perancangan Majlis terhadap program pengindahan dan landskap Bandar adalah baik kerana Majlis mempunyai peruntukan undang-undang dan peraturan serta mandat yang mencukupi bagi melaksanakan tanggungjawabnya. Bagaimanapun, Majlis tidak menyediakan butiran terperinci seperti kos setiap kerja, lokasi dan jenis kerja yang akan dilaksanakan untuk menyokong anggaran kewangan terhadap penyenggaraan. Selain itu, perancangan tidak dibuat terhadap jenis dan kuantiti bahan serta peralatan yang akan digunakan dan jenis latihan atau kursus yang perlu diberi kepada kakitangannya.

36.2 PELAKSANAAN

Objektif program pengindahan dan landskap bandar boleh dicapai sekiranya rancangan yang ditetapkan dilaksanakan dengan cekap dan teratur. Semakan Audit terhadap pelaksanaan program ini mendapati perkara berikut:

36.2.1 Dasar Kerajaan

Majlis telah diberi tanggungjawab untuk menyediakan persekitaran bandar Sibu dengan teratur, indah dan bersih. Semakan Audit mendapati Majlis telah melaksanakan

aktiviti ke arah meningkatkan keindahan dan kebersihan bandar Sibu selaras dengan Dasar Kerajaan yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan aktiviti Majlis adalah selaras dengan Dasar Kerajaan yang ditetapkan.

36.2.2 Undang-undang Dan Peraturan

Semakan Audit mendapati Majlis telah melaksanakan program pengindahan dan landskap bandar selaras dengan peruntukan yang terdapat dalam *Local Authorities Ordinance, 1996, Public Parks and Greens(Amendment) Ordinance, 2003* dan *The Local Authorities Financial Regulations, 1997*.

Pada pendapat Audit, Majlis telah mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

36.2.3 Pelan Induk Landskap

Pelan Induk Landskap (PIL) adalah pelan yang menjelaskan dasar dan strategi Majlis bagi pembangunan landskap. Semakan Audit mendapati pada tahun 2006, Majlis telah dimaklumkan oleh Jabatan Landskap Negara bahawa jabatan tersebut sedang melaksanakan projek penyediaan PIL untuk semua Pihak Berkuasa Tempatan. Jabatan tersebut akan meneruskan projek penyediaan PIL dalam RMK9 untuk Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah. Pada awal tahun 2007, Jabatan Landskap Negara telah melantik syarikat perunding iaitu BL Consultant Team untuk menyediakan PIL Majlis Perbandaran Sibu. Setakat tarikh pengauditan, syarikat berkenaan masih dalam proses menyediakan Pelan Induk Landskap dan pelan tersebut akan disiapkan pada tahun 2009.

36.2.4 Pencapaian Sasaran Program

Pada tahun 2005 hingga 2007, Majlis telah melaksanakan pelbagai aktiviti dalam program pengindahan dan landskap bandar seperti berikut:

a) Pembangunan Landskap

Mengikut Laporan Bulanan Landskap, sebanyak 20,936 Pokok Utama, Pokok Bunga Raya serta Pokok Renek telah ditanam pada tahun 2005 oleh agensi Kerajaan, pihak pemaju serta individu dan pihak Badan Sukarela serta pihak Badan Bukan Kerajaan. Manakala sebanyak 4,994 pokok telah ditanam pada tahun 2006 dan sebanyak 4,115 pokok pada tahun 2007. Antara Pokok Utama yang ditanam adalah *Manila Palm, Majestic Palm, Foxtail Palm, Cinnamomum Iners, Bauhinia Blakeana, Eugenia Oleina* dan sebagainya. Butiran terperinci pokok yang ditanam bagi tahun 2005 hingga 2007 dan perbandingan dengan sasarannya adalah seperti di **Jadual 80.**

Jadual 80
Perbandingan Antara Sasaran Dengan Pokok Yang Ditanam

Tahun	Jenis Pokok	Bilangan Yang Disasarkan	Bilangan Yang Telah Ditanam	Peratusan (%)
2005	Pokok Utama	Tiada Maklumat	581	-
2005	Pokok Bunga Raya	Tiada Maklumat	846	-
2005	Pokok Renek	Tiada Maklumat	19,509	-
2006	Pokok Utama	2,880	656	22.8
2006	Pokok Bunga Raya	3,600	765	21.3
2006	Pokok Renek	Tiada Maklumat	3,573	-
2007	Pokok Utama	2,880	590	20.5
2007	Pokok Bunga Raya	3,600	650	18.1
2007	Pokok Renek	Tiada Maklumat	2,875	-
Jumlah		**12,960**	**30,045**	

Sumber: Rekod Majlis Perbandaran Sibu

Lawatan Audit ke tapak telah dibuat pada 31 Januari 2008 di Sekolah Kebangsaan Agama Sibu, Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Sibu, Sekolah Menengah Kebangsaan Rosli Dhoby, Kem Sri Rejang dan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Sibu untuk menentukan Pokok Utama dan Pokok Bunga Raya yang diterima daripada Majlis telah ditanam. Lawatan tersebut mendapati kesemua pokok, iaitu sebanyak 50 *Manila Palm*, sebanyak 70 *Majestic Palm,* sebanyak 70 Pokok Tanjung dan sebanyak 200 Pokok Bunga Raya yang diterima telah ditanam dengan sempurna dan tumbuh dengan subur seperti di **Foto 105** dan **Foto 106**.

Foto 105
***Majestic Palm* Yang Ditanam**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 31Januari 2008
Lokasi: Kem Sri Rejang

Foto 106
Bunga Raya Yang Ditanam



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 31Januari 2008
Lokasi: Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Sibu

b) Penyenggaraan Landskap

Pada tahun 2005 hingga 2007, kerja penyenggaraan landskap di 11 kawasan telah dikontrakkan kepada pihak swasta. Semakan Audit mendapati kekerapan kerja yang ditetapkan dalam kontrak kerja penyenggaraan landskap lembut adalah selaras dengan piagam Majlis. Kawasan landskap yang disenggarakan oleh Majlis adalah seperti di **Jadual 81.**

Jadual 81
Kawasan Landskap Yang Disenggarakan Oleh Majlis

Tahun	Nama Kontraktor	Nama Kawasan	Kawasan Terlibat
2005	M/s Bulat Nursery Sibu	LAMAW 1	Taman Jubilee, Bukit Aup
2005	M/s Bulat Nursery Sibu	LAMAW 2	Taman Bukit Lima, Taman Su Kuok dan Taman Hui Ning
2005	M/s Bulat Nursery Sibu	LAMAW 3	Wong Nai Siong Square, Sungai Merah Heritage Walk, Taman Gambir, Heng Hua Memorial Garden, Rejang Park Traffic Garden serta kawasan lapang dan Kolam Renang Delta.
2005	M/S Syarikat Kai Nguong Nursery (M) Sdn. Bhd.	LAMAW 4	Rejang Esplanade, Pintu Gerbang Sibu, Taman Mist, taman di sebelah pejabat lama Majlis Perbandaran Sibu, Tempat Letak Kereta Butterfly, Dataran Bandar Sibu, Taman Harmoni dan tempat letak motosikal di sebelah Wisma Sanyan.
2005	M/S Soh Mei Nursery	LAMAW 5	Taman Tasik Sibu Fasa 1
2006 - 2007	M/S Zoo Bee Garden Bonsai Centre	Kawasan Protokol	Jalan Persiaran Brooke, Jalan Deshon, Jalan Tunku Abdul Rahman, Jalan Pedada, Wong Nai Siong Square, Sungai Merah Heritage Walk, pulau dan bulatan di Jalan Tun Abang Haji Openg serta Jalan Kampung Nangka dan sebanyak 23 jalan yang lain.
2006 - 2007	M/S Zoo Bee Garden Bonsai Centre	Kawasan CBD	Jalan Awang Ramli Amit, Jalan Tuanku Osman, Jalan Kampung Nangka, Taman Harmoni, Dataran Bandar Sibu Fasa 1, Taman Mist, tempat letak kereta Butterfly, Taman Chiang Chuan, Rejang Esplanade serta Taman Hii, Pintu Gerbang Sibu serta Taman Ling, semua pokok bunga yang ditanam dalam pasu di kawasan bandar Sibu dan sebanyak 19 jalan yang lain.
2006 - 2007	M/S Zoo Bee Garden Bonsai Centre	Taman Bukit Aup	Taman Bukit Aup
2006 - 2007	M/S Soh Mei Nursery	Taman Tasik Dan Taman Persahabatan	Taman Tasik dan Taman Persahabatan
2006 - 2007	M/s Bulat Nursery Sibu	LAMAW 1	Taman Hui Ning, Taman Su Kuok, Taman Kutien, jalan utama Pulau Li Hua dan jalan menuju ke Rumah Saujana.
2006 - 2007	M/S Soh Mei Nursery	LAMAW 2	Heng Hua Memorial Garden, Rejang Park Traffic Garden, Kolam Renang Delta dan sebanyak 12 jalan.

Sumber: Fail Majlis Perbandaran Sibu

Bagi kerja penyenggaraan landskap kejur terhadap air pancut, kolam spa dan sistem semburan kabus, kerja telah dilaksanakan setiap bulan mengikut piagam Majlis.

Pada pendapat Audit, Majlis telah melaksanakan kerja pembangunan landskap dengan baik kerana kerja telah dilaksanakan seperti yang ditetapkan dan kekerapan kerja penyenggaraan landskap adalah selaras dengan piagam Majlis. Bagaimanapun, penanaman pokok tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.

36.2.5 Pelaksanaan Komponen Program

Majlis melaksanakan program pengindahan dan landskap bandar berdasarkan komponen yang terdiri daripada pembangunan dan penyenggaraan landskap. Semakan Audit terhadap komponen program ini mendapati perkara seperti berikut:

a) Pembangunan Landskap

Pada bulan Ogos 2007, Majlis telah menyiapkan kerja landskap untuk mengisi, merata serta melapis tanah, memindahkan dan menanam semula rumput dan pokok seperti *Majestic Palm,* Pokok Pine*, Baphia Nitida, Oleander Ugenia dan Duranta Repens* berjumlah RM96,338 di Hoover Memorial Park. Pada bulan November 2007 pula, kerja membekal dan menanam pokok palma, pokok bunga serta pokok renek, mengisi, merata serta melapis tanah dan membekalkan pelbagai saiz batu serta batu granit berjumlah RM99,351 telah siap dilaksanakan di Jalan Maju/Khoo Peng Loong dan Jalan Brooke/Jalan Pedada (Bulatan Selemo).

Pada pendapat Audit, Majlis telah melaksanakan kerja pembangunan landskap dengan baik.

b) Penyenggaraan Landskap

Penyenggaraan landskap adalah bertujuan untuk memastikan matlamat mencantikkan kawasan tercapai. Semakan Audit terhadap skop kerja penyenggaraan landskap lembut yang dinyatakan dalam syarat kontrak mendapati kerja seperti penyiraman tanaman, pembajaan dan penggemburan tanah, membersihkan kawasan tanaman dan merumput, mengawal penyakit, serangga dan haiwan, menambahkan bahan organik, membuat sungkupan, mengawal hakisan dan membuat pemangkasan serta penjarangan pokok telah dinyatakan dengan jelas dalam kontrak.

Pada pendapat Audit, skop kerja penyenggaraan landskap yang ditetapkan oleh Majlis adalah baik.

36.2.6 Kaedah Pelaksanaan

Mengikut *The Local Authorities Financial Regulations 1997,* kos penyenggaraan yang melebihi RM50,000 akan ditenderkan manakala kos yang kurang daripada RM50,000 tetapi melebihi RM20,000 akan dipelawa melalui sebut harga. Bagi kos kerja yang kurang daripada RM20,000, kontraktor akan dilantik secara terus melalui Pesanan Kerajaan. Pada tahun 2004 hingga 2007, sebanyak 11 kontrak penyenggaraan landskap terhadap 11 kawasan bernilai RM5.74 juta telah dimeterai. Daripada jumlah kontrak tersebut, sejumlah RM2.18 juta adalah kerja penyenggaraan bagi tempoh tahun 2005 dan bulan Julai 2006 hingga Disember 2007 seperti di **Jadual 82**.

Jadual 82
Kontrak Kerja Penyenggaraan Landskap Bagi Tahun 2004 Hingga 2007

Bulan/ Tahun Kontrak Dimeterai	Bilangan Kontrak/ Kawasan	Nilai Kontrak (RM Juta)	Tempoh Kontrak Asal		Tempoh Kontrak Dipinda		Nilai Kontrak Bagi Tahun (RM Juta)			
			Dari-Hingga	Bulan	Dari-Hingga	Bulan	2005	2006	2007	Jumlah Besar
Mei 2004	5	0.58	1.4.04 – 31.12.05	21	1.6.04 – 31.12.05	19	0.34	-	-	**0.34**
Mei / Jun 2006	6	5.16	1.5.06 - 31.12.10	56	1.7.06 – 31.12.10	54	-	0.74	1.10	**1.84**
Jumlah	**11**	**5.74**					**0.34**	**0.74**	**1.10**	**2.18**

Sumber: Rekod Majlis Perbandaran Sibu

Pada tempoh bulan Januari hingga akhir bulan Jun 2006, Majlis tidak mempelawa tender bagi kerja penyenggaraan landskap. Ini adalah disebabkan pemilihan kontraktor tidak dapat dimuktamadkan sebaik sahaja kontrak tamat pada akhir tahun 2005. Majlis melantik kontraktor secara terus melalui Pesanan Kerajaan yang melibatkan kos sejumlah RM362,096. Selain daripada 11 kontrak tersebut, Majlis juga telah mengeluarkan Pesanan Kerajaan untuk kerja penyenggaraan landskap yang tidak ada dalam skop kerja kontrak yang dimeterai. Pada tahun 2005 hingga 2007, sebanyak 169 Pesanan Kerajaan berjumlah RM351,749 telah dikeluarkan kepada pelbagai kontraktor untuk melaksanakan kerja penyenggaraan landskap lembut.

Bagi kerja penyenggaraan landskap kejur pula, kerja tersebut dilaksanakan secara bulanan dan *ad hoc* mengikut keperluan. Semakan Audit mendapati Majlis melaksanakan kerja penyenggaraan landskap kejur dengan pelantikan terus melalui Pesanan Kerajaan. Pada tahun 2005, sebanyak 75 Pesanan Kerajaan berjumlah RM89,840 telah dikeluarkan kepada pelbagai kontraktor, sebanyak 160 Pesanan Kerajaan berjumlah RM244,480 pada tahun 2006 dan sebanyak 118 Pesanan Kerajaan berjumlah RM244,140 pada tahun 2007.

Semakan Audit terhadap 7 daripada 11 kontrak kerja penyenggaraan landskap di 7 kawasan, sebanyak 30 Pesanan Kerajaan berjumlah RM78,123 bagi kerja penyenggaraan landskap lembut dan sebanyak 20 Pesanan Kerajaan berjumlah RM41,517 bagi landskap kejur mendapati perkara berikut:

a) Pelantikan Kontraktor

Pelantikan kontraktor bagi 2 daripada 7 kontrak kerja penyenggaraan landskap di kawasan Protokol dan CBD dilakukan melalui tender pra kelayakan. Tender pra kelayakan telah dinilai oleh Arkitek Majlis sebelum dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Tender Majlis untuk keputusan. Manakala pelantikan kontraktor bagi 5 kontrak yang lain dibuat secara tender terbuka dan Lembaga Tender Majlis adalah bertanggungjawab untuk membuat penilaian dan keputusan. Semua keputusan Lembaga Tender Majlis telah diluluskan oleh Mesyuarat Penuh Majlis dan surat tawaran telah dikeluarkan kepada penender yang berjaya. Kesemua kontraktor

adalah merupakan kontraktor kelas EX yang berdaftar dengan Unit Pendaftaran Kontraktor dan mempunyai pengalaman dalam kerja penyenggaraan.

Semakan Audit mendapati sebanyak 8 penender telah mengemukakan 24 tawaran dengan nilai tender antara RM90,190 hingga RM4.72 juta. Daripada 24 tawaran tersebut, 3 penender yang menawarkan harga terendah bagi 7 tender telah diterima oleh Majlis seperti di **Jadual 83.**

Jadual 83
Kontrak Kerja Penyenggaraan Landskap

Bil.	Nama Kontraktor	Nama Kawasan	Tempoh Kontrak	Nilai Tender/ Kontrak (RM)
1.	M/S Bulat Nursery	LAMAW 1 (Taman Jubilee Bukit Aup)	1.6.04 – 31.12.05	90,190
2.	M/S Bulat Nursery	LAMAW 3 (Wong Nai Siong Square, Sungai Merah Heritage Walk, Taman Gambir, Heng Hua Memorial Garden, Rejang Park Traffic Garden serta kawasan lapang dan kolam renang Delta)	1.6.04 – 31.12.05	91,450
3.	M/S Soh Mei Nursery	LAMAW 5 (Taman Tasik Fasa 1)	1.6.04 – 31.12.05	110,000
4.	M/S Soh Mei Nursery	Taman Tasik Dan Taman Persahabatan	1.7.06 – 31.12.10	329,728
5.	M/S Zoo Bee Garden Bonsai Centre	Kawasan Protokol	1.7.06 – 31.12.10	3,123,120
6.	M/S Zoo Bee Garden Bonsai Centre	Kawasan CBD	1.7.06 – 31.12.10	995,120
7.	M/S Zoo Bee Garden Bonsai Centre	Taman Bukit Aup	1.7.06 – 31.12.10	166,712
Jumlah				**4,906,320**

Sumber: Rekod Majlis Perbandaran Sibu

Semakan Audit mendapati harga bagi 3 daripada 7 kontrak ialah antara 14.8% hingga 32.3% lebih rendah daripada anggaran Majlis. Bagaimanapun, Majlis tidak menyediakan anggaran kos bagi 4 kontrak yang lain. Akibatnya, perbandingan di antara harga tender dengan anggaran Majlis tidak dapat dibuat.

Pada pendapat Audit, proses pelantikan kontraktor adalah memuaskan kerana kos bagi 4 kontrak tidak dinyatakan untuk tujuan perbandingan harga tender.

b) Perjanjian Kontrak

Bagi menjamin kepentingan Majlis dan menentukan kerja penyenggaraan landskap dilaksanakan dengan lancar, beberapa syarat yang antaranya seperti berikut telah ditetapkan dalam 7 kontrak yang dipilih untuk tujuan pengauditan:

i) Kontraktor dikehendaki mengemukakan Bon Pelaksanaan bernilai RM7,291 iaitu 2.5% daripada harga kontrak dalam bentuk Jaminan Bank atau Wang Jaminan bagi 3 kontrak yang dimeterai pada tahun 2004 demi menjamin kepentingan Majlis. Manakala bagi 4 kontrak lagi yang dimeterai pada tahun 2006, Bon Pelaksanaan bernilai RM230,734 atau 5% daripada harga kontrak hendaklah dikemukakan kepada Majlis. Tempoh sah laku adalah sehingga kontrak tamat.

ii) Kontraktor hendaklah menyiapkan kerja mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam syarat kontrak.

iii) Ganti Rugi Tertentu sejumlah RM100 sehari atau sebahagiannya akan dikenakan terhadap kontraktor sekiranya gagal melaksanakan kerja mengikut jadual.

iv) Kerosakan terhadap harta, pokok dan pokok renek disebabkan kecuaian kontraktor hendaklah ditanggung oleh pihak kontraktor.

v) Bagi 4 kontrak kerja penyenggaraan tahun 2006 dan 2007, kontraktor dikehendaki menyediakan Senarai Inventori berkaitan nama dan kuantiti tanaman di tapak kerja dalam masa 2 minggu kerja dimulakan. Selain itu, sekiranya ada landskap yang rosak, hilang, kurang atau tidak selaras dengan spesifikasi kontrak, kontraktor dikehendaki menyenaraikan butiran tersebut dan kemukakan kepada Majlis.

vi) Kontraktor dikehendaki mengemukakan Jadual Kerja kepada Majlis untuk kelulusan sebelum memulakan kerja .

vii) Bagi kontrak tahun 2005, kontraktor dikehendaki mengambil Insurans Kerja manakala bagi tahun 2006 dan 2007, kontraktor dikehendaki mengambil Insurans Kerja dan Polisi Insurans Tanggungan Awam untuk melindungi tuntutan pampasan daripada mana-mana pihak.

Semakan Audit terhadap rekod Majlis bagi kesemua 7 kontrak mendapati perkara seperti berikut:

i) Bon Pelaksanaan telah diperolehi melalui Jaminan Bank bagi 3 kontrak dan melalui Wang Jaminan bagi 4 kontrak yang lain. Tempoh sah laku bagi kesemua 3 Jaminan Bank adalah sehingga kontrak tamat.

ii) Berdasarkan Senarai Semak Pemeriksaan Tapak yang disediakan oleh Majlis, kesemua kontraktor telah melaksanakan kerja dengan baik dan tidak dikenakan denda.

iii) Kontraktor yang melaksanakan kerja penyenggaraan di Kawasan CBD, Taman Bukit Aup serta Taman Tasik dan Taman Persahabatan tidak menyediakan Senarai Inventori. Selain itu, senarai butiran landskap yang rosak, hilang, kurang atau tidak selaras dengan spesifikasi kontrak juga tidak disediakan. Akibatnya, jenis dan bilangan landskap yang hendaklah disenggarakan oleh kontraktor tidak dapat dipastikan.

iv) Terdapat kontraktor yang tidak mengemukakan Jadual Kerja Penyenggaraan kepada Majlis sebelum memulakan kerja seperti di **Jadual 84.**

Jadual 84
Jadual Kerja Penyenggaraan Yang Tidak Dikemukakan Kepada Majlis

Bil.	Nama Kontraktor	Nama Kawasan	Tempoh Jadual Tidak Dikemukakan
1.	M/S Bulat Nursery	LAMAW 1	Januari hingga Disember 2005
2.	M/S Bulat Nursery	LAMAW 3	Januari hingga Disember 2005
3.	M/S Soh Mei Nursery	LAMAW 5	Januari hingga Disember 2005

Sumber: Fail Majlis Perbandaran Sibu

Akibatnya, tarikh kerja yang akan dilaksanakan oleh kontraktor tidak dapat dipastikan dan ini akan menyebabkan pemantauan tidak dapat dibuat tepat pada masanya.

v) Kesemua kontraktor telah mengambil insurans selaras dengan syarat kontrak. Tempoh insurans adalah sehingga kontrak tamat.

Pada pendapat Audit, pematuhan terhadap syarat perjanjian kontrak adalah baik. Pihak Majlis sepatutnya mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor supaya menyerahkan Senarai Inventori dan jadual kerja sebelum memulakan kerja demi menjamin kepentingan Majlis.

c) Prestasi Kerja

Penyenggaraan landskap adalah penting dan perlu dijadualkan dengan teratur untuk memastikan landskap sentiasa dalam keadaan indah dan bersih serta tanaman membesar dengan subur. Pada tempoh tahun 2005 dan bulan Julai 2006 hingga Disember 2007, sejumlah RM2.54 juta telah dibelanja bagi 7 kontrak kerja penyenggaraan landskap yang dipilih untuk pengauditan. Mengikut syarat kontrak, kerja hendaklah dilaksanakan dengan memuaskan mengikut skop kerja kontrak dan jadual kerja yang diluluskan oleh Majlis. Perbandingan antara skop kerja kontrak dengan laporan kerja kontraktor telah dibuat bagi menentukan kontraktor telah melaksanakan kerja mengikut skop dan kekerapan kerja yang ditetapkan. Bagi tujuan tersebut, sebanyak 4 kontrak telah dipilih untuk membuat perbandingan kerja kontraktor mengikut laporan bulanan yang disediakan oleh kontraktor dengan skop kerja kontrak bagi tempoh bulan Julai 2006 hingga Disember 2007. Kontrak tersebut adalah berkaitan kerja penyenggaraan landskap di Kawasan Protokol, Kawasan CBD, Taman Bukit Aup, Taman Tasik dan Taman Persahabatan. Analisis Audit mendapati perkara berikut :

i) Berdasarkan laporan bulanan yang disediakan oleh kontraktor, kerja penyenggaraan landskap di Kawasan Protokol, Taman Bukit Aup, Taman Tasik dan Taman Persahabatan telah dilaksanakan mengikut skop dan kekerapan kerja yang ditetapkan.

ii) Kontraktor M/S Zoo Bee Garden Bonsai Centre telah mengemukakan gambar yang sama untuk tujuan menuntut bayaran kerja penyenggaraan landskap bagi bulan yang berlainan. Gambar tersebut diambil oleh kontraktor sendiri di tapak kerja Taman Bukit Aup dan Kawasan CBD seperti d**i Foto 107** hingga **Foto 112.**

Foto 107
Gambar Yang Sama Untuk Tuntutan Bulan Mac Dan April 2007



Sumber: Fail Majlis
Lokasi: Taman Bukit Aup

Foto 108
Gambar Yang Sama Untuk Tuntutan Bulan Ogos, September Dan November 2007



Sumber: Fail Majlis
Lokasi: Taman Bukit Aup

Foto 109
Gambar Yang Sama Untuk Tuntutan Bulan Ogos Dan September 2006



Sumber: Fail Majlis
Lokasi : Jalan Tuanku Osman (Kawasan CBD)

Foto 110
Gambar Yang Sama Untuk Tuntutan Bulan Ogos Dan September 2006



Sumber: Fail Majlis
Lokasi: Jalan Central (Kawasan CBD)

Foto 111
Gambar Yang Sama Untuk Tuntutan Bulan Januari Dan Februari 2007



Sumber: Fail Majlis
Lokasi: Taman Chiang Chuan (Kawasan CBD)

Foto 112
Gambar Yang Sama Untuk Tuntutan Bulan Januari Dan Februari 2007



Sumber: Fail Majlis
Lokasi: Taman Mist (Kawasan CBD)

Perkara ini berlaku disebabkan gambar tersebut tidak disemak dengan sewajarnya oleh Majlis sebelum bayaran dibuat. Akibatnya, berdasarkan gambar yang dikemukakan oleh kontraktor, kerja penyenggaraan yang sebenarnya telah dibuat setiap bulan tidak dapat dipastikan. Mengikut maklum balas Majlis, perkara ini berlaku disebabkan Majlis terlepas pandang terhadap penyemakan gambar yang dikemukakan oleh kontraktor. Kerja penyenggaraan sebenarnya telah dilaksanakan oleh kontraktor.

Semakan Audit terhadap sebanyak 50 Pesanan Kerajaan berjumlah RM119,640 bagi kerja penyenggaraan landskap lembut dan kejur mendapati kerja yang berkenaan telah disahkan siap oleh Landskap Arkitek Majlis. Kerja penyenggaraan landskap lembut yang dilaksanakan adalah seperti mencantas dahan pokok, memotong pokok tumbang dan membuang tumbuhan parasit serta tumbuhan menjalar pada pokok. Manakala kerja penyenggaraan landskap kejur tersebut adalah seperti mengganti atau membaiki lantai, dinding, bangku taman, titian serta menukar barangan elektrik yang rosak.

Pada pendapat Audit, prestasi kerja kontraktor adalah baik kerana kerja telah siap dilaksanakan seperti yang ditetapkan.

d) Kualiti Kerja

Lawatan Audit ke tapak kerja yang dipilih pada bulan Oktober dan November 2007 serta Januari 2008 untuk menentukan kerja penyenggaraan telah dilaksanakan dengan sempurna mendapati perkara berikut:

i) Kerja Pembangunan Dan Penyenggaraan Landskap Di Hoover Memorial Park, Sungai Merah


Semakan Audit terhadap kerja pembangunan landskap di Hoover Memorial Park mendapati kerja landskap bernilai RM96,338 telah siap dilaksanakan mengikut spesifikasi kontrak oleh M/S Zoo Bee Garden Bonsai Centre pada bulan Ogos 2007. Antara kerja yang dilaksanakan ialah mengisi, merata serta melapis tanah, memindahkan dan menanam semula rumput dan pokok seperti *Majestic Palm,* Pokok Pine*, Baphia Nitida, Oleander Ugenia* dan *Duranta Repens*. Lawatan Audit ke tapak pada pertengahan bulan November 2007 mendapati rumput dan pokok seperti Pokok Pine, *Baphia Nitida, Oleander Ugenia* dan *Duranta Repens* telah ditanam seperti di **Foto 113** dan **Foto 114.**

Foto 113
Rumput (*Close Turfing*) Yang Ditanam



Sumber: Fail Jabatan Audit Negara
Tarikh: 12 November 2007
Lokasi: Hoover Memorial Park

Foto 114
Pokok Pine Yang Ditanam



Sumber: Fail Jabatan Audit Negara
Tarikh: 12 November 2007
Lokasi: Hoover Memorial Park

Bagaimanapun, kerja penyenggaraan yang dilaksanakan oleh kontraktor yang sama terhadap landskap tersebut adalah tidak memuaskan kerana lawatan Audit pada pertengahan bulan Januari 2008 mendapati 5 daripada 6 pokok pine yang ditanam telah menunjukkan tanda kekeringan dan kurang subur dan satu pokok pine telah mati selepas 4 bulan ditanam seperti di **Foto 115** dan **Foto 116**. Daripada 27 pokok *Majestic Palm* yang ditanam, diperhatikan 16 pokok telah hilang dan 5 pokok telah rosak seperti di **Foto 117**. Kerja penyenggaraan landskap tersebut dengan kos sejumlah RM617 sebulan telah bermula pada bulan September 2007.

Foto 115
Pokok Pine Yang Kelihatan Kering/ Kurang Subur



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 14 Januari 2008
Lokasi: Hoover Memorial Park

Foto 116
Pokok Pine Yang Telah Mati



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 14 Januari 2008
Lokasi: Hoover Memorial Park

Foto 117
***Majestic Palm* Yang Rosak/Hilang**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 14 Januari 2008
Lokasi : Hoover Memorial Park

Perkara ini berlaku kerana pokok yang ditanam tidak disenggarakan dengan sewajarnya dan pihak Majlis tidak membuat pemantauan dengan sempurna. Perkara ini telah menyebabkan berlakunya pembaziran wang awam kerana matlamat Majlis untuk mengindahkan kawasan di taman tersebut tidak dapat dicapai dengan sepenuhnya dan kos kerja penyenggaraan telah dibayar kepada kontraktor setiap bulan.

ii) Kerja Pembangunan Landskap Di Jalan Maju/Khoo Peng Loong dan Jalan Brooke/Jalan Pedada (Bulatan Selemo)

Semakan Audit terhadap kerja pembangunan landskap di Jalan Maju/Khoo Peng Loong dan Jalan Brooke/Jalan Pedada (Bulatan Selemo) yang bernilai RM99,351 mendapati kerja tersebut telah siap dilaksanakan pada bulan November 2007 mengikut spesifikasi dan pelan Majlis. Kerja tersebut adalah seperti membekal dan menanam pokok palma, pokok bunga serta pokok renek, mengisi, merata serta melapis tanah dan membekalkan pelbagai saiz batu serta batu granit untuk landskap kejur. **Foto 118** menunjukkan kerja yang dilakukan oleh kontraktor dengan baik.

Foto 118
Kerja Pembangunan Landskap Di
Jalan Maju/Jalan Khoo Peng Loong



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 12 November 2007
Lokasi: Jalan Maju/Khoo Peng Loong

iii) Kerja Penyenggaraan Di Taman Bukit Aup

Lawatan Audit ke tapak pada pertengahan bulan Oktober 2007 mendapati pada umumnya kerja penyenggaraan di Taman Bukit Aup adalah baik kecuali perkara berikut:

- Daun/dahan pokok yang layu atau kering tidak dibuang seperti di **Foto 119.** Bagaimanapun, lawatan Audit pada pertengahan bulan Januari 2008 mendapati daun tersebut telah dibuang.
- Dahan pokok yang melebar hingga menghalang laluan jalan tidak dicantas seperti di **Foto 120.**
- Pokok liar dan semak samun tidak dipotong sehingga hampir melindungi lampu taman seperti di **Foto 121.** Bagaimanapun, lawatan Audit pada

pertengahan bulan Januari 2008 mendapati tindakan telah diambil, iaitu dahan pokok liar dan semak samun tersebut telah dipotong.

- Pokok yang menunjukkan tanda kekeringan dan kurang subur seperti di **Foto 122**.

Foto 119
Daun Pokok Yang Layu



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 12 Oktober 2007
Lokasi: Taman Bukit Aup

Foto 120
Dahan Pokok Tidak Dicantas



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 12 Oktober 2007
Lokasi: Taman Bukit Aup

Foto 121
Pokok Liar Dan Semak Samun Yang Hampir Melindungi Lampu Taman



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 12 Oktober 2007
Lokasi: Taman Bukit Aup

Foto 122
Pokok Yang Kelihatan Kering




Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 12 Oktober 2007
Lokasi: Taman Bukit Aup

Perkara ini berlaku disebabkan kontraktor tidak menjalankan kerja penyenggaraan dengan sewajarnya mengikut syarat kontrak. Akibatnya, persekitaran kawasan taman dan tumbuh-tumbuhan yang ditanam kurang menarik.

iv) Kerja Penyenggaraan Di Kawasan Protokol

Lawatan Audit ke tapak pada pertengahan bulan Oktober 2007 mendapati pada umumnya kerja penyenggaraan di Kawasan Protokol adalah baik seperti di **Foto 123** dan **Foto 124.**

Foto 123
Pokok Bunga Yang Menarik



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 12 Oktober 2007
Lokasi: Sungai Merah Heritage Walk

Foto 124
Penyenggaraan Yang Baik



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 11 Oktober 2007
Lokasi: Jalan Deshon

Bagaimanapun, lawatan Audit juga mendapati landskap yang tidak disenggarakan dengan memuaskan seperti berikut:

- Daun/dahan pokok yang layu atau kering di Wong Nai Siong Square dan Sungai Merah Heritage Walk tidak dibuang.
- Pokok Renek di Sungai Merah Heritage Walk serta Jalan Persiaran Brooke seperti di **Foto 125** dan pokok bunga di Jalan Tunku Abdul Rahman kurang subur.

Foto 125
Pokok Renek Yang Kurang Subur



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 12 Oktober 2007
Lokasi: Jalan Persiaran Brooke

- Pokok *Fish Tail* di Wong Nai Siong Square yang mati tetapi tidak ditebang seperti di **Foto 126**. Bagaimanapun, lawatan Audit pada pertengahan bulan Januari 2008 mendapati pokok tersebut telah ditebang seperti di **Foto 127.**

Foto 126
Pokok Yang Mati Tidak Ditebang



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 12 Oktober 2007
Lokasi: Wong Nai Siong Square

Foto 127
Pokok Yang Mati Telah Ditebang



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 14 Januari 2008
Lokasi: Wong Nai Siong Square

- Pokok bunga berserabut di Jalan Tunku Abdul Rahman tidak dicantas.
- Rumput panjang di sebahagian kawasan Jalan Pedada tidak dipotong seperti di **Foto 128**. Bagaimanapun, rumput tersebut telah dipotong semasa lawatan Audit pada pertengahan bulan Januari 2008.

- Sebahagian longkang di Jalan Pedada tidak dibersihkan seperti di **Foto 129**. Bagaimana pun, longkang tersebut telah dibersihkan semasa lawatan Audit pada pertengahan bulan Januari 2008.

Foto 128
Rumput Tidak Dipotong



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 11 Oktober 2007
Lokasi: Jalan Pedada

Foto 129
Longkang Tidak Dibersihkan



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 11 Oktober 2007
Lokasi: Jalan Pedada

v) Kerja Penyenggaraan Di Kawasan CBD

Lawatan Audit ke tapak pada pertengahan bulan Oktober 2007 mendapati pada umumnya kerja penyenggaraan di Kawasan CBD adalah baik seperti berikut:

- Landskap di Taman Hii disenggarakan dengan baik. Lawatan Audit mendapati kawasan tersebut adalah bersih, rumput telah dipotong, air pancut berfungsi dengan baik dan peralatan permainan kanak-kanak dalam keadaan baik seperti di **Foto 130.**
- Landskap di Taman Ling disenggarakan dengan baik kerana pokok renek telah dicantas, Pokok Renek kelihatan subur dan cantik, rumput telah dipotong dan kawasan adalah bersih seperti di **Foto 131.**

Foto 130
Penyenggaraan Yang Baik



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 11 Oktober 2007
Lokasi: Taman Hii

Foto 131
Penyenggaraan Yang Baik



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 11 Oktober 2007
Lokasi: Taman Ling

- Landskap di Dataran Bandar Sibu Fasa 1 disenggarakan dengan baik kerana kebanyakan Pokok Renek telah dicantas dengan sempurna, Pokok Palma dan Pokok Renek dalam keadaan subur dan cantik, rumput telah dipotong dan kawasan persekitaran adalah bersih seperti di **Foto 132**. Bagaimanapun, lawatan Audit juga mendapati sebahagian kecil Pokok Renek kurang subur dan ada yang telah mati di tepi kawasan tempat letak kereta dan di bahagian tepi tangga ke Menara Dataran Bandar Sibu.

Foto 132
Penyenggaraan Yang Baik



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 11 Oktober 2007
Lokasi: Dataran Bandar Sibu Fasa 1

Lawatan Audit mendapati landskap Taman Mist, Taman Chiang Chuan dan Rejang Esplanade tidak disenggarakan dengan memuaskan seperti berikut:

- Pokok di Jalan Kampung Nangka, Jalan Awang Ramli Amit, Taman Mist, Taman Chiang Chuan dan Rejang Esplanade tidak dicantas dan kelihatan berserabut. Selain itu, dahan pokok di Taman Mist menghalang pemandangan papan tanda 'AWAS' seperti di **Foto 133.** Bagaimanapun, pokok tersebut telah dicantas semasa lawatan Audit pada awal bulan Mei 2008 seperti di **Foto 134.**

Foto 133
Pokok Menghalang Papan Tanda



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 11 Oktober 2007
Lokasi: Taman Mist

Foto 134
Pokok Menghalang Papan Tanda Telah Dicantas



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 02 Mei 2008
Lokasi: Taman Mist

.

- Daun Pokok Palma yang layu atau kering di Jalan Awang Ramli Amit dan Jalan Tuanku Osman tidak dibuang.
- Pokok Renek di Taman Harmoni, Rejang Esplanade dan Jalan Tuanku Osman kurang subur.

vi) Kerja Penyenggaraan Di Taman Tasik Dan Taman Persahabatan

Lawatan Audit ke tapak pada pertengahan bulan Oktober 2007 mendapati pada umumnya kerja penyenggaraan di Taman Tasik dan Taman Persahabatan adalah baik kerana kawasan adalah bersih serta indah, Pokok Renek kelihatan subur serta cantik dan telah dicantas dengan sempurna seperti di **Foto 135** hingga **Foto 137.**

Foto 135
Penyenggaraan Yang Baik



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 11 Oktober 2007
Lokasi: Taman Tasik

Foto 136
Pemandangan Yang Menarik



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 11 Oktober 2007
Lokasi: Taman Tasik

Foto 137
Kawasan Yang Bersih Dan Indah



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 11 Oktober 2007
Lokasi: Taman Persahabatan

Lawatan Audit ke Taman Persahabatan mendapati kolam tidak disenggarakan dan hampir dipenuhi dengan rumput rumpai seperti di **Foto 138.**

Foto 138
Kolam Yang Tidak Disenggarakan Dengan Baik



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 11 Oktober 2007
Lokasi: Taman Persahabatan

Mengikut maklum balas Majlis, perkara ini berlaku disebabkan Majlis terlepas pandang terhadap penyenggaraan kolam tersebut. Pada tempoh bulan Julai 2006 hingga Disember 2007, Majlis langsung tidak memberi arahan kepada kontraktor untuk menyenggarakan kolam tersebut. Mengikut syarat kontrak, kontraktor hanya akan melaksanakan kerja penyenggaraan terhadap kolam tersebut atas arahan Majlis pada masa yang perlu. Pada awal bulan Mei 2008, Majlis telah mencadang untuk mengeringkan tempat tersebut agar ianya dapat diisikan dengan batu kerangan dan kawasan ini akan dijadikan kawasan tumpuan untuk permainan kanak-kanak.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhan kualiti kerja pembangunan dan penyenggaraan landskap di bandar Sibu adalah baik. Bagaimanapun, kelemahan seperti *Majestic Palm* yang ditanam telah rosak, pokok pine yang kering dan kurang subur, dahan pokok tidak dicantas, pokok bunga atau pokok renek kurang subur, pokok bunga atau dahan pokok tidak dicantas dan kolam tidak disenggarakan perlu diperbaiki untuk memastikan kerja penyenggaraan landskap dilaksanakan dengan lebih berkesan.

36.2.7 Pengurusan Tapak Semaian

Tapak semaian Majlis terletak di Jalan Bukit Lima. Antara perancangan Majlis adalah untuk menyediakan pokok, pokok renek pasu dan bunga pasu bagi kegunaan agensi Kerajaan, persatuan, sekolah, pihak pemaju serta individu, pihak Badan Sukarela dan Badan Bukan Kerajaan. Bekalan pokok dan bunga secara pinjaman atau sewaan atau percuma adalah bertujuan untuk ditanam di kawasan yang ditetapkan oleh agensi yang meminta serta hiasan semasa acara atau perayaan rasmi.

Pada tahun 2005 hingga 2007, Majlis telah membelanjakan sejumlah RM16,822 untuk pembelian pokok, benih dan penutup bumi seperti Bunga Raya, Palma, Kesidang, Bunga Kertas dan berbagai jenis lagi secara pembelian terus dari pelbagai pembekal melalui 5 Pesanan Kerajaan. Pokok, benih dan penutup bumi tersebut dibeli bagi tujuan penanaman di kawasan tertentu oleh agensi Kerajaan, sekolah, pihak pemaju serta individu dan pihak Badan Sukarela serta Badan Bukan Kerajaan. Pembelian pokok tersebut juga bagi tujuan pembiakan anak pokok di tapak semaian. Pokok dan pasu juga dibeli bagi tujuan penggantian pokok dan pasu yang rosak akibat vandalism.

Lawatan Audit ke tapak semaian pada 11 Oktober 2007 mendapati tapak tersebut mengandungi stok anak benih Pokok Tanjong, Pokok Palma seperti *Red Palm, Foxtail Palm dan Manila Palm,* pokok renek seperti *Ixora*, *G. Duranta, Red Ivy,* Bunga Raya, *Eugenia Oliena, Bougainvella, Cordyline, Acalyhpa dan Pandanus* dan pelbagai jenis bunga dalam pasu. Pokok bunga di tapak semaian adalah dalam keadaan baik, segar dan subur. Pokok bunga dalam pasu disusun dengan teratur di atas rak. Selain itu, rumah teduhan yang dilengkapi dengan sistem penyiraman dan jaring hitam telah disediakan untuk menahan cahaya matahari secara terus ke pokok. **Foto 139** menunjukkan sebahagian pokok renek yang diurus di tapak semaian majlis.

Foto 139
Pokok Renek Di Tapak Semaian



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 11 Oktober 2007
Lokasi: Tapak Semaian Majlis

Pada pendapat Audit, pokok di tapak semaian telah diuruskan dengan baik.

36.2.8 Prestasi Kewangan

Majlis memerlukan peruntukan kewangan yang mencukupi untuk membuat bayaran kepada pihak tertentu bagi kerja yang telah dilaksanakan. Peruntukan kewangan dan perbelanjaan Majlis bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti berikut:

a) Sumber Kewangan Majlis

Program pengindahan dan landskap dibiayai melalui sumber peruntukan mengurus Majlis. Majlis menyediakan peruntukan untuk melaksanakan program tersebut dan mengemukakan keperluannya itu kepada KASKA. Pada tempoh tahun 2005 hingga 2007, peruntukan kewangan sejumlah RM10.05 juta diluluskan oleh KASKA untuk melaksanakan program ini. Pada tahun 2006, viremen tambahan berjumlah RM630,000 telah diluluskan oleh KASKA bagi penyenggaraan padang dan kawasan sempena perayaan rasmi. Pada tahun 2007 pula, viremen tambahan berjumlah RM700,000 telah diluluskan bagi kerja tambahan penyenggaraan dan pembaikan landskap dan jumlah peruntukan kewangan yang dipinda menjadi RM11.38 juta bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007. Semakan Audit mendapati sejumlah RM11.33 juta atau 99.6% telah dibelanjakan berbanding peruntukan sejumlah RM11.38 juta seperti di **Jadual 85**.

Jadual 85
Peruntukan Dan Perbelanjaan Program Pengindahan Dan Landskap Bandar

Tahun	Peruntukan Yang Diluluskan (RM Juta)			Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus Belanja (%)
	Asal	Tambahan	Dipinda		
2005	3.12	-	3.12	3.11	99.7
2006	3.30	0.63	3.93	3.91	99.5
2007	3.63	0.70	4.33	4.31	99.5
Jumlah	**10.05**	**1.33**	**11.38**	**11.33**	**99.6**

Sumber: Rekod Majlis Perbandaran Sibu

Analisis Audit terhadap prestasi perbelanjaan mendapati perbelanjaan berjumlah RM3.11 juta pada tahun 2005 telah meningkat 25.7% kepada RM3.91 juta pada tahun 2006. Ini adalah disebabkan pada tahun 2006, perbelanjaan Padang dan Kawasan sejumlah RM1.93 juta telah meningkat sejumlah RM429,052 atau 28.6% berbanding sejumlah RM1.49 juta pada tahun 2005. Selain itu, perbelanjaan Taman dan Kemudahan Rekreasi sejumlah RM1.25 juta juga telah meningkat sebanyak RM398,492 iaitu 47.1% berbanding sejumlah RM0.85 juta pada tahun 2005. Pada tahun 2007, perbelanjaan berjumlah RM4.31 juta telah meningkat sejumlah RM400,931 atau 10.3% berbanding perbelanjaan berjumlah RM3.91 juta pada tahun 2006. Ini adalah disebabkan pada tahun 2007, perbelanjaan Padang dan Kawasan sejumlah RM2.49 juta telah meningkat sejumlah RM558,050 atau 28.9% berbanding sejumlah RM1.93 juta pada tahun 2006.

b) Sumber Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak

Pada tahun 2005 dan 2006, Majlis tidak menerima peruntukan kewangan daripada Kerajaan Negeri untuk membiayai perbelanjaan pembangunan program pengindahan dan landskap. Manakala pada tahun 2007, Majlis telah diberikan peruntukan kewangan berjumlah RM100,000 dalam bentuk geran untuk kerja pengindahan di Jalan Protokol. Daripada geran tersebut, sejumlah RM99,351 atau 99.4% telah dibelanjakan.

c) Sumber Kewangan Jabatan Landskap Negara (JLN)

Pada tahun 2005 hingga 2007, peruntukan sejumlah RM193,896 telah disalurkan oleh JLN kepada KASKA untuk pembekalan dan penanaman Pokok Utama, Pokok Renek, Palma dan Pokok Bunga Raya bagi tujuan penceriaan dan kempen menanam pokok, penghijauan jalan, penyenggaraan landskap dan bekalan peralatan penyenggaraan. Semakan Audit mendapati kerja pencantasan pokok berjumlah RM49,700 dan kerja menambahbaikan gazebo, astaka, jeti dan laluan pejalan kaki di Taman Tasik berjumlah RM36,800 telah dilaksanakan oleh kontraktor melalui sebut harga. Selain itu, pembelian peralatan seperti 2 unit *pole pruners,* 2 unit gergaji berantai dan 2 unit *trimmer* bernilai RM9,990 dibeli melalui sebut harga yang dipelawa oleh KASKA. Manakala kerja yang lain berjumlah RM96,258 dilaksanakan oleh kontraktor melalui Pesanan Kerajaan. Daripada peruntukan tersebut, sejumlah RM192,748 atau 99.4% telah dibelanjakan seperti di **Jadual 86.**

Jadual 86
Perbelanjaan Peruntukan Kewangan Daripada JLN

Tahun	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus Belanja (%)
2005	119,896	119,350	99.5
2006	64,000	63,408	99.1
2007	10,000	9,990	99.9
Jumlah	**193,896**	**192,748**	**99.4**

Sumber: Rekod KASKA dan Majlis Perbandaran Sibu

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan adalah sangat baik.

36.2.9 Keperluan Bahan Dan Peralatan

Mengikut *The Local Authorities Financial Regulations, 1997,* bekalan yang nilainya melebihi RM50,000 setahun bagi satu jenis item atau kelas jenis item akan ditenderkan manakala nilai yang kurang daripada RM50,000 tetapi melebihi RM20,000 akan dipilih melalui sebut harga.

Pada tahun 2005 hingga 2007, Majlis telah membelanjakan sejumlah RM716,416 untuk pembelian baja, racun, kayu, pasu bunga dan perkakasan taman yang lain seperti polibag, gergaji, cangkul, parang dan troli untuk mengangkut pasu. Semakan Audit mendapati pembelian kayu telah dibuat melalui tawaran tender terbuka untuk tempoh 1

tahun. Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, sebanyak 3 kontraktor yang berdaftar dengan Unit Pendaftaran Kontraktor telah dipilih untuk pembekalan kayu berjumlah RM306,974 kepada Majlis. Manakala pembelian baja, racun, pasu bunga dan perkakasan taman berjumlah RM409,442 telah dibuat secara pembelian terus melalui 327 Pesanan Kerajaan seperti di **Jadual 87**.

Jadual 87
Perbelanjaan Pembelian Bahan Dan Peralatan Melalui Pesanan Kerajaan

Bil.	Jenis Bahan Dan Peralatan	Tahun / Kos Pembelian (RM)			Jumlah Keseluruhan
		2005	2006	2007	
1.	Baja	4,236	13,562	46,166	63,964
2.	Racun Serangga Dan Tumbuhan	2,519	11,890	30,778	45,187
3.	Perkakasan Taman	60,252	81,494	40,243	181,989
4.	Pasu bunga	21,579	50,645	46,078	118,302
Jumlah		**88,586**	**157,591**	**163,265**	**409,442**

Sumber: Laporan Perbelanjaan Majlis

Perbelanjaan berjumlah RM88,586 pada tahun 2005 telah meningkat sebanyak 77.9% menjadi RM157,591 pada tahun 2006. Ini adalah disebabkan pembelian perkakasan taman dan pasu bunga meningkat di antara 35.3% hingga 134.7%.

Semakan Audit terhadap 35 Pesanan Kerajaan berjumlah RM66,851 mendapati bahan dan peralatan yang dibeli telah diakui terima oleh Landskap Arkitek.

Pada pendapat Audit, perolehan bahan dan peralatan telah diurus dengan baik.

36.2.10 Guna Tenaga Dan Latihan

Guna tenaga dan latihan yang disediakan oleh Majlis bagi menjayakan dan memastikan program pengindahan dan landskap bandar Sibu dilaksanakan dengan berkesan adalah seperti berikut:

a) Struktur Organisasi

Bahagian Landskap adalah bertanggungjawab secara langsung terhadap pengurusan program pengindahan dan landskap bandar Sibu. Fungsi Bahagian ini adalah untuk menjalankan program pengindahan dan landskap, memantau dan mengawal selia kerja pembangunan dan penyenggaraan landskap termasuk menebang mahupun mencantas pokok, mengurus tapak semaian, menyediakan khidmat nasihat tentang landskap, membaiki serta menyenggara alat permainan kanak-kanak, menerima dan meluluskan permohonan pokok, benih serta penutup bumi dari agensi Kerajaan atau agensi lain. Struktur organisasi Bahagian Landskap adalah seperti di **Carta 16.**

Carta 16
Struktur Pengurusan Bahagian Landskap



Sumber: Fail Perjawatan Majlis Perbandaran Sibu

b) Guna Tenaga

Bahagian Landskap diketuai oleh Landskap Arkitek (Gred J41) dan dibantu oleh 15 orang kakitangan sokongan. Setakat akhir tahun 2007, sebanyak 10 jawatan atau 62.5% telah diisi di Bahagian ini berbanding 16 jawatan yang telah diluluskan. Jawatan yang masih kosong adalah 1 Pembantu Tadbir Rendah Gred N11 mulai tahun 1992, satu Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R3 mulai tahun 2006 dan 4 Pekerja Rendah Awam Gred R1 mulai tahun 1991 hingga 2005. Maklumat terperinci mengenai pengisian jawatan adalah seperti di **Jadual 88**.

Jadual 88
Pengisian Jawatan Berdasarkan Waran Perjawatan Yang Diluluskan

Bil.	Nama / Gred Perjawatan	Bilangan Yang Diluluskan	Bilangan Yang Diisi	Kosong
1.	Landskap Arkitek J41	1	1	-
2.	Pembantu Tadbir N22	1	1	-
3.	Pembantu Tadbir N17	1	1	-
4.	Pembantu Tadbir Rendah N11	1	-	1
5.	Tukang Kayu R9	1	1	-
6.	Pemandu Kenderaan Bermotor R3	5	4	1
7.	Pekerja Rendah Awam R1	6	2	4
Jumlah		**16**	**10**	**6**

Sumber: Fail Perjawatan Majlis Perbandaran Sibu

Semakan Audit mendapati Bahagian Landskap telah meminjam pegawai dari Bahagian Kawalan Bangunan serta Bahagian Jalanraya dan Perparitan untuk memantau kerja kontraktor. Pegawai tersebut terdiri daripada seorang Pembantu Teknik (Awam) Gred J36, seorang Pembantu Teknik (Awam) Gred J29 bagi tempoh bulan Januari hingga April 2005 dan 2 orang Juruteknik (Awam) Gred J17. Perkara ini berlaku disebabkan Bahagian Landskap tidak mempunyai tenaga kerja teknikal yang mencukupi untuk melaksanakan kerja pemantauan. Pada tahun 2005, Majlis telah mencadangkan untuk menambah 1 perjawatan Pembantu Teknik J29 dan 1 perjawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N17 di Bahagian Landskap dalam cadangan penyusunan semula struktur organisasi Majlis. Bagaimanapun, cadangan tersebut masih belum diluluskan.

c) Latihan

Bagi tujuan latihan kakitangan, Majlis telah membelanjakan sejumlah RM161,284 atau 87.2% daripada peruntukan sejumlah RM185,000 yang diluluskan pada tahun 2005. Pada tahun 2006 sejumlah RM89,808 atau 99.8% daripada peruntukan sejumlah RM90,000 telah dibelanjakan. Pada tahun 2007 pula, sejumlah RM138,374 atau 92.2% daripada yang diperuntukkan telah dibelanjakan. Pada tahun 2005 hingga 2007, hanya 2 kakitangan Majlis, iaitu seorang Landskap Arkitek Gred J41 dan seorang Pembantu Tadbir Gred N17 telah dipilih untuk menghadiri kursus dan seminar berkaitan landskap. Antara kursus dan seminar yang dihadiri oleh kakitangan tersebut adalah seperti Seminar Pengurusan Tanaman Hiasan Untuk Majlis Rasmi, Seminar Dan Bengkel Landskap Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sarawak, Kursus Pengurusan Landskap Modul Asas (Ke arah Negara Taman), Seminar Arborikultur dan Seminar Taman Malaysia 2007. Semakan Audit mendapati seramai 8 kakitangan pelbagai gred di Bahagian Landskap yang tidak menghadiri sebarang kursus atau latihan dalam tempoh 3 tahun kebelakang. Selain itu, kakitangan yang dipinjam daripada Bahagian Kawalan Bangunan dan Bahagian Jalanraya dan Perparitan untuk memantau kerja kontraktor juga tidak menghadiri sebarang kursus berkaitan landskap pada tahun

2005 hingga 2007. Akibatnya, Majlis tidak mempunyai kepakaran yang mencukupi kerana latihan yang sesuai tidak diberi kepada kakitangan yang ada berkaitan dengan program pengindahan dan landskap.

Pada pendapat Audit, pengurusan keperluan guna tenaga dan latihan Majlis tidak memuaskan kerana sebanyak 6 (37.5%) perjawatan yang diluluskan belum diisi dan terdapat kakitangan di Bahagian Landskap tidak pernah menghadiri kursus berkaitan landskap.

36.2.11 Penyelenggaraan Rekod

Antara rekod yang diselenggarakan oleh Majlis ialah Daftar Kontrak, daftar untuk merekod penerimaan dan pengeluaran pokok, benih, penutup bumi, bahan dan peralatan, Laporan Bulanan Terhadap Landskap Dan Taman Rekreasi, Taman Permainan Kanak-kanak Dan Taman Lalu Lintas dan Laporan Suku Tahun Kempen Menanam Pokok Seluruh Negara. Semakan Audit terhadap rekod berkenaan mendapati perkara berikut:

a) Daftar Kontrak

Mengikut perenggan 218 *Local Authorities Financial Regulations 1997,* Daftar Kontrak yang mengandungi maklumat kontrak, nama kontraktor, nilai kontrak, arahan perubahan kerja serta nilai yang diluluskan dan sebagainya hendaklah diselenggarakan oleh Majlis untuk bayaran kontrak. Semakan Audit mendapati daftar tersebut tidak lengkap kerana maklumat seperti Arahan Perubahan Kerja serta nilai yang diluluskan, bayaran yang dilulus serta bayaran kemas kini tidak direkod dalam daftar tersebut. Akibatnya, pihak Audit menghadapi kesukaran untuk menyemak bayaran kontrak.

b) Daftar Untuk Merekod Penerimaan Dan Pengeluaran Pokok, Benih Dan Penutup Bumi

Majlis membeli pokok utama, pokok renek dan pokok bunga untuk dibekalkan kepada tapak semaian bagi tujuan pembiakan anak pokok di tapak semaian. Selain itu, ianya juga bertujuan untuk dibekalkan kepada agensi Kerajaan, sekolah, pihak pemaju serta individu, pihak Badan Sukarela dan pihak Badan Bukan Kerajaan untuk ditanam atau hiasan semasa acara atau perayaan rasmi. Lawatan Audit ke tapak semaian pada pertengahan bulan Oktober 2007 mendapati daftar tidak diselenggarakan untuk merekod segala penerimaan dan pengeluaran semua jenis pokok, benih dan penutup bumi untuk tujuan kawalan. Akibatnya, jumlah pokok dan benih yang diterima dan dikeluarkan serta stok sebenar tidak dapat dipastikan.

c) Daftar Untuk Merekod Penerimaan Dan Pengeluaran Bahan Dan Peralatan

Sebagai kawalan, suatu daftar hendaklah diselenggarakan untuk merekod penerimaan dan pengeluaran bahan dan peralatan di tapak semaian. Semakan Audit mendapati daftar tersebut tidak diselenggarakan. Akibatnya, jumlah bahan

dan peralatan seperti baja, racun, pasu bunga dan sebagainya yang diterima dan dikeluarkan serta stok sebenar tidak dapat dipastikan.

Pada pendapat Audit, penyelenggaraan rekod berkaitan pengindahan dan landskap oleh Majlis adalah tidak memuaskan. Majlis perlu menitikberatkan penyelenggaraan Daftar Kontrak, daftar untuk merekod penerimaan dan pengeluaran pokok, benih, penutup bumi, bahan dan peralatan untuk tujuan kawalan.

36.2.12 Kepuasan Orang Awam Terhadap Program Pengindahan Dan Landskap Bandar Sibu

Sebanyak 150 borang soal selidik Audit telah diedarkan kepada orang awam untuk mengukur kepuasan hati terhadap prestasi program pengindahan dan landskap serta memberi cadangan penambahbaikan. Borang tersebut menilai tahap kepuasan orang awam sekitar kawasan Perbandaran Sibu terhadap program pengindahan dan landskap bandar Sibu. Kesemua borang yang diedarkan telah diisi oleh orang awam dan telah dikembalikan kepada pejabat Audit. Analisis Audit mendapati hanya 1% orang awam berpendapat program tersebut dilaksanakan dengan sangat baik, seramai 23% berpendapat baik, seramai 40% berpendapat memuaskan dan 36% yang lain berpendapat tidak memuaskan. Butiran hasil survei adalah seperti di **Jadual 89.**

Jadual 89
Ringkasan Hasil Survei Terhadap Borang Soal Selidik

Bil.	Perkara	Hasil Survei (%)			
		A	B	C	D
1.	Kebersihan kawasan	2	28	44	26
2.	Penjagaan tanaman hiasan	1	28	44	27
3.	Jenis tanaman hiasan bersesuaian dengan kawasan	3	32	38	27
4.	Lampu di kawasan landskap mencukupi	2	25	39	34
5.	Kemudahan di taman mencukupi dan selamat digunakan	0	21	41	38
6.	Kemudahan di taman yang rosak dibaiki dengan segera	1	11	36	52
7.	Rekabentuk landskap seperti trek jogging dan taman permainan kanak-kanak bersesuaian dengan keadaan taman	1	23	41	35
8.	Maklumat atau panduan kawasan taman dipamerkan	1	17	36	46
9.	Manfaat dari pembinaan taman/landskap	4	27	42	27
Purata Peratusan		**1**	**23**	**40**	**36**

Sumber: Borang Soal Selidik Untuk Mengukur Prestasi Program Pengindahan Dan Landskap
Nota: A=Sangat Baik. B=Baik. C=Memuaskan. D=Tidak memuaskan.

Analisis terhadap hasil survei daripada 150 orang awam terhadap taman awam mendapati hanya seramai 2% orang awam berpendapat taman dilaksanakan dengan sangat baik, seramai 24% berpendapat baik, seramai 32% berpendapat memuaskan dan 42% yang lain berpendapat tidak memuaskan. Butiran hasil survei adalah seperti di **Jadual 90**.

Jadual 90
Analisis Hasil Survei Terhadap Taman Awam

Bil.	Nama Taman	Hasil Responden (%)			
		A	B	C	D
1.	Taman Bukit Aup	2	25	15	58
2.	Taman Tasik	0	27	38	35
3.	Taman Persahabatan	2	22	31	45
4.	Taman Wong Nai Siong	4	25	29	42
5.	Taman Ling	0	20	35	45
6.	Taman Chiang Chuan	4	22	44	30
Purata Peratusan		**2**	**24**	**32**	**42**

Sumber: Borang Soal Selidik Untuk Mengukur Prestasi Program Pengindahan Dan Landskap
Nota: A=Sangat Baik. B=Baik. C=Memuaskan. D=Tidak memuaskan.

Responden orang awam juga telah memberi cadangan penambahbaikan terhadap program pengindahan dan landskap bandar Sibu seperti di **Jadual 91.**

Jadual 91
Pendapat/Cadangan Penambahbaikan Orang Awam

Bil.	Kawasan/Lokasi	Butiran Cadangan
1.	Protokol/Sungai Merah Heritage Walk dan Wong Nai Siong Garden	Memperketatkan kawalan keselamatan pada sebelah malam, mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan kemudahan, menggantikan pokok bunga yang kurang subur dan kurang menarik serta menambah bilangan tong sampah.
2.	Protokol/Jalan Deshon	Membersihkan semua longkang dan memotong semua rumput. Pokok yang kurang subur atau rosak hendaklah diambil tindakan dengan serta merta.
3.	Protokol/Jalan Tunku Abdul Rahman	Pokok bunga kurang menarik, kurang subur, tidak dicantas dan pokok bunga yang hilang perlu diganti.
4.	Protokol/Jalan Persiaran Brooke	Pokok bunga/renek kurang subur dan kurang menarik, daun pokok yang gugur di laluan pejalan kaki hendaklah dibersihkan dan persekitaran taman perlu dilengkapi dengan lampu yang terang.
5.	Protokol/Jalan Pedada	Longkang perlu dibersihkan.
6.	CBD/Dataran Bandar Sibu Fasa I	Mempertingkatkan kebersihan dan kemudahan taman serta sistem perparitan dan menambah bilangan lampu.
7.	CBD/Chiang Chuan Garden	Mempertingkatkan kebersihan dan pembaikian kerosakan tandas awam dengan segera dan meletakkan pengawal keselamatan.
8.	CBD/Tempat Letak Kereta Butterfly	Mempertingkatkan lagi pengindahan dan penyenggaraan taman.
9.	CBD/Jalan Kampung Nangka	Memperbaiki kerosakan kemudahan awam dengan segera.
10.	CBD/Jalan Keranji	Taman ini perlu disenggarakan dengan memuaskan.
11.	CBD/Jalan Kampung Nyabor	Taman ini tidak sesuai untuk kanak-kanak kerana berdekatan pusat hiburan (*pub*) dan kegiatan kurang bermoral sering berlaku di taman ini.
12.	CBD/Taman Harmoni	Menitikberatkan perhiasan tumbuhan dan memperbaiki kemudahan yang rosak. Pemantauan dan penjagaan taman perlu dilaksanakan.
13.	CBD/ Mist Garden	Tempat ini agak terlindung serta menggalakkan kejadian jenayah seperti ragut dan kegiatan maksiat.
14.	CBD/Pintu Gerbang Sibu	Memperketatkan lagi kawalan keselamatan.
15.	Taman Tasik Dan Taman Persahabatan	Perlu menghasilkan taman yang kondusif dan memenuhi keperluan semasa. Menyediakan kemudahan permainan kanak-kanak, memperbanyakkan lagi tempat beristirehat, memperketatkan lagi kawalan keselamatan dan mengatasi kejadian banjir.
16.	Taman Bukit Aup	Mengkaji sama ada tahap pengindahan/penyenggaraan adalah sepadan dengan peruntukan yang digunakan. Kebersihan taman dan kolam tidak memuaskan.

Sumber: Borang Soal Selidik Untuk Mengukur Prestasi Program Pengindahan Dan Landskap

Pada pendapat Audit, pengurusan penyenggaraan landskap boleh dipertingkatkan lagi. Secara keseluruhannya, terdapat 36% responden tidak berpuas hati dengan kualiti kerja penyenggaraan manakala 42% responden berpendapat taman tidak disenggarakan dengan memuaskan.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya, pelaksanaan program pengindahan dan landskap telah dijalankan dengan baik. Bagaimanapun, pelaksanaan program ini boleh dipertingkatkan lagi dengan memberi perhatian kepada aspek penanaman pokok, penyediaan anggaran kos kerja, Senarai Inventori, Jadual Kerja Penyenggaraan, kualiti kerja kontraktor, pengisian perjawatan kosong, latihan atau kursus yang sesuai dan mencukupi untuk kakitangan dan penyelenggaraan rekod yang sempurna.

36.3 PEMANTAUAN

Bagi memastikan pelaksanaan program pengindahan dan landskap bandar Sibu berjalan dengan lancar dan memuaskan, Majlis telah memantau program ini melalui pendekatan berikut:

36.3.1 Bahagian Landskap

Semakan Audit mendapati Majlis tidak menyediakan jadual pemantauan berkala terhadap kerja penyenggaraan landskap yang dikontrakkan kepada pihak swasta. Analisis terhadap Senarai Semak Pemeriksaan Tapak bagi 7 kontrak yang dipilih mendapati senarai tersebut telah disimpan dalam fail dengan teratur. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a) Lawatan ke tapak kerja oleh kakitangan Majlis bagi tujuan pemantauan tidak mencukupi berbanding dengan kekerapan kerja yang dibuat oleh kontraktor seperti di **Jadual 92.**

Jadual 92
Perbandingan Kekerapan Lawatan Ke Tapak Kerja Oleh Majlis Dengan Kekerapan Kerja Yang Perlu Dibuat Oleh Kontraktor

Jenis Kerja	Tempoh	Nama Kawasan	Kekerapan Lawatan Ke Tapak Oleh Majlis	Kekerapan Kerja Yang Hendaklah Dibuat Oleh Kontraktor
Penyiraman Tananam	2005	LAMAW 1 dan LAMAW 3	Lawatan tidak dibuat	Mengikut keperluan.
	Julai hingga Disember 2006	Kawasan Protokol, Taman Tasik dan Taman Persahabatan	Sekali sebulan	15 kali sebulan, 2 kali sehari semasa musim kemarau, atau mengikut keperluan semasa musim tengkujuh.
		Kawasan CBD	1 hingga 6 kali sebulan	
		Taman Bukit Aup	Sekali sebulan kecuali bulan Ogos dilaksanakan setiap hari	
	Januari hingga Disember 2007	Kawasan Protokol	Sekali sebulan kecuali bulan Februari dilaksanakan 2 kali	
		CBD, Taman Bukit Aup	Sekali sebulan	
		Taman Tasik Dan Taman Persahabatan	1 hingga 8 kali sebulan	
Kawalan Rumpai	Julai hingga Disember 2006	Kawasan Protokol dan CBD	Sekali sebulan	Secara harian, mingguan atau mengikut keperluan.
		Taman Bukit Aup	Sekali sebulan kecuali bulan Ogos dilaksanakan setiap hari	
		Taman Tasik Dan Taman Persahabatan	1 hingga 2 kali sebulan	
	Januari hingga Disember 2007	Kawasan Protokol	Sekali sebulan kecuali bulan Februari dilaksanakan 2 kali	
		CBD dan Taman Bukit Aup	Sekali sebulan	
		Taman Tasik dan Taman Persahabatan	2 kali sebulan kecuali bulan Disember dilaksanakan sekali	
Pencantasan	Julai hingga Disember 2006	Kawasan Protokol	Sekali sebulan	Secara mingguan, bulanan, tahunan, apabila daun layu atau mengikut keperluan.
		Taman Bukit Aup	Sekali sebulan kecuali bulan Ogos dilaksanakan setiap hari	
		Taman Tasik dan Taman Persahabatan	1 hingga 2 kali sebulan	
		Kawasan CBD	1 hingga 3 kali sebulan	
	Januari hingga Disember 2007	Taman Bukit Aup	Sekali sebulan	
		Kawasan Protokol dan CBD	1 hingga 2 kali sebulan	
		Taman Tasik dan Taman Persahabatan	2 kali sebulan	
Kutipan Sampah	Julai hingga Disember 2006	Kawasan Protokol	Sekali sebulan	Secara harian, mingguan, bulanan, 2 atau 3 kali sebulan bagi sampah yang terdedah akibat pemotongan rumput atau mengikut kekerapan memotong rumput.
		Taman Bukit Aup	Sekali sebulan kecuali bulan Ogos dilaksanakan setiap hari	
		Taman Tasik dan Taman Persahabatan	1 hingga 2 kali sebulan	
		Kawasan CBD	1 hingga 7 kali sebulan	
	Januari hingga Disember 2007	Taman Bukit Aup	Sekali sebulan	
		CBD	1 hingga 2 kali bagi bulan Januari, Februari, September dan Oktober	
		Kawasan Protokol	1 hingga 2 kali sebulan	
		Taman Tasik dan Taman Persahabatan	1 hingga 6 kali sebulan	

Sumber: Rekod Majlis Perbandaran Sibu

Perkara ini berlaku disebabkan Bahagian Landskap tidak mempunyai tenaga kerja teknikal yang mencukupi untuk melaksanakan kerja pemantauan. Ini dapat dilihat dari segi peminjaman pegawai dari Bahagian Kawalan Bangunan serta Bahagian

Jalanraya dan Perparitan untuk memantau kerja kontraktor. Akibatnya, kerja kontraktor tidak dapat dipantau dengan sewajarnya.

b) Mengikut Senarai Semak Pemeriksaan Tapak, prestasi kerja kontraktor adalah memuaskan. Senarai Semak Pemeriksaan Tapak yang lengkap telah disahkan oleh Landskap Arkitek J41, Pembantu Teknik (Awam) Gred J36, Pembantu Teknik (Awam) Gred J29, Juruteknik (Awam) Gred J17 atau Pembantu Tadbir N17 bagi tempoh 2005 hingga 2007.

36.3.2 Jawatankuasa Kawalan Bangunan Dan Pengindahan Bandar

Fungsi utama Jawatankuasa Kawalan Bangunan Dan Pengindahan Bandar ialah membincangkan masalah serta isu yang berkaitan dengan pengindahan bandar dan landskap semasa mesyuarat bersidang. Semakan Audit mendapati jawatankuasa tersebut telah mengadakan mesyuarat setiap bulan pada tahun 2005 hingga 2007. Antara perkara yang dibincang semasa mesyuarat ialah Laporan Bulanan terhadap landskap, rancangan dan program pengindahan bandar Sibu. Laporan tersebut merangkumi kerja yang telah dilaksanakan oleh Bahagian Landskap seperti pelaksanaan penanaman pokok bunga, pencantasan dahan pokok, penyenggaraan kemudahan di taman dan taman permainan kanak-kanak. Walau bagaimanapun, prestasi kerja kontraktor tidak dinyatakan dalam Laporan Bulanan untuk dilaporkan semasa mesyuarat. Akibatnya, Jawatankuasa Kawalan Bangunan Dan Pengindahan Bandar tidak dimaklumkan mengenai prestasi kerja kontraktor setiap bulan.

36.3.3 Mesyuarat Penuh Majlis

Mengikut Seksyen 21 (1) *Local Authorities Ordinance 1996*, Mesyuarat Penuh Majlis hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali sebulan. Semakan Audit mendapati pada tahun 2005 hingga 2007, mesyuarat telah diadakan setiap bulan. Antara perkara yang dibincang ialah dasar landskap dan kaedah pelaksanaan landskap. Perkara berkaitan dengan pengindahan dan landskap yang dibangkitkan dalam Jawatankuasa Kawalan Bangunan Dan Pengindahan Bandar juga dibincang dalam mesyuarat ini.

36.3.4 Aduan Awam

Semakan Audit mendapati aduan awam yang diterima oleh Majlis telah direkodkan dalam Daftar Aduan Awam yang mengandungi maklumat seperti nombor siri, tarikh aduan diterima, jenis aduan, bahagian yang terlibat, tarikh aduan dikemukakan kepada bahagian yang berkenaan, tarikh aduan diambil tindakan dan tarikh aduan ditutup.

Pada tahun 2005 hingga 2007, Bahagian Landskap telah menerima sebanyak 158 aduan daripada orang awam dan kesemua kes telah diselesaikan. Daripada jumlah aduan ini, sebanyak 42 kes diterima pada tahun 2005 berbanding 57 kes pada tahun 2006 dan 59 kes pada tahun 2007. Semakan Audit selanjutnya mendapati tempoh yang diambil untuk Bahagian Pentadbiran mengemukakan aduan ke Bahagian

Landskap adalah di antara 1 hari hingga 17 bulan. Manakala masa diambil untuk mengatasi aduan adalah di antara 1 hari hingga melebihi 12 bulan seperti di **Jadual 93.**

Jadual 93
Tempoh Masa Yang Diambil Untuk Menyelesaikan Aduan

Proses Aduan	Masa Diambil/ Bilangan kes Aduan				
	≤ 1 bulan	>1-≤ 3 bulan	>3-≤ 5 bulan	>5-≤ 12 bulan	> 12 bulan
Tempoh diambil bagi menghantar aduan ke Bahagian Landskap	147	3	3	4	1
Tempoh diambil bagi menyelesaikan aduan.	18	12	16	63	49

Sumber: Fail Majlis Perbandaran Sibu

Daripada 158 kes aduan awam yang diterima, sebanyak 105 kes adalah berkaitan tumbuhan menghalang trafik atau membahayakan orang ramai yang perlu diselesaikan dalam tempoh masa 1 hingga 3 hari. Bagi 53 kes aduan awam yang lain, aduan tersebut adalah berkaitan membersihkan taman, lampu jalan yang tidak berfungsi, pemotongan rumput, membersihkan parit yang tersumbat dan sebagainya. Semakan Audit mendapati hanya 4 kes atau 3.8% dapat diselesaikan dalam tempoh 3 hari selaras dengan piagam Majlis. Manakala sebanyak 101 kes atau 96.2% diselesaikan dalam tempoh masa 4 hari hingga melebihi 2 tahun seperti di **Jadual 94.**

Jadual 94
Penyelesaian Aduan Awam Selaras Piagam Pelanggan

Tahun	Bilangan Aduan Yang Diterima	Tempoh Masa/Bilangan Kes Aduan Diselesaikan			
		1 - 3 hari	>3 hari - ≤ 12 bulan	>12 bulan - ≤ 24 bulan	>24 bulan
2005	31	1	17	4	9
2006	27	-	21	6	-
2007	47	3	33	11	-
	105	**4**	**71**	**21**	**9**

Sumber: Fail Majlis Perbandaran Sibu

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pemantauan yang dijalankan oleh Majlis adalah memuaskan. Bagaimanapun, Majlis tidak menyediakan jadual pemantauan berkala terhadap kerja penyenggaraan landskap yang dikontrakkan kepada pihak swasta dan kekerapan lawatan ke tapak adalah tidak mencukupi memandangkan terdapat kerja yang perlu dibuat oleh kontraktor secara harian dan mingguan dan prestasi kerja kontraktor tidak dinyatakan dalam Laporan Bulanan untuk dilaporkan semasa mesyuarat. Akibatnya, prestasi dan kualiti kerja kontraktor tidak dapat dipantau dengan baik. Selain itu, tempoh yang diambil oleh Majlis untuk menyelesaikan aduan awam adalah terlalu lama iaitu ada kes yang mencecah sehingga melebihi 2 tahun berbanding dengan 1 hingga 3 hari mengikut Piagam Pelanggan Majlis.

37. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, program pengindahan dan landskap bandar yang dilaksanakan oleh Majlis telah mencapai matlamatnya untuk mengindahkan bandar dengan menanam pelbagai pokok dan melaksanakan kerja penyenggaraan terhadap landskap yang telah dibangunkan bagi menceriakan persekitaran bandar. Bagaimanapun, pelaksanaan program ini akan dapat dipertingkatkan lagi sekiranya semua pihak yang terlibat memainkan peranan dengah lebih berkesan. Kajian Audit ini menunjukkan terdapat kelemahan seperti sasaran penanaman pokok tidak dicapai dengan sewajarnya, sebahagian kawasan landskap yang tidak disenggarakan dengan sempurna, kekosongan jawatan belum diisi, kakitangan yang terlibat dengan kerja landskap tidak diberikan latihan atau kursus yang sesuai, prestasi kerja kontraktor tidak dipantau dengan sewajarnya dan aduan awam lewat diselesaikan. Bagi mempertingkatkan lagi tahap pengurusan dan pelaksanaan program pengindahan dan landskap bandar Sibu supaya ianya lebih cekap dan berkesan adalah disyorkan:

a) Majlis menyediakan butiran terperinci untuk menyokong anggaran kewangan terhadap penyenggaraan, merancang bahan serta peralatan yang perlu dibeli.

b) Majlis hendaklah mengadakan pelbagai kempen penanaman pokok bagi tujuan meningkatkan kesedaran orang awam terhadap kehijauan alam sekitar.

c) Majlis hendaklah memantau dengan lebih rapi prestasi kontraktor yang telah dilantik untuk melaksanakan kerja penyenggaraan landskap bagi memastikan mereka menjalankan tanggungjawab seperti mana yang ditetapkan dalam kontrak. Tindakan tegas perlu diambil terhadap kontraktor yang gagal mematuhi syarat kontrak dan gagal melaksanakan kerja dengan sempurna. Jadual pemantauan berkala terhadap kerja penyenggaraan landskap hendaklah disediakan. Selain itu, prestasi kerja kontraktor hendaklah dilaporkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Bangunan Dan Pengindahan Bandar.

d) Kekosongan jawatan hendaklah diisi dengan secepat mungkin bagi mempastikan tenaga kerja yang mencukupi untuk melaksanakan kerja pemantauan. Selain itu, latihan atau kursus yang sesuai perlu diberikan kepada kakitangan yang ada berkaitan dengan kerja landskap.

e) Majlis hendaklah menyelenggarakan rekod seperti Daftar Kontrak, Daftar Penerimaan dan Pengeluaran pokok, baja, racun serta perkakasan taman dengan sempurna dan kemaskini.

f) Majlis perlu mengambil tindakan proaktif untuk mengatasi aduan awam mengenai kelemahan dalam pengurusan pengindahan dan landskap Bandar Sibu dengan segera.


MAJLIS BANDARAYA MIRI

PENGURUSAN PENYENGGARAAN JALAN MAJLIS

38. LATAR BELAKANG

Majlis Perbandaran Miri telah dinaikkan taraf menjadi Majlis Bandaraya Miri (Majlis) pada 20 Mei 2005. Kawasan pentadbiran Bandaraya adalah seluas 977.43 kilometer persegi yang bermula daripada Tanjung Batu di Bakam sehingga ke Pos Kawalan Imigresen, Sungai Tujuh, Kuala Baram dengan jumlah penduduk seramai 268,000 orang (Anggaran Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik dan Daerah Pentadbiran – Sarawak 2007). Sehingga akhir tahun 2007, jalan di bawah senggaraan Majlis adalah sepanjang 589.62 kilometer. Kedudukan Wilayah Majlis Bandaraya Miri adalah seperti **Peta 4** .

Peta 4
Kedudukan Wilayah Majlis Bandaraya Miri



Sumber: Fail Majlis Bandaraya Miri

Antara fungsi utama Majlis ialah mempertingkat, menyedia dan melaksanakan pembangunan infrastruktur serta penyenggaraannya. Objektif penyenggaraan infrastruktur seperti jalan awam dijalankan antara lainnya bertujuan memberi kemudahan yang baik dan selamat untuk keperluan, kegunaan dan keselesaan penduduk di Bandaraya Miri. Jalan Awam (Jalan) seperti yang diinterpretasikan dalam *Local Government Legislation By-Laws, Rules and Regulations* bermaksud jalan, laluan, lebuh, jambatan dan parit di sebelah jalan dan kawasan bahu jalan. Kerja-kerja penyenggaraan jalan yang dikendalikan oleh Majlis terdiri daripada penurapan semula jalan serta memperbaiki jalan yang rosak, pembaikan laluan pejalan kaki, penyenggaraan jambatan kayu di kampung-kampung, memotong rumput di bahu dan tepi jalan, membaiki dan membersih parit dan longkang. Bagi tempoh

tahun 2005 hingga 2007, Majlis telah memohon kelulusan peruntukan sejumlah RM36.17 juta daripada Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam (KASKA) untuk program penyenggaraan. Bagi tempoh yang sama Majlis telah mendapat kelulusan mengguna dana peruntukannya sejumlah RM32.58 juta dan telah membelanjakan sejumlah RM31.04 juta.

39. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada kerja penyenggaraan jalan telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, sempurna dan teratur serta mencapai matlamatnya.

40. SKOP PENGAUDITAN

Skop kajian ini meliputi kerja penyenggaraan jalan (kecuali jambatan) di kawasan perumahan, kampung, kawasan komersial, perindustrian dan kawasan penempatan semula bagi tahun 2005 hingga 2007. Pemeriksaan Audit dijalankan di Pejabat Majlis Bandaraya Miri.

41. KAEDAH PENGAUDITAN

Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat dan data berasaskan rekod kewangan, laporan, minit mesyuarat dan dokumen yang berkaitan. Bagi mendapat gambaran mendalam mengenai penyenggaraan jalan, pihak Audit telah memilih Kawasan Perindustrian Piasau, Pusat Komersial Mosjaya, kawasan perumahan di sekitar Lapangan Terbang Miri, Pujut, Lutong dan Senadin, Kampung Pangkalan Lutong, kawasan Lopeng dan kawasan penempatan semula di Tudan untuk meninjau kualiti kerja yang telah dan sedang dilaksanakan. Temu bual dengan pegawai yang terlibat dibuat bagi mendapat keterangan dan maklumat yang lebih jelas. Soal selidik juga telah diedarkan kepada penduduk Majlis untuk mendapat maklum balas dan pandangan pengguna tentang perkhidmatan dan kualiti kerja penyenggaraan yang dilakukan oleh Majlis.

42. PENEMUAN AUDIT

42.1 PERANCANGAN

Perancangan yang rapi dan teratur adalah penting bagi memastikan penyenggaraan jalan dilaksanakan dengan lancar dan tersusun. Aspek perancangan yang diteliti adalah seperti berikut:

42.1.1 Dasar Majlis

Dasar Majlis terhadap pembangunan Bandaraya Miri adalah untuk memberi kemudahan yang baik, keselesaan kepada penduduk serta menjaga imej dan gambaran yang baik kepada pelawat sebagai sebuah Bandaraya Pelancongan. Dengan itu, Majlis mengamalkan dasar penyenggaraan untuk memastikan kemudahan yang disediakan berfungsi dengan baik dan juga untuk menjamin keselamatan

pengguna. Majlis menggunakan tiga pendekatan untuk penyenggaraan iaitu penyenggaraan pencegahan, rutin dan kecemasan.

42.1.2 Undang-Undang, Peraturan dan Garis Panduan

Undang-undang, peraturan, garis panduan dan prosedur kerja adalah penting bagi sesebuah organisasi untuk memastikan setiap aktiviti yang hendak dilaksanakan mengikut undang-undang, peraturan dan piawaian yang ditetapkan. Ianya disediakan untuk memudahkan pegawai dan kakitangan memahami serta melaksanakan tugas dengan cekap, memudahkan perancangan dan pelaksanaan kerja. Oleh itu Majlis adalah tertakluk kepada *The Local Authorities Ordinance, 1996, The Local Authorities Financial Regulations 1997,* Perintah-Perintah Am Negeri dan Surat-surat Pekeliling yang dikeluarkan oleh KASKA serta Setiausaha Kerajaan Negeri untuk berfungsi. Majlis juga mengguna pakai garis panduan yang dikeluarkan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) dan *National Association Of Australian State Road Authorities* berkenaan amalan penyenggaraan jalan dan *Manual On Traffic Control Devices.*

a) *The Local Authorities Ordinance, 1996*

The Local Authorities Ordinance 1996 (Ordinan) telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sarawak pada 7 Mei 1996 bagi menggantikan *The Local Authorities Ordinance 1948.* Ordinan ini telah dikuatkuasakan dan diwartakan melalui Warta Kerajaan Negeri Sarawak pada 30 Mei 1996. Seksyen dalam Ordinan ini yang berkaitan secara langsung dengan penyenggaraan ialah Seksyen 98 yang menyatakan bahawa adalah menjadi tanggungjawab Majlis untuk menyenggara jalan awam, bangunan dan lain-lain kemudahan di dalam kawasan seliaan Majlis.

b) *The Local Authorities Financial Regulations, 1997*

The Local Authorities Financial Regulations (LAFR), 1997 ialah peraturan yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di bawah Seksyen 172. Peraturan ini telah diwartakan melalui Warta Kerajaan Negeri Sarawak pada 27 November 1997 dan berkuatkuasa mulai 1 Januari 1998. Antara perkara berkaitan dengan penyenggaraan ialah berkenaan dengan tatacara perolehan, bayaran dan merekod stok bekalan.

c) *Road Maintenance Principles And Practices*

Panduan ini yang dikeluarkan oleh LPIPM menggariskan kaedah penyenggaraan ke atas kerosakan dan perhatian ditumpukan kepada struktur jalan dan kemudahan lain yang berkaitan bagi mengekalkan keadaan jalan untuk keselesaan dan keselamatan pengguna. Panduan ini juga memperkenalkan cara penyenggaraan jalan yang efektif dari segi kos dan efisien.

d) *Road Maintenance Practice*

Panduan ini dikeluarkan oleh *National Association Of Australian State Road Authorities* menggariskan pengurusan Unit atau Jabatan yang terlibat dengan kerja penyenggaraan secara menyeluruh. Panduan ini menjelaskan secara terperinci tentang kaedah penyenggaraan jalan, parit, jambatan, tanda jalan serta jenis peralatan dan bekalan yang diperlukan.

e) *Manual On Traffic Control Devices*

Manual ini dikeluarkan oleh Cawangan Jalan, Ibu Pejabat, Jabatan Kerja Raya, Kuala Lumpur yang menggariskan antara lainnya bentuk tanda jalan, saiz, warna tanda dan garisan jalan untuk menyeragamkan penggunaannya di semua jalan.

42.1.3 Komponen Penyenggaraan Jalan

Penyenggaraan yang dijalankan adalah untuk mengurangkan kadar kerosakan atau mengekalkan keadaan kemudahan yang sedia ada untuk keselesaan pengguna. Kerja-kerja penyenggaraan dibahagikan kepada 3 kategori seperti:

a) Penyenggaraan Pencegahan

Penyenggaraan pencegahan meliputi kerja seperti menurap semula muka jalan, penyenggaraan jambatan, mengecat garisan jalan dan membaiki laluan pejalan kaki. Mengikut standard yang ditetapkan, kerja penurapan semula jalan akan dilakukan setiap tiga hingga lima tahun. Bagaimanapun kerja penurapan boleh dilakukan dengan lebih awal bergantung kepada kemendapan dan kerosakan jalan. Untuk garisan dan tanda jalan, tempoh untuk dicat semula adalah tiga tahun dan boleh dilakukan dengan lebih awal bergantung kepada penggunaan lalu-lintas.

b) Penyenggaraan Rutin

Penyenggaraan rutin adalah penyenggaraan berkala yang dirancang dan dilakukan secara pusingan dalam satu tempoh masa. Kerja penyenggaraan rutin dilakukan untuk menentukan infrastruktur dan kemudahan sentiasa dalam keadaan baik. Kerja penyenggaraan rutin melibatkan kerja pembersihan longkang dan parit, kerja pemotongan rumput, kerja penyenggaraan tepi jalan, pembahagi jalan dan kawasan lapang seperti di **Jadual 95**.

Jadual 95
Kerja Penyenggaraan Rutin Bagi Tahun 2005 Hingga 2007

Jenis Kerja	Kerja Yang Perlu Dilaksanakan	Kekerapan
Pemotongan rumput	Memotong rumput di tepi jalan serendah antara 25 hingga 50 mm	2 kali sebulan
Membersih tepi jalan, laluan pejalan kaki dan pembahagi jalan	Membuang tumbuh-tumbuhan	1 kali sebulan
Membersih parit di kawasan perumahan	Membuang rumput dan tumbuhan dalam parit	1 kali sebulan (2 kali sebulan mulai bulan Jun 2006)
Membersih parit monsun (*Storm Drain*)	Membersih parit monsun dengan jentera pengorek	1 kali sebulan

Sumber: Rekod Majlis Bandaraya Miri

c) Penyenggaraan Kecemasan

Penyenggaraan kecemasan ialah kerja penyenggaraan semasa ke atas kemudahan awam yang rosak akibat dari berlakunya bencana alam seperti jalan atau jambatan terputus akibat tanah runtuh ataupun banjir. Penyenggaraan akan dibuat dalam tempoh singkat bagi memastikan pengguna dapat menggunakannya dengan selesa dan selamat.

42.1.4 Kaedah Pelaksanaan Kerja

Kerja penyenggaraan dilaksanakan melalui 2 kaedah iaitu dengan menswastakan atau dijalankan oleh Majlis sendiri. Penentuan sama ada sesuatu kerja itu akan diswasta atau dilaksanakan sendiri oleh Majlis bergantung kepada kos kerja, kedudukan tapak projek, keperluan penggunaan jentera dan tenaga kerja.

a) Kerja Yang Diswastakan

Majlis akan menawarkan kerja penyenggaraan kepada pihak swasta sekiranya mendapati kos kerja melebihi RM20,000, Majlis tidak mempunyai jentera/mesin yang diperlukan, kekurangan tenaga kerja dan memerlukan kepakaran teknikal tertentu. Tawaran kerja akan dibuat melalui sebut harga atau tender berdasarkan nilai kerja. Sebut harga akan dipelawa untuk kerja bernilai RM20,000 tetapi kurang daripada RM50,000 manakala tender untuk kerja melebihi RM50,000. Sebut harga atau tender akan dibuka oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga atau Tender dan borang jadual tender yang menunjukkan nama penender, amaun yang ditender, tempoh siap atau tempoh penyerahan akan disediakan serta ditandatangani oleh ahli Jawatankuasa tersebut. Cadangan pemilihan kontraktor akan dibuat oleh Jawatankuasa Sebut Harga atau Tender dan akan dibentang semasa Mesyuarat Penuh Majlis untuk kelulusan. Bagi kerja yang jumlahnya kurang daripada RM20,000 Majlis boleh membuat pelantikan kontraktor secara lantikan terus.

b) Kerja Yang Dijalankan Oleh Majlis Sendiri

Majlis akan melaksanakan kerja penyenggaraan sendiri sekiranya mendapati kos kerja tidak melebihi RM20,000 seperti menampal lubang di jalan. Jentera dan bahan keperluan seperti batu dan *premix* yang digunakan bagi kerja penyenggaraan yang dijalankan oleh Majlis diperolehi daripada pembekal yang telah dilantik oleh Majlis melalui tawaran tender terbuka untuk tempoh satu tahun.

42.1.5 Sasaran Penyenggaraan

Penetapan sasaran adalah penting untuk memastikan kerja penyenggaraan dapat dilakukan dengan lebih tersusun mengikut tempoh masa dan peruntukan kewangan yang disediakan.

a) Penyenggaraan Pencegahan

Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, sebanyak 49 kerja dirancang untuk dilaksanakan dengan anggara kos sejumlah RM4.95 juta seperti di **Jadual 96** dibawah.

Jadual 96
Perancangan Projek Untuk Dilaksanakan

Tahun	Bilangan Projek	Kos (RM)
2005	15	1,500,000
2006	14	1,500,000
2007	20	1,950,000
Jumlah	**49**	**4,950,000**

Sumber: Rekod Majlis Bandaraya Miri

Bagamanapun, kerja-kerja yang dijalankan secara *ad-hoc,* tidak ada perancangan dibuat kerana ia bergantung kepada aduan yang diterima, pemeriksaan yang dijalankan dan arahan daripada pihak atasan.

b) Penyenggaraan Rutin

Untuk kerja penyenggaraan rutin**,** Majlis membahagikan kawasan kerja kepada beberapa zon seperti di **Jadual 97** untuk memudahkan tawaran kerja dan tugas pemantauan.

Jadual 97
Pembahagian Kawasan Kerja Kepada Zon

Jenis Kerja	Zon	Kawasan
Memotong Rumput *Footpath, Road Kerb Clearing, Post Clearing And Litter Picking* Membersih Parit Di Kawasan Perumahan	A	Taman Tunku dan Desa Permai
	B	Taman Tunku dan Perindustrian
	C	Kawasan bersempadan Jalan Luak Bay, Jalan Green Park, Jalan Riam, Jalan Riam Willow, Jalan Miri-Bintulu, Kampung Riam Jaya, Kampung Tunku Abdul Rahman Lambir dan Taman Futee
	D	Taman Pin Fook, Swan Hill, Yung Fah, Wah Shin, Song Seng, Kampung Lembah Hijau, Kampung Lopeng Tengah dan Grand Park
	E	Jalan Hainam, Taman Hillstone, Lai Pau, King Park Garden, Hilltop, Hinchin, Seaview, sebahagian kawasan Grand Park, Tham Lim dan Dynasty
	F	Jalan Kubu hingga Tanjung Lobang, Taman Bumiko, Taman Jade Villa dan Jalan Adonis
	G	Kampung Pulau Melayu, Kampung Lereng Bukit, Kampung Haji Wahid, Kampung Katong, Kampung Tanjung Batu, Kampung Padang Kerbau, SK Agama dan Pujut Corner Garden
	H	Piasau Utara, Kawasan Perindustrian SEDC dan Kawasan Perumahan dari Jalan Piasau Lorong 8-12, Taman RPR Batu 6
	J	Kampung Merikan, Kampung Senadin, Jalan Sealine, Jalan Masjid Lutong, Jalan Dato Gribble, Kuarters MCC Lutong, Jalan Sekolah, SRK Lutong dan SRB Chung Hua Lutong
	K	Lutong Baru, Taman RBA Lutong dan Kampung Pengkalan
	L	Kampung Tudan Fasa II dan Fasa VI
	M	Kampung Tudan Fasa I, III, IV dan V
	N	Promin Jaya, Paradise Park, Taman Riverview, sebahagian Kawasan Perumahan Desa Senadin dan Kawasan Perindustrian Desa Senadin
	P	Kawasan Perumahan Kos Rendah Bandar Baru Tudan, Quadruplex dan Desa Indah Fasa I, II dan III
	Q	Desa Pujut
	R	Kampung Masjid, Kawasan Perindustrian Shin Yang, Lembaga Pelabuhan Miri dan Kawasan Perindustrian Kuala Baram Fasa III
	S	Kampung Muhibah dan Kawasan Perindustrian Samling
	T	Kawasan Perindustrian Kuala Baram Fasa II
	U	Desa Senadin Fasa II, Sekolah Memandu JPJ, Desa Senadin (Fasa II, III dan IIIc) dan Kawasan Perindustrian
	W	Luak Bay, Kampung Luak, Golden Park, Golden Hill Park, Taman Friendship, Desa Tai Foo, Taman Yong, Taman Delight, Holiday Park, Strawberry Park, Ocean Park, Taman Shangrila dan Taman Phoenix
	X	Kawasan bersempadan Jalan Miri-Pujut, Jalan Sehati, Jalan Bulatan, Jalan Datuk Edward Jeli dan Jalan Krokop Utama
	Y	Kawasan bersempadan Jalan Bulatan, Jalan Datuk Edward Jeli Jalan Piasau, Jalan Pujut- Lutong dan Kawasan Perindustrian Piasau
	Z	Kawasan bersempadan Jalan Pujut Corner, Kampung Sungai Adong dan Kawasan Pujut 1 hingga Pujut 10.
Membersih Parit Monsun (*Storm Drain*)	A	Jalan Tuanku Mohd/Kubu hingga Holiday Park, Jalan Bakam.
	B	Kawasan Krokop dan Piasau.
	C	Kawasan Bandar.
	D	Kawasan Piasau, Pujut, Lutong, Senadin dan Permyjaya.

Sumber: Rekod Majlis Bandaraya Miri

42.1.6 Keperluan Jentera Dan Peralatan

Bagi memastikan Majlis dapat melaksanakan kerja penyenggaraan jalan dengan baik khasnya bagi menampal jalan yang dilaksanakan oleh Majlis sendiri, maka jentera dan peralatan yang mencukupi adalah diperlukan. Majlis mempunyai 21 jentera untuk kerja-

kerja tersebut dan tidak membuat pembelian baru dari tahun 2005 hingga 2007 memandangkan kebanyakan kerja telah diswastakan.

42.1.7 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

a) Struktur Pengurusan

Struktur organisasi Majlis terdiri daripada 4 Jabatan iaitu Jabatan Pengurusan dan Pentadbiran, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Perbendaharaan serta Jabatan Penilaian dan Pencukaian. Bahagian yang terlibat secara langsung dalam kerja penyenggaraan jalan adalah Bahagian Penyenggaraan Infrastruktur dan Bahagian Perparitan/Pelan Kejuruteraan di bawah Jabatan Kejuruteraan serta Bahagian Kesihatan dan Perkhidmatan Perbandaran di bawah Jabatan Pengurusan dan Pentadbiran. Perjawatan yang diluluskan bagi bahagian yang terlibat dengan kerja penyenggaraan pada tahun 2007 adalah seperti di **Jadual 98**.

Jadual 98
Jadual Perjawatan Diluluskan Tahun 2007
Jabatan Kejuruteraan & Jabatan Pengurusan /Pentadbiran

Bil	Jawatan	Gred	Dilulus
Bahagian Penyenggaraan Infrastruktur			
1	Jurutera (Awam)	*J54/J48/J44	3
2	Juruteknik (Awam)	J22	1
3	Pembantu Tadbir (P/O)	N17	2
4	Mandor/Overseer	R9	2
5	Pekerja Rendah Awam	R4/R1	20
6	Pemandu Kenderaan Bermotor	R3	14
Bahagian Peparitan/Pelan Kejuruteraan			
7	Jurutera (Awam)	J41	1
8	Pembantu Teknik	J29	1
9	Juruteknik (Awam)	J22/J17	4
10	Pekerja Rendah Awam	R4/R1	8
Bahagian Kesihatan dan Perkhidmatan Perbandaran (Seksyen Perkhidmatan dan Penyenggaraan Awam)			
11	Pegawai Tadbir	N48/N41	2
12	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran	U36/U32/U29	6
13	Pembantu Tadbir (P/O)	N22/N17	3
14	Pembantu Kesihatan Awam	U14/U11	7
15	Pembantu Tadbir	N11	1
16	Pembantu Am Rendah	N1	1
17	Supervisor (Jawatan KUP)	R8	1
18	Pekerja Rendah Awam	R4/R1	37
19	Pemandu Kenderaan Bermotor	R3	12
Jumlah Keseluruhan			**126**

Sumber: Rekod Majlis Bandaraya Miri
*Nota: * Jawatan Jurutera (Awam) – Gred J54 (Jawatan Tambahsentara) dan Gred J48 (Jawatan Khas Untuk Penyandang)*

b) Latihan

Latihan dan kursus yang berterusan adalah penting bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai dalam melaksanakan tugas yang berkaitan dengan kerja penyenggaraan. Majlis tidak menyedia jadual latihan dan kursus

kerana semua latihan dan kursus yang ada kaitan dengan Majlis akan ditentukan oleh KASKA.

42.1.8 Keperluan Kewangan

Bagi melaksanakan kerja penyenggaraan dengan cekap dan berkesan, Majlis memerlukan kewangan yang mencukupi. Sumber kewangan Majlis diperolehi daripada hasil Majlis sendiri, geran daripada Kerajaan Negeri dan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan.

a) Anggaran Peruntukan

Majlis telah memohon kelulusan menggunakan dananya untuk penyenggaraan jalan daripada KASKA sejumlah RM36.17 juta bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 seperti di **Jadual 99** .

Jadual 99
Peruntukan Yang Dimohon Bagi Tahun 2005 Hingga 2007

Bil.	Jenis Penyenggaraan	Tahun Peruntukan Dimohon (RM Juta)			
		2005	2006	2007	Jumlah
1	Jalan, Laluan dan Jambatan	3.00	3.50	4.03	10.53
2	Parit	1.00	1.00	1.00	3.00
3	Tepi Jalan dan Parit	2.80	3.00	5.00	10.80
4	Kebersihan Awam (Jalan/Parit)	1.77	2.00	3.12	6.89
5	Penurapan Jalan/Membaiki Parit (Projek Khas)	0.00	3.00	1.95	4.95
Jumlah:		**8.57**	**12.50**	**15.10**	**36.17**

Sumber : Rekod Majlis Bandaraya Miri

b) Peruntukan Persekutuan

Majlis juga memohon sejumlah RM1.16 juta untuk membiayai 9 buah projek berkaitan dengan penurapan jalan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui KASKA bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007. Pembayaran bagi projek tersebut akan diurus dan diproses oleh KASKA. Senarai projek yang dicadangkan seperti di **Jadual 100**.

Jadual 100
Senarai Projek Yang Dicadangkan

Tahun	Nama Projek	Jumlah Peruntukan (RM)
2005	Menurap Jalan Di Kampung Tudan Fasa 4 dan 5, Miri	100,000
	Menurap Semula Jalan Di Permyjaya Fasa 1, Miri	150,000
	Menurap Jalan Masuk Di Kampung Tudan Fasa 6, Miri	150,000
2006	Menurap Jalan Di Kampung Tudan Fasa 6, Miri	100,000
2007	Menurap Jalan Di Kampong Haji Wahed, Miri	100,000
	Menurap Jalan Di Sungai Rait, Miri	150,000
	Menurap Jalan Di Pusat Komersial Taman Tunku	150,000
	Menurap Jalan Di Pusat Komersial Morsjaya	200,000
	Menurap Jalan Di Palma Edar, Miri	60,000
Jumlah Besar		**1,160,000**

Sumber: Rekod Majlis Bandaraya Miri

42.1.9 Kaedah Pemantauan

Pelaksanaan dan penyeliaan kerja bagi program ini akan dipantau oleh Mesyuarat Penuh Majlis, Jawatankuasa Tetap Kerja-Kerja dan Lalu Lintas, Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Alam Sekitar dan Perkhidmatan Bandaraya, Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Pengurusan dan Pentadbiran. Aduan daripada orang ramai juga merupakan mekanisme pemantauan Majlis untuk menentukan keberkesanan kerja penyenggaraan jalan. Bagi memantau kerja yang dilaksanakan, rekod harian, laporan mingguan dan laporan kemajuan kerja bulanan akan disediakan oleh Jabatan. Laporan kemajuan kerja bulanan akan dibincangkan semasa mesyuarat Jawatankuasa. Mengikut Jadual Mesyuarat, Majlis akan mengadakan Mesyuarat Penuh Majlis dan Mesyuarat Jawatankuasa setiap bulan.

Pada pandangan Audit, secara keseluruhannya, perancangan kerja penyenggaraan di kawasan Majlis adalah baik.

42.2 PELAKSANAAN

Bagi memastikan program yang dibuat mencapai objektif yang ditetapkan, pelaksanaan kerja hendaklah dibuat dengan cekap sebagaimana dirancang. Hasil pemeriksaan Audit terhadap kerja penyenggaraan adalah seperti berikut:

42.2.1 Dasar Majlis

Dasar penyenggaraan terhadap kemudahan yang disediakan oleh Majlis adalah untuk menentukan kemudahan sentiasa dalam keadaan baik dan selamat. Semakan Audit mendapati pendekatan yang digunakan oleh Majlis adalah selaras dengan dasar yang ditetapkan iaitu penyenggaraan pencegahan, rutin dan kecemasan. Untuk mencapai matlamat ini, Majlis telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:

- Pembaikan secara berterusan dengan kaedah melatih kakitangan dan kontraktor.
- Penglibatan Majlis secara keseluruhan.
- Penyelesaian secara sistematik seperti mengurangkan proses kerja, memudahkan prosedur kelulusan dan mengurangkan masa untuk memproses permohonan.
- Mengguna pakai proses kerja seperti rancang, buat, periksa dan menambahbaik.
- Menggunakan teknologi atau bahan/peralatan terbaru.

Pada pendapat Audit, Majlis telah mengambil langkah sewajarnya untuk mematuhi dan melaksanakan dasar yang ditetapkan.

42.2.2 Undang-Undang, Peraturan Dan Garis Panduan

Kerja penyenggaraan jalan Majlis diurus dan dilaksanakan mengikut *The Local Authorities Ordinance 1996, The Local Authorities Financial Regulations 1997, Road Maintenance Principles And Practice, Road Maintenance Practice* dan *Manual On Traffic Control Devices.* Semakan Audit mendapati Majlis telah mematuhi undang-undang, peraturan dan garis panduan berkaitan dengan penyenggaraan jalan.

Pada pendapat Audit, kerja penyenggaraan jalan Majlis diurus dan dilaksanakan mengikut undang-undang, peraturan dan garis panduan yang ditetapkan.

42.2.3 Komponen Penyenggaraan Jalan

Semakan Audit mendapati pihak Majlis ada menyelenggarakan rekod untuk menunjukkan kerja penyenggaraan yang telah dilaksanakan. Berdasarkan semakan ke atas fail dan dokumen penyenggaran, diperhatikan beberapa perkara seperti berikut:

a) Penyenggaraan Pencegahan

Perancangan penyenggaraan pencegahan telah disediakan untuk tahun 2005, 2006 dan 2007 semasa penyediaan bajet. Sebanyak 145 kerja penyenggaraan jalan telah dikenalpasti untuk disenggarakan dalam tempoh tersebut yang melibatkan kos sejumlah RM20.06 juta. Daripada perancangan tersebut, semakan Audit mendapati sebanyak 49 kerja penyenggaraan jalan bernilai RM4.78 juta telah dijalankan manakala yang lain tidak dapat dilaksanakan kerana peruntukan terhad.

b) Penyenggaraan Rutin

Kesemua kerja penyenggaraan rutin melibatkan kerja pembersihan longkang dan parit, kerja pemotongan rumput, kerja penyenggaraan tepi jalan, pembahagi jalan dan kawasan lapang telah diswastakan. Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, sebanyak 171 kerja penyenggaraan telah diserahkan kepada pihak swasta untuk dilaksanakan dengan kos sejumlah RM15.99 juta.

c) Penyenggaraan Kecemasan

Penyenggaraan kecemasan dijalankan secara *ad hoc* terhadap jalan yang rosak akibat bencana alam seperti tanah runtuh atau banjir. Kerja ini dilaksanakan dengan segera sekiranya kesan kerosakan menjejaskan keselamatan pengguna. Bagaimanapun, pihak Majlis tidak mempunyai norma kerja masa terhadap tindakan yang patut diambil bagi penyenggaraan kecemasan.

Pada pendapat Audit, kekurangan peruntukan boleh menjejaskan pelaksanaan kerja penyenggaraan Majlis dengan sempurna. Walaupun Majlis ada menyelenggarakan rekod, namun rekod tersebut harus terperinci untuk memudahkan Majlis menilai kuantiti jumlah kerja yang telah dilaksanakan.

42.2.4 Kaedah Pelaksanaan Kerja

Semakan Audit terhadap kaedah pelaksanaan projek mendapati perkara berikut:

a) Pelantikan Kontraktor

Pada tahun 2005 hingga 2007 sebanyak 150 kontrak kerja bernilai RM25.78 juta telah ditandatangani dan 34 sebut harga bernilai RM1.46 juta telah disetuju terima. Pemeriksaan Audit terperinci terhadap 29 dokumen kontrak bernilai RM8.43 juta yang ditandatangani pada tahun 2005 hingga 2007 mendapati perkara berikut:

i) Tender dan sebut harga telah dibuka oleh Jawatankuasa Pembuka Tender dan Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga dan dinilai oleh satu Jawatankuasa Penilai. Keputusan pemilihan kontraktor dibincang dalam Mesyuarat Penuh Majlis.

ii) Pelantikan kontraktor dipilih di kalangan kontraktor yang telah berdaftar dengan Unit Pendaftaran Kontraktor Negeri.

iii) Daftar kontrak ada diselenggara untuk merekod kontrak yang telah ditandatangani seperti yang dikehendaki oleh Peraturan 218 *Local Authorities Financial Regulations* 1997.

iv) Fail kontrak ada diselenggara dengan lengkap di mana dokumen kontrak seperti dokumen Perjanjian Kontrak, surat tawaran kontrak, sijil insurans, Bon Pelaksanaan, sijil pendaftaran dengan Unit Pendaftaran Kontraktor, Notis kepada Penender, Borang Jadual Tender bagi semua Penender, Spesifikasi Kontrak, salinan baucar bayaran dan invois daripada kontraktor ada disimpan dalam fail kontrak.

b) Perjanjian Kontrak

Perjanjian kontrak yang ditandatangani antara Majlis dan kontraktor untuk bekalan premix dan batu *DCR*, penyewaan loji, jentera dan mesin, kerja pembaikan jalan, kerja pembersihan longkang, kerja pemotongan rumput dan memasang papan tanda jalan adalah lengkap dan teratur. Antara syarat yang terkandung dalam perjanjian adalah seperti berikut:

- Kontraktor hendaklah menyiapkan kerja mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dalam kontrak.
- Mengemukakan Wang *Performance Surety* iaitu 5% daripada harga kontrak dalam bentuk jaminan bank atau wang tunai. Tempoh sah laku Deposit Jaminan adalah meliputi tempoh kontrak atau setahun.
- Kontraktor dikehendaki mengambil Insurans Kerja, Polisi Insurans Tanggungan Awam dan Insurans Tanggungan Kenderaan untuk melindungi tuntutan pampasan daripada mana-mana pihak.
- Sekiranya berlaku kelewatan dalam menyiapkan kerja mengikut masa yang ditetapkan, kontraktor hendaklah dikenakan penalti.

Pada pendapat Audit, urusan pemilihan kontraktor dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan penyediaan perjanjian kontrak adalah lengkap, sempurna untuk dilaksanakan dan dipatuhi oleh kontraktor serta menjaga kepentingan Majlis.

42.2.5 Prestasi Penyenggaraan Jalan

Kerja penyenggaraan jalan dilaksanakan oleh kontraktor dan Majlis sendiri. Bagi kerja penyenggaraan oleh kontraktor ia dilaksanakan sama ada melalui kontrak atau sebut harga dengan mengeluarkan pesanan perkhidmatan dan arahan kerja serta diselia oleh Majlis. Bagi kerja yang dilaksanakan oleh Majlis sendiri, kakitangan tertentu

daripada Bahagian Penyenggaraan Infrastruktur diarahkan dari semasa ke semasa untuk melaksanakan kerja penyenggaraan. Semakan dan lawatan Audit ke beberapa lokasi di kawasan Majlis Bandaraya Miri mendapati prestasi kerja yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

a) Menurap Semula Jalan

Pada tahun 2005 sepanjang 9.62 kilometer jalan telah pun diturap semula. Manakala bagi tahun 2006 dan 2007, masing-masing sepanjang 26.26 kilometer dan 9.58 kilometer telah diturap semula. Lawatan Audit ke kawasan Lutong Baru mendapati kerja menurap semula jalan dilaksanakan dengan baik dan sempurna seperti di **Foto 140** hingga **Foto 144.**

Foto 140
Jalan Diturap Semula Dengan Sempurna



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 28 November 2007
Lokasi : Jalan Picasso di Lutong Baru

Foto 141
Jalan Sebelum Ditampal



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 28 November 2007
Lokasi : Jalan di Kawasan Perumahan Pujut

Foto 142
Jalan Yang Ditampal Dengan Memuaskan



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 4 Januari 2008
Lokasi : Jalan di Kawasan Perumahan Pujut

Foto 143
Keadaan Jalan Di Kawasan Kampung



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 14 Februari 2008
Lokasi: Jalan di Kampong Pangkalan, Lutong

Foto 144
Keadaan Jalan Di Kawasan Komersial



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 28 November 2007
Lokasi : Jalan di Pusat Komersial Mosjaya

b) Menampal dan Membaiki Kerosakan Jalan

Lawatan Audit ke penempatan semula di Tudan, Kampong Pangkalan Lutong, Pusat Komersial Mosjaya dan perumahan di sekitar Lapangan Terbang Miri mendapati pada keseluruhannya jalan di kawasan berkenaan telah disenggara dengan memuaskan. Bagaimanapun terdapat tempat di mana lubang jalan yang tidak ditampal dengan sempurna seperti di **Foto 145** hingga **Foto 147**.

Foto 145
Jalan Sebelum Ditampal



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 28 November 2007
Lokasi : Jalan di Penempatan Semula Tudan

Foto 146
Jalan Yang Ditampal Tetapi Kurang Memuaskan



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 4 Januari 2008
Lokasi : Jalan di Penempatan Semula Tudan

Foto 147
Penampalan Jalan Yang Tidak Sempurna



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 23 November 2007
Lokasi : Jalan di Kawasan Perumahan Sekitar Lapangan Terbang Miri

c) Mengecat Semula Garisan Jalan

Mengecat semula garisan jalan adalah merupakan salah satu aktiviti penyenggaraan pencegahan yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor. Kekerapan mengecat adalah bergantung kepada keadaan garisan jalan yang pudar disebabkan kekerapan lalulintas, cuaca dan kualiti cat yang digunakan. Garisan jalan adalah penting untuk dijadikan panduan kepada pengguna jalan raya terutama ketika hujan dan waktu malam. Lawatan Audit di Kawasan Perindustrian Piasau mendapati garisan jalan yang telah pudar tetapi tidak dicat semula seperti di **Foto 148.**

Foto 148
Garisan Tengah Jalan Yang Pudar



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 28 November 2007
Lokasi : Jalan di Kawasan Perindustrian Piasau

d) Memasang Papan Tanda

Jalan perlu mempunyai papan tanda yang mencukupi bagi memberi panduan kepada pengguna jalan raya. Lawatan Audit ke kawasan Lopeng mendapati papan tanda dalam keadaan baik seperti di **Foto 149**.

Foto 149
Papan Tanda Di Selekoh



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 14 Februari 2008
Lokasi : Jalan di Kawasan Lopeng

e) Memotong Rumput

Bagi kerja pemotongan rumput Majlis telah membahagikan kawasan mengikut zon untuk memudahkan pemantauan. Kerja ini dilaksanakan 2 kali sebulan yang melibatkan pemotongan rumput di tepi jalan serendah 25 hingga 50 mm. Mengikut arahan kerja yang dikeluarkan oleh Majlis, kontraktor dikehendaki melaksanakan kerja memotong rumput dan semak samun di sepanjang tepi jalan. Semakan Audit mendapati kerja memotong rumput telah dilaksanakan dengan baik dan memuaskan. Semua kerja dilaksanakan di bawah pengawasan penyelia Majlis. Lawatan ke kawasan perumahan Senadin mendapati rumput telah dipotong mengikut spesifikasi kerja seperti di **Foto 150.**

Foto 150
Keadaan Rumput yang Telah Dipotong



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 15 Januari 2008
Lokasi : Jalan di Kawasan Senadin

f) Membersih Parit

Kerja pembersihan parit di kawasan perumahan dijalankan sekali sebulan dan mulai bulan Jun 2006 sebanyak 2 kali sebulan manakala pembersihan parit monsun dijalankan sekali sebulan. Mengikut perjanjian bagi kerja pembersihan parit dan parit monsun, kontraktor dikehendaki membuang lumpur, tumbuhan dan sampah sarap yang menghalang pengaliran air serta menyediakan tenaga kerja dan peralatan. Lawatan Audit ke kawasan perumahan Pujut dan perindustrian Piasau mendapati parit disenggara dalam keadaan bersih seperti di **Foto 151** dan **Foto 152.**

Foto 151
Keadaan Parit Yang Bersih



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 15 Januari 2008
Lokasi : Parit di Kawasan Perumahan Pujut

Foto 152
Keadaan Parit Monsun Yang Bersih



Sumber : Foto Jabatan Audit NegaraSarawak
Tarikh : 14 Februari 2008
Lokasi : Parit Monsun di Kawasan Perindustrian Piasau

Pada pendapat Audit, prestasi kerja penyenggaraan jalan yang dilaksanakan oleh Majlis adalah baik.

45.2.6 Keperluan Jentera Dan Peralatan

Semakan Audit mendapati Jabatan Kejuruteraan mempunyai 21 buah jentera untuk membolehkan Majlis menjalankan kerja-kerja penyenggaraan jalan. Daripada jumlah tersebut hanya 15 buah masih digunakan dan 6 buah lagi tidak digunakan kerana rosak. Pihak Majlis memaklumkan alat ganti untuk kenderaan berkenaan sukar diperolehi. Butiran jentera yang masih digunakan, rosak dan tidak dapat digunakan adalah seperti di **Jadual 101** dan **Jadual 102** serta **Foto 153** hingga **Foto 158.**

Jadual 101
Kenderaan Yang Masih Digunakan

Bil.	Nama Kenderaan	Unit	Amaun (RM)	Tarikh Beli/Terima
1.	Toyota Pickup Truck BU20R (MD3112Q)	1	50,605	31.12.1992
2.	Hino Tipper Truck KR300 (MD7923Q)	1	48,570	30.09.1985
3.	Isuzu FSR Tipper Truck (MF5096Q)	1	73,440	14.07.1989
4.	Isuzu Pickup Truck TFR52 (MG4591Q)	1	30,164	09.10.1990
5.	Ford Van ST63 (MG5069Q)	1	29,222	23.11.1990
6.	Land Cruiser Station Wagon (QM8007)	1	78,821	24.07.1992
7.	Isuzu 4X4 UBS55 (QM9345)	1	42,750	11.11.1992
8.	Isuzu Trooper 4X4 UBS55 (QMA3014)	1	57,853	30.09.1993
9.	Isuzu NPR596 Pickup (QMC6035)	1	70,725	15.07.1997
10.	Toyota Hilux Double Cab (QME5087)	1	72,640	30.06.2001
11.	Cat Motor Grader 120G (MF1662Q)	1	202,700	11.10.1988
12.	Sakai Roller 3 Ton TG25 (MG2176Q)	1	69,529	26.06.1990
13.	Tata Truck (QMG2640)	1	122,029	19.10.2003
14.	Ford Econovan 2.5D (MJ4281)	1	68,000	17.08.2005
15.	Ford Ranger 4X4 Double Cab (QMJ4282)	1	68,000	17.08.2005

Sumber: Rekod Majlis Bandaraya Miri

Jadual 102
Kenderaan Yang Rosak Dan Tidak Digunakan

Bil.	Jenis Kenderaan/Peralatan	Unit	Tarikh Beli	Tarikh Lapor Rosak	Harga (RM)
1.	Hino Tipper Truck (MD7354Q)	1	7.8.1985	9.3.2007	48,570
2.	Tyre Roller 10 Ton (MD8946Q)	1	22.10.1985	15.7.2003	75,320
3.	Hino Tripper (MC3419Q)	1	11.12.1981	8.12.1996	50,605
4.	Niigata Paver (QM2429Q)	1	21.6.1991	8.9.2004	288,000
5.	Road Roller 8 Ton (MC385Q)	1	21.6.1982	21.4.2004	58,708
6.	JCB Backhoe 3D (MG904Q)	1	8.6.1990	28.4.1997	97,850

Sumber: Rekod Majlis Bandaraya Miri

Foto 153
Paver Yang Rosak



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 14 November 2007
Lokasi : Depo Majlis di Piasau

Foto 154
Lori Yang Rosak



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 14 November 2007
Lokasi : Depo Majlis di Piasau

Foto 155
Lori Yang Rosak



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 14 November 2007
Lokasi : Depo Majlis di Piasau

Foto 156
Roller Yang Rosak



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 14 November 2007
Lokasi : Depo Majlis di Piasau

Foto 157
JCB Backhoe Yang Rosak



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 14 November 2007
Lokasi : Depo Majlis di Piasau

Foto 158
Road Roller Yang Rosak



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Sarawak
Tarikh : 14 November 2007
Lokasi : Depo Majlis di Piasau

Pihak Majlis memaklumkan bahawa Lembaga Pelupusan telah meluluskan pelupusan jentera yang rosak secara tender terbuka pada akhir tahun 2007. Bagaimanapun, sehingga bulan mei 2008 jentera masih belum dilupuskan.


Pada pendapat Audit, Majlis hendaklah mengambil tindakan pembaikan atau pelupusan kenderaan jika tidak lagi ekonomi untuk diperbaiki.

45.2.7 Keperluan Modal Insan

a) Guna Tenaga

Majlis diketuai oleh seorang Setiausaha Gred N54 (jawatan Tambahsentara) dan dibantu oleh 443 kakitangan. Semakan Audit mendapati sebanyak 94 jawatan daripada 126 jawatan di Bahagian Penyenggaraan Infrastruktur, Bahagian Perparitan/Pelan Kejuruteraan serta Bahagian Kesihatan dan Perkhidmatan Perbandaran yang diluluskan telah diisi. Bagi memastikan pelaksanaan kerja penyenggaraan dapat berjalan dengan lancar, Majlis mengambil 14 pekerja harian iaitu seorang Mandor dan 13 orang Pekerja Rendah Awam. Carta organisasi Majlis Bandaraya Miri bagi Jabatan Pengurusan/Pentadbiran dan Jabatan Kejuruteraan adalah seperti di **Carta 17** manakala kedudukan perjawatan diisi adalah seperti di **Jadual 103**.

Carta 17
Carta Organisasi Majlis Bandaraya Miri
(Jabatan Pengurusan/Pentadbiran dan Jabatan Kejuruteraan)



Sumber: Rekod Majlis Bandaraya Miri

Jadual 103
Jawatan Yang Dilulus, Diisi dan Kosong Pada Januari 2008
Jabatan Kejuruteraan & Jabatan Pengurusan /Pentadbiran

Bil.	Jawatan	Gred	Dilulus	Diisi	Kosong
Bahagian Penyenggaraan Infrastruktur					
1	Jurutera (Awam)	*J54/J48/J44	3	1	2
2	Juruteknik (Awam)	J22	1	1	0
3	Pembantu Tadbir (P/O)	N17	2	2	0
4	Mandor/Overseer	R9	2	2	0
5	Pekerja Rendah Awam	R4/R1	20	15	5
6	Pemandu Kenderaan Bermotor	R3	14	11	3
Bahagian Perparitan/Pelan Kejuruteraan					
7	Jurutera (Awam)	J41	1	1	0
8	Pembantu Teknik	J29	1	1	0
9	Juruteknik (Awam)	J22/J17	4	4	0
10	Pekerja Rendah Awam	R4/R1	8	8	0
Bahagian Kesihatan dan Perkhidmatan Perbandaran (Seksyen Perkhidmatan dan Penyenggaraan Awam)					
11	Pegawai Tadbir	N48/N41	2	1	1
12	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran	U36/U32/U29	6	5	1
13	Pembantu Tadbir (P/O)	N22/N17	3	2	1
14	Pembantu Kesihatan Awam (**2 Jawatan KUP)	U14/U11	7	2*	5 #
15	Pembantu Tadbir	N11	1	1	0
16	Pembantu Am Rendah	N1	1	1	0
17	Supervisor (Jawatan KUP)	R8	1	1	0
18	Pekerja Rendah Awam	R4/R1	37	26	11
19	Pemandu Kenderaan Bermotor	R3	12	9	3
Jumlah Keseluruhan			**126**	**94**	**32**

Sumber: Rekod Majlis Bandaraya Miri

Nota:
** 1 Skim perkhidmatan telah ditukar dari Gred U14 kepada Gred U17-3 (Pembantu Kesihatan Awam – Jawatan KUP) dan*
 # 3 Skim perkhidmatan telah ditukar dari Gred U11 kepada Gred U17 (Pembantu Kesihatan Awam) di mana penjawat telah menerima opsyen untuk pertukaran skim.

Majlis telah mengemukakan permohonan kepada KASKA untuk mengisi jawatan yang masih kosong. Setakat pemeriksaan Audit dijalankan, kekosongan jawatan tersebut masih belum diisi. Kekosongan jawatan tersebut boleh menjejaskan operasi harian Bahagian Penyenggaraan Infrastruktur, Bahagian Perparitan/Pelan Kejuruteraan serta Bahagian Kesihatan dan Perkhidmatan Perbandaran. Bagi mengatasi masalah kekurangan kakitangan, Majlis telah menswastakan kerja penyenggaraan dan mengambil pekerja bergaji harian bagi menampung kekosongan tersebut.

b) Latihan

Pemeriksaan Audit mendapati sebanyak 88 latihan dan kursus telah diadakan bagi tahun 2005 hingga 2007 bagi pegawai dan kakitangan di Bahagian Penyenggaraan Infrastruktur, Bahagian Perparitan/Pelan Kejuruteraan serta Bahagian Kesihatan dan Perkhidmatan Perbandaran. Namun begitu, daripada 88 latihan dan kursus, hanya 16 latihan dan kursus yang menjurus kepada kaedah pelaksanaan kerja penyenggaraan jalan, laluan, jambatan dan parit.

Antara latihan dan kursus yang telah diadakan adalah seperti *7th Malaysian Road Conference (7th MRC*), Konvensyen Pengurusan Aset & Fasiliti Negara 2007, Kursus Pengenalan Produktiviti untuk Penyelia, Bengkel Pengemaskini Modul Kem Mesra Alam Bagi Tahun 2005, *Training On Supervisory Development Skills Towards Excellence*, Bengkel Pengurusan Alam Sekitar Dalam Industri Pembinaan di bawah Geran Penyelidikan dan Pembangunan LPIPM dan USM, Kursus Kebersihan dan Kesejahteraan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Bengkel Pengurusan Alam Sekitar Peringkat Negeri Sarawak 2007 yang dianjurkan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS), Kementerian Alam Sekitar dan Kesihatan Awam (KASKA), Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), pihak luar dan Majlis sendiri.

Pada pendapat Audit, Majlis telah mengambil tindakan yang betul untuk mengatasi masalah kekurangan sumber tenaga kerja. Di samping itu, kursus dan latihan yang sesuai hendaklah diberi perhatian untuk memantapkan lagi kemahiran tenaga kerja penyenggaraan.

45.2.8 Prestasi Perbelanjaan

Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, KASKA telah memberi kelulusan kepada Majlis untuk menggunakan dana peruntukannya sejumlah RM32.58 juta. Sejumlah RM31.04 juta atau 95.3% peruntukan telah dibelanjakan seperti di **Jadual 104**.

Jadual 104
Prestasi Peruntukan Dan Perbelanjaan Bagi Tahun 2005 Hingga 2007

Jenis Penyenggaraan			Jalan, Laluan dan Jambatan	Parit	Tepi Jalan dan Parit	Kebersihan Awam (Jalan/Parit)	Penurapan Jalan/ Membaiki Parit (Projek Khas)	Jumlah
Peruntukan	Dimohon (RM Juta)	2005	3.00	1.00	2.80	1.77	0.00	8.57
		2006	3.50	1.00	3.00	2.00	3.00	12.50
		2007	4.03	1.00	5.00	3.12	1.95	15.10
		Jumlah	**10.53**	**3.00**	**10.80**	**6.89**	**4.95**	**36.17**
	Diluluskan (RM Juta)	2005	3.80	0.60	2.40	1.77	0.00	8.57
		2006	3.15	1.00	3.00	1.92	3.00	12.07
		2007	3.21	0.48	4.30	2.00	1.95	11.94
		Jumlah	**10.16**	**2.08**	**9.70**	**5.69**	**4.95**	**32.58**
Perbelanjaan (RM Juta)		2005	3.72	0.55	2.28	1.73	0.00	8.28
		2006	3.12	0.93	2.91	1.89	2.98	11.83
		2007	2.78	0.48	3.90	1.97	1.80	10.93
		Jumlah	**9.62**	**1.96**	**9.09**	**5.59**	**4.78**	**31.04**
% Belanja			94.7	94.2	93.7	98.2	96.6	95.3

Sumber: Rekod Majlis Bandaraya Miri

Bagi tempoh yang sama, peruntukan sejumlah RM0.64 juta daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk melaksanakan 5 projek yang berkaitan dengan penurapan jalan. Mengikut rekod Majlis, kos projek tersebut adalah sejumlah RM0.61 juta seperti di **Jadual 105**.

Jadual 105
Peruntukan Persekutuan Bagi Tahun 2005 Hingga 2007 Yang Diluluskan

Tahun	Nama Projek	Peruntukan Diluluskan (RM)	Kos Projek (RM)
2005	Menurap Jalan Di Kampung Tudan Fasa 4 dan 5, Miri	100,000	89,976
	Menurap Semula Jalan Di Permyjaya Fasa 1, Miri	144,000	144,000
	Menurap Jalan Masuk Di Kampung Tudan Fasa 6, Miri	148,000	148,500
2006	Menurap Jalan Di Kampung Tudan Fasa 6, Miri	100,000	87,500
2007	Menurap Jalan Di Sugai Rait, Miri	150,000	139,800
Jumlah Besar:		**642,000**	**609,776**

Sumber: Rekod Majlis Bandaraya Miri


Semakan Audit selanjutnya terhadap lejar perbelanjaan dan baucar bayaran mendapati kelewatan dalam pembayaran bagi kerja yang telah siap. Mengikut Peraturan 89 *LAFR 1997* perbelanjaan yang dilakukan dalam tahun semasa mestilah dicaj dalam tahun kewangan yang sama dan tidak boleh ditangguhkan bagi tujuan mengelak perbelanjaan melebihi peruntukan. Semakan Audit mendapati 44 baucar bayaran berjumlah RM0.60 juta di bawah penyenggaraan jalan, laluan dan jambatan seperti menyewa jentera dan kenderaan, bekalan *premix,* papan tanda jalan*,* mengecat garisan jalan yang telah siap dilaksanakan pada tahun 2004 hingga 2006 dibayar pada tahun berikutnya. Masa yang diambil untuk menjelaskan perbelanjaan tersebut adalah antara 2 bulan hingga 15 bulan. Keadaan ini berlaku kerana Majlis tidak menyenggara Daftar Bil seperti yang dikehendak Peraturan 114 *LAFR 1997.* Selain itu, Majlis juga tidak mematuhi Peraturan 113 *LAFR* 1997 berkaitan dengan pembayaran dalam 30 hari bagi kes tersebut di atas.

Pada pendapat Audit, Majlis hendaklah mematuhi *LAFR 1997* dan memastikan semua kerja atau perkhidmatan yang telah siap dilaksanakan dijelaskan mengikut peraturan yang ditetapkan.

45.2.9 Kepuasan Orang Awam Terhadap Kerja Penyenggaraan di Bandaraya Miri

Sebanyak 100 borang soal selidik telah diedarkan kepada orang awam untuk mengukur prestasi kerja penyenggaraan jalan di Majlis Bandaraya Miri. Tujuannya adalah untuk menilai tahap kepuasan orang awam sekitar kawasan Bandaraya Miri terhadap kerja penyenggaraan jalan yang dijalankan oleh Bandaraya Miri. Analisis terhadap borang soal selidik mendapati 31% orang awam berpandangan kerja tersebut dilaksanakan dengan sangat baik, 12% berpendapat baik, 43% berpendapat memuaskan dan 14% berpendapat kurang memuaskan. Butiran hasil responden adalah seperti di **Carta 18.**

Carta 18
Responden Orang Awam



Sumber: Borang Soal Selidik

Responden juga memberi pandangan dan cadangan terhadap apa yang sepatutnya dilakukan oleh pihak Majlis terhadap kerja penyenggaraan jalan di Bandaraya Miri seperti di **Jadual 106.**

Jadual 106
Pandangan/Cadangan Responden

Bil.	Butiran Cadangan
1.	Pemantauan perlu dibuat bagi kerja penyenggaraan yang dilaksanakan oleh kontraktor.
2.	Rondaan menyeluruh pihak Majlis perlu dipertingkatkan lagi untuk mengenalpasti jalan, laluan pejalan kaki dan jambatan yang rosak.
3.	Jalan di kawasan perumahan dan kampung yang sempit perlu dilebarkan.
4.	Merata jalan bagi mengelak air bertakung waktu hujan lebat berpanjangan.
5.	Kesesakan jalan di kawasan strategik perlu diatasi

Sumber: Borang Soal Selidik

Pada pendapat Audit, maklum balas daripada pelanggan adalah satu petunjuk yang baik untuk Majlis mempertingkatkan lagi mutu kerja penyenggaraan jalan bagi menjamin kepuasan dan keselamatan pengguna di kawasan pentadbirannya.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan penyenggaraan jalan adalah baik. Bagaimanapun, Majlis perlu terus memantau kerja penyenggaraan yang diswastakan untuk memastikan mutu kerja yang dijalankan adalah berkualiti. Selain itu, rondaan dan pemantauan di kawasan Majlis untuk mengenal pasti tapak yang rosak untuk diambil tindakan dengan segera dipertingkatkan supaya kemudahan di bawah seliaannya sentiasa dalam keadaan baik, selesa dan selamat untuk digunakan.

45.3 PEMANTAUAN

Pemantauan adalah elemen penting dalam penyenggaraan jalan supaya pihak pengurusan dapat mengenal pasti kelemahan atau masalah di peringkat awal dan mengambil tindakan untuk mengatasinya.

45.3.1 Mesyuarat Penuh Majlis

Mesyuarat Penuh Majlis telah diadakan setiap bulan bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007. Antara perkara yang dibincang dalam mesyuarat ini ialah laporan yang diterima daripada Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerja-Kerja dan Lalu Lintas dan Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Alam Sekitar dan Perkhidmatan Bandaraya. Majlis Penuh telah membuat keputusan, kelulusan dan syor tindakan yang hendak diambil oleh Jabatan yang terlibat terhadap perkara yang dibincangkan.

45.3.2 Jawatankuasa Tetap Kerja-Kerja dan Lalu Lintas

Jawatankuasa ini bertanggungjawab memantau kerja yang dijalankan oleh Jabatan Kejuruteraan melalui laporan kemajuan kerja bulanan. Semakan Audit ke atas fail Minit Mesyuarat mendapati Jawatankuasa Tetap Kerja-Kerja dan Lalu Lintas telah bermesyuarat sebanyak 11 kali pada tahun 2005. Pada tahun 2006 dan 2007, Jawatankuasa ini telah bermesyuarat setiap bulan. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat ini ialah kemajuan kerja penyenggaraan jalan, laluan, parit monsun, parit di kawasan perumahan dan perkara lain yang berkaitan dengannya. Salinan minit mesyuarat ini diserah kepada Mesyuarat Penuh Majlis untuk kelulusan dan tindakan yang selanjutnya.

45.3.3 Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Alam Sekitar dan Perkhidmatan Bandaraya

Jawatankuasa ini bertanggungjawab memantau kerja yang dijalankan oleh Jabatan Pengurusan dan Pentadbiran melalui laporan kemajuan kerja bulanan. Semakan Audit ke atas fail Minit Mesyuarat mendapati Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Alam Sekitar dan Perkhidmatan Bandaraya telah bermesyuarat sebanyak 11 kali pada tahun 2005. Pada tahun 2006 dan 2007, Jawatankuasa ini telah bermesyuarat setiap bulan. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat ini ialah kemajuan kerja pembersihan parit di kawasan komersial, pembersihan lebuh dan perkara lain yang berkaitan dengannya. Salinan minit mesyuarat ini diserah kepada Mesyuarat Penuh Majlis untuk kelulusan dan tindakan yang selanjutnya.

45.3.4 Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Pengurusan dan Pentadbiran

Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Pengurusan dan Pentadbiran adalah bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan kerja penyenggaraan jalan yang dijalankan oleh kontraktor atau Majlis sendiri. Semakan Audit mendapati Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Pengurusan dan Pentadbiran ada memantau kerja penyenggaraan jalan. Rekod seperti rekod harian menyewa jentera dan kenderaan, rekod harian bekalan bahan penyenggaraan seperti *premix*, laporan prestasi pembersihan parit, laporan mingguan bagi kerja penyenggaraan yang dilaksanakan oleh Bahagian Penyenggaraan Infrastruktur dan laporan kemajuan kerja bulanan telah disediakan oleh Jabatan. Selain itu, Jabatan juga mengadakan mesyuarat kakitangan dan membuat lawatan ke tapak penyenggaraan. Antara tugas pemantauan yang dijalankan oleh kakitangan Majlis ialah membuat pemeriksaan ke atas kualiti kerja

kontraktor dan kualiti bekalan bahan yang diterima seperti bekalan *premix*, cat garisan jalan dan batu-batan serta perakuan terimaan dan kerja siap dilaksanakan. Laporan bulanan Jabatan diserah kepada Jawatankuasa berkenaan untuk tindakan selanjutnya.

45.3.5 Aduan Awam

Majlis telah mendapat pengiktirafan MS ISO 9001:2000 untuk prosedur pengendalian aduan awam pada tahun 2005. Seksyen Perhubungan Awam (SPA) adalah bertanggungjawab untuk menerima, merekod dan memajukan sebarang aduan kepada bahagian-bahagian yang berkenaan dalam tempoh 24 jam waktu bekerja untuk diambil tindakan. Semua aduan yang diterima disiasat bagi menentukan kedudukan dan status kerosakan sebelum tindakan diambil. SPA akan menyediakan laporan mengenai kedudukan aduan yang diterima setiap bulan untuk mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan dan Tujuan Khas. Semakan Audit mendapati rekod aduan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemaskini oleh SPA. Kedudukan aduan yang diterima dan diselesaikan oleh SPA pada tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 107**. Baki aduan sebanyak 129 kes yang belum diselesaikan pada tahun 2005 hingga 2007 telah diselesaikan pada tahun berikutnya.

Jadual 107
Aduan Awam Yang Diterima Dan Diselesaikan Oleh Seksyen Perhubungan Awam

Bil.	Jenis Aduan Awam	Bilangan Kes Setakat 31 Disember 20xx								
		2005			2006			2007		
		Terima	Selesai	(%)	Terima	Selesai	(%)	Terima	Selesai	(%)
1	Penyenggaraan Jalan	81	69	85.2	170	162	95.3	108	105	97.2
2	Penyenggaraan Parit	195	169	86.7	281	268	95.4	157	133	84.7
3	Memotong Rumput	61	46	75.4	80	73	91.3	34	31	91.2
4	Penyenggaraan Parit di Kawasan Bandar dan Rumah Kedai	34	25	73.5	74	68	91.9	55	52	94.5
Jumlah:		**371**	**309**	**83.3**	**605**	**571**	**94.4**	**354**	**321**	**90.7**

Sumber: Rekod Majlis Bandaraya Miri

Semakan Audit selanjutnya mendapati aduan mengenai penyenggaraan jalan juga diterima oleh Jabatan Pengurusan dan Pentadbiran dan Jabatan Kejuruteraan selain daripada SPA. Jabatan Pengurusan dan Pentadbiran ada melaporkan kedudukan aduan dalam laporan kerja bulanan tetapi jenis aduan tidak dinyatakan dengan terperinci. Berdasarkan kepada laporan kerja bulanan berkenaan, semua aduan yang diterima pada tahun 2005 hingga 2007 telah diambil tindakan. Bagaimanapun, bagi Jabatan Kejuruteraan, semua aduan yang diterima dimasukkan dalam sistem berkomputer. Laporan mengenai aduan yang diterima dan diselesaikan tidak disediakan setiap bulan. Kedudukan aduan yang diterima dan diselesaikan oleh Jabatan Pengurusan dan Pentadbiran dan Jabatan Kejuruteraan pada tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 108.**

Jadual 108
Aduan Awam Yang Diterima Dan Diselesaikan Oleh Jabatan Pengurusan Dan Pentadbiran Dan Jabatan Kejuruteraan

Bil.	Jenis Aduan Awam	Bilangan Kes								
		2005			2006			2007		
		Terima	Selesai	(%)	Terima	Selesai	(%)	Terima	Selesai	(%)
1	Jabatan Pengurusan Dan Pentadbiran	527	527	100	250	250	100	190	190	100
2.	Jabatan Kejuruteraan Penyenggaraan Jalan (termasuk parit, laluan, memotong rumput dan pembetung)	367	348	94.8	669	595	88.9	728	629	86.4

Sumber: Rekod Majlis Bandaraya Miri

Pada pendapat Audit, Majlis telah memantau kerja penyenggaraaan jalan dengan baik. Jabatan Kejuruteraan hendaklah menyediakan laporan pengendalian aduan awam setiap bulan untuk dibentang dalam mesyuarat jawatankuasa berkenaan.

46. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, penyenggaraan jalan dibawah tanggungjawab Majlis telah dilaksanakan dengan baik. Bagi mempertingkatkan lagi tahap/prestasi kerja-kerja penyenggaraan adalah disyorkan:

a) Satu jadual program penyenggaraan berkala/pemulihan melibatkan semua jalan disediakan bagi membolehkan penyenggaraan jalan Majlis dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

b) Pemantauan terhadap kerja penyenggaraan yang dibuat oleh pihak swasta/kontraktor dipertingkatkan bagi memastikan kerja yang dilaksanakan mengikut jadual dan spesifikasi yang telah ditetapkan.

c) Satu pasukan khas diwujudkan untuk memantau kerja-kerja penyenggaraan serta membuat rondaan untuk mengenalpasti tempat di mana penyenggaraan diperlukan supaya Majlis dapat memberi perkhidmatan yang baik kepada rakyat.

d) Bagi kenderaan Majlis yang jarang atau tidak digunakan, Majlis boleh menyewa atau menjualkannya kepada kontraktor untuk mengelakkan ianya menjadi lebih usang. Selain itu, ianya dapat memberi hasil kepada Majlis.

JABATAN KERJA RAYA SARAWAK

PROJEK PEMBINAAN JALAN BARU PANTAI TRISO/MELEBU/PUSA

47. LATAR BELAKANG

Projek pembinaan Jalan Baru Pantai Triso/Melebu/Pusa telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) untuk memberi kemudahan kepada penduduk di kawasan persisiran pantai dan peluang membuka tanah pertanian. Projek ini dilaksanakan di Bahagian Betong, Sarawak dan melibatkan kerja pembinaan jalan baru dari Pantai Triso ke Melebu dan Pusa sepanjang 51 kilometer. Projek ini dilaksanakan melalui satu kontrak kerja yang dikeluarkan kepada Syarikat PPES Works (Sarawak) Sdn. Bhd. dengan kos keseluruhan berjumlah RM127.50 juta. Projek ini dibiayai daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan yang disalurkan melalui Kementerian Kerja Raya berjumlah RM127.50 juta. Tempoh kontrak bagi kesemua pakej itu adalah antara bulan Disember 2000 hingga Disember 2003. Pecahan harga kontrak membina jalan berkenaan adalah seperti di **Jadual 109.**

Jadual 109
Pecahan Harga Kontrak Membina Jalan Baru Pantai Triso/Melebu/Pusa

Pakej	Jenis Kerja	Harga Kontrak (RM Juta)	Nama Perunding
Pakej A	Membina Dan Menyiapkan Jalan Dari Triso Ke Meludam Sejauh 16.5 Km.	24.59	Konsultant SHC Sdn. Bhd.
Pakej B	Membina Dan Menyiapkan Jalan Dari Meludam Ke Sapinang Sejauh 15.5 Km.	30.09	Konsortium Malaysia
Pakej C	Membina Dan Menyiapkan Jalan Dari Sapinang Ke Pusa Sejauh 19.0 Km.	37.74	Perunding Utama
Pakej D	Kerja-Kerja Jeti Feri Di Batang Saribas.	25.58	Dr. W.H Ting Consultants Bergabung Dengan TW EngConSa Sdn. Bhd.
General & Preliminaries untuk Pakej A,B,C dan D.		9.50	
Jumlah Harga Kontrak		**127.50**	

Sumber : Fail Kontrak Jabatan Kerja Raya Sarawak

48. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada projek pembinaan Jalan Baru Pantai Triso/Melebu/Pusa telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur dan berhemat.

49. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pembinaan Jalan Baru Pantai Triso/Melebu/Pusa.

50. KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan di Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak, JKR Bahagian Sri Aman dan JKR Bahagian Betong, Sarawak. Perbincangan dengan pegawai JKR dan lawatan ke tapak projek juga telah dibuat.

51. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga September 2007 mendapati perkara-perkara berikut :-

51.1 PENGURUSAN PROJEK

Cawangan Jalan Raya Dan Lapangan Terbang JKR Sarawak bertanggungjawab untuk merancang, mengurus, melaksana dan menyenggarakan pembangunan projek infrastruktur. Cawangan ini juga bertanggungjawab untuk membina jalan baru, tanjakan (ramp) feri, lapangan terbang dan menaik taraf infrastruktur sedia ada bagi menyediakan sistem pengangkutan yang baik dan selamat. Jurutera Bahagian, JKR Bahagian Sri Aman, Gred J48 telah dilantik selaku Pegawai Penguasa Projek. Bagaimanapun tugas penyeliaan dan pengurusan kontrak telah diagihkan kepada 4 perunding yang telah dilantik sebagai wakil Pegawai Penguasa Projek. Cawangan Geoteknikal Dan Kejuruteraan Struktur Ibu Pejabat JKR Sarawak turut terlibat dalam memantau pembinaan Pakej D.

Pada pandangan Audit, peranan dan tanggungjawab pihak yang terlibat dengan pengurusan projek pembinaan jalan ini telah ditunjukkan dengan jelas.

51.1.1 Pelantikan Perunding

Pada bulan Januari 2000, Setiausaha Kewangan Negeri telah meluluskan pelantikan 4 syarikat perunding untuk penyeliaan projek ini. Perunding tersebut ialah Konsultant SHC Sdn. Bhd. untuk Pakej A, Konsortium Malaysia untuk Pakej B, Perunding Utama untuk Pakej C dan Dr. W.H Ting Consultants bergabung dengan TWEngConSa Sdn. Bhd. untuk Pakej D. Bagaimanapun dalam tahun 80an, Kerajaan Negeri telah melantik 4 syarikat perunding yang sama untuk melaksanakan kerja penyiasatan tapak dan reka bentuk. Yuran bagi kesemua perunding tersebut berjumlah RM5.13 juta untuk reka bentuk sahaja dibiayai oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

51.1.2 Pelantikan Kontraktor

Pada bulan November 2000, Kementerian Kewangan telah meluluskan pelaksanaan projek secara rundingan terus kepada PPES Works (Sarawak) Sdn. Bhd. dengan kos berjumlah RM127.50 juta. Surat Setuju Terima telah dikeluarkan pada 21 Disember 2000 dan penyerahan tapak kepada kontraktor telah dibuat pada tarikh berikunya iaitu pada 22 Disember 2000.

Semakan Audit mendapati PPES Works (Sarawak) Sdn. Bhd. adalah merupakan syarikat subsidiari CMS Works Sdn. Bhd. dengan pegangan saham 51% dan baki 49% dipegang oleh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak. PPES Works

(Sarawak) Sdn. Bhd. berpengalaman dalam pembinaan jalan raya, jambatan dan bangunan sejak tahun 1990. Ia merupakan kontraktor kelas A dan berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor pada bulan Disember 1995. Syarikat ini mempunyai modal berbayar berjumlah RM10 juta.

51.1.3 Syarat Kontrak

Perjanjian kontrak telah ditandatangani antara JKR Sarawak dan kontraktor pada 5 Februari 2001. Antara syarat kontrak yang ditetapkan adalah seperti berikut :-

a) Kontraktor dikehendaki mengemukakan Bon Pelaksanaan berjumlah RM6.38 juta atau 5% daripada harga kontrak dalam bentuk Jaminan Bank atau Jaminan Insurans sebelum memulakan kerja. Bon ini perlu dikemukakan sebelum tarikh milik tapak dan berkuat kuasa sehingga tarikh tamat kontrak.

b) Kontraktor juga dikehendaki menyerahkan Polisi Insurans Tanggungan Awam dan Insurans Kerja yang mana nilainya tidak kurang daripada harga kontrak.

c) Kontrak perlu disiapkan pada bulan Disember 2003. Sekiranya kontrak gagal disiapkan pada tempoh yang ditetapkan dan lanjutan masa tidak diluluskan, kontraktor dikehendaki membayar Kadar Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan atas kadar RM10,000 sehari.

d) Tempoh Tanggungan Kecacatan ialah 12 bulan dari tarikh Sijil Perakuan Siap dikeluarkan.

Pada pandangan Audit, syarat kontrak yang disediakan adalah memadai bagi melindungi kepentingan Kerajaan.

51.1.4 Semakan Audit mendapati kontraktor telah mengemukakan Bon Pelaksanaan berjumlah RM6.38 juta daripada Bank Bumiputra Commerce Berhad pada 14 Januari 2001 sungguhpun kerja tanah di tapak mula dijalankan pada bulan Disember 2000. Didapati juga bon tersebut yang diperbaharui berkuat kuasa sehingga bulan Februari 2006 sedangkan Sijil Perakuan Siap hanya dikeluarkan pada bulan Mac 2006. Semakan Audit selanjutnya mendapati *Contractor All Risks Insurance Policy* bernilai RM26.36 juta telah dilanjutkan sehingga bulan Mac 2007.

Pada pandangan Audit, JKR Sarawak sepatutnya mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor supaya menyerahkan Bon Pelaksanaan sebelum memulakan kerja di tapak bagi melindungi kepentingan Kerajaan.

51.1.5 Kajian Kemungkinan

Kajian kemungkinan perlu dijalankan bagi memastikan sama ada sesuatu projek dapat dilaksanakan dari segi daya maju dan memberi manfaat kepada penduduk setempat. Selain itu, ujian tanah perlu dilaksanakan bagi menentukan struktur dan jenis serta

kestabilan tanah di kawasan projek pembinaan bagi tujuan mereka bentuk pelan projek. Semakan Audit terhadap dokumen projek mendapati tidak ada bukti yang menunjukkan kajian kemungkinan telah dijalankan sebelum projek ini dilaksanakan.

Ketiadaan kajian kemungkinan telah menyebabkan beberapa skop kerja didapati tidak sesuai dilaksanakan dan dikeluarkan daripada nilai kontrak asal. Contohnya tanjakan feri di Pakej A dengan nilai kontrak berjumlah RM2.20 juta dikeluarkan daripada kontrak kerana perunding telah memaklumkan bahawa pembinaan tanjakan feri tidak sesuai dilaksanakan kerana keadaan air pasang surut yang deras dan kuala sungai yang luas. Ujian tanah telah dijalankan oleh Geotechnique East Malaysia Sdn. Bhd. pada Ogos 1989, 32 meter dari *pier* 1 Jambatan Palasan yang asal.

Pihak Audit berpendapat kajian kemungkinan perlu dijalankan di peringkat awal sebelum sesuatu projek dilaksanakan bagi memastikan kestabilan dan keselamatan projek yang dilaksanakan. Selain itu, ia juga dapat mengelakkan projek lewat disiapkan dan berlaku perbelanjaan yang sia-sia.

51.1.6 Prestasi Projek

Mengikut syarat kontrak, projek ini perlu disiapkan pada bulan Disember 2003. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati kemajuan fizikal projek yang disediakan oleh perunding setakat bulan Januari 2004 adalah 94.1%. Adalah didapati 24 lanjutan masa bagi tempoh 800 hari telah diluluskan. Sehubungan itu, tarikh projek sepatut siap telah dipinda kepada 13 Mac 2006 atas alasan seperti di **Jadual 110.**

Jadual 110
Ringkasan Lanjutan Masa Yang Diluluskan

Alasan Lanjutan Masa	Bilangan Hari Yang Diluluskan
Cuaca	86
Kerja Tambahan Menanam Cerucuk Dan Mobilisasi Mesin Disebabkan Pertukaran Reka Bentuk Tanjakan Feri Di Pakej D	48
Pertukaran Reka Bentuk Tanjakan Feri Di Pakej D	498
Ex-gratia	168
Jumlah	**800**

Sumber : Fail Kontrak Jabatan Kerja Raya Sarawak

Semakan Audit selanjutnya mendapati daripada 800 hari lanjutan masa tersebut, sebanyak 498 hari adalah bagi pertukaran reka bentuk tanjakan feri di Pakej D. Mengikut syarat kontrak, 2 tanjakan feri akan dibina di Batang Saribas iaitu satu di sebelah utara tebing dan satu lagi di sebelah selatan tebing. Bagaimanapun pada bulan April 2001, Kementerian Pembangunan Infrstruktur Dan Perhubungan Sarawak telah mengarahkan JKR Sarawak membuat kajian kemungkinan bagi menggantikan tanjakan feri di sebelah utara tebing Batang Saribas dengan ponton terapung. Pada bulan Jun 2001, JKR Sarawak telah memaklumkan kepada Kementerian

Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan Sarawak bahawa hasil kajian kemungkinan yang dijalankan oleh TW EngConSa Sdn. Bhd. mendapati cadangan pembinaan ponton terapung tidak sesuai kerana arus sungai yang deras dan keadaan tanah yang kurang sesuai. Pada bulan Oktober 2001, JKR Sarawak sekali lagi diminta untuk mengkaji kemungkinan untuk membina ponton terapung bagi menggantikan tanjakan feri. Sehubungan ini, Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan Sarawak pada bulan Mei 2002 telah mengarahkan JKR Sarawak untuk membuat reka bentuk alternatif ponton terapung tersebut. Bagaimanapun setelah rundingan harga dibuat dan siling peruntukan bagi pakej D dipertimbangkan, kos pembinaan ponton adalah melebihi peruntukan dan pembinaan tanjakan feri sebagaimana pelan asal diteruskan. Surat arahan untuk meneruskan pembinaan tanjakan feri mengikut pelan asal dikeluarkan oleh Pengarah JKR Sarawak kepada Jurutera Bahagian, JKR Bahagian Sri Aman pada bulan Mac 2004. Kegagalan mempertimbangkan hasil kajian kemungkinan oleh pihak Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan Sarawak telah menyebabkan sejumlah RM531,964 dibayar kepada kontraktor atas penyediaan reka bentuk ponton tersebut merupakan satu pembaziran.

Berdasarkan Sijil Perakuan Siap mengikut pakej yang dikeluarkan oleh perunding, kerja bagi Pakej A, B telah disiapkan pada bulan April 2004 manakala Pakej D pada bulan Mac 2006. Bagi Pakej C pula, selain daripada kerja pembinaan jambatan Sungai Palasan dan jalan menuju ke jambatan, kerja-kerja lain telah disiapkan pada bulan April 2004. Butirannya adalah seperti di **Jadual 111**.

Jadual 111
Tarikh Sijil Perakuan Siap Yang Dikeluarkan Oleh Perunding

Pakej	Tarikh Sijil Perakuan Siap Dikeluarkan
A	20.4.2004
B	23.4.2004
C	23.4.2004 (Tidak Termasuk Jambatan Sungai Palasan Dan Jalan Menuju Ke Jambatan Tersebut)
D	13. 3. 2006

Sumber : Fail Kontrak Jabatan Kerja Raya Sarawak

Semakan Audit mendapati antara faktor yang menyumbang kepada kelewatan pembinaan jambatan Sungai Palasan dan jalan menuju ke jambatan tersebut bagi Pakej C adalah seperti berikut :-

a) Jambatan Sungai Palasan yang siap dibina pada 31 Januari 2003 telah runtuh pada 19 Ogos 2003. Pada ketika itu, jambatan tersebut masih belum diserahkan kepada JKR Sarawak. Mengikut laporan pakar geoteknikal yang dilantik oleh Perunding Utama dan kontraktor, jambatan itu runtuh kerana salah satu tiang *pier 1* jambatan condong dan juga akibat *lateral soil movement.* Bagaimanapun, JKR Sarawak berpendapat laporan yang disediakan oleh pakar geoteknikal tersebut tidak bebas kerana ia dilantik oleh Perunding Utama. Namun demikian,

Kementerian Kerja Raya telah mengemukakan laporan tersebut kepada Ibu Pejabat JKR Malaysia pada bulan Jun 2006 untuk tindakan lanjut tetapi setakat tarikh pengauditan, tiada maklum balas diterima. **Pada pandangan Audit, keruntuhan jambatan dapat dielakkan sekiranya kajian kemungkinan yang meliputi ujian tanah dilaksanakan. JKR Sarawak hendaklah melantik pakar geoteknikal yang bebas untuk membuat siasatan atau merujuk kepada Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) untuk mengenal pasti punca jambatan runtuh serta pihak yang bertanggungjawab. Foto 159** menunjukkan keadaan jambatan yang telah runtuh :-

Foto 159
Jambatan Sungai Palasan Yang Siap Dibina Tetapi Telah Runtuh



Sumber : Geotechnical Evaluation Report (Final)
Tarikh : 19 Ogos 2003
Lokasi : Jambatan Sungai Palasan

b) Semakan Audit mendapati setakat 27 November 2003, sejumlah RM3.83 juta telah dibayar untuk kerja pembinaan jambatan asal Sungai Palasan. Selain itu, terdapat sejumlah RM744,002 bagi kerja meroboh dan membersihkan jambatan runtuh yang dituntut oleh kontraktor tetapi masih belum dibayar. Perkara ini masih dalam perbincangan kontraktor dengan JKR Sarawak. Didapati kontraktor telah membuat tuntutan insurans dengan syarikat insurans atas runtuhan jambatan tersebut dan sejumlah RM1.33 juta yang dibayar oleh syarikat insurans itu telah diperakaunkan ke Akaun Kerajaan Persekutuan pada bulan Januari 2007.

c) JKR Sarawak telah menawarkan kerja pembinaan semula jambatan Sungai Palasan melalui tender terbuka. Sejumlah 7 tawaran tender telah diterima. Jawatankuasa Tender dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak dan penilaian teknikal dibuat oleh Perunding Utama. Penilaian dibuat berdasarkan amaun yang ditender serta pematuhan kepada syarat dalam dokumen tender. Kontraktor yang dilantik iaitu Techrich Sdn. Bhd. adalah tawaran yang kedua

terendah. Harga kontraknya berjumlah RM4.23 juta adalah 0.7% lebih tinggi berbanding dengan anggaran perunding berjumlah RM4.20 juta. Penender yang terendah tidak dipertimbangkan kerana tiada pengalaman dalam pembinaan jambatan dan tidak mematuhi peruntukan dalam syarat tender seperti tidak mengemukakan jadual kerja, *Form 24* dan *Form 49* yang ditetapkan. Techrich Sdn. Bhd. telah mengemukakan Bon Pelaksanaan dalam bentuk jaminan bank berjumlah RM211,455 daripada Public Bank Berhad kepada JKR Sarawak pada 18 Januari 2006 dan ia berkuat kuasa sehingga 17 Ogos 2009.

d) Kerja pembinaan jambatan bermula pada bulan November 2005 dan perlu disiapkan pada bulan Mei 2007. Didapati Perunding Utama telah mengeluarkan surat peringatan antara bulan Mac dan April 2007 serta surat amaran antara bulan April dan Mei 2007. Bagaimanapun pada bulan Mei 2007, kemajuan fizikal projek ini hanya 47.1%. Pada 15 Mei 2007, Perakuan Kerja Tidak Siap telah dikeluarkan dan *Notice Of Default* dikeluarkan setahun kemudian iaitu pada 2 Mei 2008. Kontraktor telah diberi tempoh 14 hari untuk memperbaiki kelemahan – kelemahan yang dibangkitkan dalam notis tersebut. Antara faktor yang menyebabkan kerja pembinaan ini lewat disiapkan ialah masalah kelewatan menghantar *pile* ke tapak dan kerja menanam cerucuk lewat dibuat akibat kekurangan kelengkapan dan kerosakan yang berlaku padanya. Kedudukan jambatan yang dibina adalah seperti di **Foto 160** dan **Foto 161**.

Foto 160 **Foto 161**

Jambatan Sungai Palasan Yang Dibina Semula



Sumber : Fail Jabatan Audit Negara
Tarikh : 15 November 2007
Lokasi : Jambatan Sungai Palasan



Sumber : Fail Jabatan Audit Negara
Tarikh : 15 November 2007
Lokasi : Jambatan Sungai Palasan

Pada pandangan Audit, JKR Sarawak perlu memastikan Bon Pelaksanaan kontraktor dirampas sekiranya kontraktor masih gagal mematuhi *Notice Of Default* dan Notis Penamatan Kontrak dikeluarkan.

51.1.7 Kerja Penyenggaraan

Jalan Baru Pantai Triso/Melebu/Pusa yang siap dibina telah diserahkan kepada Jurutera Bahagian, JKR Betong pada 23 April 2004 dengan tempoh tanggungan

kecacatan selama 12 bulan sehingga 22 April 2005. Selepas tempoh tersebut, jalan ini akan disenggarakan oleh CMS Road Maintenance Sdn. Bhd. Didapati JKR Sarawak telah menandatangani perjanjian dengan CMS Road Maintenance Sdn. Bhd. pada 25 April 2003 untuk pengurusan dan penyenggaraan jalan negeri. Semakan Audit mendapati CMS Road Maintenance Sdn. Bhd. telah melantik sebuah syarikat Kiang Rimau Enterprise untuk kerja-kerja memotong rumput di sepanjang jalan tersebut. Bagaimanapun, mengikut laporan CMS Road Maintenance Sdn. Bhd. pada bulan Oktober 2007, prestasi syarikat yang dilantik adalah kurang memuaskan.

Lawatan Audit ke tapak projek pada pertengahan bulan November 2007 bersama pegawai dari Ibu Pejabat JKR Sarawak mendapati perkara berikut :-

a) Pihak Audit telah mengukur lebar jalan dan panjang jambatan yang dibina dan didapati telah mengikut lukisan dalam kontrak. Bagaimanapun, berlaku mendapan tanah di jalan masuk/keluar ke tanjakan feri di Pakej D seperti di **Foto 162** dan **Foto 163**.

b) Jalan lencongan di Jambatan Sungai Palasan dan jambatan sementara di Pakej C tidak disenggarakan oleh kontraktor seperti di **Foto 164** dan **Foto 165**. Selain itu, *beam* yang diletakkan di tepi jalan dengan besi yang terkeluar boleh membahayakan pengguna jalan raya terutamanya pada waktu malam.

c) Jalan dan jambatan di Pakej C tidak disenggarakan dengan memuaskan. Rumput di bahu jalan tidak dipotong dan rumput di jambatan tidak dibersihkan seperti di **Foto 166**. Jalan masuk ke Kampung Semarang di Pakej B juga tidak disenggarakan dengan memuaskan seperti di **Foto 167.**

d) Terdapat juga penduduk setempat yang menanam jagung dan pisang di tepi jalan di semua pakej. Ini boleh membahayakan keselamatan pengguna jalan raya. Selain itu, penanaman jagung dan pisang ini boleh mengganggu kestabilan bahu jalan dan kerja-kerja penyenggaraan jalan raya.

Pada pandangan Audit, pihak JKR Sarawak hendaklah memastikan jambatan dan jalan yang siap dibina disenggarakan dengan memuaskan. Selain itu, pihak kontraktor hendaklah diarahkan untuk menyenggarakan jalan lencongan supaya sentiasa berada dalam keadaan baik untuk keselamatan pengguna.

Foto 162
Tanjakan Feri Sebelah Tebingan Selatan Batang Saribas Yang Menjadi Curam Disebabkan Mandapan Tanah – Pakej D



Sumber : Fail Jabatan Audit Negara
Tarikh : 15 November 2007
Lokasi : Tanjakan Feri Sebelah Tebingan Selatan Batang Saribas

Foto 163
Tanjakan Feri Sebelah Tebingan Selatan Batang Saribas Yang Menjadi Curam Disebabkan Mandapan Tanah – Pakej D



Sumber : Fail Jabatan Audit Negara
Tarikh : 15 November 2007
Lokasi : Tanjakan Feri Sebelah Tebingan Selatan Batang Saribas

Foto 164
Jalan Lencongan Yang Tidak Disenggarakan Oleh Kontraktor - Pakej C



Sumber : Fail Jabatan Audit Negara
Tarikh : 15 November 2007
Lokasi : Jalan Lencongan Jambatan Sungai Palasan

Foto 165
Jambatan Sementara Yang Tidak Disenggarakan Oleh Kontraktor - Pakej C



Sumber : Fail Jabatan Audit Negara
Tarikh : 15 November 2007
Lokasi : Jambatan Sementara Sungai Palasan

Foto 166
Rumput Di Bahu Jalan Yang Tidak Disenggarakan – Pakej C



Sumber : Fail Jabatan Audit Negara
Tarikh : 15 November 2007
Lokasi : Jalan Dari Sapinang Ke Pusa (Pakej C)

Foto 167
Rumput Di Bahu Jalan Masuk Kampung Semarang Yang Tidak Disenggarakan - Pakej B



Sumber : Fail Jabatan Audit Negara
Tarikh : 15 November 2007
Lokasi : Jalan Masuk Kampung Semarang

51.1.8 Perbelanjaan Projek

Projek ini dilaksanakan di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan. Kos asal projek adalah berjumlah RM127.50 juta dan sehingga bulan November 2006, *revised contract sum* untuk projek ini adalah berjumlah RM118.24 juta. Jumlah ini tidak mengambil kira bayaran yuran keempat-empat perunding yang dilantik. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM116.25 juta telah dibayar kepada kontraktor setakat tarikh pemeriksaan Audit. Berikutan keputusan untuk membina semula jambatan Sungai Palasan yang telah runtuh, Kementerian Kerja Raya perlu menanggung kos tambahan yang berjumlah RM3.64 juta (untuk mereka bentuk, membina semula dan kerja meroboh serta membersihkan jambatan yang runtuh) setelah ditolak pampasan insurans sejumlah RM1.33 juta. Kos keseluruhan projek adalah RM121.88 juta.

51.2 PEMANTAUAN

Projek ini dipantau oleh keempat-empat perunding yang dilantik. Mesyuarat bulanan tapak dipengerusikan oleh keempat-empat perunding selaku wakil Pegawai Penguasa Projek secara bergilir-gilir. Mesyuarat teknikal juga ada dijalankan oleh perunding dan kontraktor. Selaras dengan syarat kontrak, perunding berkenaan telah mengemukakan laporan kemajuan bulanan semasa mesyuarat tapak dan mesyuarat teknikal kepada JKR Sarawak. Mekanisme pemantauan yang dilaksanakan oleh JKR Sarawak terhadap kemajuan dan kualiti projek yang dilaksanakan oleh kontraktor adalah melalui mesyuarat koordinasi projek, mesyuarat tapak bulanan dan ujian kualiti bahan serta kawalan mutu bahan. Mesyuarat koordinasi projek dipengerusikan oleh Jurutera Bahagian, JKR Sri Aman dan turut dihadiri oleh Jurutera Bahagian, JKR Betong, perunding dan kontraktor.

Pihak Audit telah menyemak rekod pembinaan dan ujian bahan kualiti yang diselenggarakan untuk projek ini. Adalah didapati ujian telah dibuat semasa pembinaan dan rekod-rekod adalah teratur dan disahkan oleh perunding. Selain itu, rekod tersebut juga telah disemak oleh pihak JKR pada tiap-tiap bulan.

Pada pandangan Audit, aspek pemantauan projek yang dijalankan oleh JKR Sarawak dan perunding adalah memuaskan.

52. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Projek ini yang bernilai RM121.88 juta lewat disiapkan selama 2 tahun 2 bulan. Projek ini sepatutnya disiapkan pada bulan Disember 2003 tetapi telah diluluskan lanjutan masa sehingga bulan Mac 2006. Antara punca kelewatan menyiapkan projek ialah arahan daripada Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan Sarawak bagi menggantikan tanjakan feri bagi pakej D dengan ponton terapung di mana pembinaan tanjakan feri sebagai mana pelan asal diteruskan setelah kajian kemungkinan dijalankan. Ini menyebabkan sejumlah RM531,964 yang dibelanjakan untuk menyediakan reka bentuk ponton adalah sia-sia. Pada tarikh tamat lanjutan masa, kecuali jambatan Sungai Palasan di pakej C dan jalan menuju ke jambatan ini, lain-lain kerja telah disiapkan. Jambatan tersebut sebenarnya telah disiapkan pada 31 Januari 2003 tetapi telah runtuh akibat dari salah satu tiang jambatan telah condong *dan lateral soil movement.* Kegagalan menjalankan ujian tanah di peringkat awal pelaksanaan projek menimbulkan persoalan sama ada keruntuhan jambatan itu sebenarnya berpunca dari pergerakan tanah seperti yang dilaporkan oleh pakar geoteknikal yang dilantik oleh perunding bagi pakej C iaitu Perunding Utama. Sehubungan ini, adalah disyorkan JKR Sarawak memberi pertimbangan kepada perkara berikut :-

a) Bagi memastikan sejauh mana sesuatu projek dapat dilaksanakan dari segi daya maju projek dan memberi manfaat kepada penduduk setempat, kajian kemungkinan perlu dijalankan di peringkat awal sebelum projek dilaksanakan.

b) JKR Sarawak hendaklah melantik pakar geoteknikal yang bebas untuk membuat siasatan atau merujuk kepada Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) untuk mengenal pasti punca jambatan runtuh serta pihak yang bertanggungjawab.

c) JKR Sarawak perlu memastikan Bon Pelaksanaan kontraktor dirampas sekiranya kontraktor Techrich Sdn. Bhd. masih gagal mematuhi *Notice Of Default* dan Notis Penamatan Kontrak dikeluarkan**.**

d) JKR Sarawak hendaklah memastikan jambatan dan jalan yang siap dibina disenggarakan dengan memuaskan. Selain itu, pihak kontraktor hendaklah diarahkan untuk menyenggarakan jalan lencongan supaya sentiasa berada dalam keadaan baik untuk keselamatan pengguna

BAHAGIAN II

PERKARA AM

53. PENDAHULUAN

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Kementerian/Jabatan/Agensi terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan. Di samping itu, susulan perkara berkenaan juga dibincangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Awam Negeri dan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. **Bahagian** ini mengandungi perkara berikut:

a) Kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2006.
b) Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi.
c) Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri.

Kedudukan Masa Kini Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006
Aktiviti Dan Kajian Khas Kementerian/Jabatan/Agensi

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI SARAWAK PENGURUSAN SKIM BANTUAN KEWANGAN DAN KEBAJIKAN WARGA TUA			
5.2.3	Jabatan gagal menganggarkan jumlah sebenar penerima bantuan yang layak kerana Jabatan tidak meletakkan sasaran dan tidak mempunyai data mengenai jumlah dan status warga tua yang boleh diberi bantuan. Ini menyebabkan orang tua yang mendapat bantuan berkurangan dari tahun ke tahun, iaitu 4,111 orang pada tahun 2004 menurun menjadi 2,945 orang pada tahun 2005 dan 2,726 orang pada tahun 2006.	Penurunan bilangan penerima berlaku disebabkan bantuan telah ditamatkan kerana penerima bantuan meninggal dunia atau penerima bantuan dipindahkan ke skim bantuan kewangan lain dan kajian semula kes yang dijalankan mendapati tidak semua warga tua layak mendapat Skim Bantuan Orang Tua kerana mereka perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
5.2.5 (a)	Sebanyak 1,986 atau 29.1% permohonan yang diterima pada tahun 2004 hingga 2006 masih dalam proses penyiasatan atau menunggu kelulusan. Kelewatan memproses permohonan boleh menyebabkan kes tertunggak dan pemohon tidak sempat menerima	Kelewatan ini adalah disebabkan kekurangan kakitangan dan tempat tinggal pemohon yang jauh dan alamat tidak lengkap. Bagaimanapun, Jabatan dalam proses penstrukturan semula jawatan dan kertas permohonan Penentuan Dasar Perkhidmatan Kebajikan beserta.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
	bantuan. Bagaimanapun, permohonan yang diterima pada tahun 2004 dan 2005 telah disiasat, diberi keputusan dan telah dibayar bagi permohonan yang layak selepas dibangkitkan oleh pihak Audit.	permohonan tambahan 7 jawatan Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S41 telah disedia dan dikemukakan kepada Kementerian untuk dibawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada penghujung bulan April atau awal bulan Mei 2008	
5.2.5 (b) (i)	Sebanyak 33 baucar bayaran Bantuan Orang Tua di pejabat Bahagian Kuching berjumlah RM35,200 yang tidak dapat diagihkan telah lewat dikembalikan kepada Perbendaharaan Negeri antara tempoh 2 hingga 148 hari.	Jabatan telah mengambil tindakan dengan memberi peringatan kepada semua pegawai Jabatan bagi memastikan perkara ini tidak berulang.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
5.2.5 (b) (ii)	Sejumlah 30 kes penerima Bantuan Orang Tua telah diberhentikan kerana penerima bantuan telah meninggal dunia. Bagaimanapun Jabatan lambat menghentikan pembayaran menyebabkan sejumlah RM32,840 masih dimasukkan ke akaun bank penerima bantuan antara tempoh 1 bulan hingga 144 bulan.	Sejumlah RM15,560 telah dapat dikutip balik melibatkan 7 kes. 17 kes melibatkan RM1,800 tidak dikutip balik atas sebab perikemanusiaan. Satu kes bantuan dipindahkan kepada isteri simati. Tiga kes tidak dapat dikutip balik kerana akaun telah ditutup dan tiada baki. Manakala 2 kes melibatkan RM7,940 masih belum dibayar balik oleh pihak bank.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
5.2.7	Syarat pengambilan masuk ke Rumah Seri Kenangan tidak dipatuhi sepenuhnya, fail peribadi penghuni tidak lengkap dan tidak disertakan dengan dokumen sokongan. Akibatnya, berlaku pengambilan masuk penghuni ke Rumah Seri Kenangan yang tidak layak dan boleh mengganggu ketenteraman serta keselamatan penghuni lain.	Tindakan mengemas kini fail peribadi penghuni, borang wasiat dan borang persetujuan telah dilakukan.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
5.3	Aspek pemantauan kurang memuaskan menyebabkan berlakunya kes di mana penerima bantuan masih dibayar walaupun telah meninggal dunia kerana siasatan susulan status penerima tidak dibuat mengikut tempoh masa yang ditetapkan.	Masalah ini dapat dikurangkan sekiranya penstrukturan semula jawatan diluluskan.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
JABATAN KERJA RAYA PROJEK PENGGANTIAN JAMBATAN DI JALAN NEGERI			
10.2.4 (d)	Sehingga akhir tahun 2006 kos pembinaan telah meningkat daripada RM551.02 juta menjadi RM741.24 juta atau 34.5% dari kos asal.	Jumlah keseluruhan kos pembinaan sehingga projek siap adalah berjumlah RM947.80 juta iaitu meningkat sejumlah RM396.78 juta atau 72 % dari kos asal.	-
10.2.7 (b)	Sehingga bulan Disember 2006, sebanyak 71 bayaran kemajuan kerja yang bernilai RM741.24 juta hendaklah dibayar kepada kontraktor. Bagaimanapun, hanya RM500.95 juta telah dibayar menyebabkan Kerajaan terpaksa menanggung caj faedah.	Jumlah bayaran kemajuan bernilai RM947.80 telah selesai dibayar kepada kontraktor termasuk baki RM240.29 juta yang tertunggak pada bulan Disember 2006.	Bayaran yang dibuat adalah teratur.
JABATAN PERTANIAN SARAWAK PROGRAM PEMBANGUNAN EKONOMI WANITA			
15.2.5 (b) (ii)	Peralatan dan perkakasan bernilai RM8,000 yang dibekalkan kepada 2 peserta sejak tahun 2004 dan 2005 tidak digunakan. Setakat tahun 2006, Jabatan belum mengambil tindakan untuk menarik balik peralatan yang diberikan.	Seorang peserta telah menarik diri dari Program Pembangunan Ekonomi Wanita dan Jabatan telah mengagihkan perkakasan tersebut kepada peserta lain manakala seorang lagi peserta telah mula menggunakan mesin pengisar setelah membuat penyambungan bekalan elektrik berkapasiti 3 fasa.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
15.2.5 (b) (ii)	Peralatan kepada 2 peserta masih belum dibekalkan. Ini menyebabkan 2 peserta tersebut tidak dapat meneruskan perusahaannya dan daripada temu bual mendapati kedua-dua peserta menyatakan telah hilang minat untuk meneruskan perniagaannya.	Jabatan dan Pertubuhan Peladang Kawasan telah membeli peralatan untuk peserta tersebut.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
15.2.5 (c) (i)	Semakan Audit mendapati pada tahun 1999 Jabatan telah meluluskan peruntukan bernilai RM200,000 untuk membina bangunan dapur uji WEDA. Bagaimanapun, bangunan tersebut masih belum dibina kerana masalah komunikasi antara pihak Jabatan dan Jabatan Kerja Raya.	Bangunan tersebut masih belum dibina dan Jabatan memaklumkan bahawa pembinaan ini mungkin akan dikaji semula.	Tindakan sewajarnya perlu diambil dengan segera.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN SARAWAK PROJEK SALIRAN DI SEBANGAN BAJONG			
20.2.5 (c) (i)	Keadaan jalan adalah teruk di mana pada setiap 100 meter jalan terdapat purata sebanyak 30 lubang yang mempunyai kedalaman sehingga 0.5 meter. Pengukuran terhadap lebar permukaan di 7 lokasi sepanjang jalan tersebut mendapati ianya berbeza antara 2.8 hingga 3.5 meter dan lebar bahu jalan di lokasi yang sama adalah kurang daripada 0.9 meter. Keadaan jalan yang sempit ini menyukarkan 2 kenderaan untuk berselisih, ditambah pula dengan bahu jalan yang sempit.	Jabatan Pengairan dan Saliran Bahagian Samarahan telah menjalankan kerja penyenggaraan dan pembaikan jalan ini dalam tahun 2007.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
20.2.5 (d)	Masih berlaku mendapan dan hakisan di kawasan projek terutamanya di Kampung Baru dan Kampung Sampat yang telah mengalami proses penebangan pokok kayu bakau. Selain itu, ada juga benteng yang perlu disenggarakan dan parasnya ditinggikan selepas tempoh tertentu, contohnya benteng *gabion* di tebing Sungai Sebangan bersebelahan Kampung Sampat yang didapati telah menurun dengan agak ketara. Ini terbukti di mana benteng tersebut telah ditenggelami oleh paras air sungai semasa air pasang.	Pokok telah tumbuh di tebing Sungai Sebangan setelah benteng *gabion* dibina untuk menahan hakisan sungai. Manakala di Kampung Baru, Jabatan sedang merancang untuk membuat penambahbaikan tembok.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
20.2.7	Kerja penyenggaraan bagi projek yang telah disiapkan adalah diserahkan kepada Jabatan Pengairan Dan Saliran Bahagian Samarahan meliputi kerja seperti mendalam dan membersihkan parit perimeter, pemotongan rumput, kerja pembaikan dan penyenggaraan jambatan dan pembetung kotak. Beberapa masalah berkaitan komponen projek ditemui di Daerah Sebuyau dan Simunjan seperti tiada kerja pembersihan dan penyenggaraan, hakisan tanah pada ban, *flap gate* bocor dan pencemaran terhadap sumber bekalan air.	Pihak Jabatan telah membersihkan parit dan ban, membina benteng, membaiki *flap gate* dan membina paip bekalan air untuk menyalurkan bekalan air bersih.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
LEMBAGA SUNGAI-SUNGAI SARAWAK PENGURUSAN WAF/JETI DAN TERMINAL PENUMPANG			
25.2.2	Semua waf hendaklah mendapatkan kebenaran daripada Jabatan Tanah Dan Survei dan Sijil Kebenaran Penggunaan Waf (WAC) dari Lembaga sebelum beroperasi selaras dengan Ordinan Lembaga. Bagaimanapun, sebahagian besar waf persendirian yang beroperasi sebelum penubuhan Lembaga masih tidak mempunyai WAC. Tiada perundangan diperuntukkan untuk menangani masalah ini.	Pelan Tindakan Penguatkuasaan telah dimajukan kepada Jemaah Lembaga Sungai-Sungai Sarawak dan Peguam Besar Negeri untuk nasihat perundangan sebelum tindakan lanjut diambil.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
25.2.4	Jadual program penyenggaraan berkala belum disediakan di peringkat Lembaga supaya penyenggaraan waf dilaksanakan dengan lebih berkesan.	Jadual program penyenggaraan berjadual telah dirancang dan akan dilaksanakan. Kerja-kerja pembersihan waf telah dilaksanakan secara berjadual tetapi penyenggaraan hanya dilakukan secara *ad-hoc*.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
25.2.5 (a) (ii)	Kerja menaik taraf Sibu Wharf, Old Bazaar di Kapit yang diluluskan dengan peruntukan sejumlah RM1.3 juta dalam RMK8 belum dilaksanakan.	Lembaga telah membuat tender dan syarikat yang berjaya telah dilantik untuk kerja menaik taraf waf mulai bulan Mei 2008.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
25.2.5 (c) (ii)	Kekurangan bot serta kekerapan kerosakan bot yang sedia ada boleh menjejas kelicinan operasi penguatkuasaan harian Lembaga.	Pembelian 9 unit enjin sangkut 200 kuasa kuda yang dianggarkan berharga RM315,000 telah diluluskan dalam belanjawan tahun 2008. Manakala bot tambahan yang diperlukan sedang diusahakan.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
25.2.6 (c)	Lembaga menyerahkan peruntukan penyenggaraan waf tahunan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR). Bagaimanapun, JKR tidak menghantar laporan lengkap mengenai penggunaan peruntukan dan kerja penyenggaraan yang dilaksanakan menyebabkan Lembaga tidak dapat menyelaras peruntukan dengan perbelanjaan sebenar. Perkara ini juga menyukarkan pemantauan Lembaga terhadap waf berkenaan.	Maklumbalas mengenai baki peruntukan telah diserahkan oleh Jabatan Kerja Raya dan telah diselaras dan dikemas kini.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
25.2.6 (d)	Penyesuaian bil dikeluarkan tidak dibuat antara Daftar Penyata Bil Sewa Waf dan Rekod Statistik Penggunaan Waf.	Semakan penyesuaian terhadap rekod kedua-dua daftar ini telah dibuat berasaskan rekod Daftar Penyata Bil Sewa Waf.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
25.2.7 (a) (i)	Sistem kutipan yang diguna pakai adalah longgar kerana tidak ada bukti resit yang dikeluarkan bersamaan dengan keluar masuk kapal/bot kerana rekod tidak disimpan.	Tindakan sedang diambil untuk mengkaji sistem sebelum cadangan penyelesaian dikemukakan untuk kelulusan Jemaah Lembaga.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
25.2.7 (a) (ii)	Lembaga mempunyai tunggakan hasil bernilai RM396,581 dari tahun 1984 hingga bulan November 2006. Tiada penalti ke atas bil yang lewat atau tidak dibayar.	Pelan tindakan yang telah diambil oleh Lembaga adalah seperti tindakan undang-undang kepada pemilik kapal yang gagal menjelaskan tunggakan, perjanjian untuk melunaskan tunggakan melalui *Letter of Undertaking,* Pembaharuan Permit Pengangkutan Sungai (RTP) hanya diluluskan setelah kesemua tunggakan dibayar, bekerjasama dengan Jabatan Laut Sarawak dari segi proses pertukaran hak milik bot dan kapal yang masih mempunyai tunggakan, panel Peguam telah dilantik untuk mengambil tindakan undang-undang kepada pemilik kapal yang tidak menjelaskan tunggakan dan pemeriksaan akaun secara berkala telah dijalankan kepada semua pejabat pemungut hasil. Prosedur dan penyelesaian untuk melupuskan hutang lapuk telah dicadangkan kepada Jemaah Lembaga dan kepada pihak berkenaan untuk kelulusan.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
25.2.7 (b) (ii)	4 waf daripada 12 waf penumpang yang dilawati didapati tidak digunakan dan terbiar walaupun masih dalam senarai waf yang diwartakan. Waf tersebut adalah Waf Ekspres Bintawa, Waf Ekspres Kuala Baram, Ferry Ramp, Kuala Baram dan Waf Ekspres Belian, Tatau. Waf yang boleh digunakan tetapi terbiar boleh merugikan Kerajaan kerana ia lebih terdedah kepada aktiviti vandalisme dan kadar kemerosotan lebih tinggi berbanding dengan waf yang selalu dipantau.	Waf Ekspres Bintawa telah ditutup. Walau bagaimanapun, waf berkenaan masih digunakan oleh pengguna dan pihak pengurusan sedang mengkaji untuk membuka semula kemudahan waf tersebut untuk digunakan. Kajian semula sedang dijalankan terhadap Waf Ekspress Kuala Baram. Waf berkenaan akan ditutup sekiranya tidak mencapai daya saing yang ekonomik. Penyata Bil Sewa Waf telah diisu bagi setiap penggunaan Ferry Ramp Kuala Baram dan tindakan telah diambil untuk menghalau mana-mana kapal yang bertambat di *fender ramp* yang berdekatan dengan Ferry Ramp. Penggunaan dan keselamatan ramp tersebut sentiasa dipantau setiap masa. Waf Ekspress Belian Tatau telah dikenal pasti untuk dikeluarkan dari senarai waf-waf yang diwartakan kerana tidak aktif sejak pengusaha bot ekspres memindah operasi mereka ke Pekan Baru Tatau.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
25.2.7 (b) (iii)	Kerosakan kemudahan di waf seperti struktur pengadang, *fender, bollard* yang rosak dan *kerb* yang pecah jika tidak dibaiki akan bertambah kerosakannya dan melibatkan kos pembaikan lebih tinggi.	Struktur penghadang waf Bunker dan Lorna Doone sudah siap dibaiki pada bulan Mac 2007. Kerosakan di *R.C. Commercial Wharf* Tatau belum dibaiki. Kerosakan di Waf JKR, Estet Perindustrian Kemena Bintulu sudah siap dibaiki pada bulan Julai 2007. *Kerb* yang pecah di Terminal Sejingkat telah siap diperbaiki pada hujung bulan Mei 2007, pembaikan di kawasan terbuka telah ditenderkan dan kerja akan dimulakan sebaik sahaja dilulus oleh Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
25.2.7 (b) (iv)	16 dari 33 waf tidak didirikan papan tanda menunjukkan ianya tidak memenuhi kehendak Ordinan 1993.	Penyediaan notis atau papan tanda 16 waf akan dilakukan berdasarkan peruntukan yang sedia ada.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
25.2.7 (b) (v)	Tiada bukti pemeriksaan penilaian dijalankan oleh Lembaga bagi menilai keselamatan waf. Ini tidak selaras dengan sasaran perancangan strategik Lembaga.	*Wharves Management System* yang sedang dibangunkan oleh pihak Lembaga telah mengambil kira aspek keselamatan waf.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
25.2.8 (ii)	Bahagian Trafik dan Teknikal yang dianggotai oleh 5 kakitangan tidak mampu menyenggara 83 waf di keseluruhan kawasan Sarawak dengan berkesan. Kelima-lima kakitangan ini pula ditempatkan di Ibu Pejabat dan juga bertanggungjawab terhadap pelbagai tugas lain.	Struktur carta organisasi dan pengisian jawatan kosong masih di dalam perhatian dan perancangan semula selaras dengan proses perancangan sumber manusia dan penstrukturan yang sedang dijalankan. Kesemua perancangan untuk sumber manusia dan penstrukturan akan dirumus pada suku akhir tahun 2008 selepas penggulungan kajian *Sarawak Inland Water Transport Study*.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
MAJLIS SUKAN NEGERI SARAWAK PENGURUSAN PEMBANGUNAN SUKAN NEGERI SARAWAK			
30.2.3	Majlis tidak mempunyai suatu undang-undang penubuhan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sarawak bagi membolehkan Majlis Sukan Negeri beroperasi sebagai Badan Berkanun Negeri.	Draf Undang-undang untuk menbentuk Majlis Sukan Negeri Sarawak sebagai Badan Berkanun telah dibentang pada Mesyuarat Lembaga Majlis Sukan Negeri pada 28 Mac 2008. Mesyuarat telah memutuskan bahawa draf tersebut harus dikemukakan kepada The Sarawak Attorney's General Chambers untuk semakan serta pandangan sebelum dikemukakan kepada kabinet.	-
30.2.4	Menurut Seksyen 3(1) Bahagian II Akta Pembangunan Sukan 1997 (Akta 576), Menteri yang bertanggungjawab bagi sukan hendaklah mengeluarkan garis panduan berhubung dengan pembangunan sukan termasuk rancangan jangka panjang bagi ahli sukan, jurulatih, pentadbir dan pegawai sukan di semua peringkat. Bagaimanapun, tindakan susulan untuk menyediakan Pelan 10 Tahun selepas SUKMA tidak diteruskan dan mengakibatkan Majlis melaksanakan program pembangunan sukan tanpa mempunyai perancangan yang sempurna.	Negeri Sarawak belum lagi mengguna pakai Akta Pembangunan Sukan 1997 (Akta 576).Bagaimanapun, Jawatankuasa Teknikal telah ditubuhkan untuk menentukan rujukan terma (terms of reference) bagi mengkaji pembangunan sukan di negeri Sarawak.	Tindakan segera perlu diambil bagi memastikan perancangan yang sempurna disediakan.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
30.2.5 (b)	Majlis ada menetapkan sasaran bilangan atlet yang akan dihasilkan dari pusat latihan tetapi majlis tidak mensasarkan jumlah atlet yang akan dihasilkan ke peringkat kebangsaan dan dunia untuk setiap sukan. Tumpuan hanya diberi kepada penyediaan atlet untuk kejohanan SUKMA.	Perkara ini di luar bidang kuasa Majlis kerana ia bergantung pada keputusan yang dibuat oleh Menteri.	-
30.2.5 (b) (ii) dan (iii)	Pengambilan jurulatih tempatan sepenuh masa dan jurulatih tempatan sambilan kurang memuaskan kerana kriteria pengambilan jurulatih tidak ditetapkan dan pelantikan dibuat tidak mengambil kira kepentingan Kerajaan. Akibatnya berlaku pengambilan jurulatih di bawah umur 18 tahun, pembayaran tidak mengikut peraturan kewangan dan tidak dapat memantau perkembangan sukan dan prestasi atlet serta jurulatih.	Majlis telah menetapkan kriteria pengambilan jurulatih.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
30.2.8	Kawalan pengurusan aset Majlis adalah lemah di mana pembelian peralatan sukan berjumlah RM2.67 juta bagi tempoh 3 tahun tidak direkod dan dikawal dengan sempurna bagi mengelak pembaziran dan salah guna.	Majlis telah menubuhkan Unit Aset/Inventori diketuai oleh Penolong Pegawai Tadbir (Bahagian Pentadbiran) dan telah membina stor untuk menyimpan peralatan-peralatan sukan.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
30.2.9	Kawalan pengurusan kewangan kurang memuaskan kerana Majlis tidak mematuhi sepenuhnya Arahan Perbendaharaan dan peraturan kewangan Kerajaan Negeri yang telah ditetapkan untuk pengurusan perolehannya.	Majlis telah mematuhi semua Arahan Perbendaharaan dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
MAJLIS BANDARAYA KUCHING SELATAN PENSWASTAAN PENGURUSAN SAMPAH			
35.2.5 (b)	Syarat dalam Perjanjian Konsesi tidak lengkap dan syarat tidak disemak semula walaupun sudah melebihi tempoh 5 tahun. Pegangan ekuiti dalam Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd. belum dibayar.	Kerajaan Negeri masih belum ambil tindakan untuk kaji semula syarat-syarat dan perjanjian kontrak. Permohonan untuk mengambil 30% ekuiti masih belum mendapat maklum balas daripada Kerajaan Negeri.	Tindakan segera perlu diambil bagi memastikan kepentingan kerajaan terjamin. Tindakan segera perlu diambil bagi menentukan pegangan ekuiti.
35.2.6 (a)	Pemuliharaan tapak tersebut belum dimulakan lagi.	Pihak Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd. telah memulakan kerja pemuliharaan pada bulan Januari 2008.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
35.2.8 (a)	Peruntukan Majlis tidak mencukupi untuk menanggung perbelanjaan pengurusan sampah menyebabkan Majlis meminjam sejumlah RM21.3 juta daripada Kerajaan Negeri.	Sehingga tahun 2007, sejumlah RM6.09 juta telah dijelaskan oleh Majlis. Manakala Majlis membuat permohonan pada bulan Januari 2008 untuk menukar baki pinjaman sejumlah RM15.21 juta menjadi geran. Selain itu, Majlis telah memperkenalkan konsep *user pay* dalam menangani kos pungutan sampah yang tinggi.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
MAJLIS DAERAH DALAT DAN MUKAH PENGURUSAN CUKAI TAKSIRAN			
40.2.3 (a) (i)	Tempoh siap menjalankan kerja ukur periksa selepas pegangan dikenal pasti tidak dapat ditentukan bagi kesemua 430 pegangan yang disemak kerana Buku Pradaftar Pegangan Baru tidak disediakan untuk merekod tarikh memperolehi maklumat pegangan.	Buku Pradaftar Pegangan Baru untuk merekod tarikh memperolehi maklumat pegangan telah disediakan mulai bulan Februari 2008.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
40.2.3 (a) (ii)	Masa yang diambil untuk menghantar borang ukur periksa ke KASKA selepas kerja ukur periksa siap ialah antara 1 bulan hingga melebihi 2 tahun.	Semakan Audit terhadap 10 pegangan baru pada tahun 2008 mendapati masa yang diambil ialah antara 11 hingga 12 hari selaras dengan Manual Kualiti MS ISO 9001:2000, iaitu dalam tempoh 1 bulan.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
40.2.3 (a) (iii)	Masa yang diambil oleh KASKA untuk memproses borang ukur periksa untuk membuat penilaian dan kemudiannya menghantar senarai nilaian tahunan ke Majlis ialah antara 2 hingga 12 bulan.	Semakan Audit terhadap 20 pegangan pada tahun 2007 mendapati masa yang diambil ialah antara 3 hingga 5 bulan.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
40.2.3 (a) (iv)	Masa yang diambil untuk menghantar notis cukai dan taksiran pegangan kepada pemilik pegangan selepas nilaian tahunan diterima dari KASKA ialah antara 1 hingga 12 bulan.	Semakan Audit terhadap 10 pegangan yang dinilai mendapati masa yang diambil ialah antara 50 hingga 103 hari. Ini adalah tidak selaras dengan tempoh yang ditetapkan dalam Manual Kualiti MS ISO 9001:2000, iaitu notis cukai dan taksiran diedarkan kepada pemilik pegangan dalam tempoh 21 hari dari tarikh pindaan.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
40.2.3 (a) (v)	Masa yang diambil untuk menyediakan bil yang pertama selepas notis dihantar kepada pemilik pegangan ialah antara 1 hingga 3 bulan.	Semakan Audit terhadap bil pertama bagi 10 pegangan yang dikeluarkan mendapati bil telah dikeluarkan selewatnya satu bulan sebelum tarikh akhir pembayaran cukai taksiran. Ini adalah selaras dengan Manual Kualiti MS ISO 9001:2000.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
40.2.3 (b) (i)	Empat pegangan yang telah diukur periksa pada tahun 2003 oleh sebuah syarikat swasta CH Williams Talhar Wong & Teo Sdn. Bhd. untuk tujuan penilaian semula dan telah dinilai oleh KASKA pada bulan Januari 2004 belum dikenakan cukai taksiran.	Kesemua pegangan tersebut telah dikenakan cukai taksiran berjumlah RM1,010 pada tahun 2007. Cukai tersebut telah dibayar pada awal bulan Disember 2007. Manakala bagi tahun 2004 hingga 2006, tiada cukai taksiran dikenakan.	Tindakan untuk mengenakan cukai taksiran hendaklah dibuat dengan segera.
40.2.3 (b) (ii)	Satu pegangan yang masih digunakan dan telah wujud sekurang-kurangnya sejak tahun 2004 belum diambil kira dalam rekod Majlis dan belum dikenakan cukai taksiran.	Pegangan berkenaan telah diukur periksa oleh Majlis pada hujung bulan September 2007 dan telah diluluskan oleh KASKA pada bulan Disember 2007. Pegangan tersebut telah dikenakan cukai mulai bulan Julai 2008. Notis Cukai Taksiran dan bil bagi bulan Julai hingga Disember 2008 telah dikeluarkan kepada pemilik pegangan pada bulan Mac 2008. Butiran pegangan berkenaan telah direkod ke Buku Daftar L.A.34.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
40.2.3 (b) (iii)	Lapan pegangan yang telah siap dibina belum diukur periksa.	Lapan pegangan tersebut telah diukur periksa oleh Majlis pada hujung bulan Mac 2008.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
40.2.3 (b) (iv)	Tiga pegangan yang telah diroboh masih dikenakan cukai taksiran sehingga tahun 2006.	Tiga pegangan tersebut masih dikenakan cukai taksiran pada tahun 2007. Pihak Majlis telah menjalankan pemeriksaan terhadap pegangan tersebut pada bulan April 2008. Cadangan untuk memberhentikan pengenaan cukai taksiran akan dibincang semasa Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Perjawatan pada bulan Jun 2008.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
40.2.3 (c)	Jawatankuasa Rayuan tidak ditubuhkan.	Jawatankuasa Rayuan dan Bantahan telah ditubuhkan pada bulan September 2007.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
40.2.3 (d)	Tiada tindakan undang-undang diambil oleh Majlis terhadap pemilik yang gagal membayar cukai taksiran walaupun terdapat pemilik yang mempunyai jumlah tunggakan yang hampir mencecah RM40,000.	Tunggakan sejumlah RM42,906 telah dijelaskan oleh pemilik pegangan pada bulan Oktober 2007 melalui nombor resit 007077 hingga 007221. Semakan Audit terhadap 10 sampel pemilik yang mempunyai tunggakan mendapati surat peringatan telah dikeluarkan kepada mereka. Majlis telah mengambil tindakan untuk mengkaveat 2 daripada 10 pegangan tersebut pada bulan Oktober 2007.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
40.2.4 (a)	Buku Daftar L.A.34 tidak lengkap kerana terdapat rekod pegangan yang tidak ada nama dan alamat pemilik, tidak mengandungi nilaian cukai taksiran tahunan (ARV) dan tidak ada kadar cukai yang dikenakan.	Buku Daftar L.A 34 telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
40.2.4 (b)	32 daripada 430 sampel Fail Individu Pegangan tidak dapat dikemukakan oleh Majlis. Terdapat fail tidak mengandungi pelan lokasi, pelan lantai, Borang Ukur Periksa dan Notis Senarai Nilaian Tahunan.	Sebanyak 4 daripada 32 Fail Individu Pegangan masih tidak dapat dikemukakan oleh Majlis untuk tujuan pengauditan. Semakan terhadap 20 Fail Individu Pegangan mendapati fail tersebut telah dilengkapi dengan pelan lokasi, pelan lantai, Borang Ukur Periksa dan Notis Senarai Nilaian Tahunan.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan. Tindakan yang diambil adalah memuaskan.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
40.2.4 (c)	Semua jenis pegangan rumah panjang tidak terdapat dalam Assesment Billing System (ABS). Tidak ada kawalan dalaman dan pengasingan tugas antara kasyer dan pegawai yang dibenarkan memasukkan data ke ABS, membuat pindaan dan mengeluarkan bil kerana kata laluan umum diberikan kepada semua pegawai dan kakitangan Majlis.	Majlis masih dalam proses memasukkan maklumat rumah panjang ke dalam sistem ABS. Telah terdapat kawalan dalaman dan pengasingan tugas antara kasyer dan pegawai yang dibenarkan memasukkan data ke ABS, membuat pindaan dan mengeluarkan bil. Kata laluan umum tidak dapat diguna lagi. Kata laluan bagi kasyer hanya dapat digunakan untuk sistem hasil, menyemak bil serta mencetak bil. Sebarang pindaan terhadap bil serta memasukkan data dalam sistem ABS hanya boleh dilakukan oleh Penolong Pegawai Penilaian serta 3 orang Pembantu Penilaian dengan menggunakan kata laluan persendirian.	Tindakan untuk mengemas kini sistem ABS perlu dipercepatkan. Kawalan adalah memuaskan.
40.2.5	Majlis tidak mengenakan cukai taksiran berdasarkan nilai pasaran semasa kerana nilai yang digunakan ialah kadar sejak 41 tahun yang lalu.	Majlis masih mengenakan cukai taksiran berdasarkan kadar yang lama kerana menunggu keputusan Kerajaan Negeri Sarawak.	-
40.2.6 (a)	Bilangan sebenar pegangan yang telah diukur periksa pada sesuatu tahun tidak dapat dikenal pasti kerana Majlis tidak menyediakan Buku Pradaftar Pegangan Baru.	Buku Pradaftar Pegangan Baru telah diselenggarakan mulai bulan Februari 2008. Sebanyak 104 pegangan baru telah diukur periksa pada tahun 2008.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
40.2.6 (c)	Tunggakan berjumlah RM1.84 juta setakat akhir tahun 2006 berdasarkan ABS berbeza dengan penyata kewangan tahun 2006 (Penyata Tunggakan Hasil) yang hanya bernilai RM1.13 juta kerana terdapat kes yang mana pemiliknya telah membayar cukai taksiran tetapi tidak dikemas kini oleh Majlis dalam ABS.	Jumlah tunggakan antara ABS (RM2.62 juta) dan penyata kewangan (RM1.13 juta) bagi tahun 2007 masih berbeza. Semakan Audit terhadap 22 sampel bayaran cukai taksiran mendapati 17 bayaran berjumlah RM3,225 tidak diambil kira dalam ABS sebagai telah dijelaskan. Perkara ini berlaku disebabkan masalah sistem ABS dan telah dimaklumkan kepada PANSAR Computer Services Sdn. Bhd. Sehingga tarikh lawatan susulan Audit, masalah tersebut masih belum diselesaikan.	Tindakan segera perlu diambil bagi mengemas kini rekod.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
40.3.1	Majlis tidak mengemukakan Laporan Pulangan Bangunan Bercukai bagi tahun 2005 kepada KASKA.	Majlis masih belum menyediakan Laporan Pulangan Bangunan Bercukai bagi tahun 2007 untuk dikemukakan kepada KASKA selewat-lewatnya bulan Januari 2008.	Tindakan segera perlu diambil bagi memastikan laporan disediakan dalam tempoh yang ditetapkan.
40.3.4	Adalah didapati sehingga akhir tahun 2006, Majlis belum pernah mengambil tindakan undang-undang terhadap pemilik pegangan yang gagal menjelaskan tunggakan cukai taksiran seperti mengkaveat atau melelong pegangan tersebut.	Majlis telah mengambil tindakan mengkaveat 2 pegangan yang gagal membayar cukai taksiran pada bulan Oktober 2007.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.

54. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

Mengikut Perkara 112A(1) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Akaun Awam Dan Aktiviti Kementerian Dan Jabatan Negeri Sarawak bagi tahun 2006 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada September 2007.

55. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA AWAM NEGERI

Sehingga bulan Disember 2007, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri telah bermesyuarat sebanyak 2 kali untuk membincang Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Akaun Awam serta Aktiviti Kementerian/Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri Sarawak. Semasa membincangkan perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, Pegawai Pengawal bagi Kementerian/Jabatan dan Agensi Kerajaan yang berkenaan telah diminta hadir untuk menjelaskan isu-isu yang dibangkitkan oleh Jawatankuasa seperti di **Jadual 112**.

Jadual 112
Isu-isu Yang Dibangkitkan Oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri

Tarikh	Perenggan Yang Dibincangkan Semasa Mesyuarat	Kementerian/Jabatan/Agensi Terlibat
4 September 2007	20.2.6(a) Program Pembangunan Estet Mini 20.2.6(b) Program Penambahbaikan Prasarana Padi 20.2.6(c) Program Pakej Teknologi Padi 20.2.6(e) Program Promosi Teknologi 20.2.6(f) Program Benih Padi dan Pusat Pengeluaran Benih Padi 20.2.9 Pengurusan Kewangan Projek	Pengarah Jabatan Pertanian Sarawak
	35.2.1 Pelaksanaan - Dasar Kerajaan 35.2.2 Pelaksanaan - Kajian Kemungkinan 35.2.3(c) Pelaksanaan - Perolehan Perkakasan Komputer	Setiausaha Tetap Kementerian Alam Sekitar dan Kesihatan Awam
	35.2.4(a) Pelaksanaan – Perolehan Komponen Sistem 35.2.4(b) Pelaksanaan – Perolehan Komponen Sistem Bayaran 35.2.5(a) Komponen Sistem dan Pemasangan Modul	Setiausaha Majlis Daerah Lubok Antu
	35.2.5(b) Pelaksanaan – Ujian Sistem 35.2.5(c) Pelaksanaan – Pemindah Data 35.2.6(a) Pelaksanaan – Kawalan Sistem Berkomputer	Setiausaha Majlis Maradong/Julau
	35.2.6(b) Pelaksanaan – Kawalan Aplikasi 35.2.7 Pelaksanaan – Penyenggaraan Perisian dan Perkakasan 35.2.9 Pelaksanaan – Guna Tenaga dan Latihan 35.2.11 Pencapaian Pengkomputeran 35.3 Pemantauan	Setiausaha Majlis Simunjan
	40.2.7 Pelantikan Perunding 40.2.10 Pencapaian Sasaran Kerja 40.2.13 Kaedah Pengendalian Tapak Pelupusan Sampah	Setiausaha Tetap Kementerian Alam Sekitar dan Kesihatan Awam
	40.2.15 Rawatan Air Sisa Sampah 40.2.18 Laporan Pemantauan Alam Sekitar	Setiausaha Majlis Bandaraya Miri

Sumber : Fail Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Sarawak

Sehingga bulan Jun 2008, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam belum bermesyuarat lagi. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya Akauntabiliti Awam, Jawatankuasa hendaklah lebih kerap bermesyuarat membincangkan Laporan Ketua Audit Negara yang terkini, membuat lawatan ke tapak projek dan anak syarikat Kerajaan Negeri, mengkaji isu-isu lama yang belum selesai, membincangkan isu semasa yang mempunyai kepentingan umum serta memastikan syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua-ketua Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri.

PENUTUP

Seperti pada tahun yang lalu, Jabatan Audit Negara berterusan mengeluarkan laporan yang seimbang (*balanced report*) iaitu selain daripada melaporkan kelemahan berhubung dengan pengurusan kewangan serta pelaksanaan aktiviti Kerajaan Negeri Sarawak dan agensinya, juga melaporkan pembaharuan yang telah diambil oleh pihak yang berkenaan bagi meningkatkan prestasi pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktivitinya.

Kelemahan pelaksanaan aktiviti Kementerian/ Jabatan/Agensi yang dilaporkan dalam Laporan ini perlu diberikan perhatian yang serius oleh semua pihak yang terlibat. Langkah pembetulan yang sewajarnya perlu diambil bagi memastikan wujudnya akauntabiliti dan integriti pelaksanaan aktiviti Kerajaan. Memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan pensampelan dan skop tertentu, Pegawai Pengawal bagi Kementerian/Jabatan/Agensi yang terlibat perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di bahagian yang lain dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya. Sehubungan ini, saya berpendapat pihak pengurusan hendaklah memastikan bahawa prosedur kerja yang lengkap dan jelas diwujudkan dan dipatuhi; setiap kakitangan diberi latihan yang mencukupi dan bersesuaian dengan bidang tugasnya serta penyeliaan yang rapi diberi oleh pegawai yang bertanggungjawab kepada kakitangan bawahan masing-masing.

JABATAN AUDIT NEGARA
Putrajaya

26 Jun 2008